
Sekata
JURNAL BAHASA & PERSURATAN
2020

**JAWATANKUASA SEKATA –**
**JURNAL BAHASA & PERSURATAN**

PENASIHAT
Prof Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim

PENGERUSI
Tajudin Jaffar

TIMBALAN PENGERUSI
Juffri Supa'at

KETUA EDITOR
Suratman Markasan

ANGGOTA
Mohd Raman Daud
Jamal Ismail
Dr Noridah Kamari

NARA SUMBER
Prof Madya Dr Hadijah Rahmat
Prof Madya Dr Lim Beng Soon
Dr Azhar Ibrahim

---

Hak cipta terpelihara dan dilindungi undang-undang. Buku ini atau mana-mana bahagiannya tidak dibenarkan diterbitkan semula, ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula (retrieval system) atau dipancar walau melalui sebarang cara sekalipun termasuk kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran bertulis pihak penerbit terlebih dahulu.

Judul : Sekata: Jurnal Bahasa dan Persuratan
Format : Cetak
ISSN : 2630-4589

Direka bentuk oleh **Redbean De Pte Ltd**

Diterbitkan oleh **Majlis Bahasa Melayu Singapura**

# Sekata

## JURNAL BAHASA & PERSURATAN

## 2020

# SEKATA DUA AWAL BICARA

Alhamdulillah. Dalam keadaan pandemik Covid-19 ini terlahir juga Jurnal SEKATA 2020. Inilah terbitan SEKATA yang ketiga. Cetusan idea, pengilhaman karya, perkongsian pengalaman terus mengalir tanpa mengira batasan fizikal yang ada. Kesemua ini tercatat dalam SEKATA 2020.

Keluaran ketiga SEKATA ini menggabungkan para penulis mapan dan muda dalam bidang bahasa, sastera dan budaya. Kesemuanya teranyam untuk memenuhi cita rasa pembaca SEKATA yang pelbagai latar belakang, minat dan kecenderungan.

Pada tahun ini, para penganjur kegiatan-kegiatan bahasa, sastera dan budaya telah menunjukkan keupayaan mereka untuk mengubah suai pendekatan apabila diperlukan.  Ketika kita berada dalam fasa pemutus lingkaran jangkitan, kita menyaksikan para penggiat seni telah menggunakan wadah-wadah dalam talian secara meluas. Sama ada dalam media sosial mahupun menerusi aplikasi-aplikasi yang membolehkan mereka menemui pembaca, pendengar atau penonton sasaran mereka.  Dan kaedah ini, mula menjadi wadah yang biasa dan diterima dengan baik. Syabas saya ucapkan kepada para penggiat bahasa, sastera dan budaya kita yang menyahut cabaran untuk kekal relevan.

Pada masa yang sama, acara Bulan Bahasa tahun ini juga berbeza. Acara untuk Rakan Bahasa diadakan secara dalam talian dan pelancaran Bulan Bahasa diadakan dalam rancangan televisyen. Kegiatan-kegiatan Bulan Bahasa mengambil kira keadaan pandemik sekarang dan diadakan dalam pelbagai wadah dalam talian. Saya bangga dengan keupayaan masyarakat kita yang siap siaga untuk pelbagai kemungkinan.

Dengan iltizam setiap pihak untuk melestarikan bahasa, sastera dan budaya kita, saya yakin, kita berada di atas landasan yang betul untuk bergerak terus ke hadapan.

Terima kasih saya ucapkan kepada Jawatankuasa Penerbitan SEKATA dan juga Sidang Editor yang diketuai oleh Cikgu Suratman Markasan yang setia dan bekerja keras untuk menghasilkan edisi SEKATA yang ketiga.

Semoga jurnal SEKATA  2020  menjadi bacaan dan rujukan masyarakat dan terus berkembang pada masa-masa mendatang.

**Prof Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim**
Menteri Negara, Kementerian Ehwal Dalam Negeri(MHA)
Dan Kementerian Pembangunan Negara(MND)
Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura(MBMS)
Dan Penasihat Jawatankuasa Jurnal SEKATA

# SALAM MUHIBAH

Tidak ada sebuah negarapun di dunia ini yang dapat terlepas daripada ditimpa serangan Covid-19. Sehubungan dengan keadaan tersebut, sebagai penganut Islam yang mempercayai bahawa manusia sebagai khalifah yang diwujudkan di dunia ini, akan sentiasa diuji oleh-Nya. Banyak sekali ayat Al-Quran yang dapat dihubungkan dengan kenyataan tersebut, umpamanya dalam Surah Al-Anbiya [21], ayat 35, menyebut: "*Tiap-tiap jiwa akan merasakan kematian. Dan Kami akan menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan. Dan hanya kepada Kami kamu dikembalikan.*" Bagi mereka yang mengalami ujian pahit dan getir ini, di mana-mana sahaja di belahan dunia ini, kami meminta keluarga mereka bersabar dan reda akan ujian daripada-Nya.

Sudah hampir setahun manusia di mana-manapun belahan dunia ini, terus menghadapi ujian itu, dan kita sebagai umat-Nya harus menghadapinya dengan sabar reda dan insya-Allah segala ujian tersebut akan kita terima dengan ketentuan-Nya juga.  Banyak sektor pekerjaan, perusahaan kecil dan besar dan segala macam aktiviti, terpaksa terhambat. Dan dengan itu pula, banyak sekali kehidupan harian telah terhalang, termasuk ekonomi individu, perusahaan privet dan negara terjejas sama. Begitu pula kewajipan bersolat Aidilfitri dan Aidiladha pada tahun ini tidak dapat dilakukan sebagaimana biasa di masjid-masjid. Akan tetapi, kehidupan harus diteruskan dan mudah-mudahan dengan yakin dan sabar, kita tetap reda akan ujian dan cubaan daripada-Nya. Insya-Allah perlahan-lahan kita akan dapat meneruskan kehidupan seperti biasa dalam waktu yang tidak lama lagi.

Mengenai aktiviti kami, walaupun payah, tetapi dengan usaha gigih dapat juga kami penuhi Jurnal Sekata 2020 ini dengan pelbagai tajuk; bermula dengan empat esei sastera yang menarik; pertama dengan judul "*Maruah Warga Senja dalam Novel*" oleh Dr Noridah Kamari; kedua "*Pancaran Cahaya Syair di Kota Singa – Suluhan Munsyi Abdullah dan Tuan Siami*" oleh Muhammad Khairool Haque, dan ketiga "*Membangun Sastera Islam Yang Bersepadu*" oleh Ustaz Abdul Manaf Rahmat dan keempat "*Segugus Suara Sastera dan Renungan*" oleh Rasiah Halil. Dan, sebuah esei bahasa: "*Kempen Bahasa dalam Rangka Adat*" oleh Mohd Raman Daud.

Selain itu, ada tiga buah esei mengenai budaya, iaitu: "*Budaya Bersongket: Penakatan dan Pendekatan*" oleh Hanafi Idrus. "*Makna Jantan dalam Ungkapan Melayu Almarhum Dr Tenas Effendy dan Gagasan Kritikan Melayu S.Othman Kelantan" oleh* Noor Hasnah Adam; "*Pembangunan Belia Melalui Seni Dikir Barat*" oleh Aqmal Mohd Noor, dan akhir sekali sebuah esei mengenai gejala wabak yang menimpa kita, iaitu: "*Senandung Cov-Eid 2020  – Menyambut Aidil Fitri Pada Zaman Pandemik*" oleh Dr Faizah Zakaria. Hayatilah semua, semoga pengetahuan anda akan bertambah, insya-Allah.

**Suratman Markasan**

Ketua Editor
Jurnal SEKATA

# KANDUNGAN

7 **Pembangunan Belia Melalui Seni Dikir Barat Di Singapura**
*Aqmal Mohd Noor*

12 **Senandung Cov-Eid 2020 – Menyambut Aidilfitri Pada Zaman Pandemik**
*Dr Faizah Zakaria*

17 **Budaya Bersongket, Penakatan Dan Pendekatan Baharu**
*Hanafi Idrus*

23 **Kempen Bahasa Dalam Rangka Adat**
*Mohd Raman Daud*

29 **Pancaran Cahaya Syair Di Kota Singa - Suluhan Munsyi Abdullah Dan Tuan Siami**
*Muhammad Khairool Haque*

36 **Makna 'Jantan' Dalam Ungkapan Melayu Tenas Effendy Dari Gagasan Kritikan Melayu S. Othman Kelantan**
*Noor Hasnah Adam*

45 **Sastera Bandingan: Maruah Warga Senja Dalam Novel**
*Dr Noridah Kamari*

50 **Membangun Sastera Islami Yang Bersepadu**
*Ustaz Abdul Manaf Rahmat*

53 **Segugus Suara Sastera Dan Renungan**
*Rasiah Halil*

# PEMBANGUNAN BELIA MELALUI SENI DIKIR BARAT DI SINGAPURA

***Aqmal Mohd Noor***

Belia memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Di dalam ucapan Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Puan Grace Fu (2019, Youth's Role in Shaping Singapore's Future), belia mempunyai peranan tertentu untuk memastikan bahawa Singapura terus berkembang pesat di dalam keadaan dunia yang kian berubah. Golongan belia digalakkan menimba pengetahuan dan meningkatkan kemahiran kerana ia mampu menjadi "mata wang" berguna terutama sekali apabila berinteraksi dan bekerjasama dengan negara-negara ASEAN.

Di Singapura, banyak aktiviti seni dan persembahan yang diadakan bergerak pesat atas usaha belia. Sebuah tinjauan Majlis Seni Kebangsaan (NAC) pada tahun 2019 pula mendapati bahawa penerimaan dan apresiasi terhadap persembahan seni semakin meningkat. Bagi setiap 10 orang di Singapura, 7 orang menghadiri acara seni pada tahun 2019 dan 3 di antara 4 warga Singapura menonton acara seni di platform media digital. Begitu juga dikir barat yang mula dikenalkan di Singapura pada tahun 1970-an.

Di dalam sebuah wawancara secara dalam talian (KPTV Live!, 2020, Episod 5), anjuran kumpulan dikir barat Kelana Purba, empat orang pelopor dikir barat Singapura menyatakan bahawa dikir barat adalah salah satu cabang seni yang memberi impak besar terhadap belia di Singapura. Hal ini ditegaskan lagi dengan adanya bukti hidup daripada pencapaian individu yang terkenal di Singapura.

## Dikir Barat Sebagai Aktiviti Seni Di Sekolah

Dikir barat mula dikenalkan di Singapura sekitar tahun 70-an. Antara insan utama yang mula mendapat tahu tentang seni ini ialah Encik Mohd Khir pada tahun 1977, sewaktu bersekolah di Victoria School (KPTV Live!, 2020, Episod 5). Bermula dengan mendengar siaran radio yang bertajuk 'Dendang Rakyat' pada tahun itu, beberapa orang pelajar Victoria School meniru lagu dan rentak dikir barat kemudian memasukkan seni kata yang relevan dengan penonton bagi sebuah acara perjumpaan Hari Raya Aidilfitri.

Sokongan sekolah terhadap perkongsian aktiviti seni yang baharu pada waktu itu mula berkembang apabila Sekolah Victoria berkongsi ilmu dan pengalaman mereka dengan sekolah-sekolah lain. Lebih banyak sekolah mendapat maklumat tentang dikir barat dan cuba untuk mengikut gaya persembahannya.

Bagi menyemarakkan lagi aktiviti dikir barat dalam kalangan belia dan pelajar Singapura juga bermula pada tahun 1984, apabila Pertandingan Gema Dikir dianjurkan oleh Persatuan Sastera, Perdebatan dan Budaya, Maktab Rendah Nanyang (Kong, L., 1989, *The schools are alive with the sound of dikir barat. The Straits Times*, hlm. 36). Inilah pertandingan dikir barat antara sekolah-sekolah Singapura yang pertama dianjurkan dan dimenangi oleh Kumpulan Dikir Pak Belang daripada Sekolah Menengah Dunearn dan naib johannya, Kumpulan Dikir Barat Sekolah Perempuan Raffles.

Dengan adanya pertandingan ini, sekolah-sekolah menjadi tapak permulaan utama bagi aktivis dan penggiat seni dikir barat peringkat nasional. Semangat bertanding di peringkat sekolah juga menjadi anjakan pergerakan penting bagi dikir barat di Singapura kerana pelajar dan belia menjadi tunggak utama serta tenaga kerja pihak penganjur. Sehingga hari ini, badan-badan seperti kumpulan dikir barat dan kelab masyarakat masih marak menganjurkan pertandingan dan sekolah-sekolah serata Singapura terus menyokong usaha ini.

Maka, dengan adanya pertandingan sebegini, sekolah-sekolah mula menerapkan dikir barat sebagai salah sebuah aktiviti di dalam Persatuan Kebudayaan Melayu. Sama seperti kelab atau kumpulan yang bergerak secara dalam kumpulan, disiplin memainkan peranan penting di dalam sebuah kumpulan. Dengan adanya disiplin dan nilai bekerjasama, dapatlah sesebuah kumpulan itu bergerak maju. Mungkin atas sifat-sifat inilah terdapat juga sekolah-sekolah yang mengambil dikir barat dan muzik gendang Melayu sebagai kegiatan kokurikulum (CCA).

## Kelab Masyarakat Pemangkin Perkembangan Dikir Barat Dan Belia

Pada tahun 1983, Encik Mohd Rani Hj Amin, pegawai polis yang bertanggung jawab sebagai salah seorang penyelia Boys' Club (Pasukan Polis Singapura) diberi peluang untuk bekerjasama menubuhkan Kelab Aktiviti dan Budaya Melayu di Kelab Masyarakat Taman Jurong. Tujuan utama Boys' Club adalah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti seperti tuisyen, riadah dan kerja-kerja sukarelawan bagi kanak-kanak dan remaja yang tinggal di kawasan Taman Jurong. Di sinilah tertubuhnya kumpulan dikir barat Sri Teruna Jaya yang sehingga kini masih mempunyai ahli di bawah naungan nama 'Si Anak Seni' di Kelab Masyarakat Taman Jurong.

Bermula tahun 90-an, lebih banyak belia mencari tempat untuk berlatih di luar masa sekolah. Dikir barat menjadi aktiviti mingguan atau harian mereka terutama sekali sewaktu pertandingan. Kelab masyarakat terus menjadi tumpuan belia Singapura dan mereka dapat bernaung di bawah Malay Activity Group (MAG bermula 1985) dan kemudian menjadi Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bermula 1995. Di bawah kelab masyarakat, para belia yang pada mulanya hanya ingin mencari tempat berlatih, mengenali kegiatan persatuan dan menggerakkan kumpulan dikir barat secara formal. Dari bangku sekolah ke peringkat ini, para belia yang terlibat di dalam sesebuah kumpulan lebih memahami cara-cara untuk menganjurkan sesebuah acara atau pertandingan di peringkat kelab masyarakat.

Pada tahun 1990 pula, Pertandingan Dikir Barat Nasional (Perdana) yang pertama dianjurkan oleh Majlis Pusat dan Persatuan Rakyat. Antara tenaga kerja yang menjayakan Perdana pada waktu itu ialah Encik Zaharian Osman, kini seorang penerbit kanan di Mediacorp dan Encik Mohd Noor, kini bertugas di Jamiyah. Encik Zaharian Osman terus menganjurkan pertandingan dikir barat peringkat nasional sehingga awal tahun 2000.

Pengenalan pertandingan peringkat nasional ini menjadi sebuah ruang bagi para belia yang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi atau yang sudah tamat persekolahan untuk terus bergiat di dalam arena dikir barat.

Pada tahun 1993, Encik Mohd Khir selaku ahli kumpulan dikir barat Rajawali di bawah Kelab Masyarakat Kampong Ubi, Encik Mohd Rani Hj Amin (Kelab Masyarakat Taman Jurong), Encik Hasrat Yaacob (ahli kumpulan dikir barat Wau Burung) dan Encik Zaharian Osman selaku tenaga kerja Majlis Pusat, telah bersatu untuk menubuhkan Gabungan Dikir Barat Singapura (SDBF). Tertubuhnya Gabungan Dikir Barat Singapura, aktiviti-aktiviti dikir barat dan syarat-syarat pertandingan seluruh Singapura cuba diselaraskan supaya dikir barat dapat bergerak sebagai satu unit. Namun, penetapan syarat-syarat pertandingan tetap menjadi hak kumpulan atau badan yang menganjurkan. Sehingga kini, Gabungan Dikir Barat Singapura menjadi salah sebuah badan rujukan bagi ahli dikir barat setempat.

Tahun 80-an dan 90-an merupakan zaman kreativiti dan usaha belia menjadi semakin menyerlah. Pada tahun 1997, Majlis Belia Singapura dan Gabungan Dikir Barat Singapura menganjurkan maraton dikir barat pertama. Acara yang berlangsung di Youth Park, Somerset ini melibatkan lebih 400 belia Melayu daripada sekolah-sekolah dan kumpulan masyarakat di satu lokasi. Kumpulan belia ini menyemarakkan persembahan dengan kreativiti dan kesungguhan mereka untuk mengadakan persembahan terus-menerus selama tujuh jam. Di sinilah dapat dilihat kesungguhan, minat dan disipilin para belia untuk bersatu sambil berhibur dengan seni dan budaya Melayu.



## Pengkaryaan Seni Kata Dikir Singapura

Antara perbezaan utama dikir barat di Singapura dengan dikir barat di Kelantan ialah seni kata. Berbeza dengan pertandingan yang lazimnya dianjurkan di Malaysia, Singapura memerlukan setiap kumpulan menghantarkan naskhah seni kata setelah diberikan tema pertandingan. Di Malaysia, pertandingan dikir barat berasaskan tukang karut menyanyikan dan menyampaikan persembahan secara spontan manakala di Singapura pula, lagu-lagu dikir sudah mempunyai seni kata yang akan disemak oleh para pengadil sebelum pertandingan.

Di Singapura, komponen seni kata mempunyai markah dan akan dimasukkan ke dalam markah keseluruhan bagi setiap kumpulan yang bertanding. Seni kata diadili mengikut beberapa kriteria termasuk laras bahasa, kupasan tema, rima dan beberapa aspek yang lain. Selain itu, seni kata yang dihantar kepada penganjur sering berjaya disampaikan oleh tukang karut dengan baik dan dapat menarik perhatian juri serta penonton.

Keberadaan dan pengenalan seni kata dalam pertandingan di Singapura menjadi satu identiti budaya dikir barat di Singapura yang secara tidak langsung dapat menjadi nasihat kepada belia pendikir yang memasuki pertandingan. Sebagai contoh, seni kata sering mempunyai komponen 'lagu karut matang' yang lengkap dengan nasihat dan nilai-nilai murni untuk disampaikan oleh tukang karut.

*elak reput bangsa, runtuh negara, lumpuh agama, sembur ubat, pulih ikhtiar, sembuh usaha*

*minta Tuhan hari-hari, balik kocek selit derma titip sedekah, hulurkan zakat, dinar halal ditempa*

*titian bersihkan hati, jambatan sucikan harta, dalam rezekiku, ada rezekimu, begitu sebaliknya*

Karya Ahmad Sumarli, bertemakan 'Menghalalkan Gaji' bagi Pertandingan Mega Perdana 2019

Komponen Lagu Karut Matang karya Ahmad Sumarli (Awok-awok, Kelana Purba) ini memberi nasihat kepada penonton agar dapat mengelakkan diri daripada reputnya bangsa, runtuhnya agama dan lumpuhnya agama dengan menyembuhkan usaha dan memulihkan ikhtiar. Di dalam seni kata ini juga terdapat contoh-contoh atau langkah-langkah yang disarankan penulis bagi masyarakat memperbaiki keadaan ekonomi diri dengan memberi sedekah, seperti yang telah dianjurkan oleh agama.

*Marilah berganding tangan*
*menyambut kelahiran kedamaian*

*tak akan henti perbalahan*
*selagi jiwa tak dibersihkan*

*kerana perebutan kuasa*
*nyawa dan alam tergadai sama*

Karya Zaidy Nandir bagi pertandingan peringkat Kelab Masyarakat, 1991

Karya Allahyarham Zaidy Nandir (Tok Juara, Kelana Purba) ini pula mengajak penonton dan lebih khususnya masyarakat Melayu 'berganding tangan menyambut kelahiran kedamaian'. Sifat penulis sebagai aktivis yang mengajak kepada kebaikan terus dialu-alukan oleh kumpulan dikir barat setempat. Maka lahirlah karya-karya terkenal dan penulis-penulis seperti Allahyarham Zaidy Nandir, Cikgu R Azmann A Rahman, Cikgu Djohan Abdul Rahman, Encik Farihan Bahron dan Dr Noridah Kamari. Kini, penulis belia menjadikan nama-nama ini sebagai inspirasi. Mereka terus melahirkan seni kata yang dapat memberi kesan positif kepada pembangunan dan mengajak kepada kebaikan masyarakat Singapura.

*Gabungan Dikir Barat Singapura*

## Usaha Di Luar Arena Dikir Barat

Pada tahun 1989, Encik Mohd Khir berpeluang mengenali beberapa pekerja berasal dari Kelantan, Malaysia yang memperkenalkan permainan rebana ibu dan anak. Permainan alat perkusi rebana ibu dan anak ini menjadi tapak permulaan bagi beberapa pemuzik tempatan seperti Qamar Baba dan Khairul Nizam, kedua-duanya ahli kumpulan Sri Teruna Jaya.

Dari pengenalan rebana ibu dalam persembahan dikir barat di Singapura pada tahun 1990 hinggalah ke persembahan Chingay di atas air pada tahun 2011 (Dikir barat on water for Chingay Parade, New Paper, Disember 2011, hlm. 10/11), dikir barat telah banyak mempengaruhi belia dan peranannya di dalam masyarakat Singapura. Seni dikir barat sebagai cabang seni yang holistik memainkan peranan penting dalam melahirkan ahli kreatif yang berbakat.

Dalam dikir barat, aspek dan elemen-elemen asas teater, nyanyian, permainan muzik dan seni gerak diterapkan. Inilah komponen yang penting dan menjadi asas bagi seseorang itu membuat ucapan atau apabila mereka harus berada di depan khalayak ramai untuk membuat sesuatu persembahan seni atau lainnya. Seni dikir barat inilah yang membantu memberikan keyakinan diri.

Nama-nama seperti Suhaimi Yusof (pelakon/pengacara), Suzairhe Sumari (pelakon/pengacara), Khairudin Samsudin (pengarah/pelakon), Abdul Razak RZ (penyampai radio/pengacara), Daly Filsuf (penyanyi, bekas ahli kumpulan Ahli Fikir), Riduan Zalani (Nadi Singapura), Mohd Yaziz Hassan (Nadi Singapura), Didicazli (penyanyi), Dinodi (penyanyi), Adeep Nahar (penyanyi, bekas ahli The Fabulous Cats dan 2D), Rifaah Ridzuwanulhakim (2D) dan ramai lagi, masih atau pernah bergiat di dalam kumpulan dikir barat di Singapura. Antara nama-nama ini juga telah menghasilkan rakaman album muzik dan video muzik.

Selain arena seni, sektor lain termasuk sektor perguaman dan sektor pendidikan juga mempunyai ramai ahli kumpulan dikir barat yang masih aktif sehingga hari ini. Antara nama-nama yang dikenali di dalam dan luar arena dikir ialah Dr Roszalina Rawi (pensyarah, bekas kumpulan Sri Satria), Cikgu Siti Aishah Junaidi (guru, Wahana Deksu), Encik Norhakim Mohd Shah (peguam kanan, Panjy), Cikgu R Azmann A Rahman (guru/penulis, Dendang Mutiara) dan Cikgu Djohan Abdul Rahman (guru/penulis, Andika Kencana).

*SerumpunDK.sg*

Di sini dapat dilihat bahawa sememangnya dikir barat di Singapura telah berjaya melahirkan individu-individu yang berjaya di dalam bidang dan kerjaya masing-masing. Komitmen, dedikasi dan disiplin yang diterapkan di dalam kegiatan berkumpulan seperti dikir barat tentunya telah mempengaruhi belia dalam kerjaya dan kehidupan. Ramai ahli kumpulan dikir barat Singapura juga terlibat di dalam kegiatan sosial dan kemasyarakatan, sama ada secara langsung atau tidak.

## Dikir Barat dan Media Baharu

Pada 7 April 2020, keadaan pemutus litar dijalankan di Singapura bagi mengekang penularan penyakit Covid-19 dalam kalangan masyarakat setempat. Dengan penguatkuasaan keadaan ini, maka banyak aktiviti seni terpaksa dihentikan di Singapura. Dikir barat sebagai aktiviti seni yang memerlukan jumlah ahli yang ramai juga tidak terkecuali. Banyak pertandingan seperti Piala Layar Citra anjuran Kumpulan Dikir Barat Kelana Purba dan Piala Suara Serumpun anjuran Kumpulan Dikir Barat Andika Kencana terpaksa dihentikan.

Tahun 2020 juga merupakan tahun bersejarah kerana inilah pertama kali semenjak dikir barat diperkenalkan kepada masyarakat tiada persembahan dikir barat beramai-ramai yang dianjurkan di Geylang Serai pada bulan Ramadan. Aktiviti tahunan dari nama tapak Kampung Melayu hingga menjadi Wisma Geylang Serai yang banyak menarik penonton, tidak dapat diadakan.

Namun demikian, sifat belia yang kreatif dan sentiasa befikir telah menghasilkan sesuatu yang baharu, iaitu persembahan dikir barat dalam talian. Hal ini boleh disaksikan dengan penghasilan karya-karya dikir barat secara digital, iaitu video persembahan yang unik dan menarik. Antaranya

*Gabungan Dikir Barat Singapura*

ialah video Dikir McD persembahan Khairudin Samsudin (kumpulan Hikayat Putera Emas), Dikir Covid persembahan kumpulan Kelana Purba sebuah kolaborasi bersama MESRA dan Dikir Redup Takbir Pagi persembahan Dayang Bintang Tiga. Banyak lagi video persembahan dikir barat yang telah dihasilkan.

Selain itu, perbincangan tentang dikir barat juga terus dijalankan. Antaranya ialah 'Kembara Bersama Wahana' anjuran kumpulan dikir barat Wahana Deksu, 'Sembang Dikir' yang dijalankan oleh Rezal Ramli (kumpulan Durbar Dua), Norazam (kumpulan Andika Kencana) dan Nurfaizal Jaafar (Makyong Kedek) dan 'KPTV Live!' anjuran kumpulan dikir barat Kelana Purba. Perbincangan dalam talian telah berjaya menarik minat para pendikir kerana ia menjadi wadah untuk orang awam dan juga ahli dikir barat untuk bertanya apa sahaja kemusykilan tentang dikir barat atau muzik dikir di Singapura.

Para belia bergerak setapak lagi di dalam keadaan Covid-19 yang sungguh mencabar. Buat pertama kali, sebuah pertandingan secara dalam talian kini dijalankan oleh SerumpunDK.sg yang diberi nama 'E-PSS' atau Elektronik Piala Suara Serumpun. Sewaktu menulis, pertandingan ini sedang dijalankan dan hasil pertandingan bersejarah ini dialu-alukan.

Penggunaan media baharu semakin rencam digunakan di dalam keadaan yang mendesak. Dengan adanya teknologi dan juga kemahiran belia yang kreatif serta usaha yang padu, dapatlah aktiviti-aktiviti dikir barat di dalam talian dijalankan. Banyak lagi perbincangan yang dijalankan secara dalam talian sepanjang waktu pemutus litar berlangsung di Singapura.

## Belia Bersatu, Negara Maju

Peribahasa Melayu yang berbunyi, 'melentur buluh biarlah dari rebungnya' menjadi ungkapan yang penting di dalam perkembangan dikir barat di Singapura. Dari pengenalan dikir pada zaman 70-an sehingga waktu pandemik Covid-19 pada tahun 2020, para belia pada setiap zaman memainkan peranan penting dalam pergerakan seni dikir barat. Usaha ini bukanlah satu hala kerana seni dikir barat itu sendiri membantu, mempengaruhi dan menerapkan nilai di dalam diri belia yang terlibat di dalam seni dikir barat di Singapura.

Di dalam satu perbincangan bersama aktivis dikir dari Malaysia, Asrulfaizal dan Issey Fazlisham (KPTV Live!, 2020, Episod 6), pendapat bahawa pendekatan dikir barat terhadap belia di Singapura amat memberangsangkan. Mereka juga akur bahawa adanya budaya kumpulan dikir barat setempat mengajak pelajar-pelajar sekolah berkecimpung dalam seni dikir barat di peringkat nasional menjadi satu usaha yang amat baik. Usaha ini bertujuan untuk memperkembangkan lagi seni dikir barat secara meluas.

Selain itu, sokongan sekolah-sekolah, kelab masyarakat, badan-badan penganjur dan terutama sekali ahli pendikir mapan yang pernah bergiat di dalam dikir barat sewaktu belia juga penting demi meneruskan perkembangan positif dalam diri setiap belia di Singapura. Diharapkan agar sokongan masyarakat juga dapat membantu belia Singapura demi meneruskan usaha mereka dalam mencapai kemajuan diri serta pembangunan negara.

**NOORHAQMAL BIN MOHAMMED NOOR,** atau lebih dikenali sebagai Aqmal, mengorak langkah menelurusi bidang seni sejak tahun 2004 setelah memenangi Mediacorp Anugerah 2004. Setelah memenangi Mediacorp Radio 'Projek Rentak' pada tahun 2010 bagi Lagu dan Senikata Terbaik (Warkah Cinta Dunia), Aqmal meneruskan kembara seni beliau dengan menulis puisi. Karya-karya puisi Aqmal telah diterbitkan oleh ASAS'50 di dalam buku-buku seperti *Kalimat dari Langit* dan *Gerimis Di Kota Pelangi*. Karyanya seperti *Badan Sakral* juga telah dialih bahasa dan diterbitkan dalam antologi Inggeris *Love@The GalleryLove@The Gallery* oleh Ethos Books. Aqmal telah menghasilkan koleksi sajak 2001-2016 dalam buku bertajuk Dumpra. Karya sajak yang juga merupakan lirik bagi lagu *Ariana* bersama band Adnalie telah berjaya dicalonkan sebagai Lagu Paling Popular (Singapura) dalam Anugerah Planet Muzik (APM) anjuran Mediacorp Ria 89.7 dan Warna 94.2, pada tahun 2018. Kini, beliau menerbitkan rancangan TV dan acara-acara seni.

# SENANDUNG COV-EID 2020 – MENYAMBUT AIDILFITRI PADA ZAMAN PANDEMIK

*Dr Faizah Zakaria*

Kusenandungkan lagu untukmu yang jauh di mata,
daku kirimkan kasih di angin lalu...

Biasanya, lirik lagu ini merupakan rintihan segelintir umat Islam yang terpaksa bekerja jauh daripada kerabat tersayang semasa Hari Raya. Namun pada tahun ini, ianya memaparkan kenyataan Aidilfitri dalam zaman wabak Covid-19. Di Singapura dan serata dunia, umat Islam terkurung di dalam rumah masing-masing semasa bulan Ramadan dan Syawal; hampir semuanya tidak mampu menziarah keluarga apatah lagi berkumpul untuk menyemarakkan semangat beribadah. Bagaimanakah pengalaman ini dan apakah yang boleh kita pelajari daripadanya? Marilah kita menyorot Hari Raya yang luar biasa ini dari sudut sejarah, falsafah dan analisis media.

## Pandemik dalam Sejarah Dunia Islam

Penularan wabak Covid-19 bukanlah pertama kali umat Islam mengalami pandemik yang menggugat kesihatan awam. Kerajaan Uthmaniyyah (*Ottoman Empire*) mengalami penularan wabak hawar bubon (*bubonic plague*) berkali-kali daripada abad ke-15 hingga abad ke-19. Terdapat beberapa persamaan antara wabak ini dan Covid-19: kedua-duanya merupakan penyakit yang berjangkit daripada binatang kepada manusia, merebak dengan pantas dan sukar diubati. Kuman wabak bubon, yang kini dikenali dengan nama saintifik *Yersina pestis*, dibawa oleh tikus hitam yang berpindah-randah dari Eropah Barat hingga ke Anatolia.

Menurut sejarawan Uthmaniyyah, Nükhet Varlik dalam bukunya, *'Plague and Empire in the Early Modern Mediterranean World'*, migrasi tikus itu menurut jalur kempen tentera kempen militer yang dilancarkan sultan-sultan Uthmaniyyah untuk memperkembangkan daerah kekuasaan mereka. Setiap kempen sering diikuti dengan penularan wabak dan setelah tikus-tikus hitam itu membiak di tanah Uthmaniyyah, epidemik ini menjadi perkara musiman walaupun tetap digeruni segala lapisan masyarakat. Ayas Mehmet Pasha, wazir utama kepada Sultan Suleyman II merupakan antara mereka yang meninggal dunia akibat penyakit ini pada tahun 1539. Penyakit ini sering tiba pada musim panas dari bulan April hingga ke bulan Julai dan mula reda dengan ketibaan cuaca dingin pada musim luruh.

Bagaimanakah cara empayar Islam pada zaman dahulu menangani isu pandemik? Seperti kebanyakan negeri pada zaman moden ini, kerajaan Uthmaniyyah prihatin tentang kesan kesihatan dan juga impak ekonomi. Gabenor-gabenor daerah dan para cendekiawan berusaha mencari sumber penyakit dan membanterasnya melalui kaedah seperti pembersihan ruang awam, menghalang jualan semula baju-baju lama dan menggalakkan amalan membersihkan dan mewangikan diri. Stesen kuarantin disiapkan dan para musafir perlu melaporkan diri ke sana apabila mengembara. Ada juga yang mengaitkan penularan penyakit dengan kehadiran tikus dan berusaha membasmi binatang-binatang seperti ini walaupun sebab sebenar penyakit ini tidak dapat dipastikan hingga abad ke-19. Dari segi ekonomi, kerajaan Uthmaniyyah mengurangkan beban cukai rakyat pada masa getir ini dan menolong mereka yang jatuh miskin. Dahulu dan kini, pemerintah yang baik sedar bahawa zaman penyakit bukan sahaja membahayakan kesihatan seseorang individu tetapi juga membawa kesan mendalam kepada masyarakat dari segi sosial dan ekonomi.

Namun, berbeza dengan zaman virus korona novel, tiada sumber sejarah yang menunjukkan bahawa kerajaan Islam pada masa lampau menutup pintu masjid bagi para jemaah. Malah, di dalam beberapa kawasan empayar Uthmaniyyah pada zaman wabak, golongan ulama menganjurkan lebih banyak solat sunat berjemaah dan berdoa bersama-sama agar dijauhkan daripada penyakit. Ibadah seperti haji dan umrah juga diteruskan, meskipun para jemaah harus melalui pemeriksaan di stesen-stesen kuarantin. Justeru itu, walaupun pandemik bukan merupakan masalah dunia yang baru, Syawal pada tahun 2020 ini merupakan kali pertama dalam sejarah, masjid-masjid ditutup dan segala ibadah termasuk haji dan umrah terhalang kerana penularan penyakit. Pendekatan global berbeza kali ini disebabkan oleh sifat virus korona novel; virus ini boleh merebak melalu pesakit yang tidak menunjukkan simptom dan tidak betah dengan perubahan musim.

Hakikat ini nampaknya sukar diterima oleh segolongan masyarakat kita pada mulanya. Misalnya, terdapat kumpulan tabligh di Malaysia, Indonesia dan India yang masih lagi mengadakan perjumpaan ibadah tahunan mereka pada bulan Mac lalu dan ini mencetuskan banyak kes Covid-19 yang baru. Di Singapura, ada juga yang mengutarakan rasa kurang puas hati apabila masjid-masjid ditutup selama berbulan lamanya, dan menukil hadis yang dikatakan menyebut bahawa meninggalkan solat Jumaat tiga kali berturut-turut boleh mengakibatkan kemunafikan. Namun, dengan nasihat dan sokongan para asatizah, masyarakat Islam di rantau ini, rata-rata, menerima kenyataan bahawa krisis ini merupakan masa darurat yang perlu ditangani melalui langkah-langkah yang luar biasa. Dan di sinilah, timbul pertanyaan – bagaimanakah kita boleh mendekatkan diri kepada Tuhan dan mengeratkan habluminallah (hubungan dengan Allah) dan habluminannas (hubungan sesama manusia) dalam keadaan sebegini? Jawapannya adalah untuk mengubah artikulasi kasih sayang dan memutar-balikkan konsep 'jarak' jauh dan dekat.

*Gambar hiasan*

## Dari Mana Datangnya Kasih?

Pada awal bulan Ramadan, timbul cabaran #minimasjid di lelaman Facebook dan Instagram. Kempen ini diterajui dan disebarkan oleh perusahaan pendidikan Islam seperti Sout Illahi dan Institut Imam Ghazali. Kempen ini mengajak keluarga Islam membina masjid di dalam rumah, lengkap dengan mimbar, sejadah dan menara masjid yang diperbuat daripada kertas dan dihiasi dengan lampu kelip-kelip.

Gambar-gambar masjid-di-rumah ini disiarkan di media sosial dan menjadi wadah perbincangan ibu bapa yang mahu mendidik anak-anak mereka mencintai masjid walaupun mereka tidak dapat merasakan suasana nyaman beribadat di dalamnya pada tahun ini. #Minimasjid menjadi tanda ingatan, tempat pertemuan siber dan pemberi kasih – buat masjid yang jauh di mata tetapi dekat di hati, bagi anak-anak yang memerlukan santapan rohani dan bagi ibu bapa yang saling berkenalan melalui kempen ini.

Madrasah-madrasah juga berpindah ke dunia digital. Program KidsAlive dan TeensAlive yang diterajui Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) diajar melalui Zoom; bahan-bahan mengajar juga diciptakan para asatizah dan disalurkan kepada ibu bapa yang ingin mengajar anak mereka di rumah. Beginilah inovasi-inovasi yang membawa ibadah ke alam siber dan mendukung usaha kita menegakkan fitrah Islam pada masa yang mencabar. Meskipun usaha sedemikian menambah beban dan tanggung jawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka, ia juga peluang bagi sesebuah keluarga untuk berkorban dan mengejar kebaikan sekali gus mengeratkan *habluminallah* dan *habluminannas*.

Pengorbanan ini ditekankan oleh golongan asatizah di sini. Pada Hari Raya pertama, Mufti Negara Ustaz Dr Nazirudin Nasir, memberikan khutbah Raya secara digital melalui SalamSG TV, sebuah saluran Youtube MUIS. "Anda berjuang dan anda berkorban tatkala anda melindungi nyawa dan menjaga keselamatan semua. Anda berusaha untuk membuat pelbagai penyesuaian dengan duduk di rumah serta beribadah bersama keluarga," katanya di dalam syarahan tersebut.

Walaupun begitu, dia juga mengakui bahawa pendekatan agama secara siber, biarpun secanggih mana, masih belum dapat memuaskan keinginan kita untuk bersatu sebagai umat di ruang masjid. Ia tidak mampu menghilangkan rasa pilu bagi mereka yang jatinya terpaut pada masjid. "Namun, Muslimin Muslimat, hati kita tetap merintih kesedihan, kita rindu kepada mereka yang kita sayang, kita rindu kepada jemaah di masjid," ujar Mufti. "Perasaan rindu dan sedih ini adalah naluri manusia. Namun reaksi dan tingkah laku kita yang benar-benar menentukan nilai kita sebagai manusia." Ramai penonton khutbah ini berasa terkesan; ucapan 'Eid Mubarak' menderu-deru diutarakan di ruangan komen SalamSG TV.

Maka, inilah kesan terbesar Cov-Eid – ia memaksa kita memikirkan semula - apakah erti kasih sayang? Biasanya, kasih dikaitkan dengan keinginan untuk bersama secara fizikal, untuk saling berbicara, berpelukan dan berjabat tangan. Namun kini, pelukan dan salaman berubah menjadi isyarat sentuhan tangan ke dada sendiri; aksi yang dinamakan "salam Mufti" atau "salam Presiden." Cov-Eid membuka tabir antara yang nyata dan yang tersembunyi dan menunjukkan bahawa yang tersirat di sebalik komunikasi fizikal kita adalah keinginan untuk kebaikan dan maslahat orang yang disayangi. Kasih dialihbahasakan daripada artikulasi fizikal kepada isyarat ingatan. Jikalau biasanya, orang yang berkasih cuba mendekati, kini, kita saling menyayangi dengan menjauhkan diri. Keadaan ini menimbulkan pertanyaan – apa maksudnya jauh dan dekat?

## Jauh atau Dekat?

Amazon, Lazada dan Zalora merupakan antara perusahaan yang paling beruntung ketika dunia dilanda pandemik. Gerai-gerai bazar Ramadan – menjual makanan, kasut, baju dan barangan rumah - antara perniagaan yang paling rugi. Kesan ekonomi yang tidak seimbang ini melambangkan perubahan pada cara kita mencari dan menilai barangan dan perkhidmatan untuk ditempah. Pada tahun-tahun lalu, ramai orang daripada pelbagai bangsa dan agama berpusu-pusu ke Wisma Geylang Serai untuk menikmati suasana hangat dan beribu-ribu cahaya lampu yang gemilang. Walaupun ada juga barang yang ditawarkan melalui jaringan Internet, berkunjung dan membeli-belah di Geylang Serai tetap menjadi pilihan ramai. Dengan ketiadaan bazar Geylang pada tahun ini, lelaman web pula menjadi pengganti dan ini membuka luas peluang untuk membeli barangan dari segala pelosok dunia, bukan sahaja mereka yang menegakkan gerai di Singapura. Covid-19 mendekatkan kita pada yang jauh dan menjauhkan kita dari yang dekat.

Kekaburan antara yang jauh dan yang dekat ini juga dirasakan di dalam hubungan seharian kita. Kaedah seperti Zoom dan Skype membolehkan kita berkomunikasi dengan teman-teman yang jauh dan juga menambah kerinduan kepada sahabat-handai. Cara berkomunikasi seperti ini mencipta ruangan baru di alam siber yang dihubungkan melalui perbicaraan kata dan wadah pendidikan. Cendekiawan media pascakolonial, Homi Bhabha, menyifatkan ruangan sebegini sebagai *third space* atau ruang ketiga yang terletak di antara dunia fizikal (ruang pertama) dan jaringan berangkai (ruang kedua). Di ruang ketiga ini, sahabat handai di Amerika Syarikat misalnya, boleh digabungkan bersama dengan mereka yang menetap di Singapura tetapi tidak boleh saling bertemu secara langsung.

Natijahnya, pada zaman pandemik, hilanglah perbezaan antara kawan yang dekat di Singapura dan teman yang jauh di rantauan. Mungkin juga, sahabat di rantauan menjadi lebih rapat daripada mereka yang tinggal di kawasan yang sama. Kita boleh berkongsi pengalaman: makan lontong bersama melalui Skype, saling berkongsi resipi rendang di Youtube, dan menggayakan pakaian Hari Raya terbaru menerusi WhatsApp atau Snapchat, tanpa mengira jarak. Lelaman Facebook Wisma Geylang Serai tahun ini mengambil peluang ini untuk menyatukan masyarakat Melayu secara digital. Ia menganjurkan peraduan berkongsi gambar Hari Raya pertama dan menarik peserta Melayu dari seluruh pelosok dunia. Bukan keluarga yang dekat sahaja yang dapat melihat baju raya baru kita, peluang berhubungan kini terbuka luas.

Namun, kaedah berhubungan secara digital ini juga boleh menyusahkan atau memisahkan. Pada awal bulan Ramadan, masyarakat Melayu Singapura digemparkan berita bahawa penjual kuih yang bekerja dari rumah (*home bakers*) tidak dibenarkan untuk menjual juadah mereka pada musim Cov-Eid kerana kebimbangan tentang penularan virus. Yang menjadi tengkarah adalah tindakan beberapa orang Melayu Islam Singapura yang menggesa pemerintah supaya mengambil langkah sebegini. Tindak balas digital menyusul selepas pengumuman pemerintah terhadap penjualan kuih yang dibuat di rumah sepanjang tempoh pemutus rantaian jangkitan.

Akibatnya, tercetus tikaman lidah yang pedas di media sosial antara penyokong penjual kuih dan pihak yang menimbulkan isu ini kepada perhatian pemerintah. Walaupun pencegahan pemerintah ditarik balik setelah dua minggu, episod ini menunjukkan potensi media digital untuk memecahbelahkan sesebuah komuniti apabila timbul perselisihan pendapat dalam kalangan warganet. Malahan, Raya pada zaman pandemik mengurangkan peluang untuk membuang yang keruh dan meminta maaf lahir batin secara peribadi. Pada bulan Syawal, kuih dipesan dari jauh untuk menyambut keluarga dan sahabat handai yang terdekat tetapi mereka tidak mungkin berkunjung tiba.

*Gambar hiasan*

## Membina Arkib Cov-Eid

Sebagai sejarawan, kadangkala timbul di benak fikiran saya – bagaimana dan siapakah yang akan menyimpan memori zaman? Apakah bentuk arkib yang akan dicipta dari zaman pandemik bersejarah ini? Berbeza dengan arkib dokumen yang sudah lazim disimpan dan dikemaskinikan, kisah-kisah Cov-Eid 2020 tersimpan di dalam lelaman web, di dalam kad memori telefon bimbit, di dalam gambar yang dikongsi melalui media sosial dan wadah elektronik seperti WhatsApp dan Telegram.

Apakah kita akan lupa tentang rentak kehidupan sepanjang krisis ini apabila perincian kisah yang lucu, sayu dan bahagia luput daripada ingatan dan dipadam dengan satu klik? Terdapat banyak cabaran untuk mengumpul, mengemaskini dan menyimpan bahan-bahan yang boleh menjadi arkib masa depan. Usaha begini sudah mula dilaksanakan oleh pelbagai kumpulan warganet. Contohnya, sejarawan makanan di Amerika Syarikat mengumpulkan kisah dan resipi masakan yang dicuba para penyumbang semasa terkurung di rumah. Resipi-resipi dan cerita yang berhubung dengannya menjadi arkib digital yang boleh diakses di seluruh dunia.

Di Singapura, penyelidik di Institut Kajian Asia (Asia Research Institute) sedang mengumpul gambar-gambar papan tanda dan seni bina inovatif yang mencegah pergaulan sesama kita. Lembaga Perpustakaan Negara Singapura (NLB) juga sedang mengumpul gambar dan bahan menarik, termasuk video, rakaman suara, jurnal dan poster yang mencerminkan realiti kehidupan pada masa ini. Sumbangan boleh disalurkan kepada projek "Merakam Covid-19 di Singapura," melalui lelaman web mereka sehingga akhir tahun ini. Mungkin cerita-cerita peribadi tentang Cov-Eid dalam kalangan masyarakat

*Gambar hiasan*

Melayu Singapura akan terserap ke dalam arkib-arkib nasional seperti ini. Atau mungkin ianya terus dikunci di balik tetapan "*private*" akaun individu dan luput bersama pemergian generasi kita.

Sejauh ini, belum ada lagi usaha yang sama yang dikhususkan untuk pengumpulan pengalaman masyarakat Melayu di Singapura dan usaha ini harus dilakukan secara sistematik jikalau kita ingin menghidupkan kenangan kita untuk generasi mendatang. Makalah ini sekadar melakarkan faktor-faktor yang membezakan waktu pandemik ini dari masa lampau dan memberi pandangan ringkas tentang pengajaran yang boleh diambil daripadanya. Semoga arkib-arkib yang dicipta sekarang mencerahkan jalan keluar dari keadaan getir yang serupa pada masa hadapan, sebagaimana Ramadan dan Syawal membawa berkat tersendiri semasa tempoh pemutus litar.

*Semoga akan hilang rasa rindu, hilang pilu resah di kalbu...*

**DR FAIZAH ZAKARIA** ialah Penolong Profesor Sejarah di Pusat Pengajian Ilmu kemanusiaan di Universiti Teknologi Nanyang (NTU). Beliau merupakan lulusan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sejarah dari Universiti Yale di Amerika Syarikat dengan pengkhususan dalam bidang sejarah alam. Tesis beliau tentang perubahan alam di Sumatra Utara pada abad ke-19 dianugerahkan hadiah *Arthur and Mary Wright Prize* dan juga dicalonkan sebagai tesis terbaik tentang pengkajian kemanusiaan Asia oleh Konvensi Antarabangsa Cendekiawan Asia (International Convention of Asian Scholars, ICAS) pada tahun 2019. Beliau kini sedang mengkaji sejarah perubatan haiwan di Asia Tenggara dari segi tradisi dan sains.



# BUDAYA BERSONGKET, PENAKATAN DAN PENDEKATAN BAHARU

***Hanafi Idrus***

**Pengenalan**

Songket sebagai tenunan yang bukan saja melengkapkan pakaian adat Melayu, mencerminkan kehalusan fikir dan keberdayaan dalam menghasilkan sesebuah karya yang tinggi nilainya. Meskipun berdepan dengan pelbagai ancaman dalam melestarikan warisan Nusantara ini, 'ratu tenunan' ini terus diusahakan oleh para penenun di kampung-kampung di Malaysia, Indonesia dan Brunei namun dikembangkan dengan inovasi warga kota.

Mendengarkan lagu masyhur 'Kain Songket' nyanyian Puan Sri Saloma (*nyanyian asal Wanda dan Hamzah Dolmat*) yang telah mempromosi dan mengabadikan nama tenunan warisan ini, pasti ramai orang yang mengaitkan songket dengan negeri Terengganu di Malaysia yang masyhur sehingga terlupa atau kurang tahu akan tenunan-tenunan songket yang diusahakan di negara-negara lain serata Nusantara.

Kenali negara-negara yang menghasilkan songket dan nama-nama atau istilah khas yang sinonim dengan tenunan mereka.

- Brunei Darussalam terkenal dengan tenunan 'Jong Sarat'.
- Sarawak menghasilkan corak yang diberi nama 'Manis-manis sayang'.
- Palembang terkenal dengan motif 'Bungo Cino' dan 'Naga bersaung'.
- Melaka mula menghasilkan songket dengan motif 'Bunga kesidang'.
- Johor menghasilkan songket 'Mayang Selida', 'Maharani' dan 'Tanjung Puteri'.
- Sambas (Kalimantan Barat) terus mengekalkan motif tradisinya seperti 'Padang Tibakar', 'Ragam Banji' dan 'Bunge Sawak Melakok'.
- Bali terkenal dengan songket dari desa Sidemen dan motif 'Sungenge'.
- Lombok setia dengan motif tradisi 'Wayang', 'Subhanale' dan 'Serat Penginang'.
- Mindanao (Filipina) terus mengembangkan tradisi melalui motif 'Sikokarwang' dan 'Sikoandong'.

Melalui senarai pendek di atas dapat kita lihat bahawa sememangnya songket dan jenis-jenisnya masih banyak diusahakan di negara-negara sekeliling Singapura dengan pelbagai ragam dan motif mengikut sejarah dan budaya setempat. Nama corak atau motif songket dari pelbagai tempat ini juga mencerminkan minda kreatif pengrajinnya dalam merakam suasana dan keindahan alam yang kemudiannya dicurahkan pada lembaran-lembaran adikarya mereka.

Saban tahun tenunan-tenunan manca negara ini sempat singgah dan diperdagangkan di Singapura meskipun kurang meluas dan tidak begitu dikenali jenisnya oleh pengguna. Singapore EXPO dan Bazaar Ramadan di Geylang Serai menjadi antara tempat dalam mana tenunan-tenunan emas ini sesekali boleh didapati. Antaranya songket Silungkang, songket Bima, songket Palembang dan juga songket Kelantan sesekali dibawa masuk untuk pengguna Singapura.

## Penggunaan songket dalam masyarakat

Songket yang masyhurnya dikaitkan dengan golongan diraja sejak zaman dahulu adalah merupakan hasil daripada ketinggian fikir yang mencerminkan tujuan, falsafah kehidupan serta keindahan Alam Melayu dalam lembaran-lembaran tenunannya. Daripada jenis bahan, warna benang, motif tenunan hinggalah pemakaian songket sarat dengan simbolisme dan nilai-nilai tinggi bangsa yang bertamadun. Sebagai contoh, biasanya songket milik golongan diraja ditenun menggunakan bahan sutera, penggunaan benang warna kuning untuk tanah kain dengan sulaman benang songket berwarna emas dan coraknya antara lain ditenun motif khas 'Teluk Berantai', 'Pagar Istana' dan 'Bunga Cogan'.

Hari ini, dengan perkembangan industri tekstil, bukan golongan diraja atau golongan atasan sahaja yang mampu memiliki atau memakai tenunan songket bahkan golongan-golongan lain. 'Raja sehari' juga sudah mampu berpersalinan songket daripada bahan-bahan mewah, namun pemakaiannya masih mengikuti adab dan adat budaya negeri masing-masing.

Di Singapura sendiri, songket masih terus digunakan. Malah lebih daripada hanya sebagai persalinan pengantin. Para aktivis seni budaya Melayu Singapura seperti kumpulan dikir barat, kumpulan kompang dan hadrah, para pemuzik dan kumpulan tarian tradisional semuanya sering tampil berpakaian dengan bahan songket yang didapatkan dari dalam dan luar negara. Pelbagai ragam

*Kraftangan Afi Hanafi Sg*

*Pemuzik bersongket*

rekaan dan potongan serta gandingan fabrik disajikan oleh golongan anak pentas ini sebagai pakaian ciptaan baharu yang kemudian menjadi ikutan.

Di majlis-majlis perkahwinan pula tuan rumah dan tamu jemputan juga sebahagiannya sudah semakin gemar berpakaian songket. Terkadang satu keluarga berbaju songket jelas menggambarkan kebersamaan dan ingin sama-sama tampil cantik dan '*classy*'.

Pada hari raya pula kian ramai kaum Adam yang mula menggemari baju songket dengan rekaan moden yang berbagai-bagai, siap beraksesori dokoh dan kerongsang. Kebangkitan semangat berbusana Melayu mutakhir ini pula telah melihatkan bertambahnya 'abang-abang' yang menjadi 'pendekar-pendekar' dan 'bangsawan' siap lengkap bertanjak, berbaju layang, berbengkung dan bersamping songket. Melalui usaha-usaha golongan pencinta busana Melayu ini diharapkan agar penghargaan terhadap pakaian tradisi Melayu dapat dikukuhkan dan pelestarian tenunan-tenunan Nusantara diangkat bersama.

## Ancaman songket India

Kebanyakan songket yang dipakai hari ini bukanlah ditenun tangan secara tradisional tetapi merupakan 'songket benua kecil India', khususnya dari dari Pakistan. Songket-songket India ini kian menjadi pilihan ramai sejak 10 tahun lalu kerana harganya yang jauh lebih murah dan mudah didapati. Sayangnya ada juga songket-songket ini yang dilabel dengan nama songket Terengganu dan kononnya ditenun tangan, walhal jika dilihat daripada tenunannya akan tampak jelas yang ia ditenun mesin dalam bilangan yang banyak. Hal ini menjejas pasaran songket tenunan tangan namun buat para pembeli pasti mereka memilih harga yang sesuai dengan kemampuan dan kesanggupan mereka.

Penghasilan songket India ini sememangnya membuat fabrik yang identik dengan budaya Melayu ini tampak berkembang di nusantara, namun sebaliknya beberapa perkara menyedihkan perlu ditanggung oleh bangsa. Dengan berkurangnya minat dan kesanggupan pembeli terhadap songket asli tenunan tangan maka berkuranglah permintaan dan penghargaan terhadap warisan asli bangsa itu. Sayangnya songket-songket India itu juga dilihat menggunakan motif-motif yang lebih identik India seperti 'Lada', 'Mangga' dan lainnya seperti halnya pada tenunan kain sari. Perkara ini sudah berlaku tanpa diketahui pemakai.

Atas ancaman itu badan-badan kerajinan setempat di Malaysia dan Indonesia giat memelihara tenunan berbenang emas ini dengan pelbagai prakarsa melalui perusahaan dan program-program bagi memastikan warisan bertenun ini diperturunkan ilmunya pada generasi muda dan produknya diperkenalkan di pasaran dunia. Di beberapa tempat di Indonesia para aktivis tenun songket juga mendapat perlindungan daripada pemerintah agar motif-motif tradisional milik masyarakat mereka dipatenkan dan tidak diciplak oleh pengusaha songket mesin moden.

*Songket Sambas Andi Johdari*

## Penerus perniagaan songket

Sesuai dengan perubahan zaman teknologi, perniagaan songket juga sudah mula berpindah ke alam maya melalui tapak sesawang dan sebahagian besar peniaga memanfaatkan pelantar-pelantar media sosial seperti Facebook dan Instagram. Pengguna hari ini pula lebih selesa memilih tenunan songket dengan hanya menggunakan hujung jari lewat pembelian dalam talian.

Sejak beberapa tahun lalu muncul beberapa perusahaan yang kian mendapat perhatian oleh masyarakat di tempat mereka. Antaranya ialah sebuah perusahaan milik seorang anak muda di Medan, Indonesia dengan nama 'The House of Tengku Dicky'. Perusahaan milik kerabat kesultanan Deli ini menghasilkan tenunan songket yang sebahagian motifnya diambil daripada persalinan songket sultan-sultan Deli terdahulu. Dengan usaha untuk merakamkan sejarah tempatan, perusahaan ini mempromosikan motif 'daun tembakau Deli' yang ditenun pada kain songket bagi mengenang sejarah tembakau dan kesultanan Deli pada zaman dahulu.

Pemilik perusahaan itu ialah seorang anak muda berbakat dan berjiwa besar, iaitu Tengku Muhammad Dicky. Meskipun baru berusia 28 tahun, beliau berjaya mengangkat tenunan Melayu Deli di peringkat yang tinggi di Indonesia. Tenunan songketnya sering dijadikan persalinan golongan bangsawan di Sumatra Utara dan beliau berkesempatan menyiapkan tenunan khas bagi persalinan presiden Republik Indonesia, Joko Widodo pada tahun 2017 dan 2018 bagi lawatan rasmi presiden itu dan sebuah majlis pelantikan. Usahanya tambah bermakna setelah beberapa lembar songket rekaannya sendiri dipilih menjadi pameran tetap di Muzium Tekstil Jakarta.

Di Kalimantan Barat pula terdapat sebuah perusahaan songket yang dijalankan oleh Encik Andi Johdari yang menjual tenunan-tenunan songket dengan jenama 'Songket Sambas'. Oleh sebab perusahaan ini berpusat di Borneo maka tidak hairanlah tenunan songketnya ada persamaan dengan tenunan Brunei Darussalam dan menjadi tumpuan warga Borneo. Antara nama tenunannya seperti 'Arab Gagati', 'Silubang Bangsi' dan 'Sipugut' merupakan corak-corak masyhur yang turut dihasilkan oleh jenama ini. Corak 'Padang Tibakar' dengan teknik cual juga antara tarikan yang memukau. Encik Andi yang menenun dan memasarkan sendiri produk-produknya sering terlibat dengan pameran dan expo kebudayaan anjuran pemerintah dan di luar negeri.



Selain dua jenis songket yang disebutkan tadi, terdapat satu lagi jenis tenunan Melayu yang dikira lebih dekat dari sudut geografinya dengan Singapura. Songket Riau yang terkenal dengan corak jalur dan polos serta penggunaan motif 'Siku Keluang' yang mirip 'Sikokarwang' dari tenunan Inaul Filipina. Bila dilihat tenunan-tenunan oleh pengusaha songket Cik Ayu Erlina daripada jenama Mahkota Songket, dapat dikenal pasti bahawa warna-warna alam sangat identik dengan tenunan Melayu Riau. Benang emas atau perak yang biasanya lebih tebal digunakan dalam tenunan ini hingga memberikan kesan yang cukup menarik dan tahan lama. Tenunan kain samping dan sarungnya juga memiliki ciri tersendiri dalam mana benang emas atau perak di bahagian kaki kain atau tepi kain hanya ada di bahagian bawah sahaja oleh kerana bahagian atas biasanya akan digulung dan tidak kelihatan.

## Inovasi kraftangan songket di Singapura

Jauh dari hanya digunakan sebagai bahan membuat baju, kain sarung, seluar dan kain samping, penggunaan songket zaman ini sudah berubah, malah bukan hanya dijadikan selendang atau tanjak. Tahun demi tahun pelbagai kraftangan kreatif muncul di pasaran dan tenunan songket baik tenunan tangan mahupun mesin moden tidak terkecuali menjadi bahan untuk dipelbagaikan menjadi kraf koleksi peribadi atau produk tarikan pelancong.

Sejak lebih dari 10 tahun lalu Afi Hanafi Singapura telah menghasilkan produk-produk kreatif berasaskan songket untuk dijadikan kelengkapan majlis, aksesori pakaian dan juga kegunaan harian. Perniagaan dalam talian yang telah mendapat perhatian akhbar dan program-program televisyen Singapura itu menghasilkan buku-buku nota pelbagai ukuran yang dihias dengan songket pelbagai warna dan dengan ragam hias yang menarik. Antara produknya yang menarik perhatian masyarakat di dalam dan luar Singapura ialah buku nota berhias songket dengan ragam hias kebaya berkerongsang 3. Set kelengkapan perkahwinan berupa bingkai wang hantaran, buku tetamu, kelongsong bunga rampai, album gambar dan tabung sumbangan kesemuanya dihias indah dengan songket mengikut tema pilihan pengantin.

Produk lainnya pula menambat hati golongan wanita khususnya kerana berjaya menghasilkan anting-anting, kerongsang dan tas tangan wanita menggunakan songket juga. Kraftangan anak Melayu Singapura ini sering ditempah oleh anggota masyarakat dari pelbagai lapisan hingga dibawa ke luar negara antaranya ke Amerika, Turki, Brunei, China, Sweden dan Australia.

Afi Hanafi Singapura turut menjalankan program-program memperkenalkan fabrik songket kepada para pelajar sekolah rendah, menengah hinggalah ke maktab rendah. Melalui program yang dijalankan di sekolah-sekolah serata Singapura ini , para pelajar akan mengenali :

- Jenis-jenis songket di Nusantara
- Negeri-negeri yang menghasilkan songket
- Nama-nama istilah corak dan motif songket
- Penggunaan songket dalam busana Melayu tradisional
- Kraftangan yang dihasilkan menggunakan songket

Dengan mengenali songket melalui program pengayaan serupa ini, generasi muda diharap dapat lebih memahami dan menghargai songket sebagai karya seni bangsa yang dapat mereka banggakan.

Tote Yana Songket pula muncul beberapa tahun lalu menawarkan beg-beg yang dibuat sepenuhnya daripada songket. Perekanya, Cik Liyana Zainal merupakan seorang aktivis muzik Melayu setempat yang mahir dan tekun menjahit beg-beg songketnya sendiri. Songket bercorak penuh dan tabur pelbagai warna diolah menjadi beg-beg pelbagai bentuk dan ukuran. Usaha ini tercetus setelah melihat banyaknya perca songket yang dimiliki setelah menghantar bahan tenun itu untuk dijadikan baju kurung. Bermula dengan menjahit beg songket untuk kegunaan sendiri, ia menjadi sebuah perniagaan apabila semakin ramai yang 'berkenan' dan ingin menempahnya. Kini Cik Liyana terus menghasilkan beg-beg songket sebagai sebuah perniagaan yang dijalankan dalam talian melalui Instagram dan Facebook.

Satu lagi usaha anak Melayu Singapura yang ingin saya paparkan dalam makalah ini ialah songket dalam fesyen dan inovasi sesuai keadaan semasa yang ditonjolkan oleh jenama Sufyaa yang kian menambat hati masyarakat setempat melalui tapak sesawang sufyaa.com.sg dan media sosialnya. Jenama ini sering menampilkan pakaian muslimah dengan pelbagai bahan termasuk tenunan songket. Rekaan baju kurung, kebaya dan jubah wanita sentuhan Sufyaa tampil menyerlah dengan padanan *lace* juga kilauan jemeki yang disusun dengan bijak. Sejak penularan Covid-19 dan pemakaian pelitup menjadi kemestian pada warga, Sufyaa merupakan antara para pereka pelitup yang bermotifkan songket. Berikutan itu peniaga-peniaga lain juga mula menghasilkan pelitup songket memandangkan ramai yang mula meminatinya.

*Songket Brooch Afi*

*Songket Sambas Padang Tibakar*

Karya-karya seni berasaskan songket yang diusahakan oleh anak-anak Melayu Singapura yang dipaparkan dengan ringkas di atas adalah segelintir sahaja. Ramai lagi anak muda di luar sana yang semakin berjinak-jinak mengenali dan ingin sama meraikan fabrik songket dalam pelbagai cara dan bentuk. Meskipun Singapura tidak punya penenun atau pusat perajin songket dan hanya menjadi pengguna songket yang dihasilkan dari luar negara, namun warga Melayu Singapura punya peranan dalam mengangkat fabrik khazanah warisan bangsa Nusantara ini.

Semoga usaha mengenali dan melestarikan penggunaan songket terus berkembang di kota singa ini dan kepelbagaian serta keindahannya terus dinikmati semua lapisan masyarakat Nusantara.

*Tote Songket Yana Beg*

**HANAFI IDRUS** atau lebih dikenali dengan nama Afi Hanafi ialah penggiat muda dalam bidang seni budaya Melayu Singapura. Beliau merupakan peniaga barangan kraftangan berasaskan songket dan kerja tangannya telah mendapat perhatian para penggemar dari dalam dan luar negara.

Belia ini juga merupakan pengasas beberapa kumpulan kesenian antaranya orkestra yang memberi tumpuan kepada lagu-lagu Melayu tradisional 'Orkestra Sri Temasek', kumpulan koir Melayu 'PermaiSuara' dan kumpulan pendendang syair 'Syairpura'.

Beliau merupakan antara seniman yang diberikan gelaran 'Biduan Syair' oleh Balai Pelestarian Nilai Budaya Kepulauan Riau setelah mewakili Singapura di Festival Syair Internasional di Tanjung Pinang, Indonesia (2018).

Dilahirkan pada 29 April 1985, beliau aktif berkongsi minat dan bakatnya dalam bidang seni budaya kepada para pelajar di sekolah-sekolah serata Singapura.

# KEMPEN BAHASA DALAM RANGKA ADAT

***Mohd Raman Daud***

Setiap kali dilaungkan pelancaran Bulan Bahasa, kalangan anggota masyarakat Melayu hanya disuakan pada acara berbahasa seperti membaca sajak, berpantun atau memperkatakan karya sastera.

Sebenarnya, bahasa bukanlah sekadar **wahana** atau **pengantar**, tetapi juga mencerminkan adat atau susila orang Melayu. Ini terpapar dalam sejumlah peribahasa seperti '*tidak reti bahasa*' (ertinya orang yang biadab atau tidak takluk pada adat), '*orang berbudi, kita berbahasa*' (saling hormat-menghormati dan bekerjasama demi kebaikan).

Menurut kamus: **adat** (kekata Arab) ialah resam alam iaitu sesuatu yang semulajadi, biasa lagi kekal, umpamanya: *adat air cair*; *adat api panas*; *adat lada pedas*; *adat garam masin* dan sebagainya. Dengan itu terbitlah peribahasa yang mengatakan:

*adat belut pulang ke lumpur;*
*adat semang pulang ke dusun.*

Sesungguhnya, adat manusia bermasyarakat. Penggunaan istilah 'adat' sekali gus mencerminkan pengaruh Islam ke atas masyarakat Melayu sebagai rumpun yang terbesar (300 juta jiwa) dalam ummah 1.7 bilion jiwa di dunia.

## HIDUP BERMASYARAKAT

Umumnya, tiada insan yang boleh hidup berseorangan. Dia perlukan teman.

Dalam Islam, terdapat dwihubungan atau dwijalinan. Pertama, insan dengan Penciptanya atau Khalik; maka jalinannya disebut dalam istilah Arab, *hablun minallah*. Hubungannya dengan masyarakat pula disebut *hablun minannas*. Dengan Khalik, seseorang itu wajib mempunyai *taqwa*; sementara dengan masyarakat, perlu ada *muafakat*.

Muafakat ialah pangkal **adat** yang diberi takrif: *peraturan yang telah diamalkan turun temurun (sejak dulu kala) dalam sesuatu masyarakat (sehingga merupakan*

*hukum dan peraturan yang harus dipatuhi*). Dalam bahasa moden, **adat** itu disebut sebagai ***disiplin*** atau ***undang-undang***; dan ia dibentuk manusia untuk melestari dan mengekalkan keamanan, kesejahteraan, ketenteraman serta keselamatan manusia melalui masyarakat.

Adapun perbezaan **adat lama** dengan **undang-undang** moden itu hanya terletak pada pembentukannya, manakala fungsinya tetap sama.

**Adat** terbentuk oleh kesepakatan anggota masyarakat iaitu diterima dan diamalkan secara bersama (*mutual*) atas lunas: *bulat air oleh pembetung (pembuluh); bulat manusia oleh muafakat*, seperti yang dinyatakan dalam perbilangan:

*Tatkala kecil bernama muafakat,*
*apabila besar bernama adat;*
*muafakat lalu di dalam gelap,*
*adat lalu di tengah terang.*
*alah adat oleh muafakat.*

Lazimnya, undang-undang (juga disebut dari yang tertinggi kepada yang rendah: perlembagaan, kanun, undang-undang dan akta) disusun dan ditetapkan pemerintah sesebuah negara melalui kuasa atau wewenang dewan perhimpunan wakil rakyat yang dipanggil Parlimen dan sebagainya. Ia dikuatkuasakan sebagai peraturan yang mesti ditaati rakyatnya. Sesiapa yang didapati menyalahi undang-undang akan dihukum menurut yang dinyatakan dalam perundangan.

**Adat** diperturun dari generasi ke generasi kelompok masyarakat melalui pesan dan nasihat leluhur (juga disebut mamang ) secara lisan dan tulisan serta diamalkan secara sukarela. Sebaliknya, **undang-undang** merupakan ketetapan bertulis yang dikuatkuasakan ke atas rakyat atau penduduk sesebuah negara.

Apakah pula kaitan bahasa dan adat dengan kebudayaan?

Kebudayaan ialah kata terbitan daripada kekata **budaya**. Budaya ialah bentuk jamak bagi kekata **budi** iaitu dari kekata Sanskrit yang mempunyai maksud luas termasuk akal, kebijaksanaan, perilaku, pendidikan, disiplin atau jurusan dan keperibadian.

Namun, dari segi garapannya, kebudayaan merupakan sistem atau kaedah ciptaan manusia untuk mengarahkan kehidupan bermasyarakat yang bermanfaat. Maka itu segala hal yang bertentangan dengan norma kemanusiaan tidak dianggap kebudayaan.

## Takrif Kebudayaan

Banyak sekali takrif kebudayaan (*culture* dan pernah disebut *kultur* di Indonesia).

Antara lain, Sir Edward B. Tylor (1832-1917, Inggeris dalam bukunya, Primitive Culture, 1871) mengungkapkan: *Kebudayaan atau Peradaban, menurut bidang luas etnografik, ialah segala yang kompleks yang meliputi ilmu, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, resam, dan apa jua keupayaan dan kelakuan yang digarap manusia sebagai anggota masyarakat.*

Mantan naib presiden pertama Indonesia, Dr Mohammad Hatta (1902-1980 dalam bukunya, 'Kebangsaan dan Kerakyatan', 1998) berpendapat bahawa *kultur (kebudayaan) itu dianggap* ***sivilisasi*** *(tamadun) apabila tujuan jasmaninya lebih besar dan bertitik berat pada* ***materialisme****; tetapi kebudayaan itu menjadi* ***peradaban*** *apabila faktor-faktor adab dan moral lebih besar pengaruhnya.*

*Yang demikian, sivilisasi (yang juga disebut* ***kebudayaan jasmani****) ialah* ***kebudayaan yang menghasilkan kepuasan material*** *– termasuk: ilmu, pendidikan, politik, ekonomi, undang-undang dan teknik; manakala peradaban (yang juga disebut* ***kebudayaan rohani****) ialah* ***kebudayaan yang menghasilkan kepuasan mental*** *– termasuk falsafah, pendidikan, kesusasteraan, kesenian,* ***adat-istiadat*** *dan kepercayaan (bukan agama)*

Prof Mohd Taib Osman (1934-2017), anak Singapura yang pernah menjadi Naib Canselor Universiti Malaya, berpendapat ada tujuh aspek kebudayaan semesta, iaitu (rujuk Budaya dan Bahasa Melayu - Masalah dan Harapan. Penerbit Universiti Malaya, 2004):

1. **peralatan dan perlengkapan hidup manusia – termasuk** *pakaian, perumahan, alat-alat rumah-tangga, alat senjata, alat-alat pengeluaran/ penghasilan, kenderaan, pengangkutan dan yang sebagainya.*
2. **mata pencarian dan sistem ekonomi – termasuk** *pertanian (penanaman, penternakan, perikanan), perindustrian, perburuhan, perniagaan dan yang sebagainya.*
3. **sistem kemasyarakatan – termasuk** *sistem kekerabatan, sistem persemendaan, hukum hakam dan adat, khidmat kebajikan, kesihatan dan kesejahteraan masyarakat, organisasi politik dan yang sebagainya.*
4. **kesenian – termasuk** *seni rupa, seni lukis, seni suara, seni lakon, seni tari, seni silat, sukan dan permainan, hobi dan hiburan, seni kerja tangan dan yang sebagainya.*
5. **bahasa dan kesusasteraan – termasuk** *pengetahuan dan penggunaan bahasa serta penikmatan (appreciation), kegiatan (aktiviti) dan penghasilan (kreativiti) kesusasteraan.*
6. **sistem pendidikan dan pengajaran.**
7. **kepercayaan (bukan agama).**

Berdasarkan takrif-takrif tadi, jelaslah bahawa **kebudayaan** adalah sistem yang amat luas lagi rumit. Ia menggambarkan keperluan seluruh kehidupan manusia; dan **adat** pula adalah sebahagian daripada kebudayaan yang fungsinya memelihara kesejahteraan hidup bermasyarakat.

## Insan Pertama

Bagi majoriti insan dunia (beragama Islam, Kristian dan Yahudi), insan pertama diciptakan oleh Tuhan ialah **Adam (as)** yang telah dihantar ke dunia. Hidupnya hanya terpandu oleh ketentuan Maha Pencipta dan oleh hukum alam yang sedia ada. Namun, setelah bertemu kembali dengan Hawa, apalagi setelah baginda beranak-pinak, maka perlu terbit peraturan baru yang disepakati dan diamalkan mereka sehingga peraturan itu dapat menjamin mereka hidup wajar sebagai manusia.

Setidak-tidaknya terbit peraturan *yang bapa harus dibapakan; yang ibu harus diibukan* dan *yang anak harus dianakkan*. Perlu dimulakan peraturan cara ibu dan bapa berkomunikasi dengan anak-anaknya. Perlu ada peraturan berkomunikasi antara adik beradik, iaitu anak-anak Adam dan Hawa itu. Pasti sudah ada pula **falsafah**:

*yang muda menghormati yang tua;*
*yang tua mengasihi yang muda.*

Hanya anak bongsunya, seorang lelaki yang bernama Syits (yang kemudiannya dikenali sebagai Nabi Allah Syits) lahir tunggal, anak-anak Adam dan Hawa dilahirkan kembar lelaki dan perempuan – termasuk Qabil dengan kembarnya Iqlima dan Habil dengan kembarnya Labuda (ada kitab yang menyebutnya sebagai Arifah).

Apabila anak-anaknya besar, maka di**adat**kan Adam: mengajak anak-anak lelakinya keluar rumah mengikutnya mencari rezeki dengan berburu dan berusaha – Qabil gemar bertani dan bercucuk tanam; tetapi Habil menggembala kambing – manakala anak-anak perempuannya disuruh tinggal di rumah menolong ibunya menguruskan rumah tangga.

Setelah anak-anaknya meningkat dewasa, timbul masalah bagaimana Adam dan Hawa hendak menjodohkan anak-anaknya. Ini kerana **masyarakat** pada masa itu hanya mereka anak beranak sahaja. Adam memohon Allah agar diberi petunjuk untuk menyelesaikan masalah itu. Allah telah mengilhamkan Adam bahawa pernikahan boleh dilakukan antara anak-anaknya dengan syarat pasangan suami isteri itu tidak dengan kembarnya sendiri.

*Gambar hiasan*

Nilai ***taat setia*** anak kepada ibu bapanya agak tergugat apabila Qabil membantah saranan Adam supaya dia menikahi Labuda (kembaran Habil) dan kembarannya, Iqlima akan dinikahkan dengan Habil. Qabil membantah saranan itu kerana Labuda tidak secantik Iqlima; tetapi Adam menyuruh Qabil patuh kerana peraturan yang demikian itu ialah ketetapan Allah.

Semenjak itu, manusia mula memilih ***yang canti***k dan menolak yang hodoh; maka bermulalah ***rasa tidak puas; iri hati; buruk sangka; hasad dengki*** dan ***dendam kesumat***, terbuku dalam hati manusia; lalu berlarut-larut hingga ke akhir zaman kini.

Apabila lahir cucu cicit Adam, manusia penghuni dunia makin bertambah banyak. Maka bertambah gamatlah dunia ini dengan pelbagai ragam manusia – bak pantun dua kerat (karmina):

*banyak udang banyak garam;*
*banyak orang banyaklah ragam.*

Dan, untuk mengawal ragam manusia itu, dicipta oranglah peraturan demi peraturan – termasuk peraturan dan disiplin yang dipanggil adat. Antaranya ialah ***adat*** yang dikatakan pepatah petitih Melayu:

*adat muda menanggung rindu;*
*adat tua menahan ragam*

## Nilai Melayu

***Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah..***

*Hidup dikandung adat mati dikandung tanah* merupakan **nilai hidup** manusia Melayu yang hakiki – yang menyatakan kebenaran hakikat. Manusia yang hidup tanpa adat akan jadi laksana ***kera sumbang*** yang hidup memencil – terhencat dan tidak punya tempat dalam masyarakatnya sendiri. Hal yang demikian berlaku kerana adat itu merupakan peraturan atau perlembagaan *(juga disebut undang-undang atau hukum)* yang mengawal kesejahteraan hidup orang bermasyarakat.

Manusia yang ***mengera sumbang*** itu, ke mana pergi tidak diparuahkan orang, malah mereka disindir dengan pantun yang berkata:

*Dari jauh mencari madat,*
*madat dibeli dari Semarang;*
*hidup kalau tidak beradat,*
*ke mana pergi dibenci orang.*

Mamang adat: *hidup dikandung adat, mati dikandung tanah* disokong dan diperkuat oleh peribahasa yang berkata: *daripada hidup bercermin bangkai, baiklah mati berkalang tanah.* Frasa ***bercermin bangkai*** itu mengungkap wacana ***menanggung malu*** yang bersangatan; manakala frasa ***mati berkalang tanah*** itu sama maksudnya dengan ***mati dikandung tanah***.

Peribahasa tersebut jelas membayangkan falsafah Melayu: bahawa *mati dengan kemuliaan itu lebih baik daripada hidup diselaput malu (dosa)*.

Setia dan teguhnya orang Melayu pada adat sejak zaman bahari, tergambar pada kata orang tua-tua (mamang): ***biar mati anak, jangan mati adat.*** Jelaslah umumnya orang Melayu lebih mengutamakan adat (hukum dan undang-undang) daripada yang lain, sehingga mereka rela anaknya dihukum menurut adat, jika anak itu benar-benar didapati berbuat salah – bersalah kepada adat atau melanggar perintah agama (Islam).

Keredhaan mereka membiarkan anaknya dihukum apabila berbuat salah itu, nampaknya, tidak bercanggah dengan sabda Rasulullah (yang mafhumnya): "*Jika Fatimah, puteri Muhammad mencuri, nescaya aku memotong tangannya.*" (HR Al-Bukhari dan Muslim). Maka terbuktilah bahawa mempertahankan adat (hukum) itu lebih utama daripada membela atau melindungi anaknya yang ternyata berbuat salah.

## Perkembangan Adat Melayu

Menurut terombo (perbilangan) Adat Perpatih (abad ke-10 Masihi, asal tanah Minang di Sumatera Barat), pertumbuhan adat Melayu adalah berlandaskan kebenaran alam – yakni berdasarkan logika yang selaras dengan kejadian alam seperti yang dikatakan talibun:

*Penakik pisau peraut,*
*ambil galah batang lintabung,*
*seludang diambil untuk nyiru;*
*Yang setitis jadikan laut,*
*yang sekepal jadikan gunung,*
*alam terkembang jadikan guru.*

Berdasarkan falsafah ***alam terkembang jadikan guru*** itulah adat Melayu telah dilaksanakan mengikut mamangnya yang mengundang:

*Adat yang sama kita ungkai,*
*lembaga yang sama kita tuang,*
***yang elok sama kita pakai,***
***yang buruk sama kita buang.***

Rumpun Melayu diperkenalkan kepada Islam seawal abad ketujuh Masihi. Ini kerana para pedagang Arab-Yaman, telah tiba di rantau ini dalam abad keempat Masihi. Lama-kelamaan resam Melayu berlandaskan nilai-nilai Islam. Mana-mana cabang adat yang didapati selaras atau tidak bertentangan dengan Islam, ditegakkan; manakala adat yang didapati sah bercanggah dengan nilai Islam, diruntuhkan. Ini dilakukan sesuai dengan anjuran mamang yang menyebutkan:

***yang elok sama kita pakai,***
***yang buruk sama kita buang.***

Justeru, beralaskan mamang yang tersebut juga, terundanglah adat yang dinyatakan dalam perbilangan:

*Adat bersendi syarak,*
*Syarak bersendi kitabullah (Quran),*
*Syarak mengata adat memakai,*
*Apabila berdiri syarak, maka gugurlah adat...*

## Dua Adat

Pernah dikatakan ada pertembungan antara resam Melayu dengan Islam dalam pembentukan adat. Sebenarnya hal ini tidak berlaku kerana Islam juga menyantuni kehidupan dunia dan akhirat:

*Mana jalan yang dua terepar?*
*pertama: jalan yang kerana Allah;*
*kedua: jalan yang kepada dunia.*
*Mana jalan yang kerana Allah?*
*pertama: mengucap*
*kedua: sembahyang*
*ketiga: zakat*
*keempat: puasa*
*kelima: naik haji.*
*Mana jalan yang kepada dunia?*
*pertama: gong dan canang*
*kedua: makan dan minum*
*ketiga: semenda menyemenda.*

Sebagai Muslim, orang Melayu selalu berdoa yang mafhumnya: "*Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat; dan selamatkan kami daripada azab api neraka!*" (Surah Al-Baqarah, ayat 201)

Jalan yang dua terepar itu menunjukkan arah matlamat yang harus dituju untuk mendapatkan kedua kebaikan tersebut. **Jalan yang kepada akhirat** membawa kita mendapatkan keredhaan Allah sehingga akan beroleh kebaikan di akhirat. Dan, **jalan yang kepada dunia** ialah jalan yang membawa kita mendapatkan kebaikan di dunia, dengan izin Allah jua.

*Gambar hiasan*

## Jalan Duniawi

Bulan Bahasa tergolong dalam apa disebut aspek ***gong dan canang*** iaitu hubungan sosial menerusi komunikasi. Ini termasuklah *persapaan, perisytiharan atau pengumuman, penyampaian maklumat, ilmu, budi bahasa, sopan santun, kesusasteraan, sistem pendidikan, kepandaian seni* dan yang sebagainya.

Tergolong dalam aspek ***makan minum*** ialah perkara-perkara yang mengenai ekonomi dan kesihatan: termasuk *sakit pening, perubatan, pakai patut, peralatan dan persenjataan, sistem kenderaan* dan *pengangkutan, hiburan, permainan* dan yang seumpamanya.

Tergolong dalam yang dikatakan ***semenda menyemenda*** pula ialah hal-hal yang mengenai *adat perkahwinan, kekeluargaan, kelahiran bayi, upacara-upacara peralihan, adat kematian* dan yang seumpamanya.

## Adat Tetap dan Berubah

Ada empat jurus **adat** Melayu yang terterap dan diamalkan orang di dalam pergaulan (masyarakat), iaitu:

*pertama:* ***adat yang sebenar adat,***
*kedua:* ***adat yang teradat (tradisi).***
*ketiga:* ***adat yang diadatkan (adat resam),***
*keempat:* ***adat istiadat.***

Antara empat jurusan tadi, hanya *adat yang sebenar adat* sahaja yang mesti dilakukan kerana adat itu ialah ***adat yang bersendi syarak*** (menurut Islam) iaitu yang ***syarak mengata adat memakai***. Adat-adat lain boleh diubah suai mengikut keperluan kerana **adat** termasuk sub-aspek budaya, sedangkan wujudnya kebudayaan adalah disebabkan tiga faktor, iaitu ***manusia, lokasi*** dan ***zaman***.

***Adat yang sebenar adat*** disebut juga ***adat nan kawi*** (adat yang baku atau standard) iaitu:

*adat yang tak lekang dek panas;*
*tak lapuk dek hujan,*
*adat yang dipindah tak layu;*
*dicabut tak mati –*
*adat yang bersendi syarak;*
*syarak bersendi kitabullah.*

Dalam adat semenda, misalnya: adat nan kawinya ialah ***adat nikah***.

Nikah wajib dilaksanakan bagi tiap perkahwinan. Tanpa nikah perkahwinan tidak sah dan adat semenda menjadi tidak bermakna.

Adapun adat-adat lain dilakukan dari sebelum hingga selesai upacara hari langsung itu sekadarkan untuk memenuhi kebiasaan dan mencapai kepuasan. Untuk mencapai kepuasan banyak berlaku perubahan pada adat-adat itu.

***Adat yang teradat*** ialah tradisi yang dibawa leluhur (nenek moyang), turun temurun diamalkan masyarakat hingga kini – termasuk hal-hal yang mengenai:

- **tatakrama; tatasusila**
- **aturan mendirikan rumah tangga**
- **tanggung jawab terhadap keluarga**
- **pantang larang yang simbolik**

*Tatakrama* dan *tatasusila* itu merupakan adat orang berkomunakasi dan bergaul dalam masyarakat yang harus dipelihara. Tiap anggota harus ada etika kesusilaan – menyapa dengan bahasa yang santun dan berperilaku dengan senonoh – dan saling hormat menghormati.

Lazimnya orang Melayu dulu angkat tabik saling mengucapkan salam, ***assalamu alaikum*** ketika bertemu; dijawab yang menerima salam itu dengan kata ***wa alaikum salam***. Namun, semenjak diperkenalkan pendidikan sekular sekitar tahun 30-an, anak-anak sekolah mula diajar mengucapkan ***selamat pagi, selamat petang*** dan sebagainya; menggantikan ucapan assalamu alaikum itu. Dalam zaman pendudukan Jepun, seorang promoter sandiwara Melayu dari Sumatera mengucapkan ***malam baik*** kepada penonton, menggantikan ucapan ***selamat malam*** yang diajar di sekolah-sekolah.

Hakikatnya, kebanyakan aspek adalah bikinan manusia. Ia boleh disesuaikan dan yang tidak sah (menurut ketentuan Islam) boleh ditiadakan.

Antara adat-adat yang telah dimansuhkan ialah *adat mandi safar* yang biasa dilakukan pada hari Rabu akhir bulan Safar; adat turun tanah bagi bayi yang baru pandai berjalan jatuh. Adat-adat itu dimansuhkan kerana bertentangan dengan aqidah Islamiah.

Apakah pula ***adat yang diadatkan?*** Lazimnya, ialah menurut resam atau amalan semasa – sama ada yang dicipta sendiri oleh masyarakat Melayu atau pun yang dibiasakan kerana perbenturan dengan kebudayaan yang ada di sekeliling kehidupan kita dari masa ke masa, misalnya:

- **adat menyambut hari jadi**
- **adat menyambut hut perkahwinan**
- **adat berkenduri dan berjamu makan**
- **adat meraikan yang berjaya**
- **adat menyambut hari raya**
- **adat berbulan madu**

Akhirnya, aspek ***adat istiadat*** ialah adat berupacara yang tersusun acaranya; teratur dulu kemudiannya, termasuk adat-adat yang mengenai

- **ehwal semenda menyemenda;**
- **menyambut bayi** dan menamakannya **dengan bertahnik;**
- **khatam Quran dan akhil baligh;**
- **menyambut tetamu;**
- **perasmian atau pertabalan raja atau ketua negara/pemerintah dan sebagainya.**

## Kesantunan Melayu

Yang utama dalam usaha mengadakan Bulan Bahasa adalah untuk meningkatkan kesantunan Melayu dari segi pertuturan sehingga menghuraikan masalah dalam pergaulan sesama kawan, teman sekerja sehingga berumah tangga dan bermasyarakat. Bahasa Melayu disulami kesantunan yang tinggi dari segi menyapa pembesar atau orang tua sehingga anak dan pilihan kata dalam mengungkapkan fikiran dan rasa (emosi).

Itulah sebabnya kita mempunyai 'duta bahasa' iaitu orang yang bukan saja fasih bertutur bahasa Melayu, tetapi tinggi beradab (pekertinya) menurut adat Melayu.

Penyusun ialah aktivis masyarakat dan penulis sejumlah drama pentas dan televisyen, cerpen, esei dan puisi serta editor sejumlah memoir dan buku rujukan, termasuk 'Nilam' iaitu adikarya Alm. Pendeta Dr Muhd Ariff Ahmad. Makalah dihasilkan dalam perbincangan dengan Dr Muhd Ariff sekitar 2015 dan telah diubahsuaikan.



# PANCARAN CAHAYA SYAIR DI KOTA SINGA - SULUHAN MUNSYI ABDULLAH DAN TUAN SIAMI

*Muhammad Khairool Haque*

## Pengenalan

Bermula dengan Hamzah Fansuri[1], cahaya syair telah menyinari Alam Melayu sebagai petunjuk jalan yang pelbagai seperti jalan pulang kepada Tuhan melalui *Syair Burung Pingai*, jalan mengenal kesaktian cinta melalui *Syair Ken Tambuhan* dan jalan seorang wanita yang berani melalui *Syair Siti Zubaidah*. Sebagai salah satu daripada sekian banyak jenis puisi yang terkandung dalam kekayaan khazanah persuratan Melayu tradisional[2], syair telah memainkan peranan yang banyak, sesuai dengan cita dan citra penulisnya (yang kadangkala tidak diketahui namanya) sebagai risalah agama yang tepu dengan pesan moral, hikayat cinta yang sarat tragedi atau gambaran peristiwa yang sesak dengan maklumat sejarah dan kritik sosial.

Penulisan ini akan tertumpu kepada syair yang ditulis pada zaman awal penjajahan British di kota Singa melalui tokoh masyhur yang bernama Munsyi Abdullah (lahir 1797 dan meninggal 1854) dan tokoh yang suaranya seolah-olah dibisukan, Tuan Siami. Karya yang akan dibincangkan secara khusus ialah *Syair Kampung Gelam Terbakar* oleh Munsyi Abdullah dan *Syair Dagang Berjual Beli oleh Tuan Siami*. Melalui penelitian syair-syair tulisan tokoh ini, syair bukan sekadar mengungkapkan naratif yang menyelitkan pesan moral tetapi mampu berdiri sebagai teks yang menyingkap parah sejarah yang masih berbarah dalam watak-watak manusia zaman kini. Melaluinya, kita menatap wajah kota dengan mata sang penyair dan menikmati hiruk-pikuk kota Singa pada zaman awal penjajahan.



## Sekilas Penulisan Syair Di Singapura

Tokoh yang diangkat oleh banyak pihak sebagai bapa sastera Melayu moden, Munsyi Abdullah, merupakan tokoh awal yang menulis syair di Singapura pada zaman penjajahan. Amin Sweeney (2006) menyertakan tiga *syair, iaitu Syair Singapura Terbakar*, *Syair Kampung Gelam Terbakar* dan Malay Poem On *New Year's Day 1848*[3] dalam bukunya *Karya Lengkap Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi (Jilid 2).* Walaupun yang sering diberikan perhatian ialah karya agung beliau, *Hikayat Abdullah*, syair tulisan beliau turut ditulis dengan pena yang setajam penulisan prosa beliau. Dengan rima dan ritma, beliau telah menggambarkan peristiwa yang dilihatnya dengan mata yang teliti dan kritis.

Selain Abdullah, dua orang penyair sezamannya digelar sebagai pengarang bersuara gelap oleh Muhammad Haji Salleh kerana karangan mereka menggambarkan pergolakan jiwa orang Melayu pada zaman tersebut. Beliau telah menghimpunkan transliterasi dan pengenalan terhadap karya mereka melalui buku yang bertajuk *Syair Tantangan Singapura*. Penulis pertama bernama Tuan Siami yang menulis *Syair Dagang Berjual Beli* dan *Syair Potong Gaji*. Penulis kedua, namanya tidak diketahui. Karyanya bertajuk *Syair Tuanku Prabu di Negeri Singapura*. Menurut Muhammad Haji Salleh, tiga orang penyair ini iaitu Munsyi Abdullah, Tuan Siami dan pengarang anonim tersebut "telah menulis dalam bentuk protes sosial yang asli, unik dan membayangkan manusia Melayu moden" (1994:36). Meneruskan penulisan syair di Singapura, seorang penulis dengan nama Encik Ali menulis syair bertajuk *Syair Tabut* (1864) yang mendokumentasikan sejarah perarakan sempena Hari Asyurah di Singapura[4].

Dari sudut penerbitan karya cetak pula, bermula pada tahun 1860, Singapura dikenali sebagai pusat pencetakan yang utama di Asia Tenggara dan pusat yang pertama bagi pencetakan karya bercorak keagamaan dalam bahasa Melayu (Proudfoot,1993:27). Antara buku yang tercetak termasuklah syair sama ada dalam bentuk naratif seperti *Syair Haris Fadhilah* dan S*yair Juragan Budiman* atau syair didaktik berkenaan agama seperti *Syair Kiamat* dan *Syair Taj al-Muluk*. Teks syair ini kadangkala diterbitkan oleh lebih daripada satu penerbit, menyerlahkan pembacaan syair pada waktu tersebut[5].

Bermula sekitar suku abad pertama ke-20, sajak telah mengambil alih syair sebagai genre puisi yang dominan. Sebagai genre yang moden, sajak membebaskan puisi daripada rumus-rumus yang menyekat kebebasan para penulis. Keindahan rima dan suku kata terkawal dalam syair ditenggelamkan oleh keindahan yang bebas daripada tradisi penulisan lama, sesuai dengan perkembangan dunia yang digerakkan oleh modenisme dari sudut falsafah dan kesenian. Penulis yang menulis pada zaman sebelum perang dunia kedua seperti Mahmud Ahmad, Harun Aminurrashid dan Abdul Salam menjadi penulis awal yang menulis sajak di Singapura[6].

Namun, pada ketika ini, penulisan syair masih menjadi pilihan sebahagian pengarang yang masih melihat fungsi syair dalam menampung pengisian kreatif mereka. Abdul Manaf Yasir, seorang bekas guru telah menulis buku yang bertajuk *Syair Cerita Kanak-Kanak* (2011[7]). Azhar Ibrahim Alwee, seorang pensyarah universiti yang banyak menghasilkan tulisan ilmiah berkenaan kritik sosial masyarakat telah menulis *Syair Kesaksian* (2016)[8]. Selain itu, terdapat penulis yang aktif mengumandangkan syair tulisan mereka walaupun belum menerbitkannya dalam bentuk buku. Antara mereka termasuk Khaziah Yem, seorang guru dan aktivis yang banyak menulis syair bagi majlis bacaan syair. Bahkan, syair tulisan beliau telah dirakam dalam album yang diusahakan oleh Roslan Madun, yang terkenal sebagai 'Raja Syair Nusantara'. Abu Zaki Yusof, seorang tokoh agama kelahiran Singapura juga banyak menghasilkan syair berunsur keagamaan yang dikumandangkan dalam majlis-majlis pengajian beliau.

## Pengarang Syair Sejarah

Syair menjadi genre yang dipilih sebahagian penulis Nusantara untuk membicarakan penjajahan Inggeris atau Belanda. Antara syair yang membicarakan suasana pada zaman penjajahan ialah *Syair Peri Tuan Raffles ke Minangkabau*, *Syair Tuan Hampris, Syair Kompeni Welanda Berperang Dengan Cina, Syair Perang Inggeris di Betawi dan Syair Inggeris Menyerang Kota*[9]. Melaluinya, kita berupaya menatap wajah penjajahan daripada kaca mata seorang rakyat peribumi.

Wajah kota Singapura pada zaman penjajahan pula dapat diamati melalui karya Munsyi Abdullah dan Tuan Siami. Terdapat persamaan antara Munsyi Abdullah dan Tuan Siami — kedua-duanya telah berkhidmat kepada British dalam bidang bahasa. Munsyi Abdullah tidak perlu diperkenalkan lagi kerana karya agung beliau yang bertajuk *Hikayat Abdullah* sudah cukup untuk mengisahkan biografi beliau. Dalam mengkaji Abdullah, Amin Sweeney (2006) berpandangan bahawa Abdullah bukan sekadar sebagai mulut bicara British sebagaimana yang sering menjadi anggapan para pengkaji tetapi sebenarnya mengangkat agenda yang tersendiri dalam penulisan. Dengan kemampuan bahasanya, beliau seorang penulis licik yang bersikap kritis terhadap mereka yang memiliki kuasa termasuklah British.



Tuan Siami pula merupakan tokoh yang tidak menerima sorotan seperti Abdullah. Dalam merumikan nama beliau daripada teks dalam bentuk manuskrip, Muhammad Haji Salleh (1994) menulisnya sebagai Tuan Simi. Namun, Proudfoot (2007) merujuknya sebagai Tuan Siami. Dalam keadaan ini, 'Tuan Siami' boleh dianggap lebih tepat kerana *Siami* merupakan nisbah kepada negeri asal beliau iaitu Siam. Pada waktu yang sama, sekiranya diteliti ejaan Jawi lama, yang berlainan dari ejaan jawi yang sepatutnya kanan ke kiri, contohnya melalui Kamus Wilkinson (1905), perkataan siap dieja سيڤ dan perkataan sial dieja سيل. Maka, dengan menuruti rumus ejaan ini سيم ي seharusnya dibaca sebagai *Siami* dan bukan *Simi*.

Menurut Proudfoot (2007), Tuan Siami merupakan seorang pegawai kastam yang berkhidmat untuk Syarikat Hindia Belanda di Singapura. Bastin (2008) pula menambah bahawa sebelum ke Singapura, Tuan Siami telah berkhidmat kepada keluarga Raffles di Penang, Jawa dan juga England dalam mana beliau telah mengikuti Raffles dari Portsmouth ke Bengkulu sebelum mengiringnya ke Calcutta, Penang dan Singapura. Bahkan, menurut Bastin, Siami merupakan orang pertama yang mengajar Raffles Bahasa Melayu. Tuan Siami juga merupakan tokoh yang dipercayai bertanggung jawab memberikan John Leyden kosa kata Bahasa Melayu dan Thai bagi bukunya, *A Comparative Vocabulary of the Barma, Malayu and Thai Languages*. Namun, khidmatnya sebagai pegawai kastam di Singapura akhirnya dihentikan atas sebab pengurangan pekerja.




*Sekata*

## Syair Kampung Gelam Terbakar[10]

*Syair Kampung Gelam Terbakar* merangkumi 132 rangkap. Syair ini mengisahkan kebakaran yang berlaku pada tahun 1847 di Kampung Gelam, Singapura. Abdullah memulakan rangkap awal dengan membicarakan kekecohan keadaan ketika kebakaran mula tercetus.

*Asapnya gelap gulita seperti malam*
*Orang berteriak-teriak mengatakan api di Kampung Gelam,*
*Semuanya pun berlarilah Cina dan Islam,*
*Riuhnya seperti perahu yang tenggelam.*
*[Rangkap 8]*

Seterusnya, Abdullah sebagai seorang pemerhati yang teliti memperihalkan keadaan manusia. Peristiwa kebakaran ini menjadi medan untuk para pencuri mengaut keuntungan. Pencurinya pula bukanlah daripada satu bangsa sahaja. Abdullah seolah-olah menyatakan bahawa seseorang itu menjadi pencuri bukan kerana ia datang daripada bangsa tertentu tetapi 'syaitan' dalam bentuk manusia itu datang daripada mana-mana bangsa.

*Kerana pencuri banyaklah sekali,*
*Barang yang dapat dibawanya lari,*
*Orang Cina, Melayu, Keling dan Benggali,*
*Sekaliannya syaitan itu jahat sekali.*
*[Rangkap 28]*

Abdullah menggambarkan dirinya kehairanan melihat tingkah laku manusia yang dalam keadaan cemas, lebih disibukkan dengan merebut harta daripada membantu mereka yang memerlukan. Sifat mementingkan diri sendiri menebal dalam orang kebanyakan.

*Hairanlah hatiku bukan barang-barang*
*melihatkan hal masing-masing berdiri tercengang*
*direbutnya sahaja barang-barang*
*tiadalah hendak menolong barang seorang.*
*[Rangkap 38]*

Namun, pada rangkap seterusnya, Abdullah juga memperlihatkan cara orang yang berlainan bangsa bantu-membantu dalam menghadapi kebakaran tersebut. Orang Putih yang seringkali menganggap diri mereka lebih tinggi terpaksa bekerjasama dengan golongan yang dianggap mereka sebagai lebih rendah, iaitu Keling dan Benggali dalam menghadapi kebakaran ini. Begitulah suatu konflik memaksa semua golongan dalam strata masyarakat bekerjasama.

*Orang pun berkerumun di situ banyak sekali,*
*Ada yang menarik bomba ada yang menarik tali*
*Bercampurlah Keling, Orang Putih dan Benggali,*
*Sekonyong-konyong api melompatlah di Kampung Bali.*
*[Rangkap 61]*

Api bukan sekadar membakar bangunan. Bahkan, api telah membakar kerasionalan akal dan budi bicara orang kebanyakan apakala menghadapi kebakaran tersebut. Abdullah memperlihatkan bagaimana dalam suatu konflik kerapuhan budi manusia menjelma dengan jelas sedang sifat-sifat mementingkan diri menjadi keutamaan dalam menyelamatkan diri sendiri tanpa menghiraukan orang lain.

*Maka api itu menjulang sampai ke udara*
*Hilanglah akal dengan budi bicara,*
*Masing-masing berlarilah sara-bara*
*Sedikit yang selamat banyak cedera.*
*[Rangkap 68]*

Masalah kecurian merupakan masalah yang banyak diberikan perhatian oleh Munsyi Abdullah. Dalam suatu konflik, pastinya ada manusia yang mengambil kesempatan. Begitulah orang yang berpura-pura untuk menolong angkat barangan yang dapat diselamatkan daripada dibakar api. Namun, pertolongan itu sebenarnya hanyalah muslihat sedang tujuan sebenarnya adalah untuk mencuri barangan tersebut.

*Ada beberapa jenis kelakuan manusia kulihat*
*Ada yang mencuri terlalu cepat*
*Ada yang pura-pura menolong-nolong angkat*
*Ada yang disorokkannya sebarang tempat.*
*[Rangkap 72]*

Munsyi Abdullah menggambarkan kebejatan manusia yang mengambil kesempatan demi kepentingan diri mereka tanpa menghiraukan keadaan orang lain yang sudah cukup tersepit dengan peristiwa kebakaran.

*Sekalian susah dan rugi ini telah jadi,*
*Tersebab di tempat-tempat itu tiada berperigi,*
*Sungguhpun ada sebesar-besar tudung saji*
*Apalah itu boleh jadi.*

*Jikalau ada seperti perigi-perigi di Singapura,*
*Tiadalah begitu banyak orang cedera*
*Bolehlah didapat air dengan segera*
*Gunanya bomba itu pun bolehlah ketara.*




*Sekata*

*Jikalau ada pula seorang menjadi kepala*
*Nescaya tiadalah menjadi gendala*
*Bolehlah ia kelak banting kepala*
*Tiadalah peduli orang-orang mengolah.*
*[Rangkap 108-110]*

Abdullah tidak sekadar merakamkan peristiwa kebakaran tersebut. Malah, rakaman beliau secara tidak langsung telah memberi kritikan terhadap pemerintahan penjajah pada ketika itu yang tidak menyediakan perigi besar yang mencukupi untuk digunakan bomba bagi memadamkan api. Dari sudut kepimpinan pula, tiada tokoh yang ke depan dalam memberi penghuraian terhadap masalah tersebut. Abdullah menunjukkan betapa pemerintahan penjajah mempunyai kelemahan yang jelas terpampang tatkala menghadapi kebakaran yang melanda.

## Syair Dagang Berjual-Beli[11]

*Syair Dagang Berjual-Beli* mempunyai 56 rangkap. Kandungannya memperihalkan keadaan jual-beli yang keadilannya dangkal. Tuan Siami memulakan rangkap awal dengan menyatakan tujuan penulisan syair ini iaitu perasaan tidak senang yang membuak-buak dalam hatinya.



*Inilah ditulis dijadikan khabar,*
*Hati yang dendam tidak tersabar,*
*Bukannya dibuat-buat kata ditukar,*
*Terus terang seperti tikar terhampar.*
*[Rangkap 2]*

Ternyata dalam syair ini, Tuan Siami tidak berselindung dan menyatakan kritikannya dengan jelas seperti 'tikar terhampar'. Golongan agamawan yang diharap akan mendukung moraliti hanyalah seperti 'harapkan pagar, pagar makan padi' kerana golongan ini juga tidak terlepas daripada memanfaatkan kedudukan mereka demi kepentingan sendiri. Imam mengambil kesempatan sehingga hukum agama pun dimanipulasi dan ilmu agama yang dimiliki menjadi jalan mengaut keuntungan tanpa menghiraukan etika dan moraliti sebagai seorang ahli agama. Begitu juga para haji yang tidak jujur dalam berdagang sehingga status haji itu bukanlah suatu gelaran yang mencerminkan moraliti yang unggul tetapi dipergunakan untuk mengambil kesempatan atas orang lain. Persoalan yang boleh ditimbulkan adalah sekiranya golongan yang dianggap beragama ini tidak mampu menegakkan moraliti dan perniagaan yang adil serta saksama, bagaimanakah pula keadaan mereka yang tidak mengaitkan diri mereka dengan ilmu agama?

*Imam pun khabarnya mengambil upah*
*pada yang bercerai kahwin dan nikah*
*hukum yang senang menjadi payah*
*jalan yang benar pun boleh disalah.*

*Apabila sudah mendapat suap*
*sebarang soal boleh dijawab*
*Quran dan fiqh duduk dihadap*
*begitu begini mencarikan sebab.*

*Haji-haji pun banyak berjual-beli*
*menipu bersumpah berani sekali*
*bicara berdakwah tiada yang khali*
*berulang ke polis beberapa kali.*
*[Rangkap 4-6]*

Tuan Siami, seseorang yang berkhidmat sebagai pegawai kastam, juga merupakan seorang pemerhati yang teliti. Beliau tidak hanya mengkritik satu bangsa sahaja tetapi memperihalkan keadaan setiap bangsa dalam berjual-beli berdasarkan pengamatan beliau. Dapatlah dilihat bahawa setiap bangsa terlibat dalam berjual-beli dan mempunyai ragam yang tersendiri menurut anggapan beliau.

*Perahu-perahu datang masing-masing berebut-rebut,*
*berjual-beli sambut menyambut*
*Cina-Cina Keling-Keling pandai mengugut*
*Melayu-Melayu Bugis-Bugis bodoh penakut.*
*[Rangkap 11]*

Rangkap-rangkap seterusnya menceritakan peristiwa yang dilihat Tuan Siami, iaitu keadaan seorang pedagang bergelar Nakhoda yang ditipu tetapi tidak dapat menuntut keadilan daripada pihak polis. Peristiwa ini menunjukkan betapa pemerintah British tidak menghiraukan keadaan pedagang dan hanya mengutamakan keuntungan bagi pihak mereka. Maka, keadaan ini hanya memberi peluang mereka yang tidak beretika terus mengambil kesempatan. Tuan Siami seolah-olah menyatakan bahawa menuntut keadilan daripada pihak British itu hanya menggusarkan hati dan membuang masa.

*Nakhoda mendengar perintah yang bahala[12],*
*Mengisarkan tengkolok dari kepala,*
*Di dalam hatinya sebagaikan gila,*
*Jikalau begitu tuan sudahlah.*
*[Rangkap 41]*

Tuan Siami mengkritik keadaan orang Bugis dan Melayu yang mengharapkan dan memandang tinggi Orang Putih dalam urusan-urusan yang dijalankan mereka. Frasa "pantat disumbu" merupakan imageri paling kuat yang digunakan Tuan Siami dalam syair ini. Tuan Siami menunjukkan betapa tidak berdayanya mereka menghadapi kelicikan Orang Putih yang dengan perbuatan seolah-olah 'menyuap makanan' sebenarnya menjerat pergerakan sehingga menimbulkan kesakitan yang teramat sangat dengan 'pantat disumbu' — tidak terbayang imageri yang digunakan tersebut. Menurutnya, hukum Orang Putih bukanlah demi keadilan tetapi keadilan yang sering dipromosikan sebenarnya hanyalah kepura-puraan demi kepentingan pihak penjajah sendiri.

*Akan halnya kita Bugis dan Melayu*
*harapkan Orang Putih juga selalu*
*hukum bicaranya kelihatan terlalu*
*mulut disuap pantat disumbu.*

*Khabarnya Orang Putih adil bicara,*
*menghukum memeriksa tidak bercidera,*
*baharulah ini kita ketara,*
*rupanya sekalian hukum berpura-pura.*
*[Rangkap 48-49]*

Tuan Siami mengakhiri syairnya dengan menyatakan bahawa yang mengaut keuntungan daripada segala jual-beli yang dilakukan ialah pihak British.

*Dagangan dari perahu Bugis dan Melayu,*
*Cina dan Keling membelinya laju,*
*Kepada Orang Putih diserahkan selalu,*
*Demikianlah halnya jangan tak tahu.*
*[Rangkap 55]*

Sebagai pihak yang mengaut keuntungan, keadilan dalam kalangan pedagang tidaklah penting kerana keuntungan sudah terjamin dalam keadaan apa sekalipun dan tiada desakan untuk menegakkan hukum yang adil atau etika dan moraliti yang mengangkat keadilan dan kejujuran.

## Wajah Sejarah

Membaca syair tulisan Abdullah, kebejatan manusia diperlihatkan. Kebakaran menjadi medan mengaut keuntungan dan krisis yang berlaku menjelmakan perbuatan dan sikap yang menjengkelkan. Abdullah juga bukan sekadar perakam sejarah melalui syairnya. Bahkan, syairnya menunjukkan kelompangan dalam pemerintahan penjajah dari sudut pentadbiran.

Tuan Siami pula menyusun kritikan pedas dalam syairnya terhadap golongan penjajah yang disibukkan dengan kepentingan diri sendiri tanpa menghiraukan nasib mereka yang ditindas dengan kezaliman. Manusia berterusan mengambil kesempatan atas mereka yang lemah dan undang-undang penjajah tidak berupaya menegakkan keadilan.

Kedua-dua Abdullah dan Tuan Siami telah menimbulkan permasalahan moraliti manusia yang tidak terkawal, dengan berlakunya kecurian dan permangsaan sehingga golongan beragama pun tidak terlepas daripada terjerembab dalam kancah yang bertentangan dengan agama. Perkara tersebut bukanlah sesuatu yang baharu dan sejarah berulang-ulang mengisahkan mereka yang memiliki autoriti keilmuan mempergunakan kuasa tersebut demi kepentingan diri sendiri hingga kini. Seperti kitaran sejarah yang tak terputus, keadaan yang diperihalkan oleh kedua-dua orang penulis ini masih membarah dalam watak-watak manusia zaman kini.

Dalam menghadapi suatu krisis atau konflik, pastinya terdapat pihak-pihak yang licik mengira laba. Dalam sistem jual beli yang kapitalistik, permangsaan golongan yang lemah dan tidak berupaya menjadi jalan mengaut keuntungan.

## Suluhan Sejarah

Dalam perkembangan sastera suatu masyarakat, terdapat suara yang dikumandangkan sebagai mewakili wacana dominan dan suara yang dibisukan dengan pelbagai alasan dan sebab. Munsyi Abdullah dan Tuan Siami mewakili pertentangan antara suara yang dikibarkan sebagai bapa kesusasteraan Melayu moden dan suara yang tidak kedengaran sehingga kita seolah-olah terpaksa meneka sebutan namanya. Dari segi keindahan bahasa, Tuan Siami tidak ketinggalan dalam bermain dengan metafora dan rima. Malah, susunan baitnya dalam menepati rumus penulisan syair lebih kemas daripada Abdullah, tanpa menafikan sumbangan Munsyi Abdullah yang penulisannya tidak terhad kepada genre syair sahaja.

Pembacaan karya kedua-dua orang penulis memberikan pewajahan kota Singapura yang lebih adil dan seimbang. Kajian yang lebih mendalam terhadap hasil tulisan syair kedua-dua tokoh ini berupaya mendedahkan banyak perkara tentang keadaan kota Singapura pada zaman tersebut.

Syair telah memancarkan cahayanya di kota Singa. Melalui cahaya tersebut, kita menatap wajah-wajah kota Singa dengan mata yang menyelak kebobrokan manusia di balik susunan kata-kata — membunyikan rima yang iramanya menyampaikan pesan dengan gema yang tak terpadam. Melalui syair, sejarah tidak hanya ditulis oleh mereka yang menang, kerana sastera memberi kuasa kepada golongan tertindas untuk bersuara.

Syair menjadi suluhan sejarah agar kita menyibak hikmah sebagai pencerah masa depan.

## Rujukan


Bastin, John (2008). Abdullah and Siami. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, *81*(1 (294)), 1-6.

Harun Mat Piah (1989). Puisi Melayu Tradisional: *Satu Perbicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Julia Byl, Raja Iskandar bin Raja Halid, David Lunn & Jenny McCallum (2017) The Syair Tabut of Encik Ali, *Indonesia and the Malay World*, 45(133), 421-438.

Muhammad Haji Salleh (1994) *Syair Tantangan Singapura Abad Kesembilan Belas.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Murtagh, Benjamin (2005) *The Potrayal of British in Malay Literature.* Tesis Doktor Falsafah. School of Oriental African Studies, University of London.

Proudfoot, Ian (2007). Abdullah Vs Siami: Early Malay Verdicts On British Justice. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 80*(1 (292)), 1-16.

Suratman Markasan (2020) *Kesusasteraan Melayu Singapura: Kumpulan Puisi Melayu* (1930-2015). Singapura: Yayasan Warisan Melayu.

Sweeney, Amin (2006). Abdullah Bin Abdul Kadir Munsyi: A Man Of Bananas And Thorns. *Indonesia and the Malay World*, 34(100), 223-245.

Sweeney, Amin (2006). *Karya Lengkap Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi* (Jilid 2). Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2018). *The Origin of the Malay Sha'ir*. Kuala Lumpur: Ta'dib International.

Wilkinson, R.J. (1901). *A Malay-English Dictionary*. Singapura: Kelly & Walsh Limited.

**MUHAMMAD KHAIROOL HAQUE** ialah seorang penulis karya kreatif yang berminat dengan kajian teks tradisional. Beliau telah menghasilkan kumpulan puisi *Iftitah* (2019) dan syair bertajuk *Syair Asas Ugama* (2019) terbitan Baytul Hikma, Malaysia serta kumpulan puisi remaja *Anak Waktu Belajar Diam* (2020) terbitan Unggun Creative, Singapura. Kini, beliau menuntut di Institut Pendidikan Nasional (NIE), Singapura.


[1] Rujuk *The Origin of Malay Sha'ir* oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2018) yang mengandungi perbahasan mengenai pencetus genre syair Melayu.

[2] Menurut Harun Mat Piah (1989), terdapat 12 jenis puisi Melayu tradisional dengan syair merupakan salah satu daripadanya.

[3] Syair ini diterbitkan dalam *The Journal of the Indian Archipelago* dengan judul Inggeris. Namun, kandungannya dalam bahasa Melayu dengan teks berhuruf Jawi. (Amin Sweeney, 2006:217)

[4] Rujuk makalah *The Syair Tabut Of Encik Ali* oleh Julia Byl, Raja Iskandar bin Raja Halid, David Lunn & Jenny McCallum (2017).

[5] Rujuk *Early Malay Printed Books* oleh Proudfoot (1993) hlm. 38.

[6] Rujuk Kesusasteraan *Melayu Singapura* oleh Suratman Markasan (2020).

[8] Terbitan Gerakbudaya, Malaysia.

[9] Kebanyakan syair ini masih dalam bentuk manuskrip. Rujuk *The Potrayal of British in Malay Literature*. Benjamin Murtagh. (2005) hlm. 54-69 untuk maklumat ringkas berkenaan syair-syair tersebut.

[10] Tukilan syair daripada hasil transliterasi Amin Sweeney (2006) dengan sedikit perubahan ejaan untuk mempermudah bacaan.

[11] Tukilan syair daripada hasil transliterasi Muhammad Haji Salleh (1994) dengan sedikit perubahan ejaan untuk mempermudah bacaan.

[12] bencana

# MAKNA 'JANTAN' DALAM UNGKAPAN MELAYU TENAS EFFENDY DARI GAGASAN KRITIKAN MELAYU S. OTHMAN KELANTAN

***Noor Hasnah Adam***

## PENDAHULUAN

Penggunaan simbol 'Jantan' dalam ungkapan Melayu sering menimbulkan pertanyaan, mengapakah lelaki hanya digelar 'jantan' dan tidak disebut lelaki atau pemuda? Hal ini berbeza pula dengan ungkapan Melayu berkenaan wanita, yang dibahagikan kepada 5 kategori, iaitu dara, bini, isteri, ibu dan perempuan. Dalam konteks pemahaman masyarakat zaman dahulu, maksud jantan sama penerimaan ertinya dengan lelaki. Penggunaan istilah 'jantan' dalam masyarakat Melayu membawakan konotasi makna yang positif dan negatif (makalah ini hanya akan membincangkan aspek simbol positif). Pada zaman dahulu, gelaran 'anak jantan' dibaca dalam konotasi makna yang positif, iaitu lambang keberanian, sementara gelaran 'bukan anak jantan' pula dianggap sebagai pengecut dan membawa keaiban kepada diri dan keluarga. Justeru banyak watak dalam karya klasik yang menerapkan unsur-unsur 'kejantanan' ke dalam diri watak dan perwatakan pahlawan atau hero bagi sesebuah cerita. Bagaimana pun perubahan budaya yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini, memberi anjakan makna kepada penerimaan perkataan 'jantan'. Pada zaman sekarang, apabila seorang itu digelar 'jantan' akan menimbulkan rasa tidak senang hati atau meradang kepada yang digelar kerana menganggap gelaran sebegitu sebagai suatu penghinaan. Tinjauan umum yang dilakukan di media-media sosial menunjukkan berlakunya pertengkaran antara lelaki dan wanita disebabkan kata panggilan seperti 'jantan' dan 'betina'. Situasi ini secara tidak langsung telah memperlihatkan wujudnya perubahan budaya hidup dalam masyarakat, khususnya terhadap penerimaan konsep 'jantan'. Apatah lagi di Singapura dewasa ini, isu mysogyny yang dimainkan oleh juruhebah-juruhebah stesen radio OkLetsGo, iaitu prejudis terhadap wanita sering dibahaskan sehingga campur tangan pemimpin masyarakat.

Ungkapan Melayu merupakan salah suatu bentuk puisi Melayu tradisional yang diungkapkan secara lisan dan kaya dengan nilai susastera. Ungkapannya bukan hanya mengandungi penjelasan panjang lebar tentang falsafah kehidupan masyarakatnya, tetapi juga sarat dengan makna dan nilai melalui ungkapan-ungkapan yang berfungsi sebagai penjelasan. Dengan demikian, sesebuah ungkapan tunggal akan bertambah dengan ungkapan penjelasannya, sehingga menjadi untaian ungkapan yang kadangkala cukup panjang. Cara ini disebut, "menokok menambah, menampal, menyulam, supaya yang tersirat nampak tersurat, yang terlindung dapat tersingkap, yang tersembunyi dapat didedahkan". Selain menjadi bahan pengajaran dan nasihat kepada generasi muda, ungkapan-ungkapan Melayu mempunyai banyak lambang yang mempunyai lapisan makna, sekali gus memaparkan pemikiran serta pandangan hidup manusia Melayu.

Makalah ini akan membincangkan makna tersirat perkataan 'jantan' yang pernah wujud dalam cerita sastera lisan masyarakat Melayu dan telah dibukukan pada tahun 2012 dengan tajuk '*Ungkapan Melayu-Pemahaman dan Permasalahannya*' (selepas ini akan diringkaskan sebagai *Ungkapan Melayu*) oleh Tenas Effendy bagi memperlihatkan unsur-unsur pemikiran masyarakat dan khazanah ilmu bangsa Melayu yang terkandung di dalamnya. Segala intipati khazanah ilmu tersebut sepatutnya dimiliki dan dimanfaatkan oleh lelaki Melayu terutamanya, supaya mereka 'menjadi orang' dan mampu menjadi 'khalifah' bagi memimpin masyarakatnya. Kajian tentang simbol 'Jantan' ini penting bagi menganalisis pandangan dunia (*worldview*) masyarakat Melayu lama berdasarkan maksud tersurat dan tersirat dalam ungkapan Melayu.

Pendekatan yang akan digunakan bagi tujuan penganalisisan data kajian terpilih ialah Gagasan Kritikan Melayu oleh S. Othman Kelantan (1998). Gagasan Kritikan Melayu mempunyai sepuluh prinsip utama. Pertama, memberikan tumpuan terhadap teks memandangkan hanya teks yang menjadi alat untuk menimbulkan kritikan. Kedua, menggunakan lambang, imej, peristiwa, cerita, alegori dan sebagainya, kerana melalui penggunaan setiap unsur yang amat rapat dengan alam persekitaran orang Melayu itu dapat diwujudkan kritikan secara tersirat. Ketiga, tumpuan ke atas perilaku atau tindakan watak tertentu yang menyebabkan berlakunya sesuatu kejadian atau peristiwa yang luar biasa, supaya dapat menyampaikan pengajaran atau kritikan tertentu. Keempat, menimbulkan kesedaran melalui sesuatu kejadian dalam cerita, sama ada melalui lambang atau imej alamiah, atau manusia. Kelima, harus berupaya menyumbangkan ilmu kerana setiap teks sastera Melayu (klasik terutamanya) menyerap budaya dan cita rasa Islam yang membawa kepada pemikiran akliah, bukan seni semata-mata. Keenam, membawa contoh yang lebih baik, dengan dasar kritikan bertunjangkan ilmu, mengemukakan hujah atau alasan yang lebih baik, sesuai dengan anjuran agama Islam. Ketujuh, kritikan menyentuh soal kebatinan atau kerohanian dalam teks sastera bagi memaparkan budaya Melayu. Kelapan, kritikan perlu juga meneliti imaginasi, iaitu bagaimana sesuatu imaginasi itu dianggap benar dan ia diadun dengan imaginasi kreatif. Kesembilan, kritikan bersifat intelektual dan sindiran yang dikemukakan dalam karya memperlihatkan sifat intelektual pengarangnya. Kesepuluh, kritikan mementingkan pengucapan bahasa yang halus dan penuh estetika.

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Pada umumnya ungkapan *Ungkapan Melayu* memperlihatkan penggunaan simbol 'jantan' yang boleh dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu kategori 'positif' dan 'negatif'. Daripada semua ungkapan Melayu yang berhubung dengan perkataan jantan dalam koleksi ini, didapati sejumlah 52 daripada 178 simbol jantan yang mempunyai maksud positif. Semua simbol tersebut merakamkan cara-cara orang Melayu menghayati hidup yang dianggap unggul dengan unsur yang terkandung dalam pandangan alam (*weltanschauung*) dan budaya alam bangsa Melayu. Mereka melihat alam tabii sebagai penuh makna, simbolisme, gurindam dan syair. Mereka juga hidup berteraskan prinsip harmoni dengan alam, yang dihayati melalui ritual dan manifestasi kebudayaan. Manifestasi kebudayaan tersebut biasanya digariskan oleh semiotik tabii dan kosmologi kebudayaan yang diwarisi dan dimantapkan generasi demi generasi. Prinsip kedua Gagasan Kritikan Melayu banyak tertumpu kepada penggunaan lambang, imej, peristiwa, cerita, alegori dan sebagainya. Alegori ialah majas yang menjelaskan maksud tanpa secara harafiah, yang lazimnya merujuk kepada penggunaan retorik, namun tidak semestinya ditunjukkan melalui bahasa semata-mata. Misalnya alegori dipamerkan melalui lukisan, pahatan, dan sebagainya. Justeru, dengan sendirinya wujud kritikan dalam kesusasteraan yang tertumpu pada lambang, imej, peristiwa, cerita, alegori dan sebagainya, yang amat rapat dengan alam persekitaran orang Melayu, untuk mendapatkan makna atau pengertian yang tersirat. Berdasarkan *Ungkapan Melayu* penggunaan simbol 'jantan' bagi kategori 'positif' dapat dibahagikan kepada empat golongan simbol, iaitu 'benda', 'perilaku', 'konsep' dan 'sifat' seperti Jadual 1 berikut;

JADUAL 1: KATEGORI UNGKAPAN MELAYU TENTANG 'JANTAN POSITIF'

| | Benda | Perilaku | Konsep | | Sifat | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | cikar | acu | aduan | Abadi | adil | cerdas |
| 2 | santan | ingat | akhlak | Bawaan | baik | elok |
| 3 | bara | awas | adat | Baka | bijak | halus |
| 4 | cedak | padan | contoh | | alim | sabar |
| 5 | kawan | giat | juara | | gagah | yakin |
| 6 | ayah | | kampung | | jinak | laku |
| 7 | pasak | | patut | | licin | lurus |
| 8 | betik | | tokoh | | liat | lasak |
| 9 | tulang | | sabungan | | tabah | cerdik |
| 10 | | | pilihan | | lincah | faham |
| 11 | | | berisi | | handal | berani |
| 12 | | | | | iba | cergas |
| 52 | 9 | 5 | 14 | | 24 | |

## 1. Simbol Jantan Positif dalam Kategori Benda

Simbol Jantan positif berkaitan lambang benda dalam lingkungan masyarakat Melayu ini merupakan kata nama am, dari benda zahir sehingga kata nama gelaran. Benda-benda zahir merupakan benda-benda yang lazim digunakan oleh masyarakat Melayu. Begitu juga dengan gelaran yang biasa digunakan dalam kesantunan masyarakat Melayu. Jadual 1 di atas, memperlihatkan kategori 'benda' terdiri daripada perkataan 'Jantan Cikar', 'Jantan Santan' , 'Jantan Bara', 'Jantan Kawan', 'Jantan Ayah', 'Jantan Pasak', 'Jantan Betik', 'Jantan Tulang' dan 'Jantan Cedak'. Jantan yang disimbolkan dengan benda maujud tersebut berkait rapat dengan sifat benda itu sendiri, yang maksudnya menggambarkan alam sekitar, kepercayaan, serta budaya kehidupan masyarakat. Dalam ungkapan Melayu tentang jantan positif kategori benda, terdapat lambang daripada alam semula jadi seperti buah-buahan tempatan untuk mengaitkan lambang jantan, iaitu 'jantan santan' dan 'jantan betik', iaitu bahan makanan (unsur alam) yang banyak tumbuh di Alam Melayu. Penggunaan lambang, imej, peristiwa, cerita, alegori dan sebagainya seperti ini ditegaskan oleh Gagagsan Kritikan Melayu yang melihat setiap unsur diaplikasi dalam karya sastera adalah amat rapat dengan alam persekitaran orang Melayu itu sendiri sehingga penggunaannya berupaya mewujudkan kritikan secara tersirat terhadap masyarakat. Santan misalnya, merupakan bahan keperluan asas dan penting dalam kegunaan pelbagai jenis masakan tradisi masyarakat Melayu. Masakan kuih muih atau lauk pauk Melayu tidak akan menjadi sedap tanpa santan atau kekurangan santan. Dalam konteks ini, santan bukan hanya berperanan sebagai penentu kelazatan rasa sesuatu masakan, tetapi juga untuk menilai sifat tukang masak yang tidak ikhlas atau kedekut. Contoh dalam teks *Ungkapan Melayu* menggambarkannya seperti berikut;

*Yang disebut"jantan santan":*
*"keturunan elok,dada beriman*
*ilmu dituntut ia amalkan*
*pantang dan larang ia ikutkan*
*kasihnya tidak memilih kawan*
*adilnya tidak memandang kekayaan*
*hidupnya menjadi suri teladan*
*petuahnya menjadi tempat pegangan*
*hidup setia mati beriman*
*kepada mengalir rahmat tuhan"*
*(2012, m/s.376-377).*

Bagi lelaki yang digelar 'Jantan Santan' dalam contoh ungkapan di atas adalah merujuk kepada lelaki yang berketurunan baik, penuh iman di dada dan segala ilmu yang dipelajarinya diamalkan dalam kehidupan. 'Jantan Santan' menjadi simbol bagi lelaki yang akur mematuhi segala pantang larang, memiliki sifat kasih sayang terhadap kawan-kawan tanpa memilih kedudukan, serta berlaku adil dan tidak memandang kekayaan. Lelaki sebegini hidupnya sentiasa menjadi suri teladan dengan segala petunjuk dan petua akan dijadikan pegangan. Gambaran hidup lelaki seperti ini dikatakan penuh setia dan matinya pula dalam keimanan serta mendapat rahmat Tuhan. Sebagaimana santan banyak kegunaannya dalam masakan dan kuih-muih masyarakat Melayu, simbol 'Jantan Santan' menjadi suatu simbol jantan positif dan wajar dicontohi oleh anggota masyarakat.

Betik pula merupakan sejenis buah yang banyak ditanam di Alam Melayu, yang digemari untuk dimakan kerana khasiatnya. Selain menjadi sumber makanan yang murah dan mudah didapati, buah betik juga mengandungi khasiat yang tinggi dengan kandungan hampir semua zat makanan yang diperlukan bagi kesihatan tubuh. Antara khasiatnya ialah dapat mencegah sembelit, mencegah kulit berjerawat, mencegah terjadinya batu dalam pundi-pundi kencing dan mengubati sakit-sakit otot. Pucuk daun betik digunakan secara tradisional oleh para dukun Melayu dalam memberi rawatan penyakit-penyakit yang berkaitan darah (seperti denggi) dan selalunya berpunca daripada nyamuk. Justeru, pokok betik ditanam di halaman hampir setiap rumah kampung. Berdasarkan data ungkapan Melayu yang dikaji, menunjukkan bagaimana subjek ' jantan betik' dipaparkan dalam karya sastera Melayu tradisionl sebagai mempunyai kelebihan tersendiri, seperti ungkapan 'Jantan Betik' yang dipaparkan dalam contoh berikut:

*Yang disebut "jantan betik'*
*rupa tampan budi pun baik*
*(2012, m/s.381-382)*

Petikan contoh ungkapan di atas memperlihatkan penggunaan istilah 'jantan betik' sebagai merujuk kepada lelaki yang tampan dan baik serta gemar berbakti kepada masyarakatnya. Oleh itu, penggunaan 'jantan betik' dalam *Ungkapan Melayu* adalah merupakan simbol atau perlambangan bagi sifat dan sikap lelaki yang baik dan berguna kepada masyarakatnya. Oleh yang demikian, penggunaan kata 'santan' dan 'betik' dalam *Ungkapan Melayu* telah dijadikan sebagai lambang pemikiran dan tanggapan masyarakat dengan makna positif terhadap orang lelaki yang bergelar 'Jantan Santan' dan 'Jantan Betik'.

Perkataan 'Cikar' pula merupakan pedati atau kereta roda tradisional yang menggunakan tenaga lembu, sapi atau kerbau untuk menggerakkannya. Pada zaman sebelum teknologi kenderaan berenjin, masyarakat banyak bergantung pada cikar untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat. Cikar adalah umpama teksi pada hari ini yang menghubungkan manusia dengan suatu tempat lain. Namun begitu, kaedah pengendaliannya perlu sangat berhati-hati kerana kenderaan tersebut menggunakan tenaga haiwan, yang tindak tanduknya sukar diramalkan. Ungkapan Melayu menggunakan simbol 'Jantan Cikar' bagi menerangkan tentang lelaki yang sangat berhati-hati dalam membuat sesuatu pekerjaan dan tindakan, mempunyai fikiran yang tajam dan hati yang baik seperti simbol 'Jantan Cikar' dalam ungkapan berikut ;

*Yang disebut"jantan cikar":*
*"fikiran tajam, hati pun besar*
*memikul beban tiada ingkar*
*bekerja tangkas lurus dan benar*
*bercakap tidak pernah mengasar*
*menghadapi masalah tiada gentar*
*menjalankan tugas siap sebentar*
*namanya baik tiada tercemar*
*kepada dirinya orang bersandar"*
*(2012, m/s.373)*

Berdasarkan ungkapan di atas, lelaki yang digelar 'Jantan Cikar' dalam Ungkapan Melayu digambarkan sebagai tidak pernah ingkar atau merungut pada beban yang dipikulnya, malah berani menghadapi masalah tanpa perasan gentar. Pekerjaan yang dilakukannya dengan tangkas dan cepat, serta dengan benar dan jujur. Percakapannya dikatakan sebagai tidak pernah kasar, namanya tidak pernah tercemar bahkan menjadi rujukan oleh masyarakat. Frasa 'orang bersandar' dalam petikan di atas bermaksud dirinya menjadi harapan keluarga dan masyarakat dan diharapkan dapat membantu serta melindungi masyarakatnya. Sebagaimana cikar yang menjadi keperluan mustahak masyarakat pada zaman tersebut, sangat lasak dalam menanggung segala tanggung jawab, begitu juga dengan sifat 'Jantan Cikar' yang perlu ada dalam diri lelaki, seperti yang digambarkan dalam Ungkapan Melayu.

Perbincangan di atas memperlihatkan kesesuaian prinsip kedua Gagasan Kritikan Melayu digunakan bagi tujuan menghuraikan makna teks dalam *Ungkapan Melayu*, kerana prinsip tersebut menekankan peri pentingnya penggunaan lambang, imej, peristiwa, cerita, alegori dan sebagainya sebagai satu cara atau kaedah menegur, menyaran atau mengkritik masyarakat pada masa tersebut. Melalui penggunaan unsur-unsur yang rapat dengan alam persekitaran orang Melayu itu, akan dapat mewujudkan kritikan secara tersirat. Justeru, penggunaan lambang santan, betik dan cikar dalam contoh Ungkapan Melayu di atas memperlihatkan makna tersirat dalam pemikiran Melayu, khususnya berhubung dengan ciri-ciri positif seseorang lelaki pada ketika itu. Mereka tidak menerangkan sifat-sifat positif yang diingini dalam masyarakat secara langsung, sebaliknya menggambarkannya melalui penggunaan simbol-simbol yang membayangkan ketinggian pemikiran masyarakat yang tercermin melalui penggunaan kias ibarat, tamsil dan lambang-lambang.

## 2. Simbol Jantan Negatif dalam Kategori Binatang

Penggolongan Jantan Negatif dibuat berdasarkan 'benda', 'perilaku', 'konsep' dan 'sifat'. Terdapat 126 simbol jantan yang membawa maksud negatif seperti rajah berikut;

JADUAL 2 : KATEGORI UNGKAPAN MELAYU TENTANG 'JANTAN NEGATIF'

| | Benda | Perilaku | Konsep | | Sifat | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | balu | lenggang | lagak | agak | angit | bingal |
| 2 | budak | ajak | akuan | angan | pusang | bingung |
| 3 | bidak | angguk | nama | asap | basah | cela |
| 4 | kuda | sengat | bala | dajal | biang | cuai |
| 5 | congkak | acah | sial | rupa | bodoh | degil |
| 6 | langau | hanyut | aib | kentut | hina | dongol |
| 7 | kandang | debus | malang | angin | engkek | galak |
| 8 | tungau | gaduh | suara | bayangan | dakar | gugup |
| 9 | pasar | mabuk | demam | piaraan | jahat | lemah |
| 10 | dapur | amuk | gaya | | keparat | manja |
| 11 | ayam | pesong | haram | | lalai | iri |
| 12 | bangkai | | celaka | | lengah | lusuh |
| 13 | bibir | | | | liar | miang |
| 14 | seluar | | | | majal | gila |
| 15 | mulut | | | | nekad | hodoh |
| 16 | baju | | | | waswas | bengal |
| 17 | lepat | | | | pekak | dungu |
| 18 | pakaian | | | | rosak | bisu |
| 19 | mayat | | | | takabbur | buta |
| 20 | lempeng | | | | nyanyuk | cemburu |
| 21 | kasut | | | | pengecut | diam |
| 22 | kerak | | | | peradang | jahil |
| 23 | pasu | | | | perajuk | culas |
| 24 | badan | | | | cacat | ompong |
| 25 | agas | | | | curang | kedekut |
| 26 | tunggul | | | | dayus | layu |
| 27 | | | | | bebal | fasik |
| 28 | | | | | gamang | gatal |
| 29 | | | | | dekil | kemak |
| 30 | | | | | bahlul | penderas |
| 31 | | | | | cabul | pemanas |
| 32 | | | | | hoyak | borak |
| 33 | | | | | bohong | ledah |
| 34 | | | | | pemadat | congel |
| 126 | 26 | 11 | 21 | | 68 | |



Berdasarkan jadual 2, simbol Jantan yang dikaitkan dengan binatang hanya terdapat pada unsur negatif. Jantan positif tidak diberi simbol binatang. Lambang jantan berkaitan binatang ialah 'Jantan kuda', 'Jantan langau', 'Jantan tungau', 'Jantan ayam' dan 'Jantan agas'. Simbol jantan negatif berkaitan serangga pula ialah 'Jantan Langau', 'Jantan Tungau' dan Jantan Agas'.

Langau ialah lalat besar berwarna hijau yang menggigit dan berdengung-dengung bunyinya. Langau kelihatan gelojoh ketika memakan bangkai dan najis. Kuman yang ada pada kakinya boleh mengakibatkan makanan manusia yang dihinggapinya turut kotor sehingga boleh membawa penyakit. 'Langau merah' merupakan peribahasa yang bermaksud orang yang mencari keuntungan daripada perbuatan atau hal yang kotor. 'Bagai *langau di ekor gajah' pula membawa pengertian orang yang* selalu tunduk kepada kemahuan orang besar atau orang1 pandai. Justeru 'Jantan Langau' ialah lelaki yang sangat buruk sifatnya kerana sanggup mendapatkan rezeki atau kemewahan dengan cara kotor. Namun lelaki sebegini biasanya menjadi kebencian dan dendam masyarakatnya. Hidupnya tidak selamat ibarat diratapi langau hijau, nasib dagang yang mati di rantauan kerana matinya tidak dipedulikan orang, seperti ungkapan Melayu berikut;

*Yang disebut "jantan langau":*
*"hidup meniru sifat langau*
*Memakan bangkai gelak berderau*
*Busuk dan ledah ia tak risau*
*Akhirnya mati termakan santau." 2*
*(2012, m/s.392)*

Berdasarkan ungkapan di atas, 'memakan bangkai' bermakna melakukan perbuatan jahat seperti menggunjing, mengumpat dan memfitnah saudara Islamnya. Segala dosa tidak dihiraukannya. Ungkapan ini berkaitan dengan ajaran agama Islam melalui kandungan Al-Quran Surah Al-Hujurat ayat 12;

*"Dan janganlah kalian saling menggunjing. Adakah seorang di antara kamu yang suka memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang"*

Ungkapan 'Jantan Langau' turut menyebut, 'akhirnya mati termakan santau'. Melalui budaya masyarakat Melayu Petalangan, memang wujud budaya santau-menyantau dengan menggunakan ilmu sihir untuk memberi kemudaratan kepada seseorang yang ditaruh dendam. Menurut masyarakat Melayu Petalangan, kebiasaannya jika seseorang termakan atau terkena santau disebabkan mulutnya yang tidak pandai dijaga ibarat; rosak santan kerana pulut, rosak badan kerana mulut3. Namun secara tersirat, termakan santau juga boleh bermaksud matinya kerana sikap jahatnya sendiri ibarat senjata memakan tuan.

Tungau pula ialah sejenis kutu kecil yang berwarna kemerahan dan hidupnya memakan kulit mati dan mengakibatkan kulit menjadi gatal. Biasanya ada pada kulit ayam. Sebab itu ada peribahasa berbunyi 'mati ayam, mati tungau' yang bermaksud jika tuannya celaka, anak buahnya ikut merasakan celaka juga. Justeru 'Jantan tungau' ialah lelaki yang hatinya kecil, berfikiran pendek dan sering risau. Lelaki sebegini tidak tahu berdikari kerana hidupnya bergantung pada seseorang. Hidupnya sentiasa sengsara. Hidup matinya tidak dipedulikan orang, seperti ungkapan Melayu berikut;

*Yang disebut "jantan tungau":*
*"hatinya kecil seperti tungau*
*Fikiran pendek hidup perisau*
*Hidup memepak selat dan pulau*
*Akhirnya mati badan berlangau.4"*
*(2012, m/s.400)*

Berdasarkan ungkapan di atas, 'memepak' bererti memenuhi atau melengkapi sesuatu kawasan. Dapat difahami maksudnya bahawa Hidup 'Jantan Tungau' hanya dalam kawasan sekitarnya, iaitu selat dan pulau. Lelaki ini tidak berani keluar dari kawasan atau zon selesanya. Disebabkan suka memencilkan diri, matinya tidak disedari orang sehinggakan mayatnya dikerumuni langau. 'Matinya tidak disedari' memberi siratan makna lain iaitu kematiannya tidak menjejas masyarakatnya kerana dirinya bukanlah ahli masyarakat yang penting dan berguna.

Manakala agas pula merupakan serangga yang menggigit. Meskipun ukurannya lebih kecil daripada nyamuk, kesan gigitannya lebih buruk. Berbeza dengan nyamuk yang terasa ketika menggigit, gigitan agas sering kali tidak terasa kerana ukurannya yang kecil. Kesannya mulai terasa beberapa minit setelah gigitan. Gigitan agas secara individu tidak akan begitu mengganggu, namun sering kali agas menyerang dalam kelompok sehingga kesannya menjadi berganda. Agas betina menggigit untuk menghisap darah mamalia, termasuk manusia. Justeru simbol 'jantan Agas' membawa maksud seseorang yang kerjanya asyik mengganggu dan menganiaya manusia lain. Lelaki ini sentiasa menghisap darah orang sehingga orang itu rasa tertindas dan lemas.

*Yang disebut " jantan agas":*
*"menganiaya orang tiada belas*
*menghisap darah licin dan tandas*
*ia kenyang orang yang lemas*
*akhirnya mati kena bidas" 5*
*(2012, m/s.378)*

Berdasarkan ungkapan di atas, 'menghisap darah' ialah perbuatan mengambil kesempatan terhadap orang yang lemah demi kepentingan dan keuntungan diri sendiri. Perbuatan ini merupakan suatu penganiayaan dan penindasan terhadap orang lain. Dirinya menjadi kaya dan mendapat untung tetapi orang lain dibiarkan rugi dan susah. Akibat sikap negatifnya, orang menjadi marah dan berdendam. Sebab itulah matinya kerana 'bidas' orang yang mahu menuntut keadilan.

Simbol Jantan negatif berkaitan binatang pula ialah kuda dan ayam. Haiwan ini dianggap negatif kerana sifat negatif yang ada padanya.

Walaupun ayam sabungan dianggap positif dan diangkat sebagai suatu simbol kemegahan, namun ayam jantan secara dasar dianggap negatif kerana hanya asyik mengejar betina siang dan malam. Pantang melihat dahi licin, pasti akan rasa menggeram. Ayam-ayam juga sanggup bertelagah sesama sendiri kerana merebutkan betina. Biar berperang dan berbunuhan, kerana betina sanggup dilakukan segala-galanya. Ada ayam jenis mutiara atau ada yang menggelarnya ayam api-api. Ayam jenis ini memang suka mengapi-apikan pergaduhan ayam-ayam lain yang merebutkan betina. Ayam juga dianggap menyombong dan bercakap besar sebab sering berkokok bersahutan untuk menampilkan kehebatan. Peribahasa 'Asal ayam pulang ke lombong; asal itik pulang ke pelimbahan' bermaksud sikap dan tabiat seseorang tidak mungkin akan berubah. Tabiat negatif inilah[6] yang dikaitkan dengan simbol 'jantan ayam'. Justeru makna siratan 'Jantan Ayam' dikatakan ialah lelaki yang cakapnya penuh mengangkat diri sendiri mendabik dada. Lelaki sebegini menggeram kalau melihat perempuan dan kerjanya asyik mengejar perempuan, seperti ungkapan Melayu berikut;

*Yang disebut "jantan ayam":*
*"cakap meninggi bagai kokok ayam*
*mengejar betina siang dan malam*
*menengok hati yang cantik hati menggeram*
*malu menimpa muka pun hitam*
*hidup sengsara hatinya karam*
*diejek oleh seisi alam"7*
*(2012, m/s.380)*

Simbol 'Jantan Ayam' di atas terpapar pada satu watak dalam sastera rakyat, cerita penglipur lara Hikayat Malim Deman. Malim Deman ialah seorang putera raja yang ingin mencari isteri dijadikan permaisuri. Walaupun demikian, penceritaan awal sebelum bertemu Puteri Bongsu, ada mengisahkan tentang rasa berahinya pada Si Kembang Cina. Maksudnya, Malim Deman sudah mempunyai banyak gundik sebelum berkahwin dengan Puteri Bongsu yang berasal daripada kayangan. Malim Deman memang suka dengan layanan perempuan cantik. Justeru setelah berkahwin dengan Puteri Bongsu dan memiliki seorang anak, Malim Deman kembali pada tabiat lamanya bersuka-sukaan dengan wanita lain sehingga lalai dan alpa pada tanggung jawabnya sebagai suami dan bapa. Anak bini dipersiakannya. Malim Deman hanya menghargai anak dan isteri setelah mereka pergi meninggalkan dirinya. Barulah Malim Deman berasa insaf dan berjuang untuk memiliki mereka kembali[8]. Inilah salah satu contoh watak yang boleh menggambarkan simbol 'Jantan Ayam'. Biarpun akhir cerita merupakan pengakhiran bahagia kerana mereka bersatu kembali sebagai keluarga bahagia, namun watak yang dipaparkan pada Malim Deman ialah simbol 'Jantan Ayam'.

Seperti mana 'Jantan Ayam' yang pantang melihat betina, begitu juga lelaki yang digelar 'jantan kuda'. Dalam pantun warisan Melayu, sering tergambar kuda sebagai pembayang yang membawa maksud negatif seperti berikut;

*Anak kuda terlonjak-lonjak*
*Mati tersadai di tengah padang*
*Siapa bongkak lagi berlagak*
*Sebelah mata orang tak pandang9*

Jantan Kuda dikatakan bernafsu besar. Kalau sudah melihat betina, lelaki sebegini akan cepat lupa diri dan gelap mata. Walaupun kelihatan gagah, lelaki sebegini tetap hina kerana tertakluk pada nafsunya. Imam Al-Ghazali mengumpamakan nafsu sebagai kuda-kuda yang liar. Jika tidak terdidik, kuda itu akan mengamuk dan menjatuhkan orang yang menunggangnya. Sebaliknya jika berjaya dijinakkan, kuda itu dengan mudah dapat ditunggangi mengikut mana jua hala tuju. Begitulah nafsu, jika dididik dengan betul, boleh membawa kebaikan. Sama juga dengan pandangan manusia Melayu, nafsu kuda diibaratkan bagai seseorang yang gagal mengawal nafsunya sehingga menjadi liar dan rakus. Asalnya kuda itu kuda juga dan keldai itu keldai juga. Tiap-tiap sesuatu itu kembali pada asalnya sama ada baik atau pun jahat[10]. Dalam Sulalatus Salatin Sejarah Melayu turut menceritakan kisah Raja Suran dari bawah laut mahu kembali ke bumi dengan menunggang seekor kuda semberani jantan yang digelar Farasu'l-Bahri. Pada awalnya, kuda itu tidak mahu mendarat di atas bumi. Namun setelah diumpan dengan kuda betina yang baik di darat, kuda jantan yang ditunggang Raja Suran akhirnya mahu mendarat di Temasek.

Justeru 'Jantan Kuda' sudah tentu menjadi lambang negatif iaitu lelaki yang gagal mengawal nafsu liarnya. Sebagaimana Hikayat Malim Deman yang telah disebut tadi, simbol 'Jantan Kuda' juga wajar menggambarkan dirinya yang lupa diri. Lupa tanggung jawab kepada anak isteri. Walaupun gagah tetapi perangainya sangat hina, seperti ungkapan Melayu berikut;

*Yang disebut "jantan kuda":*
*"nafsu tinggi besar selera*
*Kalau sudah menengok betina*
*Lupa diri gelaplah mata*
*Di atas punggungnya orang berkuda*
*Walaupun gagah tetaplah hina[11]."*
*(2012, m/s.391)*

## PENUTUP

Berdasarkan perbincangan terhadap simbol jantan positif bersandarkan Gagasan Kritikan Melayu, dapat dirumuskan bahawa sejumlah 52 Ungkapan Melayu tentang Jantan Positif dan 126 Ungkapan Melayu tentang Jantan Negatif dalam teks berupaya menjelaskan semua prinsip dalam Gagasan Kritikan Melayu. Ungkapan Melayu ternyata berupaya menjadi bahan kritikan terhadap masyarakatnya. Melalui analisis teks, penggolongan 'jantan positif' terhadap unsur 'sifat' lebih banyak jumlahnya kerana secara langsung dapat menjelaskan maksud lambang jantan. Melalui prinsip kedua Gagasan Kritikan Melayu menunjukkan, perlambangan jantan menggunakan unsur benda dan perilaku bagi memaparkan imej tersirat yang mengungkapkan budaya, alam, kerohanian dan estetika. Dengan cara ini, teks berupaya memperlihatkan pemikiran masyarakat, kerana simbol benda yang digunakan amat dekat dengan persekitaran masyarakat Melayu, iaitu unsur alam, gelaran manusia dan benda. Berdasarkan prinsip ketiga gagasan pula menunjukkan perlakuan yang betul memberikan kesan baik kepada seseorang lelaki dan masyarakat seluruhnya. Misalnya melalui simbol 'Jantan Positif' yang mementingkan seseorang memiliki ilmu, memaparkan unsur tersirat melalui lambang-lambang yang memberi ilmu kepada pembaca.

Dapatan juga menunjukkan lambang jantan banyak menggunakan sikap dan perilaku lelaki. Perilaku dan sikap jantan yang 'patut' diserlahkan dalam ungkapan Melayu menunjukkan perlakuan yang memberi kesan baik kepada masyarakat dalam bentuk pengajaran, nasihat dan nilai mulia sebagai pedoman. Sekali gus sejajar pula prinsip keempat dalam Gagasan Kritikan Melayu, iaitu untuk menimbulkan kesedaran dan memberi pengajaran serta memberi contoh yang baik kepada masyarakat. Selain itu, ungkapan tentang 'Jantan Positif' menyentuh unsur kerohanian, iaitu kehidupan sesudah mati. Dalam pemikiran masyarakat pemakai ungkapan Melayu Jantan, segala tindakan dan sikap jantan semasa hidupnya akan memberi kesan semasa hidup dan juga selepas mati, berkait rapat dengan ajaran agama Islam yang mementingkan kebaikan semasa hayat untuk menikmati pengakhiran yang indah di alam akhirat. Penemuan ini sejajar pula dengan Gagasan Kritikan Melayu ketujuh yang menyentuh kebatinan dan kerohanian. Seterusnya ungkapan tentang 'Jantan Positif' turut meneliti imaginasi sejajar dengan Gagasan Kritikan Melayu Kelapan. Segala lambang yang berkaitan dengan sesuatu yang abstrak membangkitkan imaginasi sekaligus dapat dikaitkan dengan cerita rakyat, kepercayaan masyarakat dan sebagainya.

Ungkapan Melayu terbukti memaparkan estetika berbahasa, melalui penggunaan bahasa berirama dan terikat pada bentuk, selain estetika unsur pada pilihan perkataan dalam ungkapan Melayu itu. Selain itu, banyak lambang jantan yang dibincangkan juga memperlihatkan bagaimana seseorang jantan itu berbahasa boleh memberi kesan terhadap dirinya, keluarga dan masyarakat. Dapat dilihat bagaimana masyarakat mementingkan kesantunan berbahasa dalam perhubungan hidup bermasyarakat. Ada kritikan sinis terhadap 'jantan negatif' menggunakan lambang haiwan tetapi terhad pada haiwan yang bukan haram sifatnya. Lambang serangga, binatang dan haiwan digunakan untuk membentuk kritikan intelektual terhadap golongan tertentu, sejajar dengan Gagasan Kritikan Melayu Kesembilan. Terdapat kaitan makna dalam lambang jantan binatang dan serangga yang dijelaskan iaitu 'Jantan Kuda', 'Jantan Ayam', 'Jantan Langau', 'Jantan Agas' dan 'Jantan Tungau'. Segala simbol jantan berkaitan 'binatang' ini diilhamkan mengikut imaginasi penciptanya sejajar dengan prinsip kelapan Gagasan Kritikan Melayu. Namun pilihan haiwan dan serangga itu tidak keterlaluan sifatnya. Tiada pula unsur haiwan yang haram seperti anjing dan babi. Dalam keindahan bahasa ungkapan Melayu ini, terpapar nilai intelektual kearifan masyarakat yang tinggi, seperti yang digagaskan dalam prinsip kesembilan, iaitu kritikan mementingkan pengucapan bahasa yang halus dan penuh estetika, di samping menerangkan prinsip gagasan kesepuluh yang menjelaskan bahawa ungkapan Melayu itu bersifat intelektual kerana berupaya menyelongkar konsep pemikiran masyarakat tentang ungkapan Melayu dan dikaitkan dengan unsur-unsur yang menjadi pegangan, seperti Sifat 25, pantangan 25 dan seumpamanya.

Kesimpulannya, sikap dan adab seseorang lelaki terhadap perempuan perlulah dijaga. Dalam analisis tentang simbol jantan binatang, terpapar bahawa lelaki yang gagal melaksanakan tanggung jawab dalam keluarga

itu melanggar adat dan adab masyarakat Melayu. Lelaki yang gagal mengawal hawa nafsu terhadap perempuan juga amat dilaknat. Sikap lelaki terhadap perempuan adalah suatu fitrah semula jadi justeru simbol Jantan ini mementingkan tatalaku sopan lelaki apabila berhadapan dengan perempuan. Lebih banyak kajian perlu dilakukan terhadap ungkapan Melayu supaya Ungkapan Melayu diterima pakai oleh masyarakat dan tidak pupus ditelan zaman dan arus perubahan. Masyarakat Melayu perlu berpegang pada konsep Jantan yang sebenar supaya berupaya menjadi lelaki sejati yang tidak prejudis terhadap perempuan, dapat menyumbang kepada masyarakat dan layak menjadi pemimpin yang sebenar.

## RUJUKAN


Ariff Bin Mohamad, 2016. *Makna Siratan dalam Novel Politik Melayu Terpilih: Analisis Berdasarkan Gagasan Kritikan Melayu.* Ph.D. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Muhammad Ariff Ahmad, 2004. *Mari Kita Berpantun (Suatu Petunjuk)*. Singapura: MBMS

S. Othman Kelantan,1997. *Pemikiran Satira dalam Novel Melayu. Kuala Lumpur*: Dewan Bahasa dan Pustaka

S. Othman Kelantan,1986. Novel: *Tanggapan dan kritikan. Bangi*: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

S. Othman Kelantan, 1987. *Kecenderungan baru dalam novel Melayu satu kajian struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

S. Othman Kelantan, 1996. Kolum "Catatan Sastera - Bukunya Tebal, Isinya Nipis." Dewan Sastera, September (48-50)

S. Othman Kelantan, 1998. Kertas Kerja Pidato Karyawan Tamu "Kritikan Sastera." Universiti Malaya: Kuala Lumpur

Siti Aisah Murad (Peny),1993. *Konsep Wira dalam Sastera Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Siti Noraien Binti Razali, 2016. "Kesantunan Berbahasa dalam Buku PEMIMPIN DALAM UNGKAPAN MELAYU karya Tenas Effendy". M.A.Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Tenas Effendy, 1989. *Ungkapan Tradisional Melayu Riau.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Tenas Effendy, 1994. *'Ejekan' Terhadap Orang Melayu dan 'Pantangan' Orang Melayu.* Riau: Bapedda Tingkat 1.

Tenas Effendy, 1994. *Tunjuk Ajar Melayu (Butir-butir Budaya Melayu Riau)*. Pekan Baru: Pemda Riau

Tenas Effendy, 2000. *Pemimpin Dalam Ungkapan Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Tenas Effendy, 2005. *Tegak Menjaga Tuah, Duduk Memelihara Marwah*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu

Tenas Effendy, 2012. *Ungkapan Melayu: Pemahaman Dan Masalahnya*. Singapura: Kesatuan Guru Melayu Singapura KGMS

**NOOR HASNAH ADAM**

bertugas sebagai seorang guru dan menerima Anugerah Harapan pada tahun 2009 oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura dan juga Anugerah penulis muda Mastera pada tahun 2013 di Jakarta.


[1] Maksud dan peribahasa terkandung dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2007.hlm 883.
[2] Ungkapan Melayu Pemahaman dan Masalahnya, ms 392. No.3081
[3] Melalui kajian wawancara dengan masyarakat Petalangan, budaya santau telah lama wujud dan masih berlaku sehingga kini. Justeru sesiapa sahaja perlu berhati-hati apabila berbicara supaya tidak mengecilkan hati orang. Pelancong sekalipun, perlu berhati-hati sekiranya makan dan minum di kawasan orang. Sekiranya ada kekurangan pada hidangan makanan dan minuman, sama ada di rumah orang atau di kedai, pelancong tidak boleh merungut dan menunjukkan rasa tidak berpuas hati. Perbuatan itu merupakan penghinaan terhadap tuan rumah atau pemilik kedai. Dikhuatiri, rasa marah itu akan menjadi dendam lalu diikuti perbuatan santau-menyantau.
[4] Ungkapan Melayu Pemahaman dan Masalahnya, ms 400. No.3131
[5] Ungkapan Melayu Pemahaman dan Masalahnya, ms 378. No.3001
[6] Terkandung dalam buku Pepatah Melayu Khazanah Berharga,2000. Hlm. 4.
[7] Ungkapan Melayu, Pemahaman dan masalahnya, hlm. 380. No 3010.
[8] Hikayat Malim Deman,1957.
[9] Mari Kita Berpantun (Suatu Petunjuk), hlm 102.
[10] Kiliran Budi,1964. Hlm.167
[11] Ungkapan Melayu Pemahaman dan Masalahnya, ms 383. No.3031



# SASTERA BANDINGAN: MARUAH WARGA SENJA DALAM NOVEL


*Dr Noridah Kamari*

## Karya lokal setaraf karya dunia

Tiga dimensi utama dalam kajian sastera bandingan ialah perbandingan antara dua penulis atau karya daripada tamadun Barat, perbandingan Barat dan Timur, dan perbandingan antara kesusasteraan dunia atau *Weltliteratur* (Clements, 1978). Dalam erti kata lain, sastera bandingan boleh didekati melalui perbandingan antara sastera Eropah, perbandingan sastera Eropah dengan budaya-budaya di luar Eropah dan perbandingan sastera di luar Eropah, iaitu Mesir, Parsi, Arab dan Cina, dan dibandingkan sesama sendiri. Perbandingan sastera Timur dan Barat di pelantar yang sama meletakkan karya lokal setaraf dan setanding dengan karya dunia.

Kajian ringkas ini akan membandingkan watak-watak warga senja selaku protagonis dalam tiga buah novel, iaitu watak Santiago dalam *The Old Man And The Sea* (1952) oleh Ernest Hemingway, watak Tukya dalam *Seorang Tua Di Kaki Gunung* (1982) oleh Azizi Haji Abdullah dan watak Pak Suleh dalam *Penghulu Yang Hilang Segala*-galanya (1998) oleh Suratman Markasan.

Walaupun persekitaran dan isu-isu sosial yang dihadapi oleh mereka berbeza-beza, namun pemikiran, pergelutan jiwa dan perubahan kedudukan sosial yang dialami menyerlahkan persamaan tema, cabaran dan penyelesaian. Dalam meniti sisa usia, watak-watak dalam novel ini berusaha untuk mempertahankan maruah mereka, terutama sekali keupayaan fizikal dan nilai diri. Tindakan yang boleh disifatkan degil dan merugikan diri sendiri sebenarnya ialah keinginan

mereka untuk membuktikan kemampuan diri kepada masyarakat sekeliling dan juga kepada diri mereka sendiri.

## Sinopsis tiga buah novel

Novel *The Old Man And The Sea* oleh Ernest Hemingway mengisahkan kehidupan seorang nelayan tua bernama Santiago yang sudah 84 hari gagal menangkap ikan. Pada hari yang ke-85, beliau bertekad untuk melayari perahunya lebih jauh daripada biasa. Akhirnya, umpannya dimakan seekor ikan marlin yang besar. Santiago bagaimanapun tidak berdaya menarik ikan itu ke atas perahu. Sebaliknya, ikan marlin itu yang menarik perahunya dan hal ini membuat tali pancingnya mengasak bahu, tangan dan tubuh Santiago.

Selama dua hari dan dua malam, Santiago berada di lautan mengikut pergerakan ikan marlin tersebut. Pada hari ketiga, ikan marlin itu mula lelah dan Santiago berjaya membunuhnya dengan tempuling. Namun, darah daripada ikan marlin menarik serangan ikan-ikan jerung. Daging ikan marlin diratah oleh ikan-ikan di lautan sepanjang hari dan Santiago tidak berdaya menghalang mereka. Ikan marlin, yang masih terikat di perahu Santiago, tinggal tulang, kepala dan ekor. Pada malam itu, Santiago mendarat di pantai dan terus pulang ke terataknya dan tidur.

Novel *Seorang Tua Di Kaki Gunung* oleh Azizi Haji Abdullah mengisahkan Tukya yang tinggal di kampung bersama isterinya sementara anak dan cucunya menetap di bandar. Kehidupan Tukya amat akrab dengan alam semula jadi di kaki Gunung Bongsu. Fikri (anak), Fatimah (menantu) dan Farid (cucu) memandang rendah terhadap cara hidupnya yang serba miskin, dan hal ini menyinggung perasaan Tukya. Hanya cucunya, Lamin, bersikap terbuka dan seronok meneroka kehidupan di hutan bersama Tukya.

Apabila disengat lebah dan terpaksa dirawat di hospital, Tukya berasa malu apabila dirinya dikata tua dan beliau tidak dapat menerima hakikat ini. Tukya menyimpul tekad untuk membina rumah baru dengan tulang empat keratnya untuk menggantikan rumahnya yang buruk. Untuk membina rumah itu, Tukya perlu menebang sebatang pokok cengal batu. Apabila pokok itu tumbang, kaki Tukya tersangkut pada belitan akar dan menyebabkan pahanya tertindih. Tukya meninggal dunia dengan penuh tragis dan menyayat hati.

Novel *Penghulu Yang Hilang Segala-galanya* oleh Suratman Markasan pula memaparkan Pak Suleh yang terpaksa berpindah dari kampung di Pulau Sebidang ke rumah pangsa di Tanah Besar. Pulau Sebidang diperintah oleh keturunannya selama lebih 100 tahun dan kini terlepas ke tangan orang asing. Perubahan tempat tinggal daripada rumah pondok di pulau kepada rumah pangsa persis rumah burung merpati membuatkan Pak Suleh berasa rimas dan terkongkong. Anaknya, Juasa, juga terjebak dalam kancah dadah.

Daripada penghulu sebuah kampung, Pak Suleh berubah menjadi warga biasa yang hidup dalam keadaan yang terbatas dari segi fizikal dan kuasa. Pak Suleh nekad membawa isterinya, Mak Timun, dan anaknya, Sohrah, untuk menetap kembali di Pulau Sebidang. Menantunya, Maiden, seorang anggota parlimen, ditugaskan menghalau Pak Suleh dari Pulau Sebidang dan pulang semula ke Tanah Besar. Anehnya, pondok kediaman Pak Suleh sudah lesap tanpa sebarang kesan bersama-sama Pak Suleh, Mak Timun dan Sohrah.

## Kudrat susut dimamah usia

Ketiga-tiga protagonis, iaitu Santiago, Tukya dan Pak Suleh, berdepan dengan keadaan alam yang mencabar kekuatan kudrat fizikal dan mental. Selaku warga senja, perkara-perkara seperti menangkap ikan, memotong pokok dan kerja-kerja fizikal yang lain menjadi sulit kerana kudrat yang kian lemah. Alam dalam bentuk lautan dan rimba yang dahulunya mudah dikuasai dengan tenaga orang muda yang gagah kini seolah-olah menjadi seteru yang memamah segala keupayaan mereka.

Perubahan kekuatan fizikal ini dibandingkan dengan watak-watak yang lebih muda yang bertindak untuk mencabar keyakinan diri watak warga senja terhadap kekuatan sendiri. Santiago bersama Manolin yang bertindak sebagai pembantunya, Tukya bersama Fikri, Fatimah dan Farid yang memandangnya hina dan mundur, serta Pak Suleh dan anak-anaknya, Maiden, Juasa dan Lamit yang lebih muda, bertenaga dan gagah.

Ketiga-tiga protagonis ini menunjukkan kepayahan malah juga keengganan untuk menyesuaikan diri dengan peredaran masa dan perubahan persekitaran mereka. Santiago masih berdegil untuk menangkap ikan seorang diri malah bertekad untuk belayar lebih jauh daripada biasa demi mencuba nasibnya. Beliau melihat kemarau rezeki yang tidak kunjung tiba sebagai caturan nasib dan bukan kerana kudratnya yang lemah atau penaksirannya terhadap alam yang sudah kurang tajam. Apabila ikan marlin yang sudah ditambat di perahunya diserang jerung bertalu-talu, Santiago tetap bertahan kerana ingin membuktikan kekuatan dirinya masih wujud, walau hanya dia sahaja yang dapat menyaksikannya.



Ketika di hospital akibat disengat lebah, Tukya sukar menerima kenyataan bahawa dia sudah semakin tua lalu menyimpul cita-cita untuk membina rumah yang baru. Tenaga untuk membina rumah sukar digalas oleh seorang muda, apatah lagi oleh seorang lelaki tua. Namun, kenyataan itu ditolak tepi dan Tukya mengukuhkan hasratnya dan menumbang pohon cengal. Kekuatan fizikal bukanlah ilusi yang boleh dikerah oleh daya mental, tubuhnya sudah tidak sekuat dahulu, dan hal ini menjadi pergelutan jiwa yang sukar diredakan.

Pak Suleh pula tidak boleh, atau mungkin tidak cuba sedaya-upaya, untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan di Tanah Besar. Setelah lima tahun menetap di Tanah Besar, dan Pulau Sebidang masih belum dibangunkan, beliau melawan arahan dan sistem pemerintahan lalu menetap semula di pondoknya secara haram. Walaupun dinasihat dan dihalang oleh anak-anaknya yang lain, yang sudah selesa dengan hidup di Tanah Besar, Pak Suleh tetap berdegil kerana kehidupan di Tanah Sebidang memberi bayangan kehidupannya yang lalu.

Jadual tentang jenis-jenis cabaran dan pencapaian yang dilalui.

## Perlambangan warga senja dalam alam

Pencapaian mereka memberi maksud tersirat melalui simbolisme. Ikan marlin yang ditangkap Santiago tinggal rangka tulang, kepala dan ekor sahaja apabila Santiago akhirnya mendarat. Ikan itu tidak boleh dijual atau dimakan, namun rangka yang besar itu memberikan bayangan ikan raksasa yang berjaya ditangkap Santiago. Santiago berasa puas walaupun bangkai ikan marlin itu tidak memberikan keuntungan dari segi kewangan, namun rasa hormat yang terbetik dalam hati para nelayan yang lebih muda daripadanya sudah cukup untuk meningkatkan keyakinan diri dan memberi kepuasan kepada Santiago.

Ikan marlin ialah simbol kepada susuk seorang Santiago, nelayan tua yang banyak pengalaman tetapi kini hanya tinggal rangka. Walaupun tidak ada hasil dari segi kewangan atau kebendaan, namun rasa hormat masyarakat terhadap pengalaman yang tidak ternilai.

Bagi Tukya pula, dirinya boleh dibandingkan dengan pohon cengal yang besar, tua dan mempunyai akar yang berbelit-belit. Memandangkan Tukya mempertahankan hidup tradisi lama, akar pokok cengal yang banyak berserabut membawa pemaknaan keutuhan terhadap tradisi dan kedegilan untuk terus berakar dan tidak berganjak daripada tempat itu.

Namun demikian, pokok cengal juga sudah banyak berjasa kepada alam dengan memberi teduhan dan khasiat kepada kehidupan di sekelilingnya. Sama seperti pokok itu, Tukya juga yang hidup dalam keadaan hina mampu membesarkan Farid, menyediakan tempat tinggal dan memberinya pendidikan yang cukup sehingga menjadi pintar dan mampu menjadi karyawan berjaya di kota besar.

Apabila kaki Tukya tersangkut pada belitan akar dan pokok itu tumbang di atasnya, hal ini memberi pemaknaan yang tersirat. Akibat terlalu kuat memegang tradisi sehingga tidak ada ruang untuk menerima kehidupan yang baru, Tukya tersandung pada kepercayaannya sendiri kerana akar melambangkan tradisi. Pokok cengal yang tumbang juga membawa paralelisme terhadap batang tubuh Tukya yang turut tumbang dan akhirnya meninggal dunia dalam keadaan yang tragis.

| Novel | Protagonis | Cabaran usia | Antagonis | Pencapaian/Akhir |
|---|---|---|---|---|
| The Old Man And The Sea (1952) | Santiago | Kudrat, nasib | Lautan | Menangkap ikan marlin dan bertaut padanya walaupun berkali-kali diserang jerung. |
| Seorang Tua Di Kaki Gunung (1982) | Tukya | Kudrat, jurang generasi | Fikri, Fatimah, Farid | Memotong pokok cengal hingga tumbang. |
| Penghulu Yang Hilang Segala-galanya (1998) | Pak Suleh | Kudrat, kedudukan sosial, kebebasan | Maiden | Meninggalkan Tanah Besar dan menetap semula di Pulau Sebidang. |

Pulau Sebidang ialah perlambangan terhadap Pak Suleh. Tanah Besar adalah lambang pemodenan, hidup masyarakat majmuk dan hidup secara mandiri. Pulau Sebidang membawa erti hidup berkampung, kepimpinan masyarakat yang diturunkan mengikut susur-galur keluarga, dan hidup yang bebas secara fizikal namun masih terikat pada tradisi lama yang kuat. Pemaknaan tersirat terhadap kelesapan pondok Pak Suleh di Pulau Sebidang membawa erti pemikiran orang-orang seperti Pak Suleh tidak ada ruang dalam dunia moden yang pesat membangun.

Pengertian kedua pula ialah kehilangan dalam erti kata kematian atau pengakhiran. Pondok Pak Suleh melambangkan rumah tempat bermukim keluarga dan keturunan Pak Suleh selama bergenerasi lamanya. Apabila lenyap rumah itu secara ghaib, maka hilanglah segala perkara yang dimiliki Pak Suleh. Dari awal, Pak Suleh kehilangan tanah, kuasa sebagai penghulu, kebebasan dan kesihatan malah sering tertekan dengan keadaan hidup di Tanah Besar. Ironi yang ketara adalah di Tanah Besar yang sepatutnya lebih luas daripada Pulau Sebidang, Pak Suleh berasa sempit dan terhimpit, namun di Pulau Sebidang, dia berasa bebas dan aman.

## Perubahan kedudukan sosial

Meniti daerah usia senja juga bererti ada nikmat dan keupayaan tertentu yang semakin pudar, seperti tenaga fizikal, kekuatan ingatan dan kedudukan sosial. Santiago yang melalui 84 hari kemarau rezeki kerana gagal menangkap seekor ikan ditanggap oleh masyarakat sekeliling sebagai sudah tua dan tidak berupaya. Ibu bapa kepada Manolin, budak lelaki yang membantunya, membantah anak itu daripada mengikut Santiago ke laut lagi kerana kemarau rezeki itu dianggap sebagai suatu kegagalan. Santiago sudah gagal menjalankan tugas sebagai nelayan bererti dia juga tidak mampu mengajar apa-apa kepada Manolin lagi. Namun, Manolin tetap mendekati Santiago dan membantu menyiapkan umpan dan mengambil berat tentang keadaan Santiago.

Tukya yang dahulunya kuat melakukan kerja-kerja fizikal kini tidak berupaya untuk melalukannya selincah dan setangkas dahulu. Kehidupan yang akrab dengan alam semula jadi juga bererti akan tiba masanya, tugas dan peranannya dalam masyarakat itu digantikan dengan tenaga yang lebih muda, iaitu anak dan cucunya. Namun, generasi baru ini menetap di kota dan Tukya hanya ditemani isterinya di kampung. Keupayaan fizikal yang diperlukan untuk bertahan dalam situasi tersebut dicabar dan keadaan hidupnya dilihat sebagai hina, daif dan miskin. Jikalau ada tenaga muda yang sama-sama hidup dengannya di situ, kerja pembaikan, cucuk tanam dan ternakan pastinya dapat dilakukan dengan mudah dan keadaan hidupnya akan bertambah baik. Perubahan corak kehidupan yang memutuskan dua generasi ini membawa kepada pengakhiran yang tragis.

Keadaan fizikal dan mental Pak Suleh terjejas bukan hanya kerana perubahan alam persekitaran dari pulau ke kota, tetapi maruah Pak Suleh tercabar apabila kedudukan sosialnya berubah daripada seorang penghulu iaitu pemimpin yang disegani masyarakat kepada seorang warga biasa yang duduk di rumah pangsa. Pak Suleh berasal daripada keturunan penghulu di Pulau Sebidang dan beliau dihormati dan disanjungi oleh masyarakat sekelilingnya. Apabila berpindah ke Tanah Besar, dia menjadi lelaki tua yang tidak kelihatan, keinginannya untuk bebas tidak dipenuhi malah disekat dan dihadang. Hal ini membuat Pak Suleh berasa rimas dan gelisah dan ini menjadikan jiwanya tidak tenteram dan sering mencari kekurangan tentang kehidupan di Tanah Besar. Masalah dadah yang dilalui anak bongsunya, Juasa, juga disalahkan kepada perubahan hidup di Tanah Besar sedangkan ramai anak muda yang lain berpindah ke Tanah Besar dan tidak terjebak dalam kancah dadah.

Perubahan kedudukan sosial akibat keupayaan fizikal yang luntur bagi warga senja melucutkan kuasa, status dan nama mereka dalam masyarakat. Hal ini membawa kepada tekanan dan pergelutan jiwa. Dalam usaha mereka untuk mencari erti dan menyesuaikan diri dengan kedudukan baru, sifat-sifat degil, ingkar, sukar mendengar nasihat dan sentiasa ingin membantah adalah reaksi semula jadi untuk mempertahankan harga diri dan maruah mereka sebagai insan yang dahulunya pernah disanjungi masyarakat.

## Mempertahankan maruah

Maruah seseorang bergantung kepada nilai yang diletakkan kepada aspek-aspek kehidupan yang penting bagi dirinya. Santiago, Tukya dan Pak Suleh dipaparkan sebagai warga senja yang mempunyai harga diri yang tinggi dan berdegil untuk melawan kudrat alam demi membuktikan keupayaan diri mereka masih sama seperti ketika mereka muda belia.

Maruah Santiago sebagai nelayan terletak kepada kemampuannya menangkap ikan. Semakin besar ikan yang ditangkap itu, semakin tinggilah harga diri yang dia rasakan. Apabila ikan marlin yang ditangkap itu hanya tingkap rangka, Santiago masih berdegil untuk tidak melepaskan ikan itu kepada jerung dan berjaga siang dan malam sebelum akhirnya dibawa ke darat. Rangka ikan yang besar itu adalah kejayaan bagi Santiago kerana itu membuktikan kemampuan dan keupayaannya sebagai nelayan masih utuh dan kemahirannya masih diperlukan.

Tukya meletakkan harga pada tenaga fizikalnya dan enggan menerima hakikat bahawa beliau sudah tua dan tidak dapat melakukan kerja selincah dahulu. Apabila maruahnya tercabar, Tukya membina cita-cita yang tinggi untuk membina rumah seorang diri. Kerja-kerja pembinaan yang memakan tenaga yang banyak tidak menjadi persoalan kerana dalam fikirannya beliau mampu menggalas apa-apa sahaja kerja fizikal yang diperlukan. Sikap yang seolah-olah *delusional* dan tidak berpaut pada realiti ini ialah reaksi jiwanya untuk memberi keyakinan diri supaya dia berasa dirinya masih ada harga dalam masyarakat itu. Walaupun kerja seperti mengapak pokok cengal ialah kerja yang berbahaya dilakukan seorang diri, itu tidak menjadi persoalan. Malah, semakin merbahaya tugas itu, semakin tinggi keinginan Tukya untuk melakukannya demi membuktikan keupayaannya dan mempertahankan maruahnya.

Maruah bagi Pak Suleh terletak kepada kedudukannya sebagai ketua kampung. Pak Suleh memilih untuk ingkar terhadap arahan pemerintah, masyarakat dan anak-anak sendiri apabila dia nekad untuk menetap semula di Pulau Sebidang. Bayangkan pulau itu kini sudah ditinggalkan semua warga kampung dan berada dalam keadaan terbiar selama lima tahun. Pak Suleh hanya bertemankan isteri dan anaknya tinggal dalam pondok usang di pulau itu tanpa jiran tetangga, ahli keluarga lain dan sahabat handai. Pulau Sebidang tidak ada penguni untuk ditadbir dan dipimpin, namun hal ini tidak menjadi persoalan kepada Pak Suleh yang mendambakan kehidupan masa lalu yang beliau tanggap lebih bermaruah dan memberi makna kepada dirinya. Mungkin juga dalam pemikirannya, penghuni yang lain akan mengikut jejaknya dan pulang semula ke Pulau Sebidang itu.

*Gambar hiasan*

Maruah diri yang dipertahankan sedaya-upaya oleh Santiago, Tukya dan Pak Suleh dilukiskan melalui pelbagai corak oleh Ernest Hemingway, Azizi Haji Abdullah dan Suratman Markasan. Hal ini mengangkat maruah warga senja sebagai tema yang universal yang relevan di Barat dan Timur. Perubahan kedudukan sosial, pelucutan status dan kuasa dan kudrat yang semakin lemah digalas pula oleh jiwa yang semakin sensitif dan beremosi menjadi acuan tragis yang perlu dirungkai melalui pelbagai tapisan. Hakikatnya, dalam jiwa watak-watak warga senja ini masih ada lelaki-lelaki muda yang tampan, gagah dan tangkas dan masih mahu membina impian dan melakar cita-cita. Namun, masyarakat sekeliling yang kurang prihatin dan tidak memahami selok-belok jiwa-jiwa senja ini yang sudah diranumkan pengalaman dan masa.

Dalam kerangka sastera bandingan, ketiga-tiga novel ini menyerlahkan sifat dan perilaku warga senja yang hampir sama apabila berdepan dengan perubahan masa dan persekitaran. Kajian sastera bandingan perlu diperbanyakkan untuk menaikkan taraf sastera lokal setanding dengan sastera dunia.

**DR NORIDAH KAMARI** ialah pemilik dan penerbit syarikat Unggun Creative dan pensyarah sastera di Universiti Sains Sosial Singapura (SUSS).

# MEMBANGUN SASTERA ISLAMI YANG BERSEPADU

***Ustaz Abdul Manaf Rahmat***

Sastera bererti suatu hasil karya yang indah dan bermanfaat. Sastera secara zahirnya wujud dalam kehidupan kita dalam bentuk tulisan dan lisan. Justeru itu, kesusasteraan merupakan sebahagian budaya umat. Ia dizahirkan melalui ungkapan diri dan natijah daripada estetika manusia terhadap bahasa yang dituturkan sama ada secara tersurat atau tersirat untuk mengungkapkan makna-makna simbolik di sebalik kata-kata.

Apabila berbicara sastera dikaitkan dengan Islam, ia merangkumi satu ungkapan indah menerusi pengalaman gambaran kehidupan yang nyata, manusia, dan cakerawala berlandaskan tasawur Islam mengenai Tuhan, sang Pencipta dan makhluk-makhluk ciptaan-Nya. Cakupan sastera Islam sangat luas dan syumul. Allah telah mengangkat manusia sebagai 'khalifah' di bumi, sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 30.

Fungsi utama khalifah untuk mengimarahkan dan memakmurkan bumi ini berasaskan al-Quran dan al-Sunnah, mengarah kepada kebenaraan Ilahi menerusi nilai-nilai yang terkandung di dalam kededua sumber itu, agar kehidupan manusia mencapai keselamatan dan kemuliaan. Pengkaryaan sastera Islam baik dari segi penulisan dan bidang-bidang kesenian yang terkait rapat dengan sastera, sewajarnya sentiasa berpegang teguh dengan tujuan dan keikhlasan dalam berkarya serta berusaha menggerakkan kegiatan-kegiatan sehubungan dengannya. Tujuan utamanya adalah untuk 'beribadah' dan 'bersujud' kepada Allah' sesuai dengan firmanNya yang disebutkan dalam surah al-Zariyat, ayat 56.

Sastera Islam ialah sastera yang selari dengan panduan Islam, mengunggulkan ilmu yang benar bersumberkan wahyu, memandu pembaca dan masyarakat mengenal rapat dengan Tuhan, menerusi pendekatan tauhid menyentuh aspek insan, ilmu dan fungsi. Seperkara yang penting bahawa sastera antara wadah terbaik dalam menyebarkan dakwah dan tarbiah. Lebih-lebih lagi dalam bidang penulisan.

Para ulama dan cendekiawan Islam telah menjadikan wadah ini dengan cukup bermaruah, penulisan-penulisan mereka sangat mendalam malah ada yang terperinci membahas sesuatu isu atau masalah yang dekat dengan hati mereka. Warisan yang ditinggalkan itu bermutu tinggi bahkan menjadi sandaran dan rujukan hingga ke hari ini, di antaranya karya-karya Imam al-Ghazali, Ibnu Taimiyah, Ibnu Khaldun, Ibnu Sina dan sebagainya. Pemikiran-pemikiran mereka telah dapat mencorak peradaban Islam sejagat.

Di samping itu, sesuatu karya sastera Islam yang dihasilkan tidak terlepas daripada pengawasan dan penilaian Allah. Oleh itu, isi kandungan sesuatu karya harus diungkap dengan karya yang indah baik dari segi bahasa, falsafah, berunsur pendidikan dan bermanfaat. Dengan mempunyai objektif dan berwawasan, setiap sastera masing-masing mempunyai nilainya tersendiri bukan untuk berseronok, berkhayal dan berangan-angan tetapi perkara yang dihasilkan yang dihasilkan berfaedah dapat membangun minda, perasaan, jiwa dan jasmani.

Yang lebih penting, sastera berteraskan prinsip-prinsip agama bertunjangkan keadilan, kesaksamaan, kemanusiaan dan akhlak atau adab. Sastera Islam menjadi penyatu umat apabila pengkarya sastera memaparkan cabaran umat berserta cara menyelesaikannya, supaya dapat menjadi pedoman dalam kehidupan mereka. Apabila sekadar mencetus masalah lalu dibiarkan begitu saja, boleh menimbulkan, kebingungan dan perpecahan umat.

Berdasarkan huraian ringkas yang disebutkan itu, maka sastera Islam yang bersepadu memiliki beberapa ciri asas yang menonjol sekali. Pertama. Sastera memberikan gambaran kepada masyarakat tentang kejadian sebenar yang berlaku dalam kehidupan. Kemudian dihidangkan dalam bentuk yang indah sekali serta meninggalkan kesan terhadap perkara yang ditimbulkan. Pengkarya yang berwawasan mengorak peristiwa kehidupan dengan begitu jelas menimbulkan kesedaran membuka jendela minda seluas-luas, mencorak kebangkitan dengan pengislahan islah untuk mengukuhkan kelangsungan hidup yang lebih bermakna dan makmur.

Hal ini menggambarkan bahawa sastera tidak dapat diceraikan dengan kehidupan insan. Perkara yang berlaku dipaparkan seadanya dengan jelas dan benar, masuk akal tidak berpura-pura di balik kenyataan sesuatu peristiwa. Bahkan dengan sastera berencam masalah dapat dihuraikan dengan baik. Pada hakikatnya sastera mampu mempertingkat taraf hidup yang merangkumi aspek pendidikan, ekonomi, politik, sosial dan sebagainya. Pengkarya sastera yang bijaksana melalui karya sasteranya boleh menarik manusia lain, sehingga merasakan apa-apa yang dipaparkan menyentuh hati dan perasaan, pada masa yang sama mengambil ibrah daripadanya walaupun mungkin mereka tidak terlibat secara langsung dalam sesuatu peristiwa yang terjadi.

Kedua, sastera Islam dapat menampung keperluan hidup manusia. Karya sastera mengungkapkan segala perkara dengan benar sama ada positif atau negatif seperti sedih, gembira, jiwa bergolak, emosi, perasaan tidak puas hati, penderitaan, kesengsaraan, kemewahan, keruntuhan akhlak dan sebagainya. Dengan kata lain, segala paparan dalam pentas kehidupan dibentangkan secara jujur dan pasti. Dengan ini, jelaslah bahawa sastera Islam ruang lingkupnya amat luas. Semua ini demi menyahut seruan Islam mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dengan penuh hikmah.

Oleh itu, setiap pengkarya sastera harus merujuk dan kembali kepada al-Quran dan as-Sunnah. Dengan memahami kededua isi kandungannya dapat dipantulkan dalam sesuatu karya dengan penuh keindahan dan menghasilkan sesuatu yang terbaik. Pengkarya sastera serupa ini yang akan mendapat pertolongan Allah sepertimana firman-Nya dalam surah as-Syu'ara, ayat 227. Yang bermaksud: Kecuali orang-orang (penyair-penyair) yang beriman dan beramal soleh dan banyak menyebut Allah. Dan mendapat kemenangan sesudah menderita kezaliman. Dan orang-orang yang zalim itu kelak akan mengetahui ke tempat mereka akan kembali.

Ketiga, sastera Islam ialah sastera yang bersifat sejagat dan konstruktif. Islam sangat menggalakkan umatnya untuk terus berkarya asalkan tidak melanggar dan terkeluar daripada petunjuk syarak. Karya-karya yang bermutu tinggi sangat perlu dihasilkan, jangan sampai karya-karya 'murahan' dan 'picisan' dapat mempengaruhi dan membentuk pemikiran masyarakat. Hal demikian meruntuhkan naluri sastera yang dapat membina modal insan yang berilmu dan beradab.

Pengkarya sastera tidak cukup sekadar mengedepankan ilmu tetapi dirinya sendiri seharusnya menampakkan adab

*Gambar hiasan*

yang baik dalam apa jua karya yag dihasilkan. Apabila sesuatu karya sastera tidak diletakkan pada tempatnya yang sebenar ertinya telah melanggar adab atau tidak beradab. Ilmu yang yang dituangkan kepada masyarakat tidak akan bermanfaat boleh menimbulkan sikap 'biadab' terhadap kebenaran ilmu itu sendiri. Jadi, ilmu dan adab disepadukan melahirkan insan yang seimbang dan sederhana (wasathiah).

Misi sastera Islam hendaklah selari dengan perutusan risalah kenabian yang berintikan 'rahmatan lil 'alamim' (membawa rahmat bagi sekalian alam). Perkara tersebut ditegaskan dalam firman Allah, surah al-Anbiya, ayat 107. Yang bermaksud: Tidak Kami mengutus kamu (Muhammad) melainkan menjadi rahmat bagi sekalian alam. Seorang pengkarya sastera sentuhan karyanya yang berunsur 'kasih sayang' tentunya memberikan impak yang mendalam menjangkau pemikiran, jalinan hati dan jiwa yang hidup. Sastera bernafaskan Islam akan terus membawa risalah Islam ke ufuk yang tinggi mengatasi kepercayaan khurafat tahayul, cerita-cerita khayalan dan bikinan manusia. Oleh itu, usaha mencintai dan menyemarak sastera Islami bersepadu ini, seharusnya digerakkan secara menyeluruh pada semua peringkat masyarakat atasan dan masyarakat umum. Dengan gabungan tenaga yang padu, sastera Islami akan dapat dikembalikan dalam mengangkat darjat umat dengan ilmu dan adab serta mengembalikan kecemerlangan tamadun Islam.

## Kesimpulan

1 Sastera Islam mempunyai peranan dalam membangun masyarakat berilmu dan beradab berlandaskan nilai-nilai Islam, yang memperkukuh 'hablum minallah' (hubungan dengan Allah) dan hablum minannas' (hubungan dengan sesama manusia). Sastera juga membentuk masyarakat yang wasthiyah sesuai dengan fitrah ciptaannya. Pelampauan dalam kededua perkara tersebut membawa kepada 'istidraj' (proses kejatuhan) yang mengakibatkan kerendahan maruah.

2 Sastera Islam bersifat sejagat, tidak terbatas pada sesuatu tempat, kaum atau negara. Pada prinsipnya sastera Islam membawa masyarakat kepada keredaan Allah. Mentelah pula sumber pegangan yang sama al-Quran dan al-Sunnah.

3 Sastera Islam menjangkau keseluruhan kehidupan manusia. Islam sebagai satu cara hidup yang diterapkan dalam setiap lapangan dan kegiatan sastera. Memahami 'maqasid syari'ah' dengan baik akan dapat memajukan kehidupan sesuai dengan perkembangan dan keperluan semasa.

4 Berkarya sastera ialah ibadah dan dinilai oleh Allah. Setiap perbuatan dan pekerjaan yang dihasilkan akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Ia juga tergolong dalam amal jariah seseorang dengan ganjaran pahalanya terus mengalir sampai hari pembalasan.

Wallahu 'alam bissawab.

**USTAZ ABDUL MANAF RAHMAT**, 62 tahun, merupakan seorang pegawai agama kanan (MRO) di Masjid Kassim. Beliau telah mendapat pendidikannya dari Kulliyatul Mu'allimin Al-Islamiyah Pondok Modern Darussalam, Gontor, Ponorogo, Jawa Timur, Indonesia. Beliau pernah berkhidmat sebagai mudir madrasah dan kini berkhidmat sebagai seorang kaunselor dengan Kumpulan Pemulihan Agama (RRG). Pada 2019, beliau terpilih sebagai pemenang Anugerah Qudwah Hasanah.



Kata Tun Seri Lanang

# SEGUGUS SUARA SASTERA DAN RENUNGAN

*Rasiah Halil*

## Mukadimah

Apakah erti sastera dan sasterawan dalam kehidupan? Apakah benar sastera itu memberi nilai tambahan kepada kehidupan atau sekadar sesuatu yang dengan mudah boleh dipinggirkan dalam kehidupan yang kian direncam? Sasterawankah yang cuba melantunkan secercah suara zamannya, mencatat kegusaran dan kegembiraan manusia untuk kita menampi dan mengambil iktibar daripadanya? Atau mereka hanya memuaskan ego dan disalut kepentingan diri sendiri?

## Secercah Penelusuran

A. Samad Said, dalam 'Menulis Itu Resah' (A. Samad Said, 1989: 64-65), memberi gambaran apa itu sastera dan peranannya:

*Secara alami, sastera ialah rakaman dan renungan interaksi insan seni dengan masyarakat dan masalah mereka. Setiap karya yang tercipta, sedikit sebanyak, mendekatkan insan seni itu kepada sebahagian kecil cakerawala Tuhan yang maha luas, di samping mengakrabkannya dengan sesama makhluk yang sama-sama mencari dan sama-sama menikmati dan sama-sama terhukum oleh getir dan getar kehidupan.*

*Cik Rasiah Halil di majlis Anugerah Persuratan 2017*

*Memang sastera tidak boleh dengan mendadak memberi beras, tetapi tanpa mendampinginya, nasi yang dikunyah tidak pula dapat terisi khasiat bagi kewarasan dan kesegaran minda manusia. Pada dasarnya, sastera menemukan moral – yang jujur, yang subur, yang palsu, yang lesu. Dan sastera sentiasa mendaki puncak. Dan puncaknya, sastera mencapai kepada martabat seni sesyahdunya – dan seni ialah keindahan, ialah hati nurani, ialah keadilan, ialah ketakwaan. Seni juga ialah kewarasan, ialah kebijaksanaan, ialah tazkiyah. Atau setidak-tidaknya, seni ialah satu janji bahagia yang jasmaniah wajahnya, yang rohaniah hatinya. Segala-gala ini ialah baja bagi minda dan nurani manusia.*

Daripada pohon yang sama, sastera Melayu-Nusantara itu bercabang ke ranting-ranting sastera yang diwarnai keadaan setempat dan sejarah pembentukan negara bangsa. Warisan dan bumbunya sama – karya-karya tradisional kita baik pantun, syair, gurindam, seloka, peribahasa, pepatah, hikayat, cerita-cerita jenaka, haiwan, lipur lara dan sebagainya tetapi menjadi hidangan tetapi sedikit berbeza mengikut cita rasa masing-masing.

Dari zaman Harun Aminurrashid dengan sajak pertamanya 'O, Sariku' terbit pada 1933 dalam majalah *Pujangga Baru*, serta adanya penyair seperti Pungguk dan kemudian muncul Masuri S.N. semasa Perang Dunia Kedua, dunia sastera Melayu semakin rancak menyelami keadaan semasa. Bagi Singapura, Harun Aminurashid boleh dianggap perintis dan penulisannya banyak membangkitkan kesedaran menimba ilmu dan meniupkan semangat kebangsaan berdepankan keadaan semasa. Daripada novel *Melur Kuala Lumpur*, *Cinta Gadis Rimba* sehingga *Darah Kedayan*, *Dayangku Fatimah*, *Panglima Awang*, *Tun Mandak*, *Wan Derus*, *Sultan Mahmud Shah*, *Wak Cantuk*, *Nur dan Ros*, *Simpang Perinang* dan lain-lain serta cerpen, buku bahasa, kajian dan wisatanya, kita temui keinginan Harun untuk meningkatkan pengetahuan dan menaikkan semangat juang pembacanya. Sejarah terutamanya menjadi bahan mentah yang sering digali bagi tujuan tersebut.

Bagaimanakah pula perang mengesankan sasterawan kita? Banyak karya seni telah dihasilkan mengenai Perang Dunia Kedua dan hal-hal merebut kemerdekaan. Zaman Jepun yang penuh sengsara itu mungkin mengingatkan kita kepada novel *Jejak Bara* oleh Suradi Parjo, *Nyawa Di Hujung Pedang* oleh Ahmad Murad Nasaruddin dan novel-novel *Salina* dan *Sungai Mengalir Lesu* oleh A. Samad Said, Selain sejumlah sajak, cerpen dan novel yang menyingkap zaman tersebut, tiga novel terakhir ini begitu terserlah merakam petaka zaman itu. Demikian juga novel seperti *Keluarga Gerilya* karya Pramoedya Ananta Toer dan sebilangan cerpen penulis zaman sesudahnya. Perang mengacau-bilaukan kehidupan, meragut bukan sekadar nyawa tetapi makna menjadi manusia dan nilai kemanusiaan. Kita menemui suara-suara sebegini dalam sastera dan apabila melihat kehidupan mutakhir yang dicelarukan pelbagai jenis perang di beberapa pelosok dunia, kita semakin maklum karya-karya sastera zaman tersebut telah membolehkan kita lebih memahami kesengsaraan sebegini. Bagaimanakah mungkin kita melupakan seorang Siti Salina, dari Kampung Kambing, Singapura, yang menjadi lambang kesan perang itu sendiri? Bagaimanakah kita tidak akan terharu dengan menyaksikan jalan hidup seorang Hilmi atau Nahidah yang masa depan mereka tidak secerahnya bahana perang dan kemiskinan?

Dan diselang-seli pelbagai perkembangan baharu dalam kehidupan selepas Perang, sasterawan Melayu banyak diilhami percikan-percikan seni di rantaunya. Hadirnya karya-karya ciptaan sasterawan Indonesia seperti Abdul Muis, Sutan Takdir Alisjahbana, Armijn Pane, Amir Hamzah, Hamka, Muhammad Yamin, Sanusi Pane, Chairil Anwar, Asrul Sani, Rivai Apin, Idrus, Akhdiat K. Mihardja, Idrus, Trisno Sumardjo, Utuy Tatang Sontani serta Pramoedya Ananta Toer, Taufiq Ismail, W.S. Rendra, Ajip Rosidi dan lain-lain begitu menyemarakkan lagi dunia sastera bukan hanya di Indonesia, malah daerah Nusantara lainnya. Kesann bertimbal-balik ini memercukan lagi karya-karya seni yang dicipta.

Dan bagaimanakah dapat kita ketepikan adanya para penulis yang cuba menghidupkan sastera Melayu dengan mewujudkan pertubuhan yang lebih aktif, Angkatan Sasterawan 50, yang menjadikan Angkatan 45 Indonesia, sebagai contoh? Dan muncul pula pandangan-pandangan berbeza mengenai peranan sastera/seni dalam masyarakat yang baru melalui zaman Perang. Sasterawan-sasterawan zaman itulah seperti MAS, Hamzah Hussin, Jymy Asmara, Jah Lelawati, H. Hanim, A Ghani Hamid, Noor S.I. serta rakan-rakan mereka yang membolehkan aras baharu bagi sastera kita. Karya-karya yang lahir kebanyakannya berunsur realisme sosial tetapi ada yang lebih menyelongkar pelbagai isu dari sudut yang agak berbeza misalnya dalam cerpen dan novel Hamzah Hussin. Selain karya kreatif yang semakin berbobot pada zaman itu, kita temui esei-esei yang bernas tulisan Asraf, Hamzah Hussin, Usman Awang, A. Samad Said dan lain-lain. Sastera bukan hanya penglipur lara tetapi menjentik minda kita untuk memikirkan pelbagai perkara.



Noor S.I. walaupun terkenal sebagai penyair kabur, namun sajak-sajaknya tidak sekaburnya dan penggunaan bahasanya lembut dan murni, sebagaimana puisi-puisi tulisan A. Ghani Hamid. Sajak 'Tanjung Berlayar' (Noor S.I., 1960: 12), digambarkan dengan lunak dan meminta kita memikirkan beberapa perkara:

*Terhitunglah manusia membenam*
*sebilah pisau*
*kudus di pundak dari*
*sepotong bara hijau*
*tiba di laut*
*berdiri batubatu intan di*
*permukaan laut.*
*Batu laut di pinggir dan*
*tegaklah kota beraja*
*di telapak sekawan figura*
*tiba di pantai kaca waja*
*termasuk hal hidupnya*
*mengira korban suasana.*
*Lahir di batubatu sekeras nafas*
*bersuara jua di kertas*
*tidak semua manusia menikam*
*dengan pisau emas*
*memisah kasih bunda*
*dengan hijau paras.*
*Tinggallah Tanjungku di*
*tanjungtanjung kaca waja*
*Sang Nila Utama menenggelamkan*
*mahkotanya di muara.*

Pada tahun-tahun 60-an itu, kitakah tersentuh membaca kisah Lahuma dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* (Shahnon Ahmad), kisah nelayan dalam *Angin Timur Laut* (S. Othman Kelantan), kisah Mazni yang mengharungi pelbagai dugaan dalam *Badai Semalam* (Khadijah Hashim), dunia wanita dan erti cinta dalam *Rindu Hilang Di Tapak Tangan* (Salmi Manja) dan novel jenis sindiran seperti novel-novel Ishak Haji Muhammad, *Putera Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila*, iaitu *Tikus Rahmat* (Hassan Ibrahim). Novel *Tikus Rahmat* mengingatkan kita kepada novel *Animal Farm* karya George Orwell – menyindir keadaan semasa dan ideologi komunisme di Britain.

Singapura menjadi negara merdeka pada 9 Ogos 1965 dan dengannya suara-suara asal Singapura lebih terdengar, terutama mulai awal tahun-tahun 1970-an. Seperti zaman-zaman sebelum ini, golongan baharu menyoal keterlibatan golongan yang lama dan sintesisnya, suara-suara lain mula terdengar. Isu-isu yang dikemukakan tidak terlalu lari daripada perjuangan sasterawan-sasterawan dahulu tetapi penyampaian mereka kadangkala berlainan pula. Pada awal tahun-tahun 70-an itu, beberapa orang anak muda seperti M.I.A, Eunos Asah, Djamal Tukimin, Elfy Runianto, Samsidah Suleiman, Zaiton Omar, Md Gani Ahmad, Noor Hidayat, Mohd. Latiff Mohd., Iswardy, Rosmala, Azizfakir, Mohd Naim Daipi, Suraidi Sipan, Hamed Ismail, Nadiputra, Maimunah Kemat dan lain-lain tampil ke hadapan. M.I.A. merupakan salah seorang yang berani bereksperimen dalam berkarya, misalnya dalam puisinya berjudul 'Problematika' (*Berita Minggu*, 1 April 1973), yang dengan pedas berhujah:

*aku tanya Tikus di sudut dapur*
*aku tanya Lintah di mejamakan*
*aku tanya Cacing di cawankopi*
*aku tanya Cicak di hujung bumbung*
*aku tanya Siput di dalam saku*
*aku tanya Musang dalam selimut*
*aku tanya Anai-anai di tapaktangga*
*aku tanya Pijat-pijat di celah ranjang*
*aku tanya & T+A+N+y+a*
*tanya sana tanya sini tanya lagi*
*aku tanya Nixon & Chou*
*aku tanya 106 roh dari bangkai*
*Boeing 727 di Sinai*
*aku tanya Noel & Moore &*
*Eid di Khartoum*
*aku tanya Russell Means di*
*Wounded Knee*
*aku tanya & tanya & tanya & tanya*
*dan setiap kali aku dicarut mereka*
*sebelum diberi jawapan*
*(sama nyaring sama tegas):*
*"Si Tunggal sudah mampus, bahlul*
*& manusia sudah rampas kuasa esa*
*& hidup bukan lagi mimpi*
*ha ha ha...kuburkan Keadilan!*

Dalam tulisan-tulisan Noor Hidayat pula, baik dalam puisi, cerpen, esei dan novelnya, kita temui penampilan seninya dalam busana keislamanan. Walaupun tidak semua karyanya dibalut hal sedemikian, inilah yang menjadi titik tolak karyanya. Dalam novelnya *Majnun* misalnya, yang merungkai makna pencarian seorang salik, Noor Hidayat antara sasterawan terawal Singapura selepas 1965, yang menitipkan jalur-jalur tasawuf/keislaman secara konsisten dalam karya-karyanya. Dan laluan pilihannya ini dilibati dengan kejujuran dan kesungguhan. Tradisi ini, diteruskan pula oleh Johar Buang, walaupun karya Johar lebih melegari dunia tasawuf dan kurang menyentuh hal-hal lain, berbanding dengan Noor Hidayat. Kedua-dua penulis ini berjaya menghimbau lintasan-lintasan keindahan dunia persuratan Islam. Lihat misalnya sajak 'Seorang Sufi' (Johar Buang 2003:84) ini :

*seorang sufi tidak*
*menjadi sufi*
*dengan nilai jubahnya*
*seorang tidak menjadi sufi*
*demi tingkah lakunya*
*seorang sufi adalah*
*tidak menjadi apa-apa*

Di tangan Mohd. Latiff Mohd., kita temui karya-karya yang banyak menyelongkar isu-isu semasa, terutama yang meruangi kehidupan masyarakatnya. Di dalam puisi, cerpen, novel dan eseinya, nada tegasnya terhadap kebobrokan dalam masyarakat jelas tergambar. Dan ini disalut juga dengan puisi-puisi romantis yang bagaikan puisi-puisi romantic Usman Awang. Dalam novelnya, *Dalam Keasingan*, Mohd. Latiff membawa pembaca kepada beberapa hal semasa yang seakan-akan mengasingkan sebilangan masyarakatnya melalui watak Pemuda – apakah itu kejadian sebenar atau igauan panjang Pemuda? Dalam novel *Batas Langit*, kita menjejaki kehidupan Adi, kanak-kanak yang hidupnya bobrok dan latar keadaan semasa juga bercelaru dengan perbalahan politik pada tahun-tahun 60-an di Singapura. Gambaran Mohd. Latiff segar dan hidup dan kita dibawa bersama untuk memaklumi kegusaran Adi dan orang-orang di sekelilingnya ketika percaturan politik dan cengkaman kemiskinan menjadi motif-motif utama dalam mencorakkan suasana zaman itu. Suara Adi akan selamanya mencarik-carik nurani kita sebagaimana sajak (Mohd. Latiff Mohd., 2007: 85) ini:

## Siapa Yang Terluka?

*Jika kau nampak darah menitis*
*tanda ada yang terluka*
*tapi siapa menduga*
*luka sejarah*
*yang pilunya menikam bumi*
*sakitnya menghiris mimpi*
*siapa dapat menduga luka begini*
*melainkan rasa simpati*
*pada takdir yang pecah ini*
*siapa menduga luka bangsa ini*
*dalam cermin sejarah*
*dalam bayang mimpi*
*bermain dengan ilusi*
*sarat dengan doa peribadi*
*cerita pahlawan yang kecundang*
*ditikam oleh sahabat dari belakang*
*dan siapa menduga luka sejarah begini*
*jika malam-malam kita berbau setanggi*
*keris keramat yang hilang di lautan mimpi.*

Suara sasterawan itu turut bergema dalam karya-karya Iswardy, yang melahirkan novel dan cerpen, selain ada juga menulis puisi pada awal penglibatan seninya. Dunia kreatifnya berpusar kepada masyarakat yang kelihatan kecil – kisah orang-orang di estet perumahan, di kampung dengan pelbagai kerenah hidup mereka dengan bahasa yang bersahaja tetapi segar. Selain itu karya-karyanya juga menyentuh hal-hal ketuhanan. Cerpen 'Otak' misalnya, meminta pembacanya berfikir apakah akan terjadi jika manusia tiada berotak dan tidak tahu nilai otak dalam kehidupan mereka. Doktor otak yang menjadi protagonis cerpen ini pula dianggap seperti gila oleh mereka yang ingin dibantu doktor tadi. Dan bagaikan zombi, khalayak yang tidak berotak ini, memakan pula sepahan-sepahan otak yang dikumpulkan doktor otak untuk membantu mereka. Dengan bersahaja Iswardy mengajak kita memikirkan isu penggunaan otak ini dengan sempurna.

Nadiputra pula bergiat dalam dunia drama sebagai penulis skrip drama televisyen, radio dan pentas, selain berlakon dan menulis puisi. Salah sebuah dramanya yang dipentaskan, pada 17 Julai 1985, *Encong*, merungkai pelbagai kisah masyarakat – yang terpelajar, yang di pinggiran, yang dibelenggu minda serta nuraninya dalam penglibatan seni dan kehidupannya (Nadiputra, 1988: 35-36):

## Wanita:

*Jangan jalan jauh – di rumah ini! Rumah kita sendiri. Celopar bebel BUDAYA. Bebertih ngomel SENI. Berlengas kupas AGAMA. Bermurai kekek SASTERA.*
*Tapi:*
*Hidung datuk langkah, hidung nenek pangkah. Depan bapak berkapak, depan emak bersepak-sepak. Mana budaya, mana seni, mana agama, mana sastera.*
*Rendah BUDAYA kerana kita tak kaya.*
*Luput SENI kerana kita tak ada daya tani.*
*Goncang AGAMA kerana kita sudah duduk tak sama.*
*Berkecai SASTERA kerana kita sudah mulai huru-hara.*
*Pakaian sudah tidak lagi tunjuk bangsa.*
*Tutur sudah tidak lagi rujuk yang ESA.*
*Tapi,*
*Orang BUDAYA, orang SENI, orang AGAMA, orang SASTERA*
*Makin gila*
*Menggila-gila*
*Macam orang gila isim*
*Macam orang kena rasuk jisim*
*Antara sedar tak sedar atau tak sedar*
*Macam mimpi, macam ngigau, macam sasau bila sedar.*
*Tahu-tahu mahu bintang, mahu medal, mahu pingat, mahu anugerah...*
*Anugerah diri seumur hidup tak mahu kejar.*

Dan suara sastera itu juga suara yang kadang-kadang sepi dan mengharukan apabila kita menyaksikan kehidupan yang serba kekurangan atau peristiwa-peristiwa yang melanda kita dan menginsafkan kita akan erti sebenar nilai-nilai murni. Hal ini kita temui dalam sajak Norulashikin Jamain (Norulashikin Jamain, 2018: 43):



## Yang Memanusiakan Kita

*Yang memanusiakan kita*
*adalah bila*
*terdengar suara riang si*
*terencat akal*
*bila terpandang loncatan si kaki*
*tempang bila terjeling lukisan halus oleh*
*kaki si tangan kudung*
*Tanpa kesempurnaan*
*mereka masih indah*
*di mata kebenaran*
*Kita belajar dari mereka erti*
*kesyukuran dan kebenaran*
*menerima kekurangan yang ada*
*lalu bahagia meneruskan kehidupan*
*tanpa sesal*

Dan juga sajak Rohman Munasip (Rohman Munasip, 2013: 50):

## nilai kejujuran

*terima kasih Tuhan*
*yang menimpakan peristiwa*
*yang tidak membuatku gelabah*
*kerana aku kini mengerti*
*makna hikmah*
*tidak sesiapa kuasa memberi*
*jikalau Engkau menahannya*
*dan aku kini lebih mengenal*
*dan memilih kejujuran*
*yang nilainya*
*tentu lebih mahal*

Dan di tangan seorang penulis yang baik, suara sastera itu bergema dengan hal-hal semasa yang dikait sebaiknya buat tatapan kita sebagaimana Wan Jumaiah Mohd. Jubri mengetengahkan cerpen-cerpennya seperti 'Mak Nak Cakap Sikit...' (*Berita Minggu*, 14 Jun 2015) dan 'DeWan, Qarim Baba & Sebuah Ilusi' (*Berita Minggu*, 8 Disember 2019). Dalam 'Mak Nak Cakap Sikit...', watak Mak, seorang penjual nasi dan lauk-pauk Melayu, begitu proaktif apabila orang asyik menghina masakan Melayu kerana selalu menggunakan santan. Dengan bersungguh-sungguh Mak membuat kajian mengenai santan dan berucap di Sudut Pidato di Hong Lim Park mengenai santan dan kesannya kepada kesihatan manusia. Dengan penuh humor, Wan Jumaiah menggeletek pembacanya dengan penerangan panjang lebar Mak mengenai santan dan sekali gus mengingatkan kita apakah benar masakan-masakan warisan kita memudaratkan:

*"Kenapa ya? Tak habis-habis lauk-pauk bersantan dihentam. Ada sajalah penyakit yang dikaitkan dengan lauk-pauk bersantan. Kalau awak berpenyakit, janganlah makan lauk-pauk yang memudaratkan tubuh badan awak. Jangan salahkahn lauk-pauk bersantan jika berat badan naik. Pergilah bersenam! Jangan lepas makan berdengkur pulak! Macam mana badan tu tak membuak!"*

Dan dalam cerpen 'DeWan, Qarim Baba & Sebuah Ilusi', Wan Jumaiah membenarkan protagonisya, DeWan, seorang kanak-kanak, menyoal Qarim Baba, keturunan Ali Baba, seorang peniaga dan hartawan, mengenai cara keturunannya mendapat harta kekayaan mereka. Bolehkah, menurut DeWan, seseorang itu dijadikan sumber contoh sedangkan cara dia mendapatkan harta dan perniagaannya sebenarnya dengan menipu dan membunuh orang, sebagaimana dilakukan oleh Ali Baba? Siapakah sumber contoh kita dalam kehidupan, menurut Wan Jumaiah Mohd. Jubri, begitu penting bagi seorang individu mahupun sesebuah masyarakat?

Pelbagai suara dalam sastera Singapura boleh kita dengari dari masa ke semasa. Selain nama-nama yang diterakan, ada juga sebilangan penulis yang lain seperti Ahmad Jaafar Munasip, Sarifah Yatiman, Anuar Othman dan ramai lagi. Dan di kalangan penulis-penulis yang lebih muda terdapat nama-nama seperti Cempaka Aizim, Roslie Sidek, Sh. Khadijah Aljoofri, Saedah Saad, Noor Hasnah Adam, Noridah Kamari, Djohan Abdul Rahman, Farihan Bahron, Md Naguib Ngadnan, R. Azmann A. Rahman, Noor Aisyah Buang, Samsudin Said dan beberapa orang lagi yang turut menyerikan sastera Singapura.

## Hambatan Sastera

Tedapat beberapa perkara yang boleh menghambat perkembangan sastera, antaranya:

- Pihak-pihak berkepentingan yang menghidupkan sastera Melayu harus lebih teliti dari segi ketelusan dan integriti dalam mengadakan acara-acara sastera serta menilai sesebuah karya untuk diberi hadiah-hadiah tertentu. Yang dihidupkan ialah sastera masyarakat dan negara kita, bukan orang pilihan kita sahaja.
- Terdapat budaya 'tayang tampang' sebagaimana disajakkan oleh A. Wahab Ali dalam sajaknya 'Orang Bestari Kini' semakin berleluasa kini, lantas kadangkala yang kaca dianggap permata. Ini dibantu pula oleh media sosial dan media massa. Begitu mudah sesebuah karya itu dijulang sedangkan nilainya mungkin tidak seberapa, sekadar berlegar dalam 'puji-memuji' murahan dan dibantu oleh 'Bots' komputer dan tarikan dolar.
- Perlu diadakan lebih banyak ruang agar penulis-penulis kita, yang lama bergiat mahupun yang baharu terlibat dapat menyebarluaskan karya mereka. Tanpa bersikap saksama dalam hal ini, sastera kita akan menang sorak tapi kampung tergadai.

*Gambar hiasan*

## Kesimpulan

Sasterawan Melayu itu, baik dia dari Singapura atau Nusantara, akan selalu menggemakan pelbagai keharuan dan kegirangan manusia jika penanya digerakkan oleh keikhlasan, keterampilan seni serta tahu peranannya sebagai makhluk Tuhan. Apa-apa pun zamannya, akan ada manusia-manusia yang besar egonya, yang hasad dengki, yang mindanya dipenuhi kekotoran dan kebencian. Dan di samping itu, akan ada manusia-manusia yang berhati luhur, yang prihatin terhadap kesusahan orang lain, yang mahu kehidupan menjadi sebaik mungkin untuk semua. Di tengah-tengahnya seorang sasterawan berdiri – melihat, mencatat dan menghablur dengan mata hati yang prihatin, saksama dan ikhlas serta tidak dipukau nama, kedudukan dan wang. Dia hanyalah  seorang insan yang mungkin dapat menyuarakan sedikit suara zamannya melalui tulisan dan amat memaklumi keterbatasannya sebagai semacam bejana yang dituangkan ilham oleh Tuhan.

Akankah seorang sasterawan sejati itu terus berkarya? Dia akan terkenangkan pelbagai watak dalam sastera seperti Minke dan Nyai Ontosoroh dalam novel tetralogi Pramoedya Ananta Toer, yang berani menongkah arus dan menyahut cabaran zaman. Dia enggan menjadi seperti Hanafi dalam *Salah Asuhan* tulisan Abdul Muis, yang memandang rendah budaya dan warisan sendiri kerana 'berjiwa hamba'. Dia akan terkenangkan Shahrezad dalam *Hikayat Seribu Satu Malam,* penulis dan pencerita dari pelbagai pelosok dunia yang mengejapkan hatinya untuk terus berkarya. Dan dia akan terkenang dua kuntum sajak yang turut mengingatkan mengapa dia berkarya iaitu sajak MAS (MAS, 1988: 72):

## Benarkah?

*Benarkah*
*Yang benar*
*itu benar?*

*Benarkah*
*Yang benar itu*
*benar?*

*Benarkah*
*Yang benar itu benar?*
*tidak benar!*

Dan sajak A. Ghani Hamid (A.Ghani Hamid, 2003: 139):



## Murah

*Di mana-mana*
*di alam serba mewah ini*
*di situ ada nafas gelisah,*
*kerana di mana-mana dan bila-bila pun*
*kita menolak yang mahal*
*termasuk nilai diri.*

Dan pelbagai perkara inilah yang sentiasa menjadi mangkin menggerakkan dia untuk melantunkan suaranya melalui pena dalam melayari bahtera hidupnya nan sementara.

## Rujukan


A. Ghani Hamid, 2003. *Ombak Terbang Tinggi*. Singapura: Angkatan Sasterawan 50.

A. Samad Said, 1989. *Antara Bulan Dan Wira*. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Berita Minggu.* 1 April 1973, 14 Jun 2015 dan 8 Disember 2019.

Hassan Ibrahim, 1975. *Tikus Rahmat*. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Cetakan Pertama 1963).

Iswardy, 1992. *Otak. Singapura*: Pustaka Melayu Publisher.

Johar Buang, 2003. *Sahara*. Singapura: Toko Buku Haji Hashim.

MAS, 1988. *Jangan Tak Ada*. Singapura: Angkatan Sasterawan 50.

Mohd. Latiff Mohd., 1989. *Dalam Keasingan*. Shah Alam: Marwilis Publisher & Distributors.

_____, 2002. Batas Langit. Singapura: Pustaka Nasional.

_____, 2007. *Bila Rama-Rama Patah Sayapnya*. Singapura: Angkatan Sasterawan 50.

Nadiputra, 1988. *Encong. Brunei*: Universiti Brunei Darussalam.

Noor S.I., 1960. *Setanggi Waja*. Singapura: Malaya Publishing House Ltd.

Norulashikin Jamain, 2018. Kembara Usia. Singapura: Kreatif Hands and Associates.

Rohman Munasip, 2013. *Balada Seorang Penyair Di Pentas Bangsanya*. Singapura: Rohman Munasip.


Tulisan: Rasiah Halil

31 Julai – 3 Ogos 2020.

**RASIAH HALIL** seorang penyair, penulis, penterjemah, editor dan pendidik. Diterbitkan sejak 1972, karya-karyanya mendalami isu-isu sosial dan kemanusiaan. Selain enam bukunya, tulisannya boleh ditemui dalam buku bersama dan media massa. Sejak 1983, karya-karyanya diberi beberapa hadiah termasuk Anugerah Tun Seri Lanang pada 2017.  Rasiah mengikuti Program Penulisan Antarabangsa, Universiti Iowa, melalui biasiswa Fulbright pada 1995.

SISIPAN KHUSUS LEMBARAN MASTERA

MASTERA

Edisi No. 57

# BIOGRAFI

***Mussidi***

*Haji Morshidi bin Haji Marsal merupakan nama sebenar bagi mussidi. Dilahirkan pada 22 Jun 1955 dan sekarang menetap di Kampung Tanjung Nangka.*

*Berkelulusan Diploma of Arts and Design in Education pada tahun 1977 dan Certificate of Special Studies in Two Dimensional Expresion pada tahun 1978 dari Dartington Hall College of Arts and Design, Totnes, Devon, United Kingdom.*

*Pernah berkhidmat sebagai Guru Seni Lukis di Maktab SOAS dan kemudian menjawat jawatan sebagai Pereka Bentuk Kanan di Jabatan Radio dan Televisyen, Brunei sehingga beliau bersara pada bulan Jun 2010.*

*mussidi meminati bidang penulisan semenjak dari bangku sekolah lagi. Beliau sangat suka membaca buku-buku sastera dan novel-novel penulis terkenal dunia sehingga beliau berpeluang membaca karya sastera peraih hadiah Nobel, iaitu John Steinback, The Gapes of Wrath semasa sekolah menengah. Mussidi mula serius menceburi bidang penulisan pada tahun 1981 khususnya dalam bidang penulisan cerpen. Beliau menulis lebih daripada 65 buah cerpen. Karya-karya beliau diterbitkan dalam Mastika, Sarina, Berita Minggu, Borneo Bulletin, Bahana, Dewan Budaya, Mekar dan Radio Brunei.*

*Antara karya-karya Mussidi ialah Antologi Cerpen (Perseorangan) beliau ialah Kecoh. (1991), TAI dan Cerita-Cerita Lain (1995) dan Nipis (2003), [Dalam Bentuk Cakera Padat]. Sementara Novelet ialah Tum! (1994). Novelet dan Antologi Cerpen A4 (1993). Buku Cerita Kanak-Kanak Bumbu Bacaan Rumi ialah Pulau Senyuman (1997). Manakala Antologi Cerpen (Bersama Penulis Lain) ialah Suasana (1983). Rantau Utara (1989). Cerpen-Cerpen Nusantara Mutakhir (1991), Pergelutan Hidup (1992), Meniti Waktu (1993). Apabila Sungai Mengalir (1995) dan Orang Di Jambatan (2001). Antologi Cerpen Kanak-Kanak (Bersama Penulis Lain) Basikal Idaman (1988). Sesekali Angin Bertiup: Antologi Cerpen Mekar (1997). Kumpulan Cerita Pendek (Bersama Penulis Lain) Mahligai Syahdu: Kumpulan Cerita Pendek (1994). Antologi Cerpen dan Puisi (Bersama Penulis Lain) Meniti Jambatan Usia (1998). Sungai Siarau (2003). Antologi Cerpen dan Puisi Mitos Pencarian (Hadiah Kreatif Bahana 1998 – 2001) (2010).*

*Sementara Cerpen "Kecoh" merupakan cerpen beliau yang diterbitkan pertama kalinya dalam Mastika pada bulan September 1981. Karya cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh Mussidi juga diterbitkan dalam majalah dan akhbar di dalam mahupun di luar negeri seperti dalam majalah Bahana, Regal dan akhbar Borneo Bulletin.*

*Atas keaktifan beliau dalam bidang penulisan Mussidi menerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award) pada tahun 1994 di Bangkok, Thailand.*

## *Levitasi*

Mussidi
(Brunei Darussalam)

LELAKI BERDAHI luas, berambut nipis, berumur dalam lingkuangan empat puluh tahun, berpakaian kemas, mengangkat kepala dari surat khabar lalu memandang sekelilingnya ada tiga buah almari kayu penuh dengan buku, buku-buku tebal dan buku buku nipis di atas sebuah almari, penuh dengan barang-barang perhiasan gelas dan cawan terletak sebuah radio besar, di sisi radio itu merayap seekor lipas, di siling ada dua ekor cicak yang sedang berkejar-kejaran, di satu sudut dia terlihat dua orang anak-anak kecilnya berumur empat dan lima tahun sedang bermain dengan barang-barang permainan yang diperbuat daripada plastik, sementara isterinya, seorang wanita berambut panjang menyecah bahu, dia dapat melihat dari kerusi tempat duduknya itu, sedang menyediakan minuman petang hari Ahad, kemudian dia memandang pada dinding pada beberapa buah gambar hitam putih dan gambar berwarna berbingkai gambar-gambar tersebut adalah gambar-gambar ayah dan ibunya, gambar-gambar ayah dan ibu isterinya dan sebuah gambar nenek lelakinya dan sebuah gambar perkahwinan, kesemua gambar-gambar tersebut sudah kekuning-kuningan warnanya, bingkainya diperbuat daripada kayu, kacanya dihinggapi habuk, tahi cicak, sarang labah-labah dan telur lipas, sambil menguap dia memandang ke luar jendela pada jalan raya berbatu kerikil, matahari memancar panas, seorang lelaki berdahi luas, berambut nipis, berumur dalam lingkungan empat puluh tahun, pakaian dibasahi peluh, ada sebilah parang dipinggangnya, berjalan dengan perlahan-lahan sekali, tangan kanannya memegang seekor pelanduk terhayun-hayun sudah mati, melangkah menuju ke rumah di tepi jalan raya berbatu kerikil, lelaki berdahi luas, berambut nipis, berumur dalam lingkungan empat puluh tahun terus masuk ke rumahnya menuju ke dapur lalu menguliti pelanduk, memotong-motong dagingnya, kemudian memberikan potongan-potongan daging pelanduk itu kepada isterinya untuk lauk makan malam, setelah selesai semua itu dia pun pergi ke ruang depan rumah bersandar pada dinding

melunjurkan kedua-dua kakinya, menggulung sigup daun lalu menghisapnya, sambil menghisap sigup daun itu dia memandang kelilingnya, di satu sudut dia terlihat dua orang anak-anak kecilnya berumur empat dan lima tahun sedang bermain dengan barang-barang permainan yang diperbuat daripada plastik, sementara isterinya, seorang wanita berkulit cerah, dia dapat melihat dari tempat duduknya itu, sedang menyediakan minuman petang hari Ahad, kemudian dia memandang kepada dinding kepada beberapa buah gambar hitam putih dan gambar-gambar berwarna berbingkai, gambar-gambar tersebut adalah gambar-gambar ayah dan ibunya, gambar-gambar keluarga isterinya dan sebuah gambar nenek lelakinya dan sebuah gambar perkahwinan dan kesemua gambar-gambar tersebut sudah kekuning-kuningan warnanya, bingkainya diperbuat daripada kayu, kacanya dihinggapi habuk, tahi cicak, sarang labah-labah dan telur lipas, sambil menguap dia memandang ke luar pintu pada jalan raya berbatu kerikil, matahari memancar panas, seorang lelaki berdahi luas, berambut nipis, berumur dalam lingkungan empat puluh tahun, berpakaian kemas sedang menuntun seorang anak berumur lima tahun dan menjinjing sebuah beg kertas diikuti isterinya seorang wanita berbaju kurung mendukung seorang anak berumur empat tahun, mereka sekeluarga berjalan perlahan, perlahan sekali menuju ke rumah di tepi jalan raya berbatu kerikil, apabila saja mereka sampai ke rumah tersebut lelaki berdahi luas, berambut nipis, berumur dalam lingkungan empat puluh tahun itu pun menyeluk saku seluar lalu mengeluarkan kunci dan terus membuka pintu rumah, anak berumur lima tahun masuk dahulu diikuti oleh anak berumur empat tahun sebaik-baik saja dia diturunkan oleh ibunya daripada dukungan, kemudian wanita berbaju kurung itu pun masuk diikuti oleh lelaki berdahi luas, berambut nipis, berumur dalam lingkungan empat puluh tahun, berpakaian kemas, berjalan perlahan terus menuju ke dapur, sementara anak-anak mereka sudah pun duduk-duduk bermain dengan barang-barang permainan diperbuat daripada plastik di satu sudut di bawah gambar-gambar hitam putih dan gambar-gambar berwarna berbingkai kayu, gambar seorang lelaki tua, gambar seorang lelaki dan wanita, gambar ramai sebuah keluarga, bingkai dan kaca gambar-gambar tersebut sudah dihinggapi debu, sarang labah-labah, telur lipas dan tahi cicak, lelaki berdahi luas berambut nipis, berumur dalam lingkungan empat puluh tahun, berpakaian kemas memberikan beg kertas kepada wanita berbaju kurung sambil berpesan supaya memasak daging kerbau itu untuk lauk makan malam nanti lalu dia pun melangkah menuju ke ruang tamu dan duduk di atas sebuah kerusi kayu, mengambil surat khabar di atas meja, mengipas-ngipas dirinya dengan surat khabar itu sebentar sebelum membacanya, dia sempat melihat dua buah almari penuh dengan buku, buku-buku tebal, buku-buku nipis, sebuah radio besar terletak di atas sebuah almari penuh dengan barang-barang perhiasan, gelas dan cawan dan seekor lipas sedang makan robekan kertas buruk, dari tempat duduknya itu dia dapat melihat isterinya di dapur sedang menyediakan minuman petang hari Ahad, dia mengeluarkan sebatang rokok Benson & Hedges memarakkannya lalu menghisapnya, sambil menguap dia memandang ke luar jendela pada jalan raya berbatu kerikil di depan rumah, matahari memancar panas, sebuah kereta hitam lewat, debu-debu berterbangan kemudian mendap ke tanah semula, seorang lelaki berdahi luas berambut nipis, berumur dalam lingkungan empat puluh tahun, berpakaian kemas bersama dua orang anak, seorang lelaki dan seorang perempuan masing-masing berumur empat dan lima tahun dan seorang wanita bermuka bujur berjalan perlahan-lahan sekali menuju ke sebuah rumah di tepi jalan raya berbatu kerikil, lelaki berdahi luas berambut nipis, berumur dalam lingkungan empat puluh tahun menguap lagi beberapa kali kemudian membaca surat khabar sambil melunjurkan kedua-dua kakinya, sambil menghisap sigup daun nipah kemudian dia memerhatikan isterinya membawa minuman petang hari Ahad, minuman itu diletakkan di atas meja, teh 'O' dan sedikit pisang goreng, lelaki berdahi luas, berambut nipis berumur dalam lingkungan empat puluh tahun mengambil secawan kopi lalu meminumnya dengan perlahan sebelum itu dia terlebih dahulu menaruh rokok Benson & Hedges pada bekas pembuang habuk rokok, lelaki berdahi luas, berambut nipis, berumur dalam lingkungan empat puluh tahun itu kemudian meletakkan cawan teh 'O' itu di atas dulang di atas lantai kemudian memandang kedua-dua anaknya di satu sudut bermain dengan barang-barang permainan diperbuat daripada plastik, dia meletakkan surat khabar di atas meja apabila isterinya keluar dari dapur membawa sedulang minuman petang hari Ahad bersama sedikit cucur pisang, sudah empat tahun dia tidak merokok, terlalu susah dia membuang tabiat itu, mula-mula dulu, dia penghisap sigup gulung daun nipah kemudian beralih kepada rokok Benson & Hedges, sekarang isterinya merasa senang kerana tidak lagi perlu setiap malam menghadapi nafas berbau rokok, sambil meminum segalas susu segar dia memandang ke luar tingkap pada jalan raya berbatu kerikil seorang lelaki berdahi luas, berambut nipis, berumur dalam lingkungan empat puluh tahun, berpakaian kemas, berjalan perlahan, perlahan sekali menuju ke rumahnya di tepi jalan raya berbatu kerikil di tempat isteri dan dua orang anaknya, seorang lelaki, seorang perempuan sedang menunggu dan anak-anak itu sudah pasti sedang bermain- main dengan barang-barang permainan diperbuat daripada plastik di bawah gambar-gambar hitam putih dan gambar-gambar berwarna berbingkai, gambar-gambar tersebut adalah sebuah gambar ayah dan ibunya, dan sebuah gambar keluarga isterinya, dan sebuah gambar nenek lelakinya, dan sebuah gambar



perkahwinan, dan sebuah gambar ramai sebuah keluarga dan sebuah gambar abangnya, dan sebuah gambar datuknya, dan sebuah gambar keluarga sepupunya, dan sebuah gambar adik bongsunya, dan sebuah gambar ramai bersama kawan-kawan sekerja, dan sebuah gambar anak-anaknya, dan sebuah gambar neneknya, dan sebuah gambar abang bapanya, dan sebuah gambar kedua-dua anaknya sedang bermain-main dengan barang-barang permainan diperbuat daripada plastik dan kesemua gambar-gambar tersebut sudah kekuning-kuningan warnanya, bingkainya diperbuat daripada kayu, kacanya dihinggapi habuk, tahi cicak, sarang labah-labah dan telur lipas, dan sebuah jam dinding, detik jarum saatnya hampir-hampir tidak kedengaran, halus tapi tetap jelas, kedengaran saat demi saat, segala-galanya cukup, tidak lebih, tidak kurang, tidak ada apa-apa mahu diingau-ingaukan lagi, segala-galanya cukup, segala-galanya, lelaki berdahi luas, berambut nipis, berumur dalam lingkungan empat puluh tahun pun menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap dan menguap kemudian dia mengambil surat khabar lalu membacanya, ada sebuah gambar hitam putih seorang lelaki berbadan besar duduk bersila terapung-apung tiga meter dari bumi, semasa kecil dulu dia pernah terlihat gambar-gambar seperti itu dan mempunyai keinginan untuk dapat melakukannya sendiri lalu mencubanya beberapa kali semasa remajanya sambil mengumumkan ke sana sini bahawa musuh utama manusia ialah graviti, tarikan bumi, kita mesti bebas daripada tarikan bumi itu untuk mendapatkan kebebasan sebenarnya jika tidak kita akan seperti kelmarin dan kelmarin bahari dan hari-hari sebelumnya mengulang-ulangi setiap gerak laku hari-hari dengan sedikit variasi supaya tidak ketara seperti satu pengulangan, tapi walau apa jua pun tetap juga pengulangan-pengulangan, oleh kerana dia tidak pernah berjaya membebaskan diri daripada tarikan bumi, tidak pernah berjaya mengapung-apungkan dirinya dia cuba melupakannya saja sehinggalah sekarang petang Ahad dia bangun daripada kerusi meletakan surat khabar itu kembali di atas meja kemudian pergi ke tengah-tengah ruang duduk bersila memejamkan mata rapat-rapat, mengetapkan kedua-dua bibirnya, seluruh tubuhnya termasuk dadanya tidak bergerak-gerak, menahan nafas selama lebih kurang setengah jam lebih, dahinya berpeluh, pelipisnya berpeluh, dadanya berpeluh, belakangnya berpeluh, menahan nafas, terus menahan nafas, warna mukanya menjadi merah kemudian bertukar menjadi biru, kemudian perlahan-lahan lelaki berdahi luas berambut nipis berumur dalam lingkungan empat puluh tahun itu mula terapung, terapung, terapung di udara dan terus terapung naik, kepalanya acap pada siling, acap pada siling dan bertahan di situ selama tiga minit, selama tiga minit, sambil memekik-mekik, Saya bebas! Saya bebas! Pekikan yang menyebabkan wanita berambut panjang menyecah bahu berkejar ke situ dan wanita berbaju kurung itu pun ternganga-nganga memerhatikannya bersama dua orang anak kecil masing-masing berumur empat dan lima tahun, saya bebas! Bebas! Bebas! Bebas! Bebas! Bebas! Bebas! Bebas! BEBAS! Kemudian dia melabuk jatuh di atas lantai, badannya basah oleh peluh, terlayah-layah, tangannya terketar-ketar sebentar, kemudian kaku dan keras tidak bergerak-gerak lagi dan wanita bermuka bujur berlari mendapatkannya lalu menggerak-gerakkannya beberapa kali sebelum wanita berkulit cerah itu mula menangis teresak-esak dan sebentar kemudian wanita berambut panjang menyecah bahu itu pun rebah pengsan dan dua orang anak kecil itu meninggalkan wanita berbaju kurung itu untuk kembali bermain dengan barang-barang permainan diperbuat daripada plastik di bawah gambar-gambar hitam putih dan gambar-gambar berwarna berbingkai kayu, berdebu, bersarang labah-labah, bertahi cicak dan bertelur lipas.

# BIOGRAFI

***P.H. Mohammad Abd. Rahman***

*P.H. Mohammad Abdul Rahman merupakan nama pena bagi Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman. Selain itu, beliau juga menggunakan nama pena Zairis M. S.. Mula bergiat aktif dalam bidang penulisan sejak tahun 1960-an dalam genre puisi, cerpen, kritik sastera dan rencana nonkreatif. Karya-karya P.H. Mohammad Abdul Rahman tersiar dalam majalah dan akhbar seperti Berita Minggu, Utusan Zaman, Mingguan Malaysia, Gelanggang Filem, Dewan Masyarakat, Dewan Bahasa, Dewan Sastera, Mastika, Kiblat, Al-Islam, Malaya Merdeka, Medan Sastera, Panji Masyarakat, Bahana, Beriga, Borneo Bulletin dan Pelita Brunei. Kumpulan Puisi Rinduku mengangkat P.H. Mohammad Abd. Rahman sebagai penerima ke 23 Anugerah Penulis Asia Tenggara Tahun 2008 bagi Negara Brunei Darussalam di Bangkok, Thailand.*

## *Iman Bosnia**

P.H. Mohammad Abd. Rahman
(Brunei Darussalam)

Bersabar dan bertakwa
berjihad mara saudaraku Muslimin
adalah kekuatan batiniah itu
senjata ampuh di setiap zaman
akan tersungkur segala seteru
kerana Tuhan bersamamu.

Bilangan bukan penentu kemenangan
peluru bukan penentu kemusnahan
betapa angkatan masa lalu
yang dengan bangga meneriakkan
kehebatan pejuangnya singa padang
kuda samberani gemerencing peadang
terkulai di kaki Muslimin takwa!

Bukan ia yang membunuh sebenarnya
yang mematikan ialah yang menghidupkan
yang menghidupkan ialah yang mematikan
kuasa ghaib yang tak terfikirkan
jawapannya adalah kental iman.

Ketika engkau mengaku bahawa
TIADA TUHAN SELAIN ALLAH
suatu saat akan mengujimu
demi keyakinan yang terpegang
tiada akan diam Yahudi Nasrani
menarikmu dari subur ladang tauhid
warisan angkuh para musyrik iaitu
dendam yang tiada padam
bukan kerana kebenaran ingkarnya
tetapi rasul pilihan Maha Esa

Jangan berpaling saudaraku Muslimin
pesona politik dunia besar rahsianya
demi keyakinan tumbuh di bumimu
suatu permulaan jauh meneroka
rantau Eropah.

Institut Pengajian Islam
Brunei Darussalam

* Sajak ini terbit dalam majalah Bahana, September 1996 Bil. 190 Jilid 31 dan menerima Hadiah Kreatif Bahana DBP-BSP bagi Kategori Sajak pada tahun 1996.



# BIOGRAFI

***Sosonjan A. Khan***

*Selain menggunakan nama pena Sosonjan A. Khan, juga terkenal dengan nama pena Sutera Kalbu. Berasal dari Sabah dan sudah menetap di Negara Brunei Darussalam selama lebih 30 tahun. Aktif menulis terutama dalam bidang cerpen, puisi, novel dan berita untuk akhbar. Kebanyakan karya yang dihasilkan diterbitkan dalam majalah Mekar, Wadah, Bahana, Sabah Times, Borneo Post, Pelita Brunei dan Media Permata. Sosonjan juga pernah menerima Hadiah Kreatif Bahana anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka–Brunei Shell dalam Kategori Cerpen tahun 1999, 2000, 2001 dan 2003. Cerpen bertajuk "Seorang Ibu dan Perahu" menerima Hadiah Penghargaan dalam Peraduan Menulis Cerpen dan Kritikan Sastera Bahana DBP 2017. Novel sulungnya bertajuk yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada 20. Terbaharu pada tahun 2019 beliau sebuah cerpen bertajuk " "*

## BUNGA HITAM YANG TUMBUH DI BIBIR*

***Sosonjan A. Khan***

*(Brunei Darussalam)*

Bunga hitam yang tumbuh di bibir
adalah bunga juga tanpa harum
hanya boneka ingin memilikinya
bukan aku
yang kau katakan itu
sedang kau berdiri seorang diri
di hadapan cermin di atas dacing ruyung
betisku masih memijak tanah
hanya orang gila yang akan percaya
kononnya kita sama saja!

Merenung langit dari tepi longkang ini
berangan tentang masa depan
dalam hutan semak ini
kerangga dan pacat pun pandai kurang ajar
mencuri darah dan daging manisku!

Aku menguis-nguis sebuah jawapan
dalam timbunan abu dari dapur kayuku
kepulan asap memedihkan mata
periuk belanga hitam legam
tiap kehidupan yang lahir di sini
adalah guru sepanjang hayat!

*Sajak ini terbit dalam majalah Bahana, April 1998 Bil. 208 Jil. 33.

# BIOGRAFI

***Gus TF Sakai***

*Gus TF Sakai dilahirkan di Payakumbuh, Sumatra Barat, tanggal 13 Agustus 1965 dengan nama asli Gustrafizal. SD, SMP, dan SMA ia tamatkan di Payakumbuh, kemudian melanjutkan ke Fakultas Peternakan Universitas Andalas, Padang, dan lulus 1994. Proses kreatifnya berkembang sejak kanak-kanak, seiring dengan kegemaran berolahraga (di antaranya sepak bola dan bela diri), yang dimulai dari menggambar, lalu menulis puisi dan esai di buku harian. Publikasi pertamanya berupa cerita pendek yang memenangi Hadiah I sebuah sayembara ketika ia duduk di bangku kelas 6 SD tahun 1979. Setelah memublikasikan karya dengan berbagai nama samaran sampai tamat SMA tahun 1985, ia pindah ke Padang dan mengambil putusan yang bagi banyak orang mungkin tidak terbayangkan: hidup dari menulis. Sejak itu pulalah, ia menggunakan dua nama: Gus tf dan Gus tf Sakai. Namun, kini terbukti keputusannya tidak keliru. Walaupun tidak dapat dikatakan berkecukupan, ia tampak sangat menikmati profesinya. Ia pun tumbuh sebagai sastrawan Indonesia yang menonjol di generasinya.*

*Beberapa karyanya antara lain, Segi Empat Patah Sisi (novel remaja, Gramedia, 1990), Tambo (novel, Sebuah Pertemuan, Grasindo, 2000), Tiga Cinta, Ibu (novel, Gramedia, 2002), Istana Ketirisan ( cerpen, Balai Pustaka, 1996), Kemilau Cahaya dan Perempuan Buta (cerpen, Gramedia, 1999), Sangkar Daging (puisi, Grasindo, 1997), Daging Akar (puisi, Kompas, 2005), dan masih banyak lagi.*

*Penghargaan dan Hadiah yang pernai ia peroleh, hadiah Pertama Sayembara Mengarang Cerpen dari Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Kotamadya Payakumbuh untuk cerpen "Usaha Kesehatan di Sekolahku" (1979), Hadiah Pertama Sayembara Mengarang Novelet dari majalah Gadis untuk novelet "Ben" (1991), Hadiah nomine Cerpen Terbaik di Koran-koran Indonesia 1998 dari Dewan Kesenian Jakarta untuk cerpen "Lukisan Tua, Kota Lama, Lirih Tangis Setiap Senja" (1999), Penghargaan Sastra Lontar dari Yayasan Lontar untuk kumpulan cerpen Kemilau Cahaya dan Perempuan Buta (2001), SEA Write Award dari Kerajaan Thailand untuk kumpulan cerpen Kemilau Cahaya dan Perempuan Buta (2004), dan masih banyak lagi.*

# *"Pakiah" Dari Pariangan*

Gus TF Sakai

Bagi orang-orang di kampung itu, cerita tentang pakiah sudah jadi masa lalu. Ia tertinggal dalam surau-surau tua, di tebal debu kitab-kitab kuning yang berhampar-serak, dalam bilik-bilik garin yang daun-daun pintunya telah somplak.

Bagi orang-orang yang datang ke kampung itu, ia akan didengar dari mulut orang-orang tua atau tukang cerita, berbaur-biluh dengan kisah para pendekar yang dalam bahasa mereka disebut pandeka.

Pakiah dan pandeka, bagi mereka orang-orang Sitalang, memang hampir tak bisa dipisahkan. Bahkan tak jarang, untuk tak mengatakan hampir selalu, dua sebutan itu berada dalam tubuh yang sama. Seseorang menjadi pakiah ketika remaja, menjelma jadi pandeka atau pendekar ketika dewasa. Tentu saja pakiah bisa langsung dikenali, sementara pandeka, orang-orang yang berkemampuan silek (silat) tinggi itu, sering-sering bersembunyi di dalam diri.

Tentang bersembunyi di dalam diri, menurut Nek Minah, mereka sebetulnya juga serupa. Hanya karena tugasnya, pakiah harus berkeliling meminta sedekah dengan penampilan sama: memakai sarung, atau celana dasar, dengan baju koko. Berpeci, dengan buntie (buntal) atau kantung beras di tangannya. Siapa pun akan langsung mengenali bahwa itu pakiah. Akan tetapi, pandeka?

"Jangan terkecoh oleh tampak luar," begitu kata Nek Minah kepada kanak-kanak atau cucu-cucunya. "Seperti halnya pandeka, pakiah itu orang yang bisa menahan diri. Mereka meminta-minta bukan untuk mendapatkan sesuatu dari orang lain, melainkan untuk melatih dan menemukan sesuatu dalam diri mereka. Kerendahhatian. Kesabaran. Kalian bayangkan, coba, bagaimana perasaan kalian bila suatu kali orang bukan memasukkan beras, melainkan abu, ke kantong beras kalian?"

Dan lalu, Nek Minah akan melayangkan pandang ke mulut jalan, ke arah dari mana dulu saat ia kanak-kanak melihat pakiah itu muncul-datang, pergi-pulang, tetap dengan wajah tenang, bahkan seperti terang, walau tak mendapat sedekah apa-apa dari rumahnya. Mulut jalan itu, yang dulu kecil saja karena cuma jalan setapak, kini telah menjelma jadi mulut jalan besar yang langsung disambut oleh pekan (pasar) Sitalang. Betapa Nek Minah tak menyangka, rumahnya yang pada masa lalu adalah pinggir kampung dengan ladang dan belukar di mana-mana, kini menjelma jadi daerah cukup ramai dengan Jorong Sitalang pusat pekan-nya.

Dan, di pusat pekan atau pasar kampung itu, cerita tentang pakiah kembali bermula. Tetapi, siapa pula bakal menyangka, cerita itu, pada akhirnya, lebih jadi milik para pengemis?

***

Seperti biasa, setiap tahun bila Ramadhan tiba, pekan Sitalang akan mencapai puncak ramainya. Sayur-mayur atau palawija apa pun dari kampung sekitar, seakan hanya dibawa ke sana. Begitu pun pakaian, barang-barang sandang yang sebelumnya tak ada, tiba-tiba muncul dengan pedagang-pedagang bertenda. Mungkin karena terletak di antara dua kota, barang apa pun seperti singgah, seolah mencoba peruntungan Lebaran sebelum dibawa ke kota lainnya.

Di pusat pekan kampung semacam itu, keramaian kadang bisa tak terkira. Segala macam orang bisa ada, tak ubahnya seperti di terminal atau pasar induk di kota-kota. Mulai dari tauke, pedagang eceran, sampai pedagang tiban yang mengambil barang di sana dan menjualnya juga di sana. Mulai dari kuli angkat, tukang ojek motor, sampai preman pekan tukang palak, pun pencopet. Para perantau yang mudik atau pulang, juga sejenak berhenti di sana. Dan tentu, yang dari hari ke hari Ramadhan terus bertambah, adalah para pengemis.

Para pengemis ini, dari manakah mereka datang? Hanya dua-tiga orang yang bisa dikenali sebagai penduduk sekitar Sitalang, selebihnya tentu berasal dari kampung yang jauh. Bila mereka berasal dari kampung-kampung yang jauh, pukul berapakah mereka berangkat dari kampung mereka karena pagi sekali mereka sudah berada di Pekan Sitalang? Bila mereka berangkat malam sebelumnya atau sangat dini, kenapa mereka tak tampak lelah? Kecuali mimik memelas dan pakaian yang lusuh dan kumal, tak tampak masalah apa-apa pada diri mereka. Bahkan, galib kejadian, mereka bisa berkelahi dengan preman pekan tukang palak, walau selalu kalah.

Di tengah para pengemis seperti itu, munculnya dua pengemis remaja berpakaian sama, jadi tampak sangat mencolok. Pakaian mereka: celana dasar warna coklat dengan baju koko hijau muda. Berpeci hitam dengan buntalan dijinjing atau kadang disampir di pundak mereka. Ya, dua orang pakiah. Sudah dua hari ini mereka muncul di Pekan Sitalang. Tetapi ya, seperti Anda tahu, pakiah sudah jadi masa lalu. Maka orang-orang hanya heran tentang pakaian, tentang kerapian, dan tentang wajah yang bukan memelas, melainkan, walau terkesan lembut dan lemah, tampak bersih dan tenang.

Tetapi pula, tentu tak semua orang di Pekan Sitalang sudah tak kenal pakiah. Beberapa orangtua asli Sitalang yang berjualan di pasar itu adalah pengecualian. Dan di antara mereka yang tetap kenal ini, ada juga yang samar-samar mendengar bahwa di kampung tua bernama Pariangan, kampung yang dulu dipercaya sebagai tempat asal-usul nenek moyang mereka, telah sejak setahun ini berdiri sebuah pesantren. Dan, di antara yang samar-samar mendengar ini, ada yang kemudian samar-samar pula mendengar pendiri pesantren itu Inyiak Pakiah Babanso. Siapakah Inyiak Pakiah Babanso? Dulu, dulu sekali, bila Anda mendengar namanya, maka Anda akan menggigil.

***

Inyiak Pakiah Babanso adalah pendekar tanpa tanding. Pada masanya, tak seorang pun pandeka yang mau mencari gara-gara dengannya. Ia menguasai silek tuo dan sitaralak, dua aliran silat yang sangat efisien. Tak banyak gerak, tetapi mematikan. Ia juga tak tertanding dalam kecepatan kobek (ikat), tangkok (tangkap), dan kunci (mengunci sendi dan engsel), yakni kemampuan dasar yang menjadi gelek atau gerakan refleks dalam silat. Bila ada yang bertanya bagaimana Inyiak Pakiah Babanso bisa bergerak secepat itu, orang lain akan segera bilang, "Hanya Tuhan yang tahu".

Tetapi, entah bagaimana kemudian, orang-orang mendengar Inyiak Pakiah Babanso menghilang dari dunia silat. Samar-samar orang kemudian tahu, ia kecewa pada Orde Baru yang menjelmakan silek jadi tarian. Bukan soal tariannya, tetapi kepada sesuatu yang sengaja dipertunjukkan. Jadi, bila sekarang Inyiak Pakiah Babanso kembali muncul dan mendirikan pesantren di kampung tua Pariangan, itu sangat masuk akal. Otonomi daerah yang mengembalikan pemerintahan—tak terkecuali pendidikan—ke lembaga-lembaga lokal, telah menjadikan pesantren sebagai pilihan.

Di situlah, di pesantren tradisional, surau dan sasaran (gelanggang) silek menjadi dua hal utama. Siang hari para murid belajar kitab-kitab kuning seperti Nahu, Syaraf, Tafsir, Bayan, Maani, dan lain-lain di surau, sementara pada malam harinya mereka belajar silek di sasaran. Di antara itu, mereka menjadi pakiah, minta sedekah ke kampung-kampung. Menjadi pakiah, atau mereka sebut mamakiah, adalah kurikulum mental mendidik para murid menjadi orang yang sabar, tabah, papa, tiada.

Entah pada hari ketujuh, atau hari kedelapan munculnya dua pengemis remaja di Pekan Sitalang, terjadi kegemparan. Orang-orang mendengar preman pekan tukang palak kembali berkelahi dengan para pengemis. Karena sering terjadi, peristiwa itu mestinya hanya merupakan peristiwa biasa. Ia menjelma jadi heboh dan menggemparkan karena yang kalah kali ini adalah para preman tukang palak! Dan, sebetulnya, perkelahian itu, bukan pula antara preman pekan tukang palak dan para pengemis. Melainkan hanya antara preman tukang palak dan dua pengemis remaja. Begitulah sebuah peristiwa, di tengah pasar yang gaduh dan dengan begitu banyak mulut, tak lagi sampai sebagaimana kejadian sebenarnya.

Dan, kejadian yang sebenarnya itu, sebenarnya pula, sangat sederhana. Seorang preman tukang palak, dengan lebih dulu menggertak, merogoh buntal si salah seorang pengemis remaja. Tetapi, begitu tangan si preman tukang palak itu masuk ke buntal, mulut si preman segera terpekik. Di dalam buntal itu, entah bagaimana caranya, tangan si preman tukang palak telah dikunci oleh tangan si pengemis remaja. Si preman tukang palak itu melolong-lolong, tubuhnya tertekuk-tekuk, sampai terbungkuk-bungkuk, memohon-mohon meminta ampun agar tangannya dilepaskan. Hanya begitu saja kejadiannya. Tak lebih. Tetapi, kata orang-orang:

"Dua pengemis itu mengobrak-abrik kelompok Si Patai."

"Si Patai sampai menyembah-nyembah agar dibiarkan pergi."

"Pengemis super sakti!"

"Dari manakah para pengemis itu datang?"

Padahal bukan 'para', karena cuma dua orang. Dan dua orang remaja itu bukan pengemis, melainkan pakiah. Seperti Anda sudah tahu, tentu bukan tak ada orang yang tak kenal pakiah di Pekan Sitalang. Dan juga bukannya tak ada orang yang tak tahu bahwa pakiah itu datang dari Pariangan. Tetapi soalnya, orang-orang yang tak tahu jauh lebih banyak, dan mereka yang tak tahu ini lebih ingin, dan senang, mendapati kenyataan ada pengemis yang begitu sakti, dan mereka lalu dengan rela memberikan apa pun untuk para pengemis ini. Maka, kemudian, bila Anda jeli mengamati apa yang terjadi di Pekan Sitalang, pemandangan ini akan sangat mungkin Anda dapati:

Seorang pengemis datang entah dari mana, masuk ke toilet umum atau mengendap-endap menyelinap ke dalam belukar, sejenak kemudian kembali muncul dengan pakaian beda: bercelana dasar dengan baju koko, berpeci dengan buntalan dijinjing atau disampir di pundaknya….

***

Begitulah Nek Minah jadi sering duduk di jendela. Dari rumahnya, memandang ke mulut jalan besar yang langsung disambut oleh Pekan Sitalang, Nek Minah bisa melihat bagaimana pakiah-pakiah itu datang, kembali muncul dari masa lalu. Seperti dalam ingatannya, dan seperti yang sering ia katakan kepada kanak-kanak atau cucu-cucunya, pakiah itu orang yang bisa menahan diri. Mereka meminta-minta bukan untuk mendapatkan sesuatu dari orang lain, melainkan untuk melatih dan menemukan sesuatu dalam diri mereka. Kerendahhatian. Kesabaran.

Nek Minah tersenyum. Senyum yang kian lebar, kian cerah saat melihat pakiah-pakiah itu semakin banyak. Sampai hari ini, tiga hari menjelang Lebaran, pakiah-pakiah itu bahkan tak lagi minta sedekah hanya di Pekan Sitalang, melainkan juga merambah ke rumah-rumah sekitar, dan satu-dua orang melangkah menuju rumah Nek Minah…. ***

Payakumbuh, 13 Agustus 2011



# BIOGRAFI

***Adimas Immanuel***

*Adimas Immanuel lahir di Solo, 8 Juli 1991. Lulusan Fakultas Ekonomi, Universitas Diponegoro, Semarang. Kumpulan puisinya, Pelesir Mimpi (2013). Sekarang ia menetap di Jakarta.*

## *Imago Mundi*

***Adimas Immanuel***

Hanya biru laut. Hanya laut.
Siang malam kita teropong.
Hanya biru laut, hanya lembar tabut.
Bayang wajah yang terpotong.
Tiada bayang emas dan sutra.
Hanya hijau pesona selalu
berdenyut di kelopak mata.
Tapi aku tak cari pantai,
hidup sudah cukup landai.
Aku hanya menantang
Tuhan yang semayam
dalam gejolak gelombang
cinta adalah firman yang
berangkat dari kutukan!
Hanya laut, kelebat kalut.
Kau masih tak tertempuh.
tak mungkin turunkan sauh.
Letih penjelajahan ini
akan berakhir di mana,
Jika tak tertambat
di tanjung nyawamu?
Hanya wajahmu, rupa waktu.
yang jika sirna dari makna,
yang jika susut dari maksud,
tetap ada di mana-mana.

# BIOGRAFI

***Jakob Soemardjo***

*Jakob Soemardjo adalah seorang penulis produktif kritikus sastra ternama dan juga pelopor filsafat di Indonesia. Jakob merupakan anak sulung dari tujuh bersudara, putra dari pensiunan ABRI, P. Djojoprajitno.*

*Karier kefilsafatan Jakon dimulai ketika ia menulis kolom di harian Kompas, Pikiran Rakyat, Suara Karya, Suara Pembaruan dan majalah Prisma, Basis, dan Horison sejak 1969. Buku-bukunya yang khusus membahas filsafat Indonesia ialah: Menjadi Manusia (2001), Arkeologi Budaya Indonesia (2002), dan Mencari Sukma Indonesia: Pendataan Kesadaran Keindonesiaan di tengah Letupan Disintegrasi Sosial Kebangsaan (2003).*

*Suami dari Jovita Siti Rochma dan ayah dari empat orang anak ini mendefinisikan filsafat Indonesia sebagai pemikiran primordial atau pola pikir dasar yang menstruktur seluruh bangunan karya budaya. Sementara dalam bukunya Mencari Sukma Indonesia, ia menyebutkan bahwa Filsafat Etnik Jawa berarti filsafat yang terbaca dalam cara masyarakat Jawa menyusun gamelannya, menyusun tari-tariannya, menyusun mitos-mitosnya, cara memilih pemimpin-pemimpinnya, dari bentuk rumah Jawanya, dari buku-buku sejarah dan sastra yang ditulisnya.*

**PENDIDIKAN**

1. *SD Kanisius, Klaten dan Yogyakarta (1953)*
2. *SGB BOPKRI, Yogyakarta (1956)*
3. *SGA BOPKRI, Yogyakarta (1959)*
4. *IKIP Sanata Dharma, Yogyakarta (1962)*
5. *IKIP Negeri, Bandung (1970)*

**KARIR**

1. *Guru SMA St. Angela (1962-1980)*
2. *Dosen di Fakultas Seni Rupa Daerah IB Bandung (sejak 1962)*
3. *Dosen merangkap Ketua Jurusan Teater di ASTI Bandung (1980)*
4. *Guru Besar Sekolah Tinggi Seni Indonesia (STSI) Bandung*
5. *Kritikus sastra dan di berbagai media*

**KARYA:**

1. *Sastra dan Masyarakat Indonesia, Nurcahaya, Yogya, 1977*
2. *Segi Sosiologis Novel Indonesia, Pustaka Prima, Bandung, 1980*
3. *Elite Sastra dalam Budaya Massa, LKPL, Bandung, 1980*
4. *Pengantar Novel Indonesia, Unipress, Jakarta, 1982*
5. *Sinopsis Roman Indonesia, Alumni, Bandung, 1984*
6. *Memahami Kesusastraan, Alumni, Bandung, 1984*
7. *Dari Khasanah Terjemahan, Alumni, Bandung, 1985*
8. *Trias Politika Sunda yang dimuat di Pikiran Rakyat, 2004*
9. *"Kaula Gusti" (2004) dimuat di Pikiran Rakyat*
10. *"Kebanggaan Bernama Indonesia" (2005) di Kompas*
11. *"Amarah" (2006) di Kompas*

**PENGHARGAAN:**

1. *Mendapat Anugerah Kebudayaan tiga kali dari Menteri Kebudayaan dan Pariwisata atas esai "Kaula Gusti" (2004) yang dimuat di Pikiran Rakyat, "Kebanggaan Bernama Indonesia" (2005) dan "Amarah" (2006) yang dimuat di Kompas*
2. *Mendapat penghargaan Satya Lencana Kebudayaan 2010*

# *Kata Dan Perbuatan*

Jakob Sumardjo

Seseorang disebut baik karena berbuat baik, seseorang disebut jahat karena berbuat jahat. Perbuatanlah yang mengubah manusia dan dunia, bukan kata-kata.Meskipun demikian, perlu diingat bahwa perbuatan adalah manifestasi dan aktualisasi dari kata-kata, pikiran, dan keinginan yang mendasarinya. Perbuatan baik terjadi karena keinginan baiknya atau maksud baiknya. Keinginan atau maksud baik menjadi kenyataan perbuatan baik kalau didasari pemikirannya yang benar. Dengan demikian, setiap perbuatan segera akan diketahui kandungan keinginan dan pikirannya, baik atau jahat.

Di Jawa Barat berkembang cerita rakyat dengan tokoh Si Kabayan. Pada suatu pagi, Abah, bapak mertua Kabayan, mengajak Kabayan memasang perangkap hewan ke hutan. Abah memasang perangkap burung, sedangkan Kabayan memasang perangkap pelanduk. Sore harinya, Abah tak sabar ingin melihat hasil perangkapnya, sementara Kabayan masih pulas tidur siang.

Perangkap Abah ternyata masih kosong, sedangkan perangkap Kabayan telah berisi seekor pelanduk. Hati Abah panas, lalu memindahkan tangkapan pelanduk ke perangkapnya sendiri, kemudian pulang dan membangunkan Kabayan supaya bersama- sama melihat hasil perangkapan mereka. Sesampainya di tempat, Kabayan langsung lesu dan duduk di tepi sungai.

Abah yang sedang kegirangan melihat Kabayan sedih menatap air sungai lalu menghardiknya, "Ngapain lu, Kabayan. Ayo pulang, kita masak pelanduk ini!" Jawab Kabayan, "Heran, euy, ada sungai mengalir dari hilir menuju hulu." Kata Abah menimpali, "Mana mungkin ada air mengalir dari hilir ke hulu." Jawab Kabayan enteng, "Ya, sama tidak mungkinnya perangkap burung berisi pelanduk!"

Kearifan lokal Si Kabayan ini menunjukkan bahwa setiap perbuatan tidak baik segera akan terbongkar maksud dan cara berpikirnya yang tidak baik dan tidak benar. Cara Kabayan membongkar kelicikan bapak mertuanya melalui cara berpikirnya, tidak mungkin perangkap burung berisi pelanduk yang sama tidak mungkinnya ada air mengalir ke atas (yang diakui kebenarannya oleh Abah).

Bagi nenek moyang Indonesia, dua atau tiga generasi yang lalu, laku atau perbuatanlah yang mengubah manusia dan dunia tempat dia berada. Dirinya menjadi baik dan dunia sekitarnya menjadi baik kalau dia berbuat baik. Dirinya menjadi jahat dan dunia sekitarnya kena dampak kejahatannya kalau dia berbuat jahat, dalam arti maksudnya jahat, cara berpikirnya tidak benar meskipun seolah-olah perbuatannya tampak baik.

Ilmu iku kelakone kanthi laku (Mangkunagara IV). Ilmu pengetahuan itu timbul dari perbuatan, artinya pengetahuan dan pikiran itu tidak banyak gunanya kalau tidak dapat dipraktikkan dalam kehidupan. Dari perbuatannya, kita mengenali ilmunya. Namun, memang pikiran semacam itu muncul dari dunia mistisisme yang dalam abad ke-19 masih kuat menggejala di Indonesia. Namun, pesannya cukup relevan untuk manusia modern Indonesia, yakni bahwa manusia jangan gampang mengumbar kata-kata. Setiap kata punya konsekuensi dengan perbuatannya. Kalau tidak akan sanggup melakukannya, lebih baik berdiam diri saja, jangan mengumbar kata-kata tanpa bobot perbuatan nyata.

## Perilaku Pemimpin

Kata-kata yang baik tersebut menghasilkan perbuatan baik. Kalau kata-kata baik hasil perbuatannya tidak baik, jelas pendusta. Itulah sebabnya, nenek moyang kita abad ke-19 bahkan awal abad ke-20 menyatakan peribahasa: mulut kamu harimau kamu. Atau di kalangan kraton berkembang ungkapan: sabdo pendito ratu, ucapan raja yang pendeta. Begitu kata-kata terlepas dari mulutnya, ia mengandung janji yang harus ditepati dengan perbuatannya.

Tidak mengherankan ketika banyak calo tenaga kerja blusukan ke desa-desa untuk menggaet gadis-gadis muda dengan kata-kata mau ditempatkan di posisi kerja terhormat, ternyata dijadikan "budak nafsu" di luar negeri karena penduduk desa masih percaya ungkapan "mulut kamu harimau kamu" atau sabdo pendito ratu. Mereka tidak mengenal perjanjian tertulis yang dapat dibawa ke sidang pengadilan. Budaya rakyat menjadi korban budaya urban.

Ternyata kata-kata tidak mengubah apa-apa tanpa diikuti oleh perbuatan nyata. Perbuatan, tingkah laku, dan teladan yang kasatmata itulah yang dapat mengubah manusia. Justru manusia dapat belajar banyak dari perbuatan-perbuatan para pemimpinnya. Mana pemimpin yang cuma pandai ngomong, tetapi tidak terjadi dalam perbuatan nyata, dan mana pemimpin yang omongannya selalu ditepati dengan tindakan. Pemimpin yang konsisten antara kata dan perbuatannya atau janji-janjinya dibuktikan secara nyata dalam perbuatan akan mendapat kepercayaan, yakni kata dan perbuatan baiknya.

Ada pepatah Indonesia terkenal, sekali lancung ke ujian, seumur hidup orang tidak percaya. Sekali saja Anda ingkar janji,maka ibarat "nilai setitik rusak susu sebelanga". Sebagai manusia, riwayat Anda sudah habis kendati usia Anda masih panjang.

Sebagian besar rakyat Indonesia masih hidup dalam budaya lama di komunitas-komunitas perkampungan yang masih berpikir "ilmu kelakone kanthi laku". Mereka menilai apa yang Anda lakukan, bukan apa yang Anda katakan dalam retorika secantik apa pun. Yang mereka butuhkan adalah perbuatan konkret Anda dalam mengubah dunia mereka. Kebutuhan mereka sesederhana tuntutan manusia di mana-mana, yakni cukup makan, cukup papan, cukup sehat, dan cukup aman. Tidak usah banyak kata- kata, berbuatlah. Kata-kata cukup tersimpan dalam kepala Anda saja.

# BIOGRAFI

## *Ws Rendra*

*W.S. Rendra yang memiliki nama asli Willibrordus Surendra Broto Rendra lahir di Solo, 7 November 1935 – meninggal di Depok, Jawa Barat, 6 Agustus 2009 pada umur 73 tahun. Sejak muda, dia menulis puisi, skenario drama, cerpen, dan esai sastra di berbagai media massa. Pernah mengenyam pendidikan di Universitas Gajah Mada, dan dari perguruan tinggi itu pulalah dia menerima gelar Doktor Honoris Causa. Penyair yang kerap dijuluki sebagai "Burung Merak ini, tahun 1967 mendirikan Bengkel Teater di Yogyakarta. Melalui Bengkel Teater itu, Rendra melahirkan banyak seniman antara lain Sitok Srengenge, Radhar Panca Dahana, Adi Kurdi, dan lain-lain. Ketika kelompok teaternya kocar-kacir karena tekanan politik, ia memindahkan Bengkel Teater di Depok, Oktober 1985.*

*Bakat sastra Rendra sudah mulai terlihat ketika ia duduk di bangku SMP. Saat itu ia sudah mulai menunjukkan kemampuannya dengan menulis puisi, cerita pendek, dan drama untuk berbagai kegiatan sekolahnya. Bukan hanya menulis, ternyata ia juga piawai di atas panggung. Ia mementaskan beberapa dramanya, dan terutama tampil sebagai pembaca puisi yang sangat berbakat. Ia pertama kali mempublikasikan puisinya di media massa pada tahun 1952 melalui majalah Siasat. Setelah itu, puisi-puisinya pun lancar mengalir menghiasi berbagai majalah pada saat itu, seperti Kisah, Seni, Basis, Konfrontasi, dan Siasat Baru. Hal itu terus berlanjut seperti terlihat dalam majalah-majalah pada dekade selanjutnya, terutama majalah tahun '60-an dan tahun '1970-an. Kaki Palsu adalah drama pertamanya, dipentaskan ketika ia di SMP, dan Orang-orang di Tikungan Jalan adalah drama pertamanya yang mendapat penghargaan dan hadiah pertama dari Kantor Wilayah Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Yogyakarta. Pada saat itu ia sudah duduk di SMA. Penghargaan itu membuatnya sangat bergairah untuk berkarya. Prof. A. Teeuw, di dalam bukunya, Sastra Indonesia Modern II (1989), berpendapat bahwa dalam sejarah kesusastraan Indonesia modern Rendra tidak termasuk ke dalam salah satu angkatan atau kelompok seperti Angkatan 45, Angkatan '60-an, atau Angkatan '1970-an. Dari karya-karyanya terlihat bahwa ia mempunyai kepribadian dan kebebasan sendiri.*

*Karya-karya Rendra tidak hanya terkenal di dalam negeri, tetapi juga di luar negeri. Banyak karyanya yang sudah diterjemahkan ke dalam bahasa asing, di antaranya bahasa Inggris, Belanda, Jerman, Jepang, dan India.*

*Ia juga aktif mengikuti festival-festival di luar negeri, di antaranya The Rotterdam International Poetry Festival (1971 dan 1979), The Valmiki International Poetry Festival, New Delhi (1985), Berliner Horizonte Festival, Berlin (1985), The First New York Festival Of the Arts (1988), Spoleto Festival, Melbourne, Vagarth World Poetry Festival, Bhopal (1989), World Poetry Festival, Kuala Lumpur (1992), dan Tokyo Festival (1995).*

## *Sajak Orang Miskin*

Ws Rendra

O
rang-orang miskin di jalan,
yang tinggal di dalam selokan,
yang kalah di dalam pergulatan,
yang diledek oleh impian,
janganlah mereka ditinggalkan.
Angin membawa bau baju mereka.
Rambut mereka melekat di bulan purnama.
Wanita-wanita bunting berbaris di cakrawala,
mengandung buah jalan raya.
Orang-orang miskin. Orang-orang berdosa.
Bayi gelap dalam batin. Rumput dan lumut jalan raya.
Tak bisa kamu abaikan.
Bila kamu remehkan mereka,
di jalan kamu akan diburu bayangan.
Tidurmu akan penuh igauan,
dan bahasa anak-anakmu sukar kamu terka.
Jangan kamu bilang negara ini kaya
karena orang-orang berkembang di kota dan di desa.
Jangan kamu bilang dirimu kaya
bila tetanggamu memakan bangkai kucingnya.
Lambang negara ini mestinya trompah dan blacu.
Dan perlu diusulkan agar ketemu presiden
tak perlu berdasi seperti Belanda.
Dan tentara di jalan jangan
bebas memukul mahasiswa.
Orang-orang miskin di jalan
masuk ke dalam tidur malammu.
Perempuan-perempuan bunga raya
menyuapi putra-putramu.
Tangan-tangan kotor dari jalanan
meraba-raba kaca jendelamu.
Mereka tak bisa kamu biarkan.
Jumlah mereka tak bisa kamu mistik menjadi nol.
Mereka akan menjadi pertanyaan
yang mencegat ideologimu.
Gigi mereka yang kuning
akan meringis di muka agamamu.
Kuman-kuman sipilis dan tbc dari gang-gang gelap
akan hinggap di gorden presidenan
dan buku programma gedung kesenian.
Orang-orang miskin berbaris sepanjang sejarah,
bagai udara panas yang selalu ada,
bagai gerimis yang selalu membayang.
Orang-orang miskin mengangkat pisau-pisau
tertuju ke dada kita,
atau ke dada mereka sendiri.
O, kenangkanlah :
orang-orang miskin
juga berasal dari kemah Ibrahim..

Djogja, 4 Februari 1978



# BIOGRAFI

## *Anwar Ridhwan*

*Anwar Ridhwan atau nama sebenarnya Mohd. Anuar bin Haji Rethwan dilahirkan pada 5 Ogos 1949 di Parit Satu Timur, Sungai Besar, Selangor. Sasterawan Negara Ke-10 ini memperoleh Ijazah Sarjana Muda (1973), Ijazah Sarjana (1983) dan Ijazah Doktor Falsafah (1998) dari Universiti Malaya.*

*Antara karya beliau ialah Naratif Ogonshoto, Penyeberang Sempadan dan Satu Tiga Sifar Lima. Beliau merupakan penerima Anugerah Sastera Negara (2009), Hadiah Sastera Perdana Malaysia, dan Hadiah Sastera Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA 2002).*

*Beliau pernah mengikuti kursus pengurusan dan penerbitan buku di New York University (1982) dan International Writing Program (1986) di University of Iowa Amerika Syarikat. Kini beliau bertugas sebagai Dekan Fakulti Penulisan Kreatif, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) di Kuala Lumpur.*

## *Dari Kijev Ke Moskva*

Anwar Ridhwan

I

Pada suatu pangkal malam, ketika musim rontok tahun 1988, di kota Kijev, ibu negeri Ukrainskaja SSR:

Seperti beberapa pangkal malam yang lalu, udara agak dingin, mengisi setiap pelosok ibu negeri ini yang digelar "ibu segala bandar raya Rusia". Dingin itu pun tiba di stesen kereta apinya yang sederhana besar, tetapi tidaklah begitu sibuk.

Aku berdiri, bersandar ke sebidang dinding yang kedinginannya menyerap ke bahagian belakangku. Enam lagi anggota rombonganku berkumpul di hadapanku, nampak keletihan, setelah berhari-hari di Ukrainskaja, atau disebut orang Ukraine saja. Tidak mahu dingin dinding itu terus menyerap belakangku, aku berdiri tegak, terus memerhatikan teman-teman rombonganku. Ketua rombongan kami berumur 50-an, berdahi sulah. Dalam setiap ucapannya, baik di tanah air, atau kepada pimpinan Persatuan Penulis Kesatuan Soviet, ia sering menggunakan perkataan "amat" bagi menegaskan sesuatu perkara. Itu membuat aku menamakannya amat dalam cerita ini. Aku kira, nama yang kupilih untuknya amat tepat sekali, kerana sarjana yang pernah terdidik di Belanda itu adalah juga Anak Murid Andries Teeuw – ringkasnya A-m-a-t.

Seorang lagi anggota rombongan sedikit tua daripada Amat, kunamakan Musafir, mengambil sempena judul novelnya. Seorang lagi, kunamakan Terkulai. Sungguh pun dia seorang penyair, nama itu kuangkat dari novelnya. Janganlah anda membayangkan yang tubuhnya tinggi dan bongkok, seperti batang yang terkulai, kerana dia sesungguhnya agak rendah dan bundar wajah dan tubuhnya, jalannya lebih pantas daripada Musafir barangkali kerana Terkulai agak muda.

Seorang lagi anggota rombongan datang dari Sabah. Aku memanggilnya Ngayau kerana dia pernah menghasilkan sebuah novel dengan judul itu. Dan yang seorang lagi memang istimewa, kerana hanya dia yang membawa isterinya bersama. Dia aku panggil Sandera (anda benar, keran itu pun kuambil dari judul novelnya), sementara isterinya kupanggil Arena Karenina, menyesuaikan sedikit judul sebuah novel besar Tolstoy.

Kami sebenarnya menanti petugas yang juga jurubahasa kami. Beberapa minit tadi dia pergi meninggalkan kami, katanya untuk menguruskan kabin penginapan kami dalam kereta api. Aku masih ingat perjalanan dengan kereta api antara Moskva-Kijev beberapa hari yang lalu. Dua orang dalam satu kabin. Aku satu kabin dengan Sandera. Amat satu kabin dengan Musafir, Ngayau dengan Terkulai. Dan Arena Karenina? Dia satu kabin dengan petugas yang juga jurubahasa kami – kerana dia seorang gadis. Kerana kegadisannya itu juga, dalam cerita ini aku menamakannya Gadis. Pada masa itu dia memang masih seorang gadis. Sekarang, sesudah hampir tiga tahun berlalu, aku tidak pasti, andainya kelak aku menemuinya, apakah nama itu akan kekal baginya.

Ketika aku melamun-lamun, kulihat Gadis yang berkulit putih bermata nyalang itu muncul di hadapan kami. Aku sudah agak lama mengenalinya, sejak dia menuntut di Universiti Malaya beberapa tahun yang lalu. Nampaknya ada sesuatu yang tidak kena pada kali ini. Dia merapat sambil menggeleng-gelengkan kepalanya.

"Ada tiga kabin yang betul-betul kosong, untuk enam orang," katanya. "Satu kabin lagi dihuni seorang perempuan, jadi seorang harus menginap bersamanya. Begitu juga, satu kabin lagi rupa-rupanya ada seorang penumpang lelaki, jadi seorang daripada kita harus berkongsi kabin dengannya. Bagaimana?"

Kami berbincang dan akhirnya setuju: Amat sekabin dengan Musafir, Ngayau sekabin dengan Terkulai, Sandera sekabin dengan isterinya Arena Karenina. Gadis harus berkongsi dengan penumpang perempuan itu, sementara aku harus berkongsi dengan penumpang lelaki itu. Pada mulanya aku berasa kurang senang, tetapi kemudian aku berkata kepada diriku sendiri: Padan mukamu. Inilah akibatnya yang kuterima, kerana memberi nama yang bukan-bukan kepada teman-temanmu ketika kau melamun di stesen kereta api Kijev!

II

Aku masuk ke dalam gerabak yang agak mewah itu sambil membawa beg pakaianku. Permaidani kuning langsat menghampar di bawah kaki, sepanjang lorong menuju kabinku. Ada sebuah kabin yang terbuka , kulihat seorang pelayan wanita muda yang agak cantik sedang menyiapkan minuman. Dia memakai gaun dan blaus putih, pakaian seragam pelayan di dalam kereta api.

Setibanya aku di depan pintu kabinku, aku mengetuknya beberapa kali. Tidak ada jawapan dari dalam. Pintu itu kubuka. Permaidani kuning langsat seperti di lorong itu bersambung ke lantai bahagian dalam kabin. Ada dua katil di kiri dan kanan kabin itu, siap bercadar putih serta selimut tebal warna keabuan di bahagian kaki. Sebuah meja tulis yang sederhana besarnya terletak berhampiran tingkap, memisahkan kedua-dua katil itu. Ada dua lampu meja yang agak kecil di atasnya. Sebuah, yang berada di sebelah kiri belum terpasang. Sebuah lagi telah terpasang, menyuluh sebuah beg pakaian warna hitam yang tidak begitu besar, yang terletak di hujung meja sebelah kanan. Aku melangkah masuk, dan menutup pintu kabin itu semula.

Tentulah penumpang yang seorang lagi telah memilih katil kanan itu, aku berfikir. Tetapi entah ke mana dia sekarang. Mungkin makan. Aku menutup pintu semula, dan mengambil keputusan memakai pakaian tidur ketika penumpang yang seorang lagi itu belum masuk. Tergesa-gesa aku menukar pakaian, sambil mataku terus memerhatikan kamar itu. Di dinding disediakan tempat menyangkut pakaian atau topi. Suis-suis lampu – baik lampu meja, lampu tidur atau lampu utama – terletak di dinding juga, hampir di bahagian kepala jika kita baring di katil itu. Langsir tingkapnya pun seperti dibahagi dua, satu untukku, satu lagi untuknya, sehingga setiap seorang nampaknya telah diberikan pilihan untuk berbuat yang selayaknya menurut kemahuan peribadi. Langsir warna kuning langsat itu masih terbuka, membiarkan lampu-lampu di stesen melimpah masuk melalui kaca tingkap yang begitu jernih. Udara dalam kabin ini tidaklah sedingin di luar, tetapi mengambil keputusan memakai baju panas untuk perjalanan panjang ke Moskva. Selesai mengenakan baju panas itu, aku duduk menghadap meja. Di permukaan meja warna putih membayang rangka tingkap. Garis-garis kelam dan hitam itu kupandang, dari bahagian tengah meja sehingga ke tepinya. Yang kupandang, akhirnya adalah tingkap berkaca jernih itu, yang melaluinya kulemparkan pandangan ke luar, ke suatu bahagian dunia yang sangat baru kukenal.

Sebentar lagi, selamat tinggal Kijev. Selamat tinggal Ukraine. Aku memang tidak berkesempatan menjelajah semua bahagian republik yang ketiga besarnya di Kesatuan Soviet itu selepas Rusia dan Kazakhstan, tetapi banyak yang akan menjadi kenangan peribadiku walau hanya beberapa hari di Ukraine yang menghampar luas di barat daya Kesatuan Soviet. Luasnya republik ini lebih 600 ribu kilometer persegi. Aku hanya boleh menjelajahi semua ceruk rantaunya – jika itu diizinkan – dengan mengorbankan semua hayatku! Tidak. Tidak mungkin. Itu telah kusedari waktu beberapa hari yang lalu aku memandang Sungai Dnepr yang membiru, yang membelah kota Kijev, waktu aku berkata sendirian: Hanya imaginasiku yang akan terus mengembara di daratan, atau mengalir ke laut melalui sungai itu, sampai ke Cornoje More[1] dan Azovskoje More[2] – laut-laut selatannya.

Kereta api mulai bergerak perlahan-lahan. Bayang rangka tingkap di muka meja pun bergerak miring atau tegak kembali mengikut sumber lampu di stesen. Pada ketika itu aku terdengar pintu diketuk sekali. Belum sempat aku bersuara, pintu itu dibuka dari luar. Di ambang pintu berdirilah seorang lelaki tinggi dan berjambang. Dia agak terkejut melihat aku, mungkin kerana tidak menduga bahawa penumpang yang seorang lagi ini bukan orang Rusia. Kulihat dia memegang sesuatu yang tidak sepenuhnya dapat kuamati. Yang dapat kuperhatikan sepintas lalu, hanya bahagian atasnya, itu pun tidaklah jelas, seakan-akan buntut senapang. Mungkin dia pemburu haram yang baru pulang dari hutan simpan Askanija-Nova.



Akhirnya lelaki itu menundukkan sedikit kepalanya lalu tersenyum. Aku berdiri dan membalas senyumannya itu, tetapi hati kecilku berkata: Dapatkah dia membunuh bison atau tarpan di sana? Lelaki itu melangkah masuk lalu menutup pintu semula. Yang ada di tangannya hanyalah sebuah *balalaika*[3] yang nampaknya dijaga dengan begitu rapi. Dia memetik tali-tali alat muzik itu sekali sebelum meletakkannya di atas meja. Mujurlah, yang bergetar sebentar dalam ruang itu, yang dapat kami dengar, hanya bunyi yang bangkit dari tali-tali *balalaika*, bukan suara hati kecilku.

Beberapa minit awal itu tidak menentu, membingungkan, kerana dia pun mungkin berfikiran seperti aku: Akan bisukah perjalanan panjang ke Moskva ini, kerana dengan bahasa apa kami akan berkata-kata? Kebingungan itu hanya ditingkah bunyi roda kereta api yang sedang berputar pantas membawa bebannya meninggalkan stesen Kijev.

Aku duduk di kerusi, memandang ke luar tingkap. Cahaya benderang kota mula menjauh. Lelaki itu pula sibuk membuka beg pakaiannya, mengeluarkan beberapa helai baju, kemudian memasukkan kembali. Akhirnya dia mengeluarkan sehelai baju panas warna biru tua, lalu memakainya. Semua itu kukerling dari sudut mataku. Selesai memakai dan membetulkan pakaiannya, dia mengeluarkan sebotol minuman dari beg itu. Ketika kulihat dia mula berpaling ke arahku, aku melemparkan pandangan ke luar dengan pantas. Kudengar dia berdehem, membuat aku menoleh ke arahnya.

"Marilah minum *kvass*[4] ini," ujarnya dalam bahasa Inggeris. Dia lantas meneguk minuman itu dari mulut botol.

"Terima kasih atas pelawaan itu. Minumlah." Aku menjawab dalam bahasa Inggeris juga. Jawapan itu membuat dia segera menarik mulut botol dari bibirnya. Dia hampir tersedak.

"Kalau begini, perjalanan kita ke Moskva tentu sekali tidak membosankan," katanya sambil tersenyum dan sambil menghulurkan tangannya.

Kami bersalaman, lalu memperkenalkan nama kami masing-masing. Dalam cerita ini aku tidak menggunakan namanya yang sebenar, tetapi dengan ganti nama Ivan. Tidak. Nama itu bukan kupilih kerana dia pernah mengarang novel dengan judul yang sama – seperti yang kulakukan kepada teman-temanku yang kini berada di gerabak-gerabak lain itu – tetapi kerana Ivan adalah nama lumrah di Rusia. Mungkin juga nama itu kugunakan kerana keterharuan kepada watak Ivan Denisovich dalam novelnya Alexander Solzhenitsyn yang terkenal itu. Dan kukira, dia bukanlah seperti watak novel itu, yang seharian dirundung penyeksaan dan derita. Dia yang baru kukenal ini hanyalah peminum *kvass*, dan mungkin juga pemetik *balalaika* yang bagus.

"Kau dari ...."

"Malaysia," aku menjawab

"Seorang saja?"

"Tidak. Dengan enam orang teman yang lain,"

"Jadi, di mana semua *gaspodin*[5] itu?"

"Di dalam kabin-kabin yang lain, dan seperti kita, menuju ke Moskva."

"Kau dijemput ke sini oleh ...."

"Persatuan Penulis ...."

"Oh, kau seorang penulis," ujarnya sambil memandang tepat mataku. Kemudian dia memerhatikan *balalaikanya*. "Sebahagian orang di sini tidak melupakan awal mula sasteranya. Saya sendiri dapat mengingat beberapa buah lagu epik – di sini disebut *dumy* – warisan orang-orang Cossack sejak kurun ke-16."

"Oh, baru saya tahu," ujarku, mengingat bahawa hal itu tidak disentuh dalam taklimat yang diberikan oleh Persatuan Penulis Ukraine beberapa hari yang lalu. "Perkembangan sastera di sini memang luar biasa, lebih-lebih lagi mengingat peranan penyair Taras Shevchenko[6] membantai autokrasi Rusia di pertengahan kurun ke-19, dengan puisi-puisinya. Dia memang milik seluruh Kesatuan Soviet, bukan?"

Ivan tidak segera menjawab, Dahinya berkerut. Kami diam buat seketika, hanya mendengar larian kereta api, juga ketukan di pintu kemudiannya. Ivan menjawab sesuatu dalam bahasa Rusia, dan pintu itu pun dibuka dari luar. Pelayan wanita itu dating menatang sebuah dulang. Dia meletakkan dua set minuman ringan di atas meja untuk kami, setiap satu ada segalas teh, sebiji telur rebus, sebungkus kecil biskut dan pai kecil *pirozhok*. Pelayan itu menyiapkan kerjanya dengan pantas, tanpa senyuman, lalu keluar dan menutup pintu kabin semula.

"Saya ini orang Ukraine," ujar Ivan, lalu menghirup teh panas itu. "Penyair Taras Shevchenko memang luar biasa, biarlah dia menjadi milik semua rakyat Kesatuan Soviet, sungguhpun dia anak Ukraine. Tetapi banyak benda di Ukraine yang tidak boleh dikongsi bersama."

Aku terperanjat mendengar kata-kata itu, yang sangat berterus terang dan terbuka. Kalau di zaman pra-*glasnost*, dan dia tertangkap, kukira dia akan dihantar ke Siberia. Di situ kebebasan hanyalah untuk memandang sejalur hutan pohon-pohon pinus taiga di kejauhan. Tetapi kini dia berbicara dalam era *glasnost*, ketika pemerintahannya memperkenalkan polisi keterbukaan yang luar biasa. Lelaki yang kusangka pemburu itu, mula memperlihatkan keberaniannya.

"Memang, wilayah Kesatuan Soviet itu terlalu luas," tiba-tiba aku mengungkapkan kata-kata itu. "Terlalu luas, dan kadang aku terfikir, perlukah seluas itu – sampai ke negara-negara yang sangat berbeza dengan kebudayaan dan agamanya – dari Eropah Timur merentas 10 000 km ke pantai Lautan Pasifik dan Selat Bering, dari pantai Lautan Artik di utara, sampai ke garis-garis sempadan dengan Turki, Iran, Afghanistan, China dan Mongolia di selatan."

"Memang terlalu luas," jawab Ivan. "Sering membebankan, terutama sejak akhir-akhir ini. Sudahkah kau melihat *matrioshka*?"

"Jangankan melihatnya," aku menjawab. "Mendengar namanya pun baru pertama kali."

"Ia sejenis set patung mainan dari kayu, yang berlubang," Ivan menerangkan sambil cuba menggambarkan dengan kedua-dua belah tapak tangannya. "Bila kita membuka patung yang besar itu, ada patung yang lebih kecil di dalamnya. Bila patung yang lebih kecil itu pula kita buka, nah, ada yang lebih kecil di dalamnya. Begitulah seterusnya, kadang-kadang sampai lima atau tujuh patung dalam satu kandungan patung yang agak besar."

Aku sedang membayangkan bentuk *matrioshka* itu ketika kudengar Ivan meneruskan percakapannya.

"Permainan *matrioshka* secara politik itu seolah-olah memasukkan Armenia ke dalam Moldavia ke dalam Estonia ke dalam Latvia ke dalam Lithuania ke dalam Georgia ke dalam Azerbaijan ke dalam Tadzik ke dalam Kirghiz ke dalam Belorussia ke dalam Uzbek dan ke dalam Turkmen." Sambil berkata-kata itu, gerakan kedua-dua tapak tangannya makin mengembang, seperti *matrioshka* yang kian besar. "Kemudian semuanya itu dimasukkan ke dalam Ukraine ke dalam Kazakh dan akhirnya ke dalam patung kayu yang bernama Rusia."

"Keterangan yang sangat menarik," ujarku, kerana benar-benar kagum dengan penyampaiannya yang sangat dramatik. "Tetapi, untuk membuat *matrioshka* itu, saya kira, diperlukan kayu lembut, agar mudah dibuat lompong di dalamnya."

"Memang banyak republik yang lompong," jawabnya dengan pantas.

"Kekurangan dari segi …."

"Hampir apa saja," dia menjawab pantas, "terutamanya makanan." Aku memerhatikan teh, telur, biskut dan *pirozhokku* yang belum kusentuh.

"Jangan terlalu sedih sampai tidak memakan hidanganmu," dia mengusik. "Ini memang bahagian kita, makanlah." Ivan kemudian memecahkan telur masak itu, dan mulai mengupas kulitnya.

Selesai meneguk sedikit teh, aku berkata, "Terasa aneh membayangkan, sebuah negara besar kekurangan makanan."

"Kerana tidak semua republik makmur," jawab Ivan. "Ukraine ini antara yang penting bagi Kesatuan Soviet dari segi hasil pertanian dan industri. Kalau kau berkesempatan menjelajah Ukraine, kau akan mendapati hampir 50% buminya digunakan untuk pertanian, terutamanya gandum. Bumi subur ini telah lama – sejak kurun ke-19 – digelar jelapang Rusia. Ya, buminya tetap melimpahkan rezeki, walaupun digarap secara *kolkhoz*[7]. Tetapi, hasil-hasil dari sini harus dihantar ke republik lain. Jika tidak, mereka akan kebuluran, lalu mati kelaparan, terkapar di mana-mana."

Cerita Ivan itu, terutama ayat-ayat akhirnya, mengingatkan aku kepada mumia-mumia di sebuah perkampungan lama di sebuah gua di pinggir sungai Dnepr, yang kulawati beberapa hari lalu. Perkuburan dalam gua itu sudah berusia lebih seribu tahun, namun mumia-mumianya masih kelihatan elok, barangkali kerana udara gua yang dingin sepanjang tahun. Dalam gua itu terdapat beberapa ruang seperti kamar, tempat mumia-mumia dibaringkan. Untuk pergi dari satu ruang ke satu ruang, aku melalui anak-anak tangga yang sempit. Di kiri kanan anak-anak tangga itu sendiri terbaring puluhan mumia pula. Kain kapas putih pembalut beberapa tubuh mumia telah koyak, memperlihatkan tangan-tangan mumia berkulit kering, begitu hampir dengan rusukku, sehingga jika aku terlalu rapat ke dinding gua, pastilah tangan-tangan itu dapat memegang bajuku. Apa yang kubawa keluar dari gua perkuburan lama itu adalah bau mumia-mumia yang terkumpul pengap, yang telah kusedut bersama nafasku, yang akhirnya terlontar kembali dengan muntahku di luar pintu gua. Gadis seperti menyesal membawa kami ke sana, tetapi kukatakan, jangan disesalkan. Setelah menghidu minyak angin dan berehat di bawah pohon rendang kira-kira 30 minit, kesihatanku kembali pulih.

"Kenapa?" Kudengar Ivan bertanya, barangkali hairan melihat aku termenung agak lama. Aku memandang wajahnya yang putih pucat itu. Jangan-jangan dia ini jelmaan mumia itu, bisik nakal dari hatiku.

"Memikirkan … mungkinkah aku telah diperdaya," akhirnya aku bersuara, setelah beberapa saat mencari kata-kata yang sesuai.

"Kami pernah dibawa ke sebuah rumah peladang yang bekerja di *sokhoz*,[8] entah berapa puluh kilometer di luar kota Moskva. Rumah sebuah itu agak besar, hampir menyerupai sebuah *dacha*.[9] Peladang suami isteri itu kukira berumur 50-an. Aku tidak akan menceritakan kembali apa yang telah kami perkatakan – melalui jurubahasa kami – tetapi sekadar mengingat semula apa yang telah dihidangkan kepada kami: Teh panas dalam teko berukir cantik, gula buku, susu lembu (diperah dari lembu peliharaan di ladang), beberapa jenis roti, keju dan mentega, *blini*,[10] sup kobis bercampur *beetroot* yang disebut *borscht*, tiga jenis coklat, dua jenis kek yang enak, anggur merah dan hijau, juga semangkuk besar *caviar*[11] yang bukan murah harganya. Apakah itu makanan biasa para peladang di sini?" Ivan hanya merenung wajahku, tanpa kata.

"Sedangkan, ketika aku melewati jalan-jalan di Moskva, juga di Arbat,[12]" aku menyambung, "kulihat ramai orang sentiasa berbaris untuk membeli kopi, roti, malah hampir apa saja. Jadi, bukankah aku telah diperdaya ketika di rumah peladang itu? Orang-orang tertentu telah membina imej yang sedemikian rupa hebatnya di rumah tersebut, dan sekali gus cuba menutup realiti yang memedihkan."

Ivan hanya tersenyum-senyum, sambil mengunyah sesuatu. Kukira dia setuju dengan kata-kataku – ada orang lebih mementingkan imej dari realiti. Imej itu untuk orang luar, dilebih-lebihkan, diperagakan cukup indah dari dasar diri yang kecil dan goyah. Realiti yang goyah dan kecil itu direjam ke dalam diri sendiri, untuk dirintih sendiri, untuk kemudiannya membunuh manusianya perlahan-lahan, walaupun hakikat itu cuba ditolak dan dilupakan.



Aku mencapai gelas teh, meminumnya. Kemudian mengunyah biskut coklat itu. Tidak ada caviar di meja. Tidak ada air tapai *rye* yang menjadi vodka di sini. Mungkinkah ruang ini begitu benar, begitu *real*, begitu pantas, sehingga suatu imej palsu tidak sempat dibangunkan?

"Seorang *stakhanovite* – seorang pekerja industri yang terkemuka sekalipun." kudengar Ivan bersuara, "yang dihormati dan patut menjadi teladan, tak mungkin punya hidangan seperti itu saban hari. Yang berdenting masuk ke dalam sakunya hanya sejumlah *kopeck*[13] atau sekian jumlah *rouble*[14], dan itu pun mustahil untuk makan semewah itu. Semuanya cukup untuk bayar ansuran rumah, tambang bas, sedikit pakaian dan membeli makanan asasi. Tidak. Makanan semewah itu, ditambah daging panggang yang lembut, hanya pantas dihidangkan di hadapan *tsarevitch*.[15] Siapa tahu, kau rupa-rupanya jelmaan putera tsar dan tsarina." Ayat terakhir itu disampaikan secara berseloroh ketika dia bangun sambil menundukkan badannya.

Kukira aku sahaja yang telah mengenakan dia: Jelmaan mumia dari perkuburan lama itu! Kini gilirannya pula mengenakan aku.

Tiba-tiba aku berdiri, dan berkata, "Jika aku putera raja, terkutuklah, tatkala meja penuh makanan sementara perut rakyat jelata kosong minta diisi. Tidak. Walaupun ruang ini tiba-tiba disimbah cahaya keajaiban dari langit, dan tiba-tiba aku menjadi *tsarevitch* moden – bisa punya kereta paling mahal di dunia, disembah orang dan tangannya dikucup, aku tetap mahu menjadi manusia biasa. Menjadi penulis. Gelar *tsarevitch* itu, atau yang seerti dengannya itu adalah untuk zaman yang telah berlalu." Ivan tersenyum lalu kembali duduk. Aku juga duduk. Kami saling berpandangan dan ketawa.

"Yang kuno telah diganti dengan yang baru," sambung Ivan begitu ketawanya berakhir. "Namun yang baru itu, kerap kali pula cuba meniru yang lama. Pemujaan peribadi terus berlaku. Kami juga diajar, jangan memanggil si anu 'komrad', kerana bunyinya agar kasar, tetapi panggilan si anu itu 'tovarisch'. Apa bezanya? Ia seperti mahu melindungi suatu realiti yang lebih besar."

Kereta api bergerak agak perlahan selepas menempuh kota Konotop. Kami memandang ke luar, melihat langit kelam, sementara bulan pucat hampir penuh itu terapung di kolong langit. Sewaktu kereta api melintasi jambatan Sungai Sejm, cahaya bulan itu kulihat berenang di arusnya, tetapi pemandangan itu hanya sekilas, dan bulan tetaplah mengekori perjalanan kami ke Moskva.

Pemandangan itu telah memutuskan perbincangan kami. Apabila di luar tingkap hanya menawarkan pemandangan gelap atau gambaran pucuk-pucuk pohonan yang seakan miring dilihat dari dalam kereta api, perhatian kami kembali ke dalam kabin yang agak lama kosong kata-kata.

"Ukraine ini negara tua, ya?" Aku meluahkan pertanyaan itu dengan hambar. Ivan hanya memandangku, kemudian meneguk habis tehnya. "Maksudku, sejarahnya panjang sekali, bukan?"

Ivan boleh menjawab pertanyaanku itu dengan satu perkataan. Tetapi tidak. Dia bercerita panjang tentang Ukraine, dengan nada suara yang bersahaja, yang kadang boleh membuat aku mengantuk. Namun aku tidak mungkin tidur semasa dia bercerita. Aku mengambil buku cacatan, mendengar ceritanya, dan mencatat mana yang patut. Pada zaman keagungannya dahulu, menurut cerita Ivan, Kijev menjadi ibu kota negara yang cukup berpengaruh – Kijev Rus – yang kuasanya melebar dari Baltik dan Karelia di utara, sampai ke Laut Hitam di selatan. Sempadan negara di sebelah timur ditandai Sungai Volga, sampai ke Poland dan Hungary di barat. Negara feudal itu telah dimusnahkan oleh orang-orang Mongol pada tahun 1240-an.

Setelah penyatuan Poland dengan Lithuania pada tahun 1569, Ukraine diperintah oleh orang-orang Poland. Ramai petani Ukraine, yang membenci tuan-tuan besar baru, pergi ke lembah Sungai Dnepr. Di sana mereka mendirikan *Zaporozskaja Setc*, suatu petempatan Cossack yang menjadi benteng nasionalisme orang-orang Ukraine.

Dalam tahun 1648, orang-orang Cossack dari Dnepr mempelopori kebangkitan melawan pemerintahan Poland, dan mereka dibantu oleh Rusia. Dalam tahun 1667, Poland menyerahkan bahagian timur Ukraine kepada Rusia, sementara semua bahagian yang lain diberikan pada tahun 1793. Crimea pula, yang sejak 1475 di bawah takluk Kerajaan Ottoman, diambil oleh Rusia pada tahun 1783.

Ketika berlaku perang saudara di Ukraine, yang mengekori Revolusi Rusia tahun 1917, Ukraine lebur dan musnah, barangkali menjadi seperti padang jarak padang tekukur. Akibat Perang Dunia Pertama, bahagian-bahagian barat Ukraine – sekali lagi – diletakkan di bawah kekuasaan Poland sehinggalah tahun 1939. Sungguhpun Ukraine SSR sudah diproklamasikan pada tahun Revolusi Rusia, baru tahun 1922 ia turut bergabung membentuk Kesatuan Soviet.

Ukraine, tatkala Perang Dunia Kedua, dilanggar dan dihancurkan oleh tentera-tentera Jerman. "Bangunan serta segala infrastruktur yang kaulihat di Ukraine," jelas Ivan, "sebahagian besarnya merupakan hasil membangunkan kembali Ukraine selepas perang, yang kebanyakannya dapat disiapkan pada awal tahun 1950-an."

Perang itu juga akhirnya menyaksikan bahagian-bahagian baru yang dicantumkan ke dalam Ukraine, umpamanya bahagian utara Bukovina, sebahagian Bessarabia dan Ruthenia.

Crime buat beberapa waktu menempuh nasib yang lain. Stalin telah membubarkannya sebagai republik autonomi dalam Kesatuan Soviet pada tahun 1945 kerana dia menuduh penduduk Tatar di sana bekerjasama dengan pihak Jerman selama perang berlangsung. Crimea akhirnya dijadikan sebuah bahagian Ukraine pada tahun 1954. "Keterangan yang menyeluruh, persis daripada seorang guru sejarah," kataku, sebaik Ivan selesai memberikan kuliah tengah malam. Ivan tersenyum sebelum berkata, "Kau mahu percaya atau tidak? Kerana sesungguhnya aku seorang guru sejarah di sebuah

sekolah universiti di Dneproppetrovsk. Dulu, maksudku. Sekarang tidak lagi. Sebagai pensejarah, aku seperti dapat meramal apa yang bakal terjadi di Kesatuan Soviet, maksudku, aspek ekonomi, sosial dan politiknya. Tetapi mustahil meluahkan ramalan-ramalan itu, kecuali menerima risiko yang paling berat semata-mata kerana suatu ramalan."

"Dan peramal itu akhirnya meninggalkan universiti?'

"Aku memohon untuk pindah ke Eropah Barat, untuk mengajar sejarah Rusia di salah sebuah universiti di sana," Ivan menyambung. "Aku kira, di sana aku bebas meluahkan pendapat. Tetapi, apa yang aku perolehi bukanlah keizinan, sebaliknya, gelar *refusenik* …[16] Suasana di unversiti mulai berubah, seperti menekan aku secara tidak langsung. Aku memahaminya, kerana aku telah meramalkan situasi itu. Bukankah aku seorang peramal? Untuk beberapa bulan aku bekerja dengan *Izvestia*,[17] kemudian, hampir setahun dengan salah sebuah *artel*[18] di Char'kov. Kini dalam perjalanan ke Moskva, mencuba nasib menembus masuk ke dalam akhbar *Pravda*."[19]

"Mungkin itulah langkah yang baik," ujarku, walaupun pada ketika itu aku belum cukup menyelami kata-katanya, atau tindakannya. "Dunia sedang dikejutkan dengan istilah perestroika, polisi menyusun kembali sistem Soviet. Siapa tahu, *Pravda* juga akan turut menjadi pelopornya di bidang media."

"Akhirnya, tiba juga *perestroika* itu," suara Ivan tanpa nada kegembiraan,"… setelah sekian jumlah penderitaan. Ribuan yang dianggap bersalah – sebilangannya semata-mata kerana berpegang pada prinsip yang diyakini mereka – dihantar dan dibantai di *gulag*,[20] dan ramai yang maut tanpa belas kasihan. Kem seperti itu hampir tidak ada bezanya dengan tempat *pogrom*,[21] cuma nama yang berlainan, kematian yang dapat dihitung satu-satu. Jumlah yang mati tetap banyak. Dan tempat itu bukan *pogrom*, tetapi h-a-n-y-a-l-a-h *gulag*!"

"Di awal polisi *perestroika* ini, aku sebagai orang luar, tertanya-tanya, mungkinkan peranan para *commissar*[22] akan sekental dulu, yang khabarnya punya mata dan telinga di mana-mana saja." Kataku. "Polisi itu tentunya telah mendapat persetujuan Kremlin, diturunkan kepada *apparat*[23] dan difahami oleh semua *apparatchiknya*.[24] Jadi, bagaimana seorang komisar mahu mengukur kesetiaan 'komrad' – ah, maaf, bagaimana seorang komisar mahu mengukur kesetiaan *tovarisch* terhadap partai, kerana partai sedang menggunakan landas polisi baru?"

"Sedikit sulit, aku kira," jawab Ivan. "Kami memasuki era transisi yang boleh menjadikan aspek sosial, ekonomi dan politik menjadi tidak menentu. (Pada saat itu kulihat Ivan menguap. Celakanya apabila melihat orang menguap – sekurang-kurangnya berdasarkan pengalamanku beberapa kali – ia menjangkit!) … Hmm, barangkali inilah akibat sistem yang dicipta manusia. Ia dapat bertahan buat beberapa dekad, kemudian harus berubah, harus ada sesuatu yang baru yang mampu mengganti yang lama …"

"Tetapi," aku bersuara bagi menghilangkan rasa mengantuk itu, "turut berubahkah semangat nasionalisme orang-orang Ukraine, semangat yang telah lama tersemai di *Zaporozskaja Setc* itu ?"

Kulihat Ivan agak terkejut. Dia menggesel-gesel mata dengan jari-jemarinya sebentar.

"Itulah yang tidak mungkin cair," jawab Ivan sambil tersenyum. "Dan kau harus ingat, ini kata-kata seorang pensejarah, setiap republik punya benteng nasionalisme masing-masing, seperti di *Zaporozskaja Setc* itu."

"Bagaimana mahu mengekalkan kesatuan jika setiap republik punya benteng itu?" Aku bersuara. "Kesatuan dapat dikekalkan jika semuanya melupakan benteng itu, lalu berdiri teguh mendukung setiap keputusan *Presedium*[25]serta *Politburo*.[26] Jika 'bangsa' lebih diutamakan dari kesatuan nasional, alamatlah!" "Tetapi apa gunanya berpura-pura?" Suara Ivan agak keras, entah menyanggah pendapatku, entah melawan rasa mengantuknya. "Pentadbiran, entah sejak beberapa dekad lalu, sudah bobrok, tetapi dilindungi dengan pelbagai slogan, imej dan propaganda. Terlalu banyak wang untuk pertahanan dan membantu negara-negara sahabat, meneroka angkasa lepas, menyuntik ekonomi yang semakin parah dengan pinjaman luar negara – semuanya untuk terus mencuba menegakkan kesatuan yang pada batinnya memang semakin rapuh. Imej dan gaya lebih dipentingkan. Semuanya itu sudah menjadi bahan renungan dan perbincangan kaum seniman dan intelektual yang tulin, yang tidak takut kepada pogrom serta *gulag*, yang sebahagian mereka ikut mengambil bahagian menulis dan menerbitkan karya mereka melalui *samizdat*.[27] Apa ertinya sebuah pemerintah, sebuah kerajaan, jika kaum seniman dan intelektualnya sudah bertindak seperti itu?"

"Lenin, jika masih hidup, tentulah akan menangis." Aku menjawab. "Tentulah mengecewakan sekalian *Bolshevik*,[28] juga membuat anak-anak muda dalam *Komsomol*[29] kebingungan kerana mereka diajari bahawa seniman dan intelektual seharusnya menjadi penyuluh pemikiran komunisme. Hanya, barangkali, roh para *Menshevik*[30] yang sedikit kelegaan, di atas sana."

"Dalam situasi menuju kebobrokan yang lebih parah," Ivan menyambung, "apa gunanya republik-republik yang kaya, yang dapat berdikari, terus berada dalam kesatuan yang sedang menggelongsor ke jurang kemusnahan? Ukraine contohnya, mustahil akan terus kekal dalam kesatuan yang lama. Ia sebuah negara pertanian yang kaya, juga terkemuka di bidang industri, perlombongan dan kimia – seperti yang terpancar pada kota-kota besar di Donbass di tenggara Ukraine, atau kota-kota di lengkok Dnepr."

"Jumlah penduduknya pun bukan kepalang," aku mencelah. "Dari risalah yang kubaca beberapa hari lalu, kira-kira 50 juta orang, bukan? Itu merupakan republik yang paling ramai penduduk selepas Rusia. Dan sungguhpun, saya kira, orang-orang Rusia cuba menyebar masuk ke dalam republik-republik lain, di Ukraine, orang-orang Ukraine tetap merupakan majoriti, kira-kira 75 peratus, bukan begitu?"

"Memang," jawab Ivan. "Itulah yang lebih memperkukuhkan Ukraine kelak. Orang-orang Rusia yang bertualang ke mari mencari makan kira-kira 20 peratus dari jumlah penduduk, selebihnya orang Yahudi kira-kira dua peratus, sementara orang Belorusia, Moldavia dan Poland, masing-masing tidak sampai satu peratus."

"Kebanggaan kami bukan sahaja kerana punya penduduk banyak," Ivan meneruskan percakapannya. "Tetapi juga kerana pendidikan rakyatnya yang agak tinggi. Di seluruh Ukraine ada kira-kira 26 ribu sekolah rendah, menengah dan sekolah khas, 730 kolej teknik, dan 142 institusi pengajian tingginya termasuk Akademi Sains dan sembilan universiti. Satu daripadanya merupakan tempat aku mengajar dulu."

"Kedudukan geografinya," aku menyambung, "serta kekayaan alamnya, juga penduduknya yang rajin serta pintar, seperti telah menyiapkan sebuah republik yang tersendiri. Alamnya, seperti yang kulihat, begitu subur. Menurut risalah yang kubaca beberapa hari yang lalu, hasil galiannya juga cukup lumayan. Begitu pula punca-punca tenaga dari arang, gas dan petroleum. Dan jalan kereta api yang sedang kita lalui ini, bukankah ia menggambarkan jaringan infrastruktur yang maju?"

"Laluan kereta api Kijev-Moskva ini," suara Ivan dengan tenang, seakan gembira dengan catatan risalah Ukraine yang dapat kuluahkan semula itu, "sesungguhnya tidaklah sesibuk perjalanan kereta api membawa arang dari kawasan Donbass ke lengkok Dnepr, yang saling berselisih dengan gerabak-gerabak membawa besi dari Krivoj Rog. Juga tidak segempita kereta api-kereta api memuat arang dan besi belerang melewati kota Char'kov menuju bahagian tengah Rusia. Jalan darat lain lagi. Pengangkutan melalui sungai dan laut lain pula – seperti di sepanjang Sungai Dnepr, Prip'at', Terusan Dnepr-Bug, di pesisir Laut Hitam dan Laut Azov. Ah, apakah aku sekarang sudah menjadi guru geografi, dan tidak guru sejarah?"

"Bagaimana mahu memisahkan sejarah dari latarnya?" Aku merenungnya dengan pandangan tidak bermaya. "... Tetapi, jika penekanan latar lebih daripada penekanan sejarah, itulah yang membezakan antara seorang guru geografi dan seorang guru sejarah ...." Kudengar Ivan ketawa kecil.

"Apabila guru sejarah sudah tidak tahu batas sempadan disiplinnya," ujar Ivan di hujung ketawa kecilnya, "itu tanda dia sudah nyanyuk, atau dia sudah terlalu mengantuk. Saya kira, eloklah kita tidur."

Dia menyelak selimut, lalu baring di katilnya. Selimut warna keabuan itu ditarik hingga ke paras pinggangnya. Tangannya mencapai suis lampu di dinding, lalu mematikan lampu mejanya,. "Tidurlah," katanya, sambil memandangku dan tersenyum, tetapi aku tahu, matanya, seperti juga mataku, sudah hampir tidak dapat dibuka lagi. Aku memandang ke luar jendela. Bulan dari Kijev itu seakan terus mengejar kereta api kami ke Moskva, nun jauh dan tampak kekuningan di kolong langit. Sekali-sekala, bulan itu seperti dicambuk pucuk-pucuk pohonan yang tirus dan miring, seperti yang kulihat tatkala aku mulai merebahkan badanku ke katil. Aku ingin menutup langsir, tetapi rasa mengantuk yang memberat membuatkan badanku segera terhempas ke atas tilam. Ketika aku mematikan lampu meja, dan kemudiannya lampu utama, sehingga kabin itu gelap, aku tidak pasti apakah Ivan sudah terlelap. Atau mungkinkah dia seperti aku juga, merasakan gerak kereta api seakan buaian bagi sang bayi.

Barangkali kereta api sedang melintasi kawasan lapang. Cahaya bulan yang pucat mengerling masuk dari tingkap. Kulihat Ivan memusingkan badannya menghadap dinding. Dan aku secara tiba-tiba ingin melontarkan pertanyaan kepadanya, tidak peduli sama ada dia akan menjawabnya atau tidak .

ramalanmu, perubahan besar akan berlaku, walaupun pada waktu transisinya akan ramai menderita?"

Aku menanti kalau-kalau ada jawapan daripadanya. Di saat matanya akan terlelap, suara soalanku mungkin menembus masuk ke telinganya bagai igauan.

"Itulah yang harus dilalui dalam transisi ..." aku mendengar jawapannya, melalui suaranya yang bergetar lemah. "Mereka yang menempuh era transisi yang bersejarah, tidak menyedari bahawa mereka mengharungi satu fasa sejarah...Sebaliknya, segalanya kelihatan membingungkan, berjungkir-balik dan tidak selesa ...."

Aku menunggu kalau-kalau dia akan berkata-kata lagi. Beberapa saat berlalu, tetapi dia tetap membisu. Aku hampir lelap, terbuai enak dalam gerak kereta api yang lancar, waktu aku mendengar suara – seperti igauan:

"Lain kali, dalam perjalanan jauh seperti ini, janganlah bertemankan seorang guru sejarah.... Apalagi seorang guru sejarah yang gemar memberi kuliah, walaupun dalam kabin kereta api ..."

"Tidak ...," aku menjawab antara sedar dan tidak. "Kau bukanlah seorang guru sejarah. Kau hanyalah seorang *refusenik* ...."

III

Cahaya benderang yang menyimbah masuk melalui tingkap itulah yang kukira telah mengejutkan aku dari tidur. Aku menoleh ke katil Ivan. Katil itu kosong. Cadarnya terbentang elok, dan selimut tebal warna keabuan itu sudah berlipat kemas, terletak di bahagian kaki. Tanpa beg pakaiannya, juga tanpa *balalaika* bertali tiga itu, aku pasti dia sudah meninggalkan kereta api. Mungkinkah, ketika aku tidur nyenyak, kereta api telah berhenti di kota Kaluga, dan dia turun di sana? Tetapi, bukankah dia sendiri yang mengatakan, Moskva tempat tujuannya?

Pada saat itu aku terfikir, mungkinkah teh yang dihidangkan kepadaku mengandungi sesuatu, sehingga sifat pendiamku bertukar menjadi ramah? Mungkinkah Ivan sengaja diletakkan bersama-sama aku? Mungkinkah sikap berterus terang dan sifat terbukanya hanyalah alat untuk memancing pendapat dan sikapku terhadap Ukraine dan Kesatuan Soviet? Entahlah. Dengan lesu aku bangun, duduk memandang ke luar tingkap. Pagi baru telah datang, dan kereta api itu kian menghampiri pusat kota Moskva. Ketika gerak kereta api mulai perlahan, rasa mengantuk tiba lagi, hingga aku menyerahkan kepalaku ke muka meja. Beberapa saat kemudian kudengar pintu diketuk. Tanpa mengangkat kepala, aku membuka mata dan melihat pintu itu dibuka sedikit dari luar. Kulihat wajah Gadis pada ruang yang sedikit terbuka itu, matanya memandang tepat ke arahku, tanpa melihat katil sebuah lagi dalam kabin itu.

"Ah," sapa Gadis sambil tersenyum. "Dapat tidur lena? Atau teringat-ingat mumia di perkuburan lama itu?"

"Hampir tak dapat tidur," aku menjawab. "Mumia Dnepr itu datang mengganggu. Tapi jangan risau. Aku telah mencampakkannya keluar di Kaluga."

Kudengar Gadis ketawa kecil, kemudian berkata, "Bersiap-siaplah. Kurang lebih 10 minit lagi kita akan tiba di stesen Moskva." Dia memberikan senyuman lagi, lalu menutup pintu kabin semula.

Masa beberapa minit itu kugunakan untuk menukar pakaian dan mengemas beg pakaian. Ketika aku siap, kereta api bergerak masuk ke stesen Moskva, dan tidak lama kemudian kereta api itu berhenti.

Sebelum keluar, aku meneliti sekali lagi ruang itu, khuatir kalau-kalau ada milikku yang tertinggal. Tidak. Semuanya telah kubawa. Tetapi tatkala aku memandang meja, kulihat ada sesuatu di bawah lampu meja penumpang yang telah menghilangkan diri itu. Aku mendekati meja, dan merenung patung kayu itu yang tingginya hampir sejengkal. Bahagian luarnya dihiasi lukisan seorang anak perempuan Rusia berbaju tradisional, lengkap dengan warna-warnanya yang memikat. Ketika aku merakamkan semula segala pengalaman itu dalam cerita ini, kisah itu telah berlalu hampir tiga tahun lamanya. Namun sepanjang aku menulis cerita ini, dua benda sentiasa ada di atas meja tulisku. Buku catatanku yang lusuh itu sentiasa kurujuk kembali. Satu lagi, *matrioshka* yang mungkin sengaja ditinggalkan oleh Ivan dalam kabin kereta api dulu, yang telah kuambil dan kubawa pulang. Bukan tidak sering – ketika berhenti sebentar antara alinea – *matrioshka* itu kubuka, mengeluarkan empat patung lagi dalam kandungannya. Daripada *matrioshka* sebuah itu, akhirnya berjejeran lima patung, daripada yang paling rendah dan paling kecil, kepada yang paling tinggi dan paling besar. Memandang ke arahnya, ada sesuatu yang menjelma dalam fikiranku. Dan itu bukanlah sekadar Ivan.

[1] Laut Hitam.

[2] Laut *Azov*.

[3] Alat muzik seperti gitar, bertali tiga.

[4] Sejenis minuman seperti bir.

[5] Ganti nama atau panggilan santun kepada lelaki-lelaki asing.

[6] Tokoh gerakan romantik di Ukraine, lahir 1814, meninggal 1861.

[7] Ladang kolektif.

[8] Ladang milik negara.

[9] *Country house.*

[10] *Buckwheat pancakes*.

[11] Telur ikan (biasanya dari jenis sturgeon atau beluga) yang telah dijeruk.

[12] Nama sebuah jalan di Moskva, terkenal sebagai tempat pertemuan kaum intelektual dan seniman. Pengarang Anatoli Rybakov telah mengabadikan tempat ini dalam novelnya *Children of The Arbat* (New York : Dell Publishing, 1988, 647h).

[13] Unit mata wang terkecil.

[14] Unit mata wang, bersamaan 100 *kopeck*.

[15] Putera tzar.

[16] Warga Kesatuan Soviet yang tidak diberikan kebenaran untuk berpindah ke negara lain.

[17] "Berita", digunakan sebagai judul sebuah akhbar.

[18] Koperasi Pekerja-pekerja.

[19] "Kebenaran", digunakan sebagai judul sebuah akhbar terkemuka.

[20] Kem buruh-paksa.

[21] Pembunuhan beramai-ramai.

[22] Pegawai Partai Komunis yang mengawasi kesetiaan warga terhadap partai dan pendidikan.

[23] Jentera Partai Komunis atau sistem pentadbiran, birokrasi.

[24] Birokrat.

[25] Jawatankuasa Tertinggi pembuat undang-undang bagi seluruh Kesatuan Soviet.

[26] Jawatankuasa Pemerintahan Partai Komunis.

[27] Unit penerbitan yang beroperasi secara sulit kerana menentang dasar pemerintahan komunis.

[28] Ahli partai komunis; dulunya penyokong Lenin.

[29] Organisasi belia komunis.

[30] Orang-orang sosialis yang berhaluan sederhana ketika Revolusi Rusia.



# BIOGRAFI

***Ahmad Kamal Abdullah***

*KEMALA atau Dato' Dr Haji Ahmad Khamal bin Abdullah dilahirkan di Gombak, Selangor, pada 31 Januari 1941. Sasterawan Negara Ke-11 ini memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera Kepujian (Universiti Sains Malaysia, 1980), Ijazah Sarjana Sastera (Universiti Sains Malaysia, 1985) dan Ijazah Doktor Falsafah (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000). Beliau pernah mengikuti International Writing Program (1993) di University of Iowa Amerika Syarikat.*

*Antara karya beliau ialah Mim, Ayn dan Timbang Terima. Sepanjang lebih setengah abad berkarya, Kemala telah mendapat banyak anugerah dan penghargaan dari dalam dan luar negara, antaranya termasuklah Anugerah Sastera Negara, Anugerah Sastera Mastera, Anugerah S.E.A Write Award daripada Thailand (1986), Anugerah Pujangga daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (2002), Anugerah Sasterawan Negeri Selangor (2005), Anugerah Abdul Rahman 'Auf (2006).*

# *Sejambak Bunga Karang Tsunami*

Ahmad Kamal Abdullah
(Sasterawan Negara)

Inilah sejambak bunga karang Tsunami
yang kupungut dari perut laut Atlantik, berkurun
terbenam di dasar dalam, ditindih seribusatu molekul kelam
warnanya, warna ajaib dalam sinar riak dan ombak air
jemaah ikan mengenalnya, tiada ancam dan waham
"Aku memeluk mutiara berkilau!"

Kini kudakap Bunga Karang Tsunami
Aku mendengar lagu sayunya tentang hidup dan mati
Manusia tak tahu tentang ancaman, ombak menduga
gelombang puaka, menerjang, menerpa
membawa salam kematian, apabila kau alpa
"Prasangka dan haloba itu, mainan sia-sia!"

Sejambak Bunga Karang Tsunami
ingin kuhadiahkan untuk kekasih yang peka
tentang cinta, hidup dan kemanusiaan
jalan ke syurga hanya dalam kalbu bak purnama
kau kaya dengan raga dan lembar-lembar madah
"Bertahun menjadi rakan akrab Tsunami bunga!"

Kuhias kamarku dengan Bunga Karang Tsunami
Rona ajaibnya mengajakku menyapa pelangi
adakah kau disentuh duyung sang puteri
waktu dunia ribut, kalut, kecut dipaut ombak maut
Bayi manis di pelukan ibunya, mengukir senyum akhir kali"Bu,
Tuhan menjemput kita meniti ke syurga!"

***

Januari 2005. Dewan Sastera April 2005
"Sejambak Bunga Karang Tsunami", memenangi Hadiah Sasters Perdana tahun 2006.

# BIOGRAFI

***Zurinah Hassan***

*Zurinah Hassan dilahirkan pada 13 Jun 1949 di Bakar Bata, Alor Setar, Kedah. Sasterawan Negara Ke-13 ini melanjutkan pelajaran ke Universiti Pulau Pinang (sekarang Universiti Sains Malaysia) pada tahun 1971 dalam jurusan Ilmu Kemanusiaan dan mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera pada tahun 1974. Setelah bersara secara pilihan daripada perkhidmatan kerajaan, beliau melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana di Universiti Putra Malaysia pada tahun 1998-2001. Seterusnya, beliau menyambung pelajaran ke peringkat kedoktoran di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada tahun 2003 dan berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah pada tahun 2008.*

*Kerjaya Zurinah Hassan sebagai penyair telah ditandai oleh penerimaan Anugerah Sastera Negara (2016), Anugerah Penulisan Asia Tenggara (S.E.A. Write Award, 2004), Anugerah Sunthorn Phu (Hadiah Puisi Negara-negara ASEAN, 2013), dan Anugerah Puisi Putra, 1984 (Hadiah Utama). Beberapa buah puisinya telah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia, Hadiah Sastera Utusan dan sebagainya.*

*Antara karya beliau ialah Keberangkatan, Pujangga Tidak Bernama dan Pesanan dari Gunung Ledang.*

## *SEMALU*

Zurinah Hassan

Seorang pengembara di
hujung padang
terbaring lemah
telah turun angin mengganggu perjalanan
dan ia kehilangan arah
saat itu ia merasa putus asa
dengan kekerdilan tubuhnya.

Tiba-tiba di hujung padang itu
ia tersentuh serumpun semalu
rumpun kecil berbunga kecil
sekecil darinya
daun-daun yang menguncup
seperti mengalah
seperti lemah selemah dirinya.

Tiba-tiba ia merasa kesakitan
ada duri kecil menikam
kesakitan menyedarkannya
pada ketajaman
yang tersembunyi di celah-celah kekerdilan.

Lalu seketika itu
ia kembali menemui
kekuatan diri.

***

Antalogi Keberangkatan
DBP



# BIOGRAFI

***Adam Fadila***

*Adam Fadila pesara guru, merupakan mantan guru bahasa Melayu di sekolah menengah dan sekolah rendah selama 37 tahun. Mantan penulis buku-buku teks sekolah bertempat di Pusat Pengembangan Kurikulum Singapura CDIS MOE (Kementerian Pelajaran Singapura). Pernah bergiat sebagai aktivis bahasa pada tahun 1970-an hingga awal 90-an dan kerap mengadakan peraduan mengarang, kuiz bahasa dan sebagainya antara sekolah-sekolah di Singapura. Esei bahasa dan kritikan sastera serta cerpennya pernah tersiar dalam akhbar Berita Harian Singapura. Sajak beliau "Luka itu Pengorbananmu" pernah diterbitkan bagi projek buku Singapura 2017 ASAS 50. Hingga kini masih mengadakan bengkel bahasa dan penulisan dalam kalangan guru prasekolah.*

## *YANG TERPENDAM*

Adam Fadila

Tong tahi sudah penuh. Padat melimpah. Musim angin sudah bermula. Satu rumah busuk. Benteng hidung runtuh! Apek tahi tidak muncul-muncul. Sudah dua minggu. Mati agaknya! Fikirku.

Bau busuk satu perkara. Mahu makan apa, satu perkara lagi. Pasar tutup. Kedai tutup. Dari mana hendak mendapatkan sayur segar? Ikan segar? Yang ada, sayur layu. Daging busuk. Ini bukan pepatah, sebusuk-busuk daging, dicuci dimakan juga. Bukan! Yang ada itulah yang dimasak. Yang layu itulah yang kumakan; yang busuk itulah yang kutelan.

Akhirnya, Berebut-rebut kami ke tandas.

Ayah masuk dahulu. Cemperat-cemperit kudengar sisa makanan bertabur dari perut ayah. Tidak perlu kutunggu lama. Terbuka keras pintu tandas. Ayah keluar. Kembang kucup hidungnya. Belum sempat kulangkah masuk, ibu menerpa dari belakang. 'Nanti… emak masuk! Engkau tunggu!". Aku menurut sahaja.

"Puuusssceriiiiittt!! Kudengar jeritan sisa makanan dari perut ibu. Tidak perlu kutunggu lama juga. Merah padam muka ibu! Giliranku pula. Aduuuhhh! Kujenguk ke bawah. Cacing tahi sebesar lada padi melompat-lompat keluar. Geliang-geliut menggerenyam di permukaan tahi.

Aku segera keluar. Di luar, ayam berpesta, berebut-rebut melahap ulat tahi yang terlepas keluar. Ulat tahi ini menghadirkan amaran ayahku dahulu,"Kamu jangan jadi bangsa ulat tahi. Berlumba-lumba naik ke atas dengan memijak kaumnya sendiri. Akhinya kamu jatuh ke bawah lalu dimakan oleh orang yang lebih besar. Inilah umpama ulat tahi dipatuk ayam."

"Esok pagi, kaubeli air busuk," ayah menggesaku.

"Kedai masih tutup, Abah."

Bau tahi memerangkap seluruh kampung. Tidak terdapat seekor kupu-kupu dan lebah pun yang berterbangan di pokok bunga. Semuanya menghilangkan diri. Lalat dan langau naik takhta. Bermaharajalela berterbangan dengan riang rianya.

"Apek. Mana lu pergiiiii? Kepiu sudah habis! Lu takutkah?" aku bercakap sendiri.

Apek pasti takut. Aku faham. Perasaan wasangka masih wujud. Amarah kaum masih bernyala. Beberapa orang telah terbunuh dan beberapa lagi cedera. Mungkinkah Apek tahi terbunuh juga? Aku tidak pasti!

"Kalau Apek mogok, macamana? Fikirku. "… Takkanlah aku galang gantinya! Selisih malaikat empat-puluh empat! Mantera nenek moyang bertalu-talu dalam kepala." Kata ayahku dahulu: " Jika malas belajar, engkau akan jadi pengangkat tahi suatu hari nanti. Ingat tu!"

"Leman, nanti engkau angkat tahi, ya!' Arahan ayah mengejutkanku daripada khayalan.

"Aaahh! Alamaaaak. Abahlah angkat!"

"Engkau!" Ayah menjawab tegas. Dia membeliakkan mata dari muka pintu. Aku tak terjawab. Menjawab menimbulkan kemarahan ayah. Ayah pantang dibantah!

"Buang ke mana? Dalam longkang ya, Abah?"

"Jangan! Pergi ambil cangkul di kolong rumah, sebelah dapur"

Aku turut sahaja perintah ayah. Ayahku garang tetapi suka berbual. Dia selalu bercakap tentang bangsanya, kesabaran bangsanya dan tamak haloba bangsa lain yang suka mencari kesempatan. "Engkau harus berhati-hati dengan bangsa itu,' kata ayah.

Cangkul di tangan. Segala-galanya akan bermula.

"Kita akan membuat lubang sedalam dada kamu, seluas sedepa kamu,"

Aku melihat dadaku. "Dalam juga" kata hatiku. Kemudian aku mendepangkan tangannku. "Luas juga!" Ukuran itu berdasarkan tubuhku yang agak tinggi, besar badan yang sederhana sebagai anak remaja yang bersekolah di menengah tiga.

Ayahku mula mencangkul. Kemudian aku. Kemudian ayah. Kemudian aku lagi. Berpeluh-peluh kami bekerja. Basah lencun bajuku oleh keringat yang mencurah. Butir-butir peluh bagai manik-manik jatuh. Udara dingin bertiup kencang. Namun, kedingnan itu tidak mengurangkan keringat yang mengalir. Tanah-tanah yang dikorek menimbun di tepi lubang.

Aku berehat sebentar. Beberapa ekor lalat hinggap di cawan kopi dan pisang goreng yang terhidang. Beberapa ekor lalat penyek dalam perangkap tanganku. Datang lagi. Penyek lagi! Kali ini penyek dalam tangan ayahku. Lalat yang penyek itu meninggalkan bau tahi di telapak tangan!

"Sekarang kauangkat tong itu. Pergi!"

"Abah tolong?"

"Abah tunggu di sini!"

Aku pergi ke tandas. Kuacukan hidung ke langit. Aku menghela nafas panjang. Nafasku hilang sebentar tadi. Kubongkokkan badan, kuhulurkan tangan. Aaahhhh!. Ulat-ulat tahi melenting menerjang di atas jubin tandas di sekeliling tong. Kukuatkan semangat. Kutarik sedikit tong itu, Iiiieeee! Tahi cair dari telinga tong melekat ke tapak tangan. Aku berlari masuk ke rumah. Kucuci tangan dan keluar semula.

"Lekaslah!" Ayahku melaung lagi sambil menyedut rokok 'lucky Strike'. Itulah amalan ayah setiap hari, lebih-lebih lagi ketika masuk ke tandas.

Aku percepat gerakan. Telinga tong kuangkat. Merengkeh! Kucengkam erat-erat telinga tong. Kutatang tahi yang penuh sepenuh kasih sayang supaya tidak berkocak. Kalau berkocak, baunya pasti meruap naik.

Terpandang aku akan wajah guruku. "Walaupun busuk tetapi berguna. Sayur dan buah yang kamu makan, pokoknya, semua pakai baja tahi, kamu tahu!" kata guruku dulu.

Saat itu aku terfikir! "Sungguh menghairankan! Apek kurus kering. Tapi, kuat… kuat angkat dua tong tahi sekali jalan. Badan melengkung. Jari-jemari bengkok keras. Tong tahi yang dikandar dibawanya berlari dengan gaya lengang-lenggok. Ringan sahaja!"

"Hei! Cepatlah!" ayahku menjerit lagi.

Segera kuangkat lagi. Semakin berat, tong semakin rapat ke tubuh.

"Jangan letak. Teruskan! Teruskan! Bersemangatttt!!!" Laung ayahku.

Aku melangkah lebih cepat. Berolang-aling bagai kapal atas gelombang. Nafasku lemas. Rasanya tiada tenaga untuk melangkah lagi. Namun, kuteruskan juga! Semakin dekat, semakin laju langkahku. Kuangkat tong tahi lebih tinggi tetapi tanganku semakin lemah. Satu langkah sampai ke lubang. Sekonyong-konyong, kakiku tersandung longgokan tanah. Tong tahi bersekali dengan aku terhumban ke dalam lubang. Menggelepar aku di dalamnya. Seluruh badan dan muka bermandi tahi. Dahsyatnya bagai tsunami tahi membuak dari perut laut yang melanda pantai!

Aku berusaha naik. Kupacu tenaga. Kutanjakkan kaki kanan ke atas. Dengan kaki kiri aku pasak kuat-kuat. Dengan sekuat tenaga, aku henjutkan kuda-kudaku. Licin melincir bagai minyak gris. Akhirnya dapat kupanjat. Aku berdiri bagai hantu laut yang keluar dari perigi tahi. Penuh dari hujung kaki ke hujung rambut. Berambai-rambai tahi dari rambut jatuh sedikit-sedikit di tebing lubang.

Ayahku tercegat. Jarinya menekan hidung. Tiba-tiba dia ketawa terbahak-bahak. Dia benar-benar tidak dapat menahan ketawanya. Ibuku keluar. Terkejut! Ayah terus ketawa terguling-guling terkakah-kakah. Ibuku masam mencuka. Aku hanya ketawa sumbang.



Berlari aku ke bilik air. Teringat aku akan teman-teman sekampung: "Sebelum rusuhan, waktu sekarang ini, aku selalu bermain sepak raga dengan kawan-kawanku di kampung sebelah. Lima orang dalam kumpulanku bukan bangsaku. Mereka bercakap bahasaku macam air. Tidak pelat. Lancar!"

Kerja belum selesai. Ayahku menutup lubang itu dengan zink dan papan. Bahagian atasnya, dialaskan tanah sedikit. "Tong ini tidak akan ditimbus selagi apek belum datang. … masih boleh digunakan jika tong tahi penuh lagi …" Aku mengangguk-anggukkan kepala sahaja. "Ayah mahu engkau belajar daripada peristiwa ini…. Pergaduhan punca kesusahan. Kita saling memerlukan antara satu dengan yang lain. Inilah yang kita alami sekarang. Susah! Jagalah kemananan. Keamanan tidak ternilai harganya!"

Bau tahi masih meliar. Angin busuk bertiup kencang. Tiupan angin tidak lagi semerdu irama alam. Panas terik tengah hari terasa dingin. Tiba-tiba kulihat najis-najis berarak lesu di air longkang. Beberapa ketul tahi cair singgah di pokok-pokok kangkung. Habis musnah pokok kangkung ibuku. Kangkung itulah sayuran kami. Panas hatiku!

"Kurang ajar. Tidak berotak orang-orang ini. Pengotor!!" ayahku melahirkan kesalnya.

Hujung waktu kelihatan mendung. Sekali-sekala kilat memetir. Burung-burung terkejut lalu bertempiaran dari celah-celah punggung awan. Tampaknya hujan akan turun. Mungkin malam ini. Mungkin esok.

Seawal pagi hujan turun bagai air terjun. Hingga tengah hari, hujan masih mencurah-curah. Air terus naik merata. Banjir mula melanda. Sukar kuagak, yang mana longkang, yang mana jalan. Rumahku rumah panggung. Aku tidak khuatir. Pasti selamat. Rumah melesak habis separuh tenggelam. Kasihan mereka! Hidup susah harta pun kurang! Kais pagi makan pagi; kais petang makan petang.

Air naik ke paras pinggang orang dewasa. Arus mula deras. Air laut pasang keling ketika ini. Mataku tersembul keluar apabila kulihat berjejer tong-tong tahi yang tunggang terbalik di bawa arus banjir. Aku hanya mampu menarik nafas panjang lalu kuhempaskan nafas dari kerongkongku. Fuuuuuuuh!

Lemas aku dalam cabaran ini!

Esoknya, semuanya mengaku:"Ini tong tahi akulah!". Mereka Merebut tong tahi yang tersadai, tiada yang terbiar.

Kini, Negaraku hidup harmonis. Tenang. Tapi, setenang-tenang air tiada buaya? Yakin? Sejarah rusuhan tidak berulang? Belum pasti. Padaku, Harmonis luaran sahaja; bukan harmonis dalaman! Isunya masih banyak. Isu bahasa. Bangsa. Agama. Kependudukan. Meritokrasi dan Keadilan.

Perasaan itu masih wujud, walaupun menipis sukar terhakis, sekalipun usiaku menjangkau tujuh puluhan. Ini berlainan sama sekali dengan dua orang cucuku, Dian dan adiknya, Ilham. Dian mahasiswa tahun tiga. Adiknya Ilham akan menyusul tahun ini.

Aku pernah memancing fikiran cucu sulungku tentang hal ini. Katanya:"Ala, Tuk! Kisah itu tak penting. Negara kita aman."

"Sejarah tak penting, katamu! Bukankah sejarah mengajarmu tentang kehidupan?" Aku merenung mukanya.

"Faham Tuk..tetapi.."

"Tetapi apa?"

"Tak sanggup Dian membaca sejarah kebodohan bangsa kita, Tuk … kebodohan nenek moyang kita, kebodohan pemimpin kita. Kebodohan raja-raja kita. Menyakitkan hati, Tuk! Kita hilang kuasa kerana apa, Tuk?"

Terkejut aku akan jawapan dan soalan itu. Kebodohan? Kerana apa?

"Kakak betul, Tuk! Kita belajar sekuat-kuatnya, kerana kita tidak mahu dibodoh-bodohkah lagi oleh sesiapa pun!'" kata Ilham cucu keduaku.

Aku masih terfikir. Sudah terhakiskah dendam yang terpendam setelah lima puluh tahun merdeka?

Hujan angin menampar-nampar pipiku dari muka jendela. Aku tersedar daripada lamunan sejarah.

# BIOGRAFI

## *Johar Buang*

*Johar Buang adalah penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara 2010 oleh Kerajaan Thailand, Anugerah Tun Seri Lanang 2015 oleh Majlis Bahasa. Mula berkarya sejak tahun 1980'an mencakup bidang puisi, cerpen dan esei. Karya-karyanya pernah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Mandarin dan Perancis. Kumpulan puisinya berjudul "Sampai Di Singgahsana Cinta" memenangi Singapore Literature Prize 2010 dan Hadiah Persuratan 2011. Kumpulan puisinya "Pasar Diri" memenangi Hadiah Persuratan 2013, Singapore Literature Prize 2014 dan Hadiah Sastera Mastera 2016. Kumpulan-kumpulan puisinya telah terbit ialah Mawar Tajalli, Perahu Melayu Di Lautan Khulzum, Sampai Di Singgahsana Cinta, Yang Menjadi Sufi, Dinding-dinding Kaca dan Sahara.*

## *Tanah Air Mata*

Johar Buang

Telah kami berikan tanah dan air mata
yang termahal dari monumen cinta Taj Mahal
demi kau bangunkan kota arca impian
di batas-batas negeri abadi ini
kau ingin kami menyaksikan kosmos
dari cermin fenomena yang lain
kau bentuk kami sebagai manusia genius
di setiap susur jalan geometrik
yang memintal gedung-gedung materi
kami bingung dan tidak tahu lagi
siapakah diri kami yang sebenarnya

kau katakan inilah matahari
terbit menemui dunia baru
pada langit yang kautabirkan cakerawala jiwa
kau katakan inilah akuarium pelangi
pada sungai tak menghubungkan lagi selokan hujan
kami mengurung diri dalam telefon pintar
melahap kasih dinding-dinding facebook
menulis bait-bait sajak yang sakit
tanpa peradaban tutur seni ibunda
di bawah terowong kaca pelangi ini
tak ada sungai untuk ikan-ikan keterasingan
hanya bingkai air yang menyolek kecantikan
warna-warni sebuah taman fatamorgana
tak ada luasnya samudera
hanya gunung-ganang pejal kesepian
menyekat suara rumput-rumput yang terluka
kaukatakan inilah pangsapuri-pangsapuri
mewah kami
pada gumpalan hutan yang kau cabut akar jatinya
pada burung-burung yang kau usir
dari sarang cintanya
dalam rumahtangga ada medan perburuan
mengejar dan dikejar kepuasan yang tidak berwujud
seperti dongeng yang tidak bertakdirkan kebenaran
kami tertidur di ranjang atmosfera yang fana
dan bila terbangun kami terkejut melihat
menara-menara angkuh telah mencapai awan
menyondol bukit-bukit sejarah
mencangkul habis tanah air mata
sehingga apa lagi yang tersisa buat kami
cuma ceruk-ceruk yang kosong dan sempit
sedang tangan-tangan kami terikat
pada janji-janji kertas piutang syurgawi
yang tak terlunaskan

siapa akhirnya yang menjadi sahabat setia
bila terluka dengan tembakan senjata sendiri
pendusta menampakkan wajah di mana-mana
di hari belasungkawa
maaf jika kami tidak berduka
tidak mengalirkan sungai airmata
kerana telah kami berikan
seluruh tanah air mata ini

karya Johar Buang



# BIOGRAFI

## *Mohammad Gani bin Ahmad*

*Mohammad Gani bin Ahmad atau nama penanya MeGaDoNa; abbreviasi daripada namanya, nama ayahanda dan datuknya. Beliau dilahirkan di Steven Road Singapura pada 1 Februari 1941. Menerima pendidikan awal di beberapa sekolah Melayu, madrasah dan ke Lembaga Gerakan Pelajaran Dewasa untuk mengambil Sijil Tinggi Pelajaran (HSC).*

*Beliau mengikut Kursus Pendidikan Guru (TTC) di Kampus Paterson Road, Singapura dan memperolehi Sijil Pendidikan Keguruan. Pernah mengikuti kuliah pada Universiti Nasional Jakarta, Indonesia*

## *Di Bumi Ini Aku Terpacak*

Mohammad Gani bin Ahmad

Memang
oyot moyangku kakek nenekku
cuma bertandang datang.
Memang
ayah bondaku paman bibikku
pendatang nun dari tanah seberang.
Namun aku
kakak dan adik-adikku
isteri dan putera puteriku
di bumi ini terpancar
di bumi ini bertunjang akar
cinta dan citaku tersebar.

Jadi jangan setiaku diragui
jangan khidmatku ditanyai.
Biar marak api meraja
biar badai melanda
biar halilintar menghentam
biar rebut taufan menumbang
namun setiaku tetap kompak
namun khidmatku tidak berganjak.

Kerana bumi di mana aku terpacak
udara yang kuhembus
air yang menghilang panas hausku
telah aku assimilasikan
dengan darah yang tidak tertarah
tulang belulang urat & seluruh jiwa ragaku.

*Stadium Nasional*

*Julai 1977*

SISIPAN KHUSUS LEMBARAN MASTERA

# MASTERA

## Edisi No. 58

## BIOGRAFI

*Chong Ah Fok*

*Dr Chong Ah Fok dilahirkan pada 8 Mei 1956 di Kampung Ukong, Limbang dan menetap di negara Brunei Darussalam sejak tahun 1959 dan menjadi rakyat Negara Brunei Darussalam. Berpendidikan aliran Melayu dari sekolah rendah hingga ke peringkat universiti. Mula menerima pendidikan di Sekolah Rendah Batang Mitus (1963), Sekolah Rendah Kiudang (1967), Sekolah Menengah Muda Hashim (1968 – 1975), Pusat Tingkatan Enam di Jalan Muara. Kemudian mengorak langkah dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam Pendidikan dalam bidang (1998), Ijazah Sarjana dalam bidang Kesusasteraan, Universiti Brunei Darussalam (2006) dan Doktor Falsafah dalam bidang Kesusasteraan Melayu, Universiti Malaya (2013).*

*Daripada segi latar perkhidmatan, pernah menjadi guru di Sekolah Menengah Chung Ching, Seria pada tahun 1978 dan Sekolah St. Andrew Bandar Seri Begawan mengajar mata pelajaran bahasa Melayu sejak 1985. Pada tahun 2008 beliau dilantik sebagai Timbalan Pengetua di sekolah tersebut sehingga sekarang. Pernah menerima beberapa anugerah dan pingat, antaranya Pingat Jubli Perak (1992), Pingat Indah Kerja Baik (PIKB), 2015 dan Guru Cemerlang Hari Guru 2017.*

*Beliau dikenali dalam dunia penulisan sebagai Eyuman dan mula menceburi bidang penulisan pada tahun 1975 dalam genre sajak, cerpen, esei, kritikan sastera, novel, drama (radio dan televisyen. Karya beliau diterbitkan dalam Bahana, Beriga, Mekar, Borneo Bulletin, Berita Harian (Singapura), Pelita Brunei, Radio Televisyen Brunei serta majalah tahunan sekolah (Pusat Tingkatan Enam). Antara karya persendirian beliau ialah Orang Asing (DBP, Brunei, 1985), Angin Pagi (DBP, Brunei, 1990), Dalam Perjalanan (DBP, Brunei,1995), Titik-titik Peluh ...(DBP, Brunei, 2002), Musim Cuti Yang Bererti, (DBP, Brunei, 2008) dan Di Atas Laut (DBP, Brunei ,1992). Kumpulan Cerpen Yang Gugur dan Yang Tidur (DBP, Brunei, 2015) dan Kajian Novel-Novel Terpilih Brunei Darussalam Dari Perspektif Pengkaedahan Melayu, (DBP, Brunei, 2009). Selain itu, karya bersama penulis lain seperti Budi Orang Membawa Tuah (DBP, 1985), Rantau Utara (DBP, Brunei, 1989), Meniti Waktu (DBP, Brunei ,1993), Sesekali Angin Bertiup (DBP, Brunei, 1977), Meniti Jambatan Usia, (DBP, Brunei ,1998), Sungai Siarau, (DBP, Brunei ,2003) dan banyak lagi.*

*Selain aktif menghasilkan karya, beliau juga aktif dalam beberapa persatuan antaranya Bahagian Kebudayaan dan Kesenian daerah Tutong (B2K) dan berjaya mengungkayahkan beberapa aktiviti hasil daripada buah fikiran beliau. Sejak muda lagi beliau melibatkan diri dalam bidang kebudayaan dan juga ekonomi bukan sahaja di kampungnya tetapi juga di peringkat negara.*

## *Sesat**

Chong Ah Fok
(Brunei Darussalam)

Penjaga pintu berasa serba salah. Mengejar mereka sudah tidak mungkin. Dia tidak pasti apa yang dilakukan sekarang. Perlukah mereka dibebaskan begitu saja atau menyenaraihitamkan dan dilaporkan kepada pasukan keamanan? Apa pula risikonya nanti? Kalau mereka dibiarkan bebas, dia akan menanggung risiko. Kalau mereka disenaraihitamkan pula dia menanggung risiko. Dia belum dapat buat keputusan.

Dalam berfikir itu dia berdiri menghadap ke bukit. Di depannya bukit itu ditutupi dengan hutan. Hutan itu bersambung pula dengan rimba. Pandangannya dilayangkan sejauh-jauhnya. Pandangan kosong. Pandangan kesal. Dari pandangan itu dia tidak nampak orang-orang yang dilepaskannya mendaki bukit itu. Di depannya hanya pokok-pokok dan akar-akar berdaun hijau atau tidak hijau yang bergoyang-goyang ditiup angin. Ketenangan pokok-pokok dan akar-akar berdaun hijau atau tidak hijau itu menyakitkan hatinya. Kalau dia mampu, mahu rasanya dia memusnahkan semuanya. Dengan memusnahkan pokok-pokok dan akar-akar berdaun hijau atau tidak hijau itu dia dapat melihat pendaki-pendaki yang penipu. Kalau bukit itu gondol semuanya, lagi baik. Dia akan dapat melihat apa-apa yang dilakukan orang-orang yang diberi kesempatan mendaki bukit. Tetapi dia tidak berdaya untuk memusnahkan semua pokok-pokok dan akar-akar berdaun hijau atau tidak hijau di depannya. Dia tidak ada kuasa. Dia adalah dia. Tidak lebih dan tidak kurang. Dia berada di sini pun kerana ditugaskan di sini. Kalau dia ditugaskan di mana-mana, dia akan berada di mana-mana juga. Dia hanya menjalankan tugas.

Dulu dia berjanji hendak menjalankan tugas ini sebersih-bersihnya. Dulu dia bertekad hendak menghalang pendaki-pendaki yang tidak layak. Dia mahu menghalang pendaki-pendaki yang demikian demi kepentingan diri

pendaki dan juga  demi kepentingan orang ramai. Akhirnya dia tidak mampu seratus peratus menunaikan janji dan tekadnya. Ada juga rasa kasihan kepada keluarganya sendiri. Bila lagi hendak menolong keluarga? Hendak mengharapkan orang lain? Jangan harap. Sekarang ini saudara sendirilah yang diutamakan. Caranya hendaklah dirahsiakan. Membocorkan rahsia samalah seperti menabur pasir di atas pinggan nasi sendiri. Hanya, kalau mereka mendapat kemalangan di atas sama, tanggung sendiri. Mereka mesti hadapi sendiri. Dia tidak mahu dibabit-babitkan. Dia tidak ambil tahu. Risikonya sendiri tanggung. Semua orang tahu, mendaki bukit bukanlah semudah dijangkakan. Apalagi setelah berada di puncaknya. Kalau iman tidak kukuh, terpesona sekali dengan keindahan pemandangannya. Apalagi kalau tidak ada amal ibadat, tentu hanyut dengan keseronokan dan tidak ingat orang-orang yang ditinggalkan di bawah sini. Kalau saudaranya sanggup mendaki bererti sanggup juga menanggung risiko. Nah, itulah sebabnya dia tidak mahu diikutsertakan.

Rupa-rupanya perbuatannya yang jarang dilakukkannya itu diperhatikan orang juga. Padahal bukan semua keluarganya diberi kesempatan untuk mendaki bukit itu. Hanya mereka yang layak sahaja dilayannya. Inilah yang bahayanya. Atas kelemahannya sendiri itu telah dicabul hari ini. Dia telah ditipu. Inilah yang digeramkan. Ini juga bererti orang lain sudah tahu sikapnya selama ini. Orang tahu dia pernah menyokong saudaranya untuk mendapat kebenaran menikmati pandangan indah dari puncak bukit. Perlukah lagi dia berselindung? Ini adalah kejadian pertama yang disedarinya. Sebelum ini bagaimana? Mungkin sudah ramai atau mungkun belum. Dia tidak tahu.

Dia tidak tahu bagaimana hendak menangani perbuatan kedua pendaki yang menipunya itu. Adakah kedua pendaki yang celaka itu dibiarkan meneruskan pendakian dan bebas begitu sahaja? Adakah mereka disenaraihitamkan dan dilaporkan kepada pihak keamanan? Dia benar-benar serba salah.

Aku tiba-tiba kasihan melihatnya. Mula-mula aku tidak sangka dia begitu menyesal. Rupa-rupanya dia memang benar-benar menyesal. Aku jadi benar-benar percaya bahawa menyesal kemudian itu memang tidak berguna. Kata orang yang melihatnya lebih dulu daripada aku, sudah dua hari dia berdiri di situ melihat ke arah puncak bukit. Semalam tidak hujan. Dia selamat daripada kesejukan dan basah kuyup. Walaupun tidak hujan, tetapi udara pagi tadi begitu sejuk. Dalam udara sejuk itu, dia masih di situ juga. Udara sejuk sedikit pun tidak dirasainya. Dia tetap berdiri di situ. Pada waktu siang udara agak panas juga terutama pada waktu tengah hari. Dia masih tetap menunggu di situ. Aku tidak tahu sama ada selepas dia berdiri lama-lama di situ rasa menyesalnya itu boleh hilang. Entah. Aku tidak mahu ambil tahu bagaimana kejadian itu terjadi. Setibanya aku di sini, aku diberitahu, penjaga pintu berdiri di situ kerana menyesal. Dia menyesal kerana melepaskan dua orang pengembara baru menuju ke puncak bukit petang semalam. Mereka hendak menikmati udara yang nyaman dan pandangan yang luas dari puncak. Hanya itu yang aku tahu.

Dia menunggu mereka kembali. Dia terus berharap mereka sesat jalan dan tidak dapat meneruskan perjalanan ke puncak. Selalunya kalau sudah sesat, tidak ada jalan lain selain daripada kembali ke pangkal jalan. Sampai pagi ini dia di denai yang mereka lalui semalam masih belum ada kelibat orang yang turun dari bukit. Denai itu masih kosong. Masih belum ada tanda-tanda akan dilalui oleh pengembara yang turun dari puncak bukit. Matanya tidak pernah berkedip sejak semalam. Sekali pun tidak berkedip. Dia benar-benar cuba mengawasi. Dia tetap melihat pintu pagar yang masih terbuka menunggu kepulangan mereka. Dia tetap menunggu.

Dia benar-benar kesal. Rasa bersalah itu datang setelah kira-kira sejauh satu kilometer perjalanan mereka. Dia hendak memanggil mereka balik. Dia hendak menarik semula kebenaran yang diberikannya. Dia mahu batalkan kebenaran kerana mereka itu penipu. Lagipun, mereka tidak akan selamat di puncak sana jika tidak ada ilmu di dada. Bagaimana mungkin dia dapat memanggil mereka? Satu kilometer bukan jarak yang dekat. Suara apa pun sukar didengar kecuali bunyi bom. Kalau manusia dapat mencipta suara yang boleh diledakkan, kekesalan ini boleh jadi terubat. Apa tidaknya, dia akan ledakkan benda yang boleh mengeluarkan arahan. Apabila diledakkan benda itu akan berbunyi" "Sikurus dan si tinggi kembali ke pondok tempat penjaga pintu!" Kalau tidak ada kesan,  dia akan ledakkan lagi. Kalau tidak ada kesan juga, dia akan ledakkan lagi. Berkali-kali. Dia akan ulangi lagi. Hanya dengan benda peledak itu sahaja orang yang sejauh satu kilometer itu boleh mendengar panggilan.

Ada masanya sangat susah hendak membuat keputusan. Memang mereka itu belum boleh dibenarkan untuk pergi ke puncak. Mereka tidak memenuhi syarat. Silap. Kesilapan itu adalah kerana mereka itu kawan. Mereka itu dia kenal biasa. Mereka itu juga ada hubungan saudara. Kalau tidak ada rasa simpati kepada saudara, tidak juga timbul masalah ini. Kalau tidak memandang hubungan persaudaraan dalam menjalankan tugas, tidak ada kekesalan ini. Dia merungut sendirian. "Siapa agaknya orang celaka yang mengambil kesempatan akan kelemahan itu!"

Mengikut syarat yang mutlak, setiap pendaki bukit dan yang ingin menikmati keindahan harus melalui satu proses yang sistematik. Mereka diberi pelbagai ujian. Mereka mesti lulus ujian-ujian yang diberikan. Bukan sebarangan. Bukan asal ambil ujian sahaja. Kalau kau gagal, kempunanlah kau hendak menduduki puncak bukit itu. Orang-orang yang lulus bererti layak. Orang-orang lulus sahajalah yang dibenarkan. Orang-orang yang lulus sahajalah yang boleh mendaki ke puncak bukit untuk mencapai puncaknya dan seterusnya boleh menakluki sekitar kawasan ini melalui pandangannya.

Daripada orang-orang yang mengetahui peristiwa itu, aku tahu kini, dia rasa kesal kerana membenarkan kawan-kawannya atau saudara-saudaranya. Mendaki bukit itu tanpa



melalui ujian. Melihat keadaan itu aku bebas membuat andaian. Diberi ujian atau tidak ceritanya akan sama juga. Kalau yang membuat soalan itu juga dia, kesilapan begini tentu berlaku juga. Dia boleh sahaja bocorkan soalan itu. Dia berikan soalan itu awal-awal. Tentu mudah sahaja kawan atau saudaranya menjawab. Sama juga ceritanya, bukan. Begitu juga kalau orang yang memeriksa jawapan itu adalah dia, lagi senang. Kalau dia kedekut pun, tidaklah boleh luluskan kawan atau saudara yang gagal. Nah, kekesalan begini boleh juga timbul. Kalaulah rasa kesal yang dideritainya kini benar-benar rasa kesal yang sedar. Lain pula ceritanya. Tetapi, kalau rasa kesalnya ini rasa kesal plastik, kekesalannya itu bukan kerana diberi ujian atau tidak. Mungkin ada sebab peribadi yang lain. Aku akan tanyakan hal ini kepadanya. Aku akan beritahu kamu apa punca sebenarnya dia berdiri di situ dalam keadaan yang menyesal.

Mereka telah melalui denai menuju ke puncak bukit. Mereka hairan kerana jalan yang dilalui itu begitu semak. Jalan ke puncak tidak lurus. Mereka terpaksa mendaki batu yang licin. Mereka terpaksa melalui jalan yang licin. Mereka menempuh semak-semak. Semak itu bukannya semak rumput sahaja. Dalam semak itu ada juga durinya. Biasalah. Inikan hutan. Di hutan jangan terpijak duri kayu. Kalau terpijak duri kayu, mereka akan terduduk di situ juga. Sudah tentu perjalanan terbantut. Mereka hanya boleh kena duri rotan. Itu pun kalau tidak dapat dielakkan. Bukan sahaja terpijak tetapi juga terkena di lengan. Di pinggang. Di tengkuk. Ada kulit yang tersayat. Mereka tempuhi juga. Mereka memang ada semangat. Bukan sekali mereka tersungkur. Bukan sekali mereka tergoleng. Beberapa kali. Tetapi mereka bangun dan mendaki terus. Mereka mendengar sebelum ini, jalan ke puncak itu begitu bersih. Kita tidak rasa penat pun untuk sampai ke puncak. Di kiri kanan menuju ke puncak dihiasi indah dengan pelbagai jenis bunga. Anak-anak tangga ke puncak itu dilapiskan dengan kain berwarna merah. Itulah yang mereka cari. Tetapi nampaknya mereka tidak mungkin akan menjumpainya. Mereka sudah jauh dari kaki bukit. Mereka tempuhi terus jalan semak samun. Mereka sudah bertekad tidak akan kembali ke pangkal jalan. Sesat pun sesatlah. Mereka menyalahkan diri kerana telah bertolak pada waktu pagi dan ketika matahari bersinar, mereka tidak akan menempuhi jalan ini. Ini juga sebagai hukuman kegelojohan mereka.

Ada tiga gaung yang mereka mesti tempuhi. Padahal orang-orang lain tidak pernah melalui gaung seperti itu. Ini nasib mereka. Dalam perjalanan ada tiga gaung yang merentangi perjalanan. Tidak ada jalan lain kecuali melalui gaung. Kalau hendak menuruni gaung itu memang boleh. Masalahnya gaung itu terlalu curam. Jadi mereka gunakan cara Tarzan. Untuk mencari akar seperti yang digunakan oleh Tarzan. Memang tidak ada masalah. Di hutan ini banyak akar seperti yang digunakan oleh Tarzan. Di gaung pertama, mereka berjaya lalui dengan selamat. Mereka mendarat dengan agak baik di seberang sana. Di gaung yang kedua, salah seorang daripada mereka terpaksa memanjat tebing yang curam kerana salah langkah. Ketika dia berayun, kakinya tersangkut akar. Akar di tangan terlepas, dia terpelanting ke bawah. Gaung yang ketiga, mereka tidak mahu melakukan seperti Tarzan lagi. Gaungnya lebar. Mereka terpaksa harungi. Mereka turuni tebing yang curam dan mendaki tebing yang juga curam.

"Mungkin ini bukan jalan yang sebenar menuju ke puncak." Kawan yang berbadan tinggi lampai, bertanda hitam di dahi, dan berjanggut melihat sekeliling setelah mereka selamat mendaki tebing curam di gaung ketiga. Dia rasa tidak sanggup lagi untuk mendaki tebing yang securam itu. Dia memandang ke bawah. Ngeri dia melihatnya.

"Kita menuju ke arah yang satu." Kawannya yang kurus, bertanda hitam di dahi, dan berjanggut tidak mahu mempersoalkan perkara yang sudah lalu. Di depannya ada arah yang hendak dituju. Arah yang pernah menjadi tujuan orang-orang lain. Baik yang pergi pada waktu pagi atau malam.

"Mungkin kita akan menempuhi kesukaran ini lagi."

"Biarkan. Selagi bernyawa aku akan tempuhi."

"Apa maksudmu 'aku akan tempuhi itu'?"

"Ya, jelas bukan. Kalau kau tidak mahu menempuhinya, sudah tentu aku sahaja yang meneruskan. Siapa lagi yang aku maksudkan?"

"Jadi kau fikir aku pengecut?"

"Biasanya, orang yang mengingatkan masa lalu, adalah orang yang telah menyesal."

"Kau silap. Aku mengingat masa lalu untuk digunakan sebagai langkah berhati-hati menempuh masa depan."

"Kadang-kadang itu hanya idealisme. Masa lalu sudah tidak ada. Yang ada hanyalah yang ada di depan kita." Kawan yang berbadan tinggi lampai, bertanda hitam di dahi, dan berjanggut akhirnya senyum. Dia senyum setelah mendengar kawan yang kurus, bertanda hitam di dahi, dan berjanggut menyebut ganti nama pertama jamak yang termasuk orang yang dilawan bertutur.

Terus terang sahaja bahawa ini adalah kali pertama mereka mencuba. Percubaan mereka itu benar-benar berjaya. Di tengah bukit itu mereka berhenti membuang penat. "Sekarang kita sudah selamat. Sudah dua hari kita berjalan. Tidak mungkin lagi kita akan diganggu." Kawan yang kurus tinggi, bertanda hitam di dahi, dan berjanggut mengipas-ngipaskan badannya dengan daun timbaran yang tergeletak di bumi.

"Jadi topeng ini boleh kita buka sekarang?" Kawan yang berbadan tinggi lampai, bertanda hitam di dahi, dan berjanggut menoleh kepada kawannya yang sedang santai-santai mengipas tubuhnya. Kawannya tidak menjawab kerana dia memang sudah membuka topengnya. Ketika dia sedang berkata, "sudah selamat" tadi, dia sedang membuka topengnya. Sebaik-baik sahaja kawan yang berbadan tinggi lampai, bertanda hitam di dahi, dan berjanggut menoleh, dia nampak muka kawannya sudah tidak bertopeng lagi. Dia

nampak muka kawannya yang sebenar. Dia masih kenal muka itu. Dalam beberapa hari ini muka itu telah berubah. Berubah kerana mereka terpaksa memakai topeng. Mereka memakai topeng itu bukan hanya dua tiga hari yang lalu. Sudah agak lama. Mereka telah membiasakan diri menggunakannya seolah-olah topeng itu kulit muka mereka sendiri. Lalu dia juga membuka topeng mukanya. Sangat sukar dia membukanya. Hampir-hampir sebati sudah. Tetapi kalau namanya topeng, sudah tentu dapat dibuka. Susah senang akan tanggal juga akhirnya. Topeng itu berjaya ditanggalkan. Setelah topeng itu dibuka, tidak ada lagi tanda hitam di dahi dan berjanggut di dagu.

"Kita akan berjalan ke puncak seratus peratus diri kita sendiri." Kawan yang kurus bingkas bangun lalu menghala ke puncak. Kedua-duanya meneruskan perjalanan. Topeng-topeng telah ditanggalkan. Padahal topeng itu bukan senang hendak dapat. Kalau dapat pun belum tentu sesuai dan belum tentu disukai oleh penjaga pintu di kaki bukit. Kini mereka sudah berjaya. Topeng yang mereka pakai memang serasi dengan penjaga pintu. Setelah berada di sini, topeng itu tidak diperlukan lagi. Mereka terus mendaki ke puncak. Di kiri kanan denai itu terdapat beberapa topeng yang ditinggalkan. Kalau mahu dikumpulkan, bukan selori dua. Ada yang sudah lama ditinggalkan dan terkena pengaruh cuaca. Keadaannya menakutkan. Kalau orang penakut lalu di denai itu tentu dia terperanjat separuh mati. Apa tidaknya, topeng itu berada di mana-mana. Ada yang separuh tertimbus di bawah daun-daun mati. Ada yang tertimbus tanah. Ada yang tersangkut di ranting-ranting kayu. Ada yang sengaja dilekatkan di batang-batang pokok. Dari jauh kelihatannya seperti muka-muka manusia yang sedang berbaring sementara badannya tertimbus atau badannya tidak nampak.

"Kita bukan orang pertama yang menggunakan topeng." Mereka sama-sama tersenyum lega.

Angin petang bertiup lembut ke lembah melalui celah-celah pokok yang membelukari keliling kawasan. Angin ini benar-benar melegakan dia yang sedang bertugas menunggu pintu. Pintu itu berdiri kukuh. Di kiri dan di kanan pintu itu tidak ada pagar. Hanya dipagari oleh rumput. Tidak ada tanda-tanda orang yang melalui tempat lain selain dari melalui pintu. Dia telah lama melihat orang-orang yang berlepas naik ke puncak. Sudah ramai bilangan mereka. Tetapi dia sendiri tidak pernah ke puncak. Dia hanya diberi khabar gembira. Ini yang menjadikan dia tidak puas hati. Sepatutnya dia juga dibenarkan ke puncak bukit. Dia mahu bersenang-lenang. Dia mahu juga menikmati udara bersih. Dia bukan tidak boleh melihat jauh. Kalau diberi kesempatan ke puncak bukit sana dia boleh dan mampu melihat sejauh mata memandang. Barangkali kemampuan vision-nya tidak jauh bezanya dengan orang-orang lain. Hanya dia tidak diberi kesempatan. Mahu rasanya dia meletak jawatan. Kalau dia meletak jawatan, dia tentu menyesal. Itulah sebabnya dia membatalkan niatnya. Perkhidmatannya sudah tidak lama lagi mencapai tempoh boleh memohon pencen muda. Kalau sudah sampai tempohnya, dia boleh memohon. Siapa yang melarang. Dia batalkan niatnya untuk meletak jawatan. Dia terus berkhidmat. Dia tunggu sahaja sehingga sampai masanya dia boleh pencen. Dalam berfikir-fikir begitu pintunya diketuk. Waktu telah rembang petang.

"Kami akan naik ke puncak." Dia mendengar suara dari bawah.

"Siapa?" Dia bertegas. "Mana ada orang yang dibenarkan naik ke puncak dalam keadaan gelap."

"Eh, masakan sudah lupa saudara sendiri." suara dari bawah. Dia mengambil lampu suluh. Dia menyuluh seorang demi seorang. Dia memang kenal dengan wajah-wajah itu. Mula-mula dia nampak berkilat. Setelah dia suluh sekali lagi, tidak ada kilatan dari muka mereka berdua. Dia pastilah kedua-dua itu saudaranya dan kawannya. Kalau aku tidak ada kesempatan naik, biarlah saudaraku yang pergi, bisik hatinya. Tanpa banyak bicara dia benarkan mereka naik.

"Kamu tahu jalannya? Katanya dari atas.

"Tahu." Dia pun percaya kata saudaranya dan kawannya. Dia tidak perlu lagi bukti, mereka pun berlepas setelah dia membuka pintu.

Pagi besoknya, dia dikejutkan dengan kedatangan saudaranya dan kawannya. Kali ini mereka minta izin untuk ke puncak. Seingatnya dia sudah melepaskan atau membenarkan mereka naik ke puncak bukit pada petang semalam. Tidak pernah ada dalam sejarah orang menangguh-nangguhkan keberangkatan ke puncak. Sekali dibenarkan mereka terus ambil.

"Semalam kami masih sibuk menyiapkan kerja-kerja di bawah sana," jelas saudaranya.

"Kalau kerja di bawah ini belum selesai bagaimana kita boleh bersenang-senang berehat di puncak." Kawannya menguatkan alasan saudaranya.

"Kini kami sudah selesai dengan tugas-tugas itu. Kami hendak ke puncak itu pula. Mana tahan selama-lamanya di bawah." Dia hanya mendengar kata-kata mereka. Mahu rasanya dia berkata bahawa orang di bawah tidak akan menderita patah kaki atau lumpuh badan kerana orang di bawah tidak mungkin akan jatuh. Tetapi lelucon itu tidak menjadi. Dia masih mengingatkan orang-orang yang dilepaskannya atau dibenarkannya naik ke puncak petang semalam.

Khabarnya di puncak sana begitu indah. Aku kepingin juga hendak ke sana. Ketika cuaca yang agak baik, aku akan mengambil kesempatan ke kaki bukit. Aku bercadang hendak mengambil angin sambil melihat orang-orang berangkat ke puncak. Aku mahu diriku terangsang supaya berminat sama untuk mendakinya. Di samping itu, aku mahu mendengar cerita mereka. Aku ingin mengetahui apa sebenarnya ada di puncak sana. Orang-orang yang hendak berangkat tentu tahu akan gambarannya. Kalau tidak tahu kenapa mesti berangkat? Bukankah itu menyusahkan? Selalunya orang yang berkehendakkan sesuatu, dia sudah tahu akan latar belakang perkara yang dikehendakinya. Tidak ada orang yang berkehendakkan sesuatu bagi perkara atau benda yang tidak tergambar dalam fikirannya. Bukan aku tidak tahu apa yang ada di puncak. Tahu. Hanya pengetahuanku itu tidaklah seluas mana. Aku hanya sekadar tahu sahaja. Kerana itulah aku berminat. Minat yang sudah tertanam ini, aku ingin suburkan lagi. Sesampai di kaki bukit, ramai orang sedang menunggu kebenaran. Penjaga pintu berdiri menghadap bukit.

Mula-mula aku sendiri tidak percaya. Kawan-kawanku merista. Aku fikir mereka berdusta. Bercakap dengan kawan yang rapat banyak bunga-bunganya. Setiap kali bertemu, perbualan tidak pernah terus serius. Mesti ada bunga-bunganya. Jadi aku terbiasa. Aku anggap perbualan dengan kawan-kawan itu tidak sungguh-sungguh. Main-main sahaja. Hanya berita itu bukan disampaikan oleh seorang kawan. Semua kawanku berkata demikian. Aku pun terasa perlu melihat dengan mata kepala sendiri. Aku sendiri ke pondok di kaki bukit. Aku datang sendiri. Selalunya apabila aku sampai ke kaki bukit aku mendongak ke atas. Aku juga bercita-cita hendak naik ke puncak. Kini aku sudah tahu di mana pintunya. Hanya aku belum dapat hendak membuka mulut untuk memberitahu hasratku itu. Kalau mahu bertanya kepada penjaga pintu itu memang boleh. Hanya aku rasa segan. Aku rasa belum masanya.

Kedatanganku tidak disambut. Ini aku sudah agak. Memang dia tidak mengenal aku lagi. Aku ingat sudah dua tahun aku tidak ke sini. Kedatanganku dulu itu pun sebenarnya tidak dirancang. Aku hanya memenuhi rasa ingin tahuku. Aku mana tahu, di mana pintu untuk mendaki puncak bukit ini. Dalam kunjungan itu, selepas peristiwa kelam-kabut penjara pintu rebah pengsan, aku diberi maklum oleh orang yang baik hati di situ. Aku sudah lupa, siapa dia. Kini baru aku tahu. Rupa-rupanya, bukan boleh di daki dari sebarang tempat. Untuk mendakinya mesti melalui satu tempat yang khas. Aku setuju dengan kawalan ini. Aku setuju kerana aku difahamkan, sesiapa yang sampai ke puncak itu adalah orang yang mempunyai ilmu. Kalau ilmu yang dipelajari hanya tebal setengah inci, jangan cuba-cuba hendak mendakinya. Kita perlu bertapa sekurang-kurangnya tiga tahun. Berguru bermacam-macam ilmu. Ilmu penerang hati, ilmu pemanis, ilmu penawar bisa (bermacam-macam bisa sengatan serangga), ilmu pembalik, dan macam-macam lagi. Selain dari ilmu batin, ilmu pencak silat juga dipelajari. Beberapa jurus harus dikuasai.

Sesiapa yang sudah tamat pertapaan dan mempunyai beberapa azimat hasil daripada pertapaan akan diberi sepengadak pakaian. Pakaian yang bukan orang sebarangan boleh dapat. Pakaian itu juga dimajliskan. Gelanggang mesti dibersihkan sebagai tempat mengadakan majlis menyerahkan pakaian sepengadak itu. Sebelum itu perlu mengadakan upacara penamat. Upacara penamat diadakan secara gilang-gemilang. Gelanggang silat dihiasi dengan berbagai perhiasan. Begitu juga dengan pintu gua pertapaan. Gendang silat tidak pernah sunyi dipalu selama tujuh hari tujuh malam sehinggalah pada hari upacara kemuncak. Selama tujuh hari tujuh malam itu setiap petapa akan turun ke gelanggang menguji kebolehan masing-masing.

Setiap yang menamatkan akan memakai pakaian sepengadak hitam dengan berikat kepala. Mahaguru sendiri yang akan menganugerahkan tangkal. Tangkal ini diperbuat daripada kulit kayu yang mempunyai kuasa ajaib. Kononnya kuasa ghaib tangkal itu berbeza-beza darjah kekuatan atau keberkesanannya mengikut orang yang memegangnya. Ada orang yang serasi, tangkal itu benar-benar mengasi. Ada juga sebaliknya. Ini menandakan penat lelah selama bertapa itu sudah berbaloi. Kebolehan sudah diakui. Bukan sahaja pendekar, tetapi juga peka batinnya. Kononnya, kata orang, sudah boleh membuat keputusan. Kononnya mereka yang sudah menamatkan pertapaan itu boleh menjadi mata dan telinga masyarakat. Kononnya mereka yang memakai pakaian sepengadak itu boleh membantu masyarakat yang tidak memakai pakaian sepengadak.

Dulu ayah pernah berkata, untuk sampai ke puncak itu hanya orang-orang yang tertentu sahaja. Orang-orang yang terpilih. Aku tidak tahu maksud sebenar ayah. Belum sempat aku men-*detail*-kan perkara itu dia sudah kembali ke alam baka. Jadi aku buat kesimpulan sendiri. Itu pun, baru akhir-akhir ini aku berani membuat kesimpulan, orang-orang yang terpilih itu adalah orang yang mempunyai banyak ilmu. Orang-orang yang terpilih adalah orang-orang yang sudah diakui kesan ilmunya. Aku punya alasan sendiri untuk mempertahankan kesimpulanku itu. Aku fikir, bukan senang hendak mendapat ilmu itu. Jadi, orang-orang yang berjaya itu sahajalah yang akan diterima. Ini bererti, dalam banyak-banyak orang-orang yang memohon cuma orang-orang yang tertentu saja yang akan diterima. Sampai masa ini aku berkeyakinan demikian.

Pada kunjunganku kali ini, bukan aku sahaja yang berada di sini. Sudah ramai. Hanya kedatangan mereka ke sini tidak sama dengan kedatanganku. Aku datang dengan tujuan lain. Aku ingin melihat atau boleh dikatakan melawat penjaga pintu. Jangan kau tuduh aku ini pengampu. Memang aku tidak marah. Tujuan itu juga ada. Sekurang-kurangnya ada dua peratus dalam *mission* ini. Hanya, itu bukan tujuan utama aku ke sini. Sebenarnya kunjungan aku ini bertujuan untuk memastikan dakwaan kawan-kawanku. Mereka kata, penjaga pintu itu sudah normal seratus peratus. Mungkin itu perkara biasa, bukan? Dengan kemajuan perubatan sekarang ini, segala-galanya mungkin terjadi. Itu juga dengan kehendak Yang Maha Berkuasa. Tetapi apa yang lebih mendorongku sampai ke mari ialah kawan-kawanku memberitahu bahawa penjaga pintu itu juga tidak ingat lagi kisah dua tahun yang lalu. Dia tidak ingat yang dia tercegat, mahu dia ingat semula. Aku kasihan kepadanya, mungkin dia menderita penyakit kurang ingatan. Kedatanganku ini nanti, sekurang-kurangnya akan dapat memulihkan semula ingatannya.

Orang ramai membanjiri dewan. Mereka itu sedang menduduki ujian untuk mendapat kebenaran naik ke bukit. Antara beribu-ribu itu hanya beberapa orang sahaja yang akan dipilih. Di pintu itu ada beratus-ratus lagi minta borang untuk diuji. Ada juga yang berunding-runding di belakang bangunan. Ah, itu pandangan biasalah kalau dalam keadaan begini. Pada masa yang sama ada juga yang baru memulakan pendakian. Mereka dihantar dengan senyuman dan ketawa sanak saudara. Dan yang pergi pula lantang-lantang meninggalkan pesanan yang manis-manis. Janji yang ditaburkan kepada orang ramai atau masyarakat lebih-lebih lagi kepada orang yang mengizinkan pendakian itu. Sungguh manis.

Aku tidak peduli hal itu. Aku sudah perhatikan perkara itu dalam kunjunganku ke sini dulu. Aku terus berjalan menuju ke bilik penjaga pintu. Dari jauh aku nampak dia sedang senyum lebar. Apabila aku sudah dekat, aku dengar gelaknya meninggi. Suaranya diikuti dengan suara orang lain. Kini suasananya jadi ramai. Aku tahu, ramai orang berada dalam biliknya. "Dia dalam bilik?" Tiba-tiba baru timbul dalam perasaanku penjaga pintu itu sudah berada dalam bilik. Alat penghawa dingin juga dipasang di situ. Penjaga pintu pengawal daun pintu pagar naik ke bukit dari bilik itu.

Ketika aku sedang naik, dua orang sedang keluar pintu belakang pondok itu. Aku nampak penjaga pintu itu benar-benar riang. Apa yang aku lihat dua tahun yang lalu sangat jauh bezanya.

"Hendak membeli topeng juga?" Aku ditegur oleh orang baru keluar itu.

"Tidak," jawabku secara jujur.

"Jadi kamu ..."

Mulanya aku tidak ingin masuk campur tangan urusan orang. Tetapi entah bagaimana mulutku benar-benar tidak dapat ditahan daripada berkata-kata. Mujur aku cepat mengawalnya. Tetapi sia-sia. Maksudku sudah diketahui oleh kedua-dua orang yang baru keluar.

"Ya, kami baru memberinya rasuah. Kalau kamu hendak memberinya rasuah jangan masuk dari sini. Sana! Dari belakang. Jangantah malu-malu." Mereka berlalu sambil ketawa.

Salah seorang daripada mereka berpatah balik dan berbisik kepadaku, "Setelah dia sedar daripada komanya dulu, dia sudah berubah. Dia makin baik kepada sesiapa sahaja yang ingin berbuat baik kepadanya." Aku rasa ada konotasi yang negatif dengan frasa 'ingin berbuat baik kepadanya' itu. Aku hanya diam tanpa reaksi kepada orang itu.

Aku tidak jadi melangkah naik. Lagipun, untuk apa aku meneruskan niatku. Aku sudah dapat melihat dari sini akan perubahan penjaga pintu itu. Aku juga sudah tahu perubahan sikapnya kini. Aku tidak mampu menghadapinya. Aku tidak mahu memulihkan ingatannya. Jika dipulihkan mungkin dia akan jadi sedih. Mungkin dia akan kembali seperti dulu. Biar dia tahu sendiri. Aku turun tanpa dilihat oleh penjaga pintu yang matanya mengawasi pintu. Untung dia tidak mengetahui kedatanganku. Aku rasa dia tidak pernah menoleh ke arahku. Entahlah, selepas ini mungkin dia menoleh. Aku tidak tahu. Ketika aku melangkah turun dari pondok tempat penjaga pintu itu, dua orang polis menungguku. Aku memberi senyuman kepada mereka. Aku fikir mereka datang membuat rondaan biasa. Mereka membalas senyumanku.

"Maaf, kami terpaksa menahan saudara." Salah seorang daripada mereka menghalangku. Aku tidak tahu kenapa aku ditahan?

"Saudara dituduh memberi rasuah." Seorang lagi memberi alasan. Jadi, aku tidak jadi bertanya kenapa aku ditahan.

"Macam mana saudara tahu?" kataku sambil menghulur tangan untuk digari.

"Ada dua orang pemuda baru datang dari sini tadi membuat laporan," terangnya. Aku jadi tidak faham apa maksud rasuah yang sebenarnya. Aku mengikut kedua orang polis yang menjalankan tugasnya dengan baik. Inilah harapan negara. Semua pegawai menjalankan amanah dengan jujur. Aku tidak menghampakan mereka.

Tidak lama setelah aku sampai, penjaga pintu denai naik ke puncak bukit rebah. Aku meluru membantunya. Aku berjaya memeluk badannya. Kalau aku tidak pantas bertindak mungkin kepalanya pecah kerana terhentak di batu yang ada di depannya. Orang ramai yang melihat menjadi riuh sebentar. Ada bunyi teriakan. Aku dengar bunyi teriakan wanita. Selepas itu aku memeluk badannya, aku baringkan dia. Aku nampak dia menarik dan menghembuskan nafasnya pendek-pendek. Aku terus meminta bantuan orang lain untuk memanggil ambulans. Mereka mematuhi permintaanku. Selepas itu, beberapa orang menolongku mengangkatnya ke pondok. Pada ketika itu, ada juga yang hendak curi-curi masuk melalui pintu yang terbuka. Tetapi keadaan itu terkawal kerana tidak lama kemudian beberapa orang polis mengawal keadaan. Tidak ada seorang pun yang berjaya lolos masuk.

Sebelum kedatangan para jururawat bersama ambulans, aku membuka bajunya lalu mengipas-ngipas dengan apa sahaja yang boleh mendatangkan angin. Sementara yang lain, aku suruh mengambil air. Aku sendiri membuka kasut sambil memicit-micit kaki, tangan, dan tengkuknya. Aku agak urat-urat di situ kejang kerana terlalu lama berdiri. Kira-kira lima belas minit kemudian, dia menghembus nafas panjang. Bau busuk keluar dari mulutnya. Bau busuk dari perut yang kosong. Aku rasa dia masih boleh lagi diselamatkan. Seorang doktor datang bersama ambulans. Aku dan beberapa orang di situ memberitahu doktor bahawa dia dalam keadaan bertakafur dengan cara berdiri selama dua hari. Aku juga katakan mungkin dia akan berdiri begitu selama beberapa hari lagi jika dia tidak rebah. Doktor menjeling kepadaku. Nampaknya dia tidak suka membuat andaian. Sesungguhnya aku tidak tahu kenapa dia jadi begitu. Setelah dia sedar pun aku tidak diberitahunya. Maaf, aku mengecewakanmu. Aku fikir kamu akan tahu juga kalau berusaha mahu tahu. Aku balik setelah penjaga pintu itu benar-benar sedar. Walaupun sedar tetapi dia belum siuman sepenuhnya. Dia tidak berkata sepatah kata pun. Dia begitu menyesal sekali. Orang-orang di situ berkata, penyakit begitu cepat baik. Dia akan melupakan semuanya itu. Dari merekalah aku tertanya-tanya tentang keistimewaan naik ke puncak bukit. Aku bebual-bual panjang sambil menunggu dia sedar. Dia sedar. Aku balik.

Keindahan di puncak mempesonakan. Sesiapa sahaja yang sampai ke puncak berasa dirinya besar. Berasa dirinya tinggi. Dia rasa dunia ini dia punya. Di puncak pelbagai kemudahan ada. Kemudahan rekreasi. Kemudahan untuk melabur. Kemudahan untuk melihat seluruh dunia. Mereka yang baru sampai tidak akan melepaskan peluang itu. Sebaik-baik sahaja dua orang yang berjaya naik dengan memakai topeng sampai mereka berehat untuk bersantai. Mereka melepaskan penat. Ketika dalam keadaan berehat itu mereka diberitahu cara berbisik bahawa di situ juga ada tempat rekreasi yang istimewa. Di bawah rimbunan daun-daun di hutan dara itu ada danau. Oleh kerana mereka telah berjaya sampai ke puncak ini, mereka juga boleh bersuka ria di sana. Mulanya mereka menolak. Tidak biasa mandi di danau. Tetapi kerana ingin mencuba, mereka pergi jua. Setelah dengan malu-malu merendamkan diri di danau di bawah hutan dara, mereka tercandu. Hampir setiap hari mereka ke sana. Danau di situ bukan sebuah. Tiada siapa yang terkira banyaknya.

Lama-kelamaan, perbuatan mereka itu kedapatan juga. Ini adalah kerana kerakusan mereka. Kalau mereka dapat mengawal diri seperti orang-orang lain, mereka tidak terperangkap. Inilah akibat gelojoh. Sebenarnya tempat itu adalah kawasan larangan. Mereka boleh mandi-manda tetapi pada sesuatu danau yang tertentu sahaja. Mereka bukannya tidak tahu hal itu, mereka tahu. Mula-mula dulu memang mereka tidak tahu. Kemudiannya setelah mereka tahu, mereka abaikan saja. Mereka semakin jauh tersesat ke dalam hutan itu. Oleh kerana itu mereka terpaksa diambil tindakan.

Ketika mereka dikesan, timbul pelbagai peristiwa. Ketika mereka hendak ditangkap, ada yang melihat mereka seperti singa. Yang lain pula nampak mereka masih tetap seperti manusia. Ketika orang yang nampak mereka seperti singa itu pasti yang mereka manusia, orang yang nampak mereka masih tetap manusia tadi nampak mereka itu seperti babi pula. Begitulah pandangan orang-orang yang ditugaskan menangkap mereka, bertukar-tukar. Kadang-kadang seperti ular. Kadang-kadang seperti buaya. Kadang-kadang seperti burung tekukur. Kadang-kadang seperti burung rajawali. Orang yang hendak menangkap mereka tergendala beberapa ketika sehinggalah dipanggil bomoh dan pawang untuk menetapkan iman mereka.

Mengikut bomoh dan pawang, orang yang tidak cukup iman mudah tersesat dan mudah dirasuk. Dengan pertolongan Yang Maha Kuasa, mereka berjaya menjalankan tugas. Kedua orang yang naik ke puncak dengan memakai topeng itu berjaya ditangkap. Setelah berjaya, bomoh dan pawang sempat memberi nasihat, jangan cuba-cuba meredah hutan bukit itu tanpa ilmu. Mereka diseret turun ke kaki bukit.

Aku kasihan dengan polis yang menggari tanganku. Sesampai di balai, mereka membuat laporan dan dikehendaki untuk membuat catatan atas penangkapanku. Mereka tidak tahu kenapa aku harus ditahan. Puas aku menerangkan bahawa aku dituduh rasuah. Mereka tidak dapat menyebut perkataan itu kini. Aku suruh mereka menulisnya. Tetapi tulisan itu salah ejaan. Yang mereka tulis bukan ejaan 'rasuah' tetapi 'rasuk'. 'Rasuk' dipadam, mereka tulis pula 'rakus'. 'Rakus' dipadam, tertulis pula 'rahsia'. 'Rahsia' dipadam, tertulis pula 'maruah'. Akhirnya mereka dimarahi oleh penguasa balai. Aku tidak dapat berbuat apa-apa. Sebenarnya mereka hendak berbakti kepada negara. Hanya mereka agak salah jalan. Aku minta maaf kepada mereka setelah aku dibebaskan kerana tidak dapat membantu.

Ketika melihat peristiwa penangkapan penghujung ke pondok itu penjaga pintu tersentak. Dia melihatnya dari tingkap cermin pondok tempatnya bertugas. Dia terasa dirinya diseret itu. Oleh kerana itu, dia rasa belas kasihan kepada dua orang pegawai polis itu. Dia rasa tidak mungkin dapat menghalang mereka menjalankan tugas. Dia hanya berdiri di situ tanpa berkata apa-apa. Dia nampak orang ditahan itu berjalan di tengah-tengah diapit oleh dua orang polis tanpa sebarang pergelutan. Dia berasa gelisah berada dalam biliknya. Semakin jauh orang itu dibawa, semakin terasa dirinya yang berada di balai polis.

Dalam doanya dia memohon agar ditunjukkan jalan kembali kepada orang-orang yang sesat.

** Cerpen ini diterbitkan dalam majalah Bahana, Januari 1996, Jilid 5, Bil. 13 dan diterbitkan dalam buku Antologi Kumpulan Cerpen Yang Gugur dan Yang Tidur (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018)*

# BIOGRAFI

## *Puasha*

*Puasa bin Kamis, lahir pada 6 Jun 1970 di Kampung Bebuloh, Daerah Brunei-Muara, Negara Brunei Darussalam. Aktif menulis dalam pelbagai genre puisi atau sajak, cerpen, novel, artikel sastera dan budaya, rencana umum dan skrip drama televisyen. Menggunakan nama pena Puasha, P. B. Kamis, Yasa Kamis, dan Awang Puasa. Mula bergiat dalam bidang penulisan pada tahun 1985 dan kebanyakan karya beliau dimuatkan dalam Majalah Mekar, Juara Pelajar, dan Bahana, akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei, Media Permata dan rancangan-rancangan khas di Radio Televisyen Brunei.*

*Antara pencapaian beliau dalam dunia penulisan ialah memenangi Hadiah Kreatif Bahana, Shell-DBP 1995, 1999 dan 2002, menerima Penghargaan Aktivitis Bahana 97-99, Penghargaan Penulis Kreatif Terbaik Negara Brunei Darussalam, Hadiah Penghargaan Sasterawan Muda Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) bagi Negara Brunei Darussalam pada tahun 2010 di Jakarta, Indonesia, Aktivis Sastera Tanah Air pada Malam Apresiasi Penulis "Bahasa Jiwa Bangsa" sempena Bulan Bahasa pada tahun 2015.*

*Karya-karya beliau dimuatkan dalam Antologi Cerpen Kanak-kanak Mekar Sesekali Angin Bertiup (DBP, 1997), Antologi Puisi Larian Hidup (DBP, 1999), Antologi Puisi Kosovo Bilakah Langitmu Kembali Biru (DBP, 2000), Antologi Sajak Cermin Diri (Teks Pelajar Kesusasteraan Melayu), (Jabatan Perkembangan Kurikulum, 2000), Antologi Haiku Kulimpapat, (DBP, 2001), Antologi Cerpen dan Puisi Sungai Siarau (DBP, 2003), dan Antologi Cerpen dan Puisi Mitos Pencarian (DBP, 2010) dan Koleksi Cerpen Pilihan dalam Pelita Brunei (2002).*

*Setakat ini penulis menghasilkan novel Sebuah Pondok Di Bukit Kota (DBP, 2004), Kumpulan Puisi Nakhoda Manis: Pelayaran Ke Dua (DBP, 2009), Kumpulan Cerpen Cetera Merdeka (DBP, 2010), Kumpulan Puisi Sandiwara (DBP, 2014), Kumpulan Drama TV Amanat (DBP, 2014), dan Kumpulan Puisi dan Cerpen Kisah Di Sebuah Halaman (eBook-pdf), Krafiti Enterprise: (2015) yang merupakan buku-buku persendiriannya*

## *Di Tanah Budi*[1]

Puasa bin Kamis

Di bawah bayangan
pohonan getah tua
lantas aku merasakan sesuatu
bergerak pantas di luar sedarku
mereka telah jauh meninggalkannya
dan sungai mengalir di sisi makin terhimpit.

Sementera telah memesrakan pertemuan
di pusara yang kelihatan usang
memetik serpihan kayu nisannya
bagai berkurun masa yang diam,
dendam yang berterusan hanya beginilah
menatap sinar mentarinya mengingat
sumpah dan amanat.

Tetap takkan aku biarkan
kembali di sini telah membenamkan setia
mempertahankan hak kebenaran
kali ini bidalan tua tak mampu menidakkan,
di sini nanti, kita akan kembali bangunkan
rumah kediaman dan pagar kebun seperti semula
kesan yang lalu jadikan landasan.
walau telah pernah membunuh riang
di tanah budi yang melahirkan ini.

[1]Sajak ini diterbitkan dalam majalah Bahana keluaran Jun 1995.



# BIOGRAFI

## *Tinta Merah*

*Tinta Merah adalah nama pena bagi Awang Hamzah bin Suhaili. Dilahirkan pada 15 Disember 1961 di Kampung Keriam Tutong. Selain Tinta Merah, juga menggunakan nama pena seperti Merpati Putih dan Hamsy. Tinta Merah mula berkarya sejak tahun 1979 dalam genre puisi, lirik lagu dan penulisan skrip. Karya-karya Tinta Merah termuat dalam majalah Bahana, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Borneo Bullettin, Radio dan Televisyen Brunei. Karya Tinta Merah juga pernah dimuatkan dalam Antologi puisi bersama Memburu Pelangi, Dewan Bahasa dan Pustaka, (1992), Antologi puisi remaja bersama Pelari 3, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei (1993), Anthology of ASEAN Literatures Modern Poetry of Brunei Darussalam, The ASEAN Committee on Culture and Information, 1998. Antologi cerpen dan puisi bersama Meniti Jambatan Usia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei (1998) Antologi puisi bersama Larian Hidup, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei (1999). Manakala antologi persendirian beliau pula ialah Antologi puisi perseorangan Dalam Bulatan, terbitan Azza Publiser (1987).*

*Selain menghasilkan karya kreatif, Tinta Merah juga pernah menyertai beberapa pertandingan menulis dan menerima hadiah dan penghargaan. Antaranya Hadiah Penghormatan dalam Peraduan Menulis Antologi Puisi anjuran ASTERAWANI, 1987; Hadiah Penghargaan dalam Peraduan Menulis Puisi anjuran Pusat Dakwah Islamiah, 1988; dan 1989; Hadiah Penulisan Kreatif Bahana anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, 1993 dan 1994; dan Hadiah Pertama dalam Peraduan Mencipta Lagu Popular (bahagian lirik) anjuran Radio Televisyen Brunei, 1987.*

## *Putih Awan Retak**

Tinta Merah

Porong gelap
jalanan beronak
putih awan retak
berkabut dan berteriak.

Manusia merangkak
jam bergerak.

Manusia merangkak
putih awam retak.

Tinta Merah
Brunei

*Sajak ini diterbitkan dalam majalah Bahana keluaran November 1994

# BIOGRAFI

## *Asrul Sani*

*Asrul Sani lahir di Rao, Sumatra Barat, 10 Juni 1926, meninggal di Jakarta, 11 Januari 2004 pada usia 77 tahun. Ia merupakan anak bungsu dari tiga orang bersaudara. Ayahnya, Sultan Marah Sani Syair Alamsyah Yang Dipertuan Padang Nunang Rao Mapat Tunggul Mapat Cacang, merupakan kepala adat Minangkabau di daerahnya. Ibunya Nuraini binti Itam Nasution, adalah seorang keturunan Mandailin.*

*Di dalam dunia sastra Asrul Sani dikenal sebagai seorang pelopor Angkatan '45. Kariernya sebagai sastrawan mulai menanjak ketika bersama Chairil Anwar dan Rivai Apin menerbitkan buku kumpulan puisi yang berjudul Tiga Menguak Takdir. Kumpulan puisi itu sangat banyak mendapat tanggapan, terutama judulnya yang mendatangkan beberapa tafsir. Setelah itu, mereka juga menggebrak dunia sastra dengan memproklamirkan Surat Kepercayaan Gelanggang sebagai manifestasi sikap budaya mereka. Gebrakan itu benar-benar mempopulerkan mereka.*

*Selain itu, ia pun pernah menjadi redaktur majalah Pujangga Baru, Gema Suasana (kemudian Gema), Gelanggang (1966-1967), dan pimpinan umum Citra Film (1981-1982).*

*Sebagai sastrawan, Asrul Sani tidak hanya dikenal sebagai penulis puisi, tetapi juga penulis cerpen, dan drama. Cerpennya yang berjudul Sahabat Saya Cordiaz dimasukkan oleh Teeuw ke dalam Moderne Indonesische Verhalen dan dramanya Mahkamah mendapat pujian dari para kritikus. Di samping itu, ia juga dikenal sebagai penulis esai, bahkan penulis esai terbaik tahun '50-an. Salah satu karya esainya yang terkenal adalah Surat atas Kertas, Merah Jambu (sudah diterjemahkan ke dalam bahasa Belanda).*

*Sejak tahun 1950-an Asrul lebih banyak berteater dan mulai mengarahkan langkahnya ke dunia film. Salah satu film karya Asrul Sani yang kembali populer pada tahun 2000-an adalah Nagabonar yang dibuat sekuelnya, Nagabonar Jadi 2 oleh sineas kenamaan Deddy Mizwar.*

*Selain menulis puisi, cerpen, esai, naskah teater, dan skenario film, dia banyak menerjemahkan karya sastra mancanegara. Beberapa karyanya antara lain:*

1) *Tiga Menguak Takdir (kumpulan sajak bersama Chairil Anwar dan Rivai Avin, 1950)*
2) *Dari Suatu Masa dari Suatu Tempat (kumpulan cerpen, 1972)*
3) *Mantera (kumpulan sajak, 1975)*
4) *Mahkamah (drama, 1988)*
5) *Jenderal Nagabonar (skenario film, 1988)*
6) *Surat-Surat Kepercayaan (kumpulan esai, 1997)*

## *Surat Dari Ibu*

Asrul Sani

Pergi ke dunia luas, anakku sayang
pergi ke hidup bebas !
Selama angin masih angin buritan
dan matahari pagi menyinar daun-daunan
dalam rimba dan padang hijau.
Pergi ke laut lepas, anakku sayang
pergi ke alam bebas !
Selama hari belum petang
dan warna senja belum kemerah-merahan
menutup pintu waktu lampau.
Jika bayang telah pudar
dan elang laut pulang kesarang
angin bertiup ke benua
Tiang-tiang akan kering sendiri
dan nakhoda sudah tahu pedoman
boleh engkau datang padaku !
Kembali pulang, anakku sayang
kembali ke balik malam !
Jika kapalmu telah rapat ke tepi
Kita akan bercerita
"Tentang cinta dan hidupmu pagi hari."



# BIOGRAFI

## *Esha Tegar Putra*

*Esha Tegar Putra lahir di Solok, Sumatra Barat, 29 April 1985. Bersama beberapa orang seniman lainnya ia menggagas Padang Literary Biennale (PLB) 2014 pada September 2014.*

*Puisi, cerpen dan esainya dipublikasikan di berbagai antologi bersama serta media cetak nasional dan daerah, seperti di harian Kompas, koran Tempo, dan lainnya. Buku kumpulan puisinya yang pertama berjudul Pinangan Orang Ladang diterbitkan pada tahun 2009.*

*Esha juga telah hadir dalam berbagai iven sastra seperti Temu Penyair Empat Kota di Yogyakarta pada tahun 2007, Temu Sastrawan Indonesia II di Pangkal Pinang (2009), Ubud Writers & Readers Festival di Bali (2009), Salihara-Utankayu Biennalle 2011, dan iven lainnya.*

*Esha Tegar Putra bersama Ragdi F. Daye, Zelfeni Wimra, Azwar Sutan Malaka, dan banyak sastrawan muda lainnya merupakan generasi muda sastrawan Indonesia asal Minangkabau setelah generasi Gus TF Sakai dan kawan-kawan yang tumbuh besar di Sumatra Barat. Selain menulis, Esha juga mengajar di Jurusan Sastra Indonesia Universitas Bung Hatta, Padang.*

## *Pada Tunggul Terbakar Itu*

Esha Tegar Putra

Pada tunggul terbakar itu
aku temukan nasibku, Upik.

Seakan kudengar sayup-sampai suara tukang dendang memainkan lagu tentang para pengilang tebu di pinggang gunung Singgalang, tentang kuda pacuan patah pinggang, tentang kisah anak dagang hidup bergantungan dari kemarahan induk semang

Hari ke hari adalah patahan nasib baik seranting demi seranting, dan aku terus membayangkan ke depan adalah mimpi buruk

Beri aku dendang lain, Upik. Tak ada maut, tak ada pendakian, tak ada segala yang buruk. Tapi tunggul terbakar itu terus aku temukan nasibku.

Hari baru barangkali seperti kehendak ingin ke pasar, membeli seulas kain, lantas menghantarkannya ke tukang jahit. Hari baru lebih serupa baju baru, sebab kain lamaku serasa kian tipis di badan, berhujan-berpanas terus dibiarkan melekat seperti itu.

Beri aku dendang lain, seperti tarian selendang atau gamad orang seberang dengan lagu berkasih sepanjang hayat. Oh, telah aku temukan nasibku di tunggul terbakar itu, Upik. Nasib tunggul kayu berurat singkat, tidak lagi menancap tak lagi menggapai.

# BIOGRAFI

## *Eep Saefulloh Fatah*

*Eep Saefulloh Fatah lahir di Cibarusah, Bekasi, tahun 1967, menyelesaikan sekolah dasar di Madrasah Ibtida'iyah, dan SMP-nya di Cibarusah dan menyelesaikan SMA di SMAN 1 Bekasi. Ia melanjutkan pendidikan di jurusan Ilmu Politik FISIP UI Depok dan meraih gelar sarjana S1 dengan menulis skripsi berjudul "Negara Orde Bagu dan Pengendalian Konflik Politik 1967-1988: Studi terhadap Peristiwa Malari, Petisi 50, dan Tanjung Priok,".*

*Selepas kuliah, ia menjadi staf pengajar dan peneliti di jurusan Ilmu Politik FISIP UI. Mata kuliah yang ikut diasuhnya adalah Pengantar Ilmu Politik, Sistem Politik Indonesia, Metodologi Ilmu Politik, dan Konsensus dan Konflik Politik. Di dunia penelitian ia sempat menjadi junior research associate di Lembaga Penelitian dan Pengembangan Ilmu Sosial (LPPIS), dan associate di Lembaga Studi dan Pengembangan Etika Usaha Indonesia (LSPEU). Sejak 1994 hingga awal 2000 ia lebih aktif di Laboratorium Ilmu Politik FISIP UI Depok. Di lembaga penelitian ini ia pernah menjabat sebagai Ketua Divisi Pendidikan, lalu Ketua Divisi Penelitian, dan akhirnya Wakil Direktur.*

*Ia sempat aktif sebagai anggota dan kemudian ketua Litbang Redaksi Republika dari Desember 1994 hingga November 1997. Ia pernah pula menjadi redaktur ahli surat kabar gratis pertama di Indonesia, Metro. Selain itu, ia pernah menjabat sebagai wakil pemimpin redaksi jurnal Seri Penerbitan Studi Politik , kerja sama antara UI dan penerbit Mizan, Bandung. Tema-tema yang sempat dibahas Seri Penerbitan ini antara lain adalah "Evaluasi Pemilu-pemilu Orde Baru", "Mengubur Sistem Politik Orde Baru", "Menimbang Masa Depan Orde Baru", dan "Memastikan Arah Baru Demokrasi".*

*Ia pernah menjadi anggota Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR) Utusan Golongan mulai 1 Juli 1998 sampai akhirnya mengundurkan diri dua bulan tujuh hari kemudian, pada 8 September 1998. Ia lalu terpilih sebagai salah seorang anggota Tim 11 atau Panitia Persiapan Pembentukan Komisi Pemilihan Umum (P3KPU) di bawah pimpinan Dr Nurcholish Madjid, yang bertugas memverifikasi partai-partai politik calon peserta Pemilu 1999.*

*Selepas itu, ia mendirikan dan memimpin Komisi Pemberdayaan Pemilih (KPP atau Joint Committee for Voter Education) yang melakukan kegiatan pendidikan politik selama penyelenggaraan Pemilu 1999. Ia juga mendirikan dan memimpin Keluarga Indonesia untuk Pemilu Damai (KIPD) yang mengkampanyekan gerakan anti kekerasan dalam Pemilu 1999, dengan basis keluarga. Setelah itu, ia terlibat dalam sejumlah aktivitas pendidikan politik pasca-Pemilu 1999, termasuk dengan menjadi salah seorang panelis dalam debat kandidat presiden pertama di Indonesia.*

*Ia sudah menerbitkan sembilan buku karangannya sendiri yang diterbitkan oleh beberapa penerbit. Ia juga menjadi kontributor dalam banyak buku yang terbit antara 1994-2000, selain juga memberi kata pengantar untuk sejumlah buku yang terbit dalam kurun sama. Ia juga menulis artikel serius untuk sejumlah jurnal.*

# *Gerimis Senja Di Praha*

Eep Saefulloh Fatah

Senja Agustus memerah di kaki bukit Petrin, Mala Strana. Langit mengencingi Praha tak habis-habis. Gerimis turun sejak siang dan tak juga membesar. Sungai Vltava baru saja mulai tenang setelah marah meletup-letup selama setengah pekan lalu. Dua hari lalu, airnya naik hingga sembilan meter. Jembatan Charles nyaris terendam. Kemarahan Vltava nyaris saja menenggelamkan Praha.

Kau ada di situ. Begitu saja. Berpayung jingga. Berdiri mematung. Matamu terlihat menerawang. Bajumu putih, sedikit berenda. Kalau saja matahari sedang berbaik hati pada Praha, rok tipismu tentu menerawang pula. Kau seperti berjejer dengan patung-patung monumen itu. Menjadi bagiannya yang paling menarik.

Monumen karya Olbram Zoubek itu sederhana belaka. Terdiri dari tujuh anak tangga dengan tujuh sosok di atasnya. Ketujuhnya terlihat sedang melangkah naik. Sosok yang berdiri di anak tangga terbawah adalah seorang lelaki dengan tubuh yang lengkap. Tapi semakin tinggi anak tangga, semakin tak lengkap bagian tubuhnya. Akhirnya, di anak tangga teratas, berdiri sosok yang sudah kehilangan begitu banyak anggota tubuhnya sehingga nyaris tak lagi berbentuk manusia.

Monumen ini adalah salah satu dari sekian banyak monumen yang dibangun di Republik Ceko setelah komunisme mati. Bagiku, pesan yang disampaikannya tegas-terang-benderang. Komunisme menawarkan kebohongan berongkos mahal. Seolah menyediakan anak tangga untuk naik menggapai kejayaan, tapi sejatinya adalah parade prosesi kematian kemanusiaan.

Sepekan menyusuri Praha cukup untuk menemukan betapa masa lalu, termasuk yang baru saja lewat, beroleh tempat penting. Monumen, mural, artefak museum, teater mutakhir, seni rupa beramai-ramai mengabadikannya dengan saksama. Sepertinya, ada kerja kolektif untuk menjaga ingatan. Semacam saling mengajak waspada.

Jakarta adalah lain cerita. Uang dihamburkan untuk lampu-lampu hias, air mancur, patung-patung pahlawan palsu dan monumen-monumen nirmakna. Ketika Praha dikepung ingatan, Jakarta terkubur kepalsuan dan lupa.

Kau tetap mematung menerawang di sana. Di pelataran monumen yang sempit ini, jarak kita, mau tak mau, dekat belaka.

"Kau pasti dari Asia. Filipina?" Suara empukmu menyengatku tiba-tiba.

"Eh…. Ya. Asia. Indonesia."

"Mengherankan juga. Ada turis yang suka monumen jelek ini." Batas antara seringai dan senyummu menyembul dari balik payung jingga. Gigimu putih berkilau.

"Memang jelek secara artistik dan arsitektural. Tapi aku suka pesan yang dibawanya. Ajakan waspada pada kembalinya kebrutalan masa lalu. Menjaga ingatan. Melawan lupa."

"Hmmm…."

"Kenapa kau bilang ini monumen jelek?"

"Lihatlah tujuh sosok itu. Semua laki-laki. Padahal, lebih banyak perempuan yang jadi korban komunisme. Bahkan, perempuan adalah korban berlapis-lapis. Korban partai, negara, dan laki-laki. Dan si pematung tetap saja seperti laki-laki umumnya. Memandang perempuan hanya sebagai pelengkap. Statistik. Bukan manusia."

"Wow! Kau punya sinisme para feminis!"

"No. No. No. Tanpa menjadi feminis, perempuan mana pun, bahkan laki-laki, dengan gampang bisa menangkap kejanggalan itu."

"Sekarang giliranku yang mesti heran kalau begitu. Kenapa kau tampak menikmati monumen yang kau bilang jelek ini?" Aku menyergah, mengubah posisi.

"Sederhana. Di musim panas seperti ini, Praha diserbu turis. Mereka ada di mana-mana, kecuali di sedikit tempat yang tak populer dan dilirik sebelah mata seperti monumen ini. Jadi, jangan keliru. Aku tak sedang menikmati monumen jelek ini. Aku butuh senyap."

Senyap menyergap senja Praha. Gerimis mulai mereda. Langit merah di balik Bukit Petrin memanggil-manggil malam.

***

Perjumpaan kedua kita adalah pada senja bergerimis berikutnya. Angin tak mau mengajak berkawan. Udara musim panas Praha pun sedikit mendingin.

"Boleh aku merapat ke tubuhmu?"

Permintaanmu tiba-tiba. Dan mustahil kutolak. Kios-kios souvenir terserak di Stare Mesto. Berderet-deret sepanjang Smetanovo Nabi hingga ke kaki jembatan Charles. Berdempetan. Kita berjalan saling merengkuh. Mengusir dingin. Seperti sepasang kekasih. Gerimis yang tak juga reda menyemai rambut panjang kita menjadi masai.

"Aku ingin bunuh diri." Kau pecah sunyi dengan cara yang sama sekali tak kuduga.

"Hah!? Maksudmu?"

"Kurang jelaskah itu? Atau bahasa Inggrisku kurang bagus di telingamu?

"No. No. Inggrismu sempurna. Aku mendengar. Tapi…."

"Ya. Aku sedang berpikir untuk bunuh diri…."

"Bagiku tak masuk akal."

"Maksudmu?"

"Kau begitu muda. Ranum. Cantik. Cerdas. Dunia membentang luas di depanmu. Di sekelilingmu, perubahan berdentum-dentum. Ceko-mu begitu bergairah. Kau hidup persis di tengah contoh sukses Eropa Timur dan Tengah. Masa depan menunggumu. Tinggal kau jemput. Kau dikepung musim semi daya hidup. Bagaimana mungkin kau justru ingin melangkah ke arah sebaliknya."

"Oh… Begitukah kami dari kejauhan? Kau terlalu romantis. Kau pikir kematian komunisme adalah berita baik seluruhnya? Setelah komunisme mati, perubahan menghasilkan para penikmat sekaligus korban. Celakanya, aku menjadi yang kedua."

"OK. Sorry untuk kenaifanku. Aku siap menjadi pendengar."

"Ceritaku akan panjang. Ayo kita ke hotelmu saja. Seperti tadi kau bilang, malam ini kamu mesti packing kan? Keberatan kutemani dengan cerita panjangku?"

"No. Sama sekali tak keberatan." Tentu aku menggeleng. Begitu baikkah Tuhan padaku senja ini?

***

Di luar, para pelancong hiruk-pikuk lalu lalang. Suara-suara beragam bahasa dunia menerobos masuk melalui jendela kamar hotel yang kita biarkan lebar terbuka. Seperti suara ribuan lebah yang pandai berganti dendang.

Ceritamu panjang. Lirih. Dan kelabu.

"Aku anak kesembilan. Bungsu. Di bawah kekuasaan komunis, hidup menjadi begitu rutin. Ayah dan Ibuku menjadikan kegiatan membuat anak sebagai selingan menantang. Anak demi anak lahir begitu saja. Setiap tahun satu. Berderet-deret seperti pagar.

Komunisme memang memanjakan. Negara menyediakan apa saja, mulai sabun mandi hingga roti, dengan tak ada lebih pada seseorang dibanding yang lain. Di bawah komunisme, orangtuaku dan siapa pun tak dibiasakan apalagi didesak untuk berkompetisi. Segalanya tersedia tanpa perlu upaya berlebih. Tapi itulah, hidup kami menjadi manja. Tidak menjadi kaya, tapi dalam kesehajaan yang terpelihara.

Hidup terasa mudah belaka sampai kemudian Komunisme dijatuhkan oleh Revolusi Beludru dan keadaan berbalik seratus delapan puluh derajat. Demokrasi memaksa kami untuk berkompetisi. Negara tak lagi jadi penyantun, tapi membiarkan kami saling sikut untuk bertahan dan saling berebut hidup yang lebih baik."

Suara-suara bising beragam bahasa dunia yang menyelinap dari balik jendela terbuka mulai perlahan menyenyap. Malam makin sepuh. Kubayangkan, para turis yang mulai letih telah memenjarakan dirinya di kamar-kamar hotel atau menyerbu panti-panti pijat dan klub-klub malam untuk menukarkan penat dengan keletihan yang lebih menyenangkan.

Suaramu masih benderang, ceritamu seolah tak berujung, sementara ujung malam beringsut mendekat.

"Ibuku yang terlampau tua di hadapan kapitalisme, tersingkir dan tak lagi terpakai sebagai pramuniaga di sebuah kios di Kota Tua. Ayahku terkena rasionalisasi, dipecat dari sebuah lembaga birokrasi yang kelebihan pegawai, tanpa dipensiunkan. Kakak-kakakku sibuk dengan urusan masing-masing. Hidup yang keras membikin mereka tak lagi saling peduli satu sama lain.

Aku terjepit dalam ketiadaan pilihan sampai sebuah tawaran yang begitu manis datang begitu saja dua tahun lalu. Sebuah biro penyalur tenaga kerja menawariku menjadi pramusaji pada sebuah restoran besar di Berlin. Kusambut tawaran itu dengan tangan terbuka sambil bersyukur betapa Tuhan telah begitu baik padaku."

Kau terdiam. Menunduk. Matamu segera menjadi telaga. Dua sudut bendungan di sisi luar pangkal hidungmu makin tak mampu menahan air telagamu yang membanjir. Air matamu berjatuhan tanpa tercegah. Aku merapat begitu saja. Kau menjatuhkan bahumu ke dadaku. Lalu suaramu menyendat pada pangkal cerita yang rupanya segera tiba.

"Aku ditipu. Aku dijual ke sebuah tempat prostitusi di timur Berlin. Garis nasib yang kelam mesti kuterima tanpa daya. Badanku remuk dihantam kerja jahanam itu. Kemanusiaanku terbunuh oleh rutinitas itu. Membuka pintu kamar, membiarkan diperlakukan sebagai binatang, memunguti uang yang dilempar begitu saja ke atas tempat tidur sambil mendengar pintu ditutup dan suara sepatu lelaki di lantai menjauh hingga hilang ditelan lobi berkarpet.

Badanku hancur, tapi hatiku lebih hancur. Kemanusiaanku makin hari makin tak bersisa. Benar-benar binasa."

Air matamu membasahi bahuku. Dingin. Kita diterkam senyap yang tiba-tiba menjadi asing.

"Untunglah aku akhirnya bisa melepaskan diri dari enam bulan terpanjang dalam hidupku itu. Kabur dari Berlin, kembali pulang. Tapi hidup tetap tak bersahabat. Akhirnya kuulang pekerjaan yang sama di sini. Kali ini atas kemauanku. Persisnya, karena aku tak punya pilihan lain. Hingga sampailah aku di titik ini. Ketika sungai Vltava mengamuk tempo hari, keinginanku untuk mengakhiri hidup menderas begitu saja seperti air sungai yang sedang murka.

Ya… aku ingin bunuh diri. Rasanya aku sanggup menghadapi hidup yang berat dan keras, tapi tidak hidup yang terasa hambar seperti ini…."

Sesenggukanmu mengeras. Sebuah cara pilu mengakhiri cerita panjangmu. Dalam pelukanku yang merapat, semua bagian badanmu terasa bergetar. Seperti mesin pengeras jalan yang dengan lembut menekan-nekan dadaku. Lembut sekali. Melahirkan rasa yang asing dan nyaris tak kukenali.

Malam makin larut dalam sunyi. Lalu semua terjadi begitu saja. Kau tak lagi kupeluk, tapi kita saling memeluk. Dan pada dini hari pengujung musim panas itu, kita tergeletak kelelahan begitu saja seusai perjalanan saling bertaut penuh gelegak yang menguras keringat.

***

Senja bergerimis. Langit di atas Bandara Internasional Praha tersapu terlalu banyak kelabu. Birunya seperti malu-malu. Enggan memperlihatkan diri.

Kau mematung menopang dua matamu yang nanar. Lagi-lagi bertelaga. Baru saja kita menunaikan pelukan selamat tinggal. Aku nyaris kaku ketika kau bisikkan kata-kata itu….

"Terima kasih banyak Lusi. Untuk pertama kali dalam waktu yang sangat panjang, aku sanggup berbagi dan menangis. Kupikir air mataku sudah habis di Berlin. Kembalilah, Lusi. Aku akan menunggu. Jangan-jangan aku sudah jatuh cinta padamu."

Suaramu parau. Aku hanya bisa mengeratkan pelukan dan mengusap-usap lembut punggungmu. "Aku akan segera menghubungimu, Elena. Sesampai di Jakarta."

Berjalan menuju ruang tunggu pesawat yang akan membawaku ke Jakarta seperti memasuki lorong panjang yang asing. Kita menjauh, tapi suaramu seperti makin keras memanggil-manggil.

Diam-diam, kupastikan untuk segera kembali. Diam-diam, aku terganggu perasaan serupa Elena. Jangan-jangan aku sudah jatuh cinta.

Sosokmu hilang tertelan kelokan menuju ruang tunggu pesawat. Dan telepon genggamku bergetar.

"Mama, kami tak bisa tidur. Tak sabar menunggumu pulang. Aku dan anak-anak akan menjemputmu di Cengkareng." Suara sengau milik suamiku terdengar dari tengah malam Jakarta. Keriangannya tak bisa disembunyikan.

Ruang tunggu yang ramai tiba-tiba terasa begitu senyap. Di belakangku, terhalang berlapis-lapis dinding, di bawah gerimis senja Praha seorang perempuan Ceko sedang menangisi kepergianku. Nun di depanku, dipeluk malam Jakarta, seorang lelaki mendekap rindunya yang meluap untukku



# BIOGRAFI

***Ahmad Fadhlil Mohamad Pakarul-Razy***

*Ahmad Fadhlil Mohamad Pakarul-Razy lahir pada tahun 1984 dan kini bertugas sebagai pegawai perubatan di Terengganu. Menubuhkan Grup Karyawan Luar Negara dan Penerbitan Kata-Pilar (Kata-Pilar Books) selain aktif menguruskan platform penulisan secara atas talian melalui 'Tukang Puisi'.*

*Menulis beberapa buku puisi seperti Menggeledah Nurani, Ikan dalam Jiwa, dan Kota Subuh juga sebuah buku semi-novel Pascasejarah. Selain daripada karya sastera, turut aktif menulis buku separa dan non-fiksyen khususnya berkaitan dengan perubatan seperti Cakar Ayam Seorang Doktor, Doktor Tanpa Kot Putih, 25 Kes, Rokok Terakhir di dalam Asbak, dan banyak lagi.*

*Pernah memenangi lebih 50 hadiah sastera dan penulisan termasuk Hadiah Sastera Perdana, Hadiah Sastera Kumpulan Utusan, Hadiah Sastera Selangor, Hadiah Sastera Darul Iman dan sebagainya.*

## *Catatan Yang Ditemui Dalam Tangan Seorang Anak Kecil Di Lorong Tak Bertanda*

Ahmad Fadhlil Mohamad Pakarul-Razy

Dalam tiap tubuh ada rimba
yang digejalakan usia. Kata ibu,
di sebalik bayangnya kita merendamkan
sejumlah cedera dan rahsia.

Kami cangkung berkeliling,
mendekap lapar dan gigil-uh!
Malam adalah para serigala- kehilangan
hujan dalam leach jalanan.
Matanya menyamar bintang
dan bulan membengkok di sepasang rahang.

Kerana tak punyai mancis atau
selimut penghangat – ibu
Menggandar cerita-cerita luka
dari tubuhnya yang bertukar hutan.
Sejarah menjadi unggun.
Masa lalu terbakar di lidah ibu
dan dadanya dicahayai seperti bara
yang mendendami udara.

Kami berpelukan, ditaringi temaram.
Hangatnya tembang ibu
Bahagia yang memujuk kelaparan.

Di pojok lain, para gelandangan
memangkas seberkas mimpi dari belantara diri.
Seperti kayu liar yang telah mati-ratusan unggun menyala dan
cerita dibakar-uh!

Segala yang mencintai api
beransur menjadi terlalu sepi.

Menjelang pagi,
kami terjaga dalam dada ibu.
terbakar tubuhnya; semalaman
sisa cuma liang luka dan nafas beransur jelaga.

FAHD RAZY

# BIOGRAFI

***Nisah Haron***

*Nisah Haron ialah penerima Hadiah Sasterawan Muda Mastera 2017 dan merupakan Felo Kehormat International Writing Program (IWP) dari Universiti IOWA pada tahun 2015. Selain memegang dua sarjana – Undang-undang dan Kesusasteraan Melayu dari Universiti Kebangsaan Malaysia, beliau pernah bertugas sebagai peguam bela dan peguam syarie sebelum memilih menjadi penulis sepenuh masa sejak tahun 2006.*

*Karya-karya Nisah Haron telah diiktiraf melalui pelbagai anugerah sastera, antaranya, Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM), Hadiah Sastera Kumpulan Utusan, Anugerah Sastera dan Media Negeri Sembilan.*

*Karya-karya beliau telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa. Kumppulan cerpen Cinta Sangkuriang Rindu Oedipus telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris sebagai Sangkuriang's Love, Oedipus' Longing (ITBM, 2015).*

## *Perempuan Dan Kain Layang*

Nisah Haron

Sepucuk surat dari masa depan tiba di atas meja hari ini. Di dalamnya terkandung kata-kata itu dan sebuah bungkusan yang belum sempat dibuka. Engkau kenal benar pengirimnya. Perempuan pengembara tegar yang kembara bukan setakat bermusafir di daratan, lautan, udara dan angin seperti yang engkau lihat. Kembaranya merentasi realiti.

Realitimu.

Realitinya.

Multi cakerawala. Dia mengembara ke tujuh alam buana sejak dahulu sehingga sekarang. Ada yang bertemu perempuan itu sejak zaman bahari. Sentiasa ada sehelai kain yang rupanya seperti kain cindai yang dilipat dan disangkut pada bahunya ketika berjalan. Rupanya seperti selendang panjang yang disulam manik halus pada kedua-dua hujungnya. Kalau harus pantas bekerja, perempuan itu menjadikan selendang itu sebagai ikat pinggang supaya kebaya labuhnya kemas dan pinggangnya tetap sewaktu memikul bebanan.

"Pada zaman kayangan dan bumi mempunyai sistem lalu lintasnya yang tersendiri, perempuan pengembara sepertinya sering turun naik seperti kita yang pergi ke spa, beli-belah atau bermain-main di taman larangan," dia pernah bercerita kepada engkau sewaktu perjalanan kalian bertembung di Pulau Tioman.

"Zaman dahulu kala juga ada spa?" engkau tidak dapat menyembunyikan kehairanan.

"Spa itu maksud asalnya ialah kolam mata air mineral yang mengandungi khasiat ubat-ubatan, baik untuk kesihatan. Lalu turunlah puteri-puteri itu ke kolam-kolam di pinggir air terjun atau sungai yang terempang secara semula jadi. Selalu yang diceritakan oleh puteri-puteri remaja turun bermain dan bersuka-suka. Sebenarnya, bukan mereka sahaja yang boleh turun dan naik dari kayangan ke bumi."

Mata engkau bertambah bundar. Selama ini, kisah-kisah begini hanyalah mitos dan kalau ada pun menjadi motif yang terkenal dalam cerita-cerita lipur lara. Engkau sendiri antara percaya dengan tidak, wujud suatu daerah bernama kayangan ini.

"Kayangan itu bukan bulan. Kalau kau baca betul-betul kisah-kisah lipur lara, tidak pernah dinyatakan bahawa kayangan itu letaknya di bulan. Kayangan itu satu dunia dalam sistem *multiverse*. Manusia mampu bergerak dari satu alam ke alam yang lain. Bukan sesuatu yang menghairankan pun."

Engkau semakin terlopong.

"Pintunya ada banyak. Ada yang mengikut pintu tanah, pintu air, pintu api atau pintu angin. Kayangan ialah laluan pintu angin. Satu lagi laluan yang terkenal juga ialah Tasik Pauh Janggi."

"Oh, saya pernah dengar nama tasik itu!" Tiba-tiba engkau menjumpa sesuatu yang boleh disumbangkan dalam perbincangan ini. Air laut di pantai selatan Kampung Mukut semakin kuat memukul tebing apabila nama tasik itu disebut-sebut. Gunung Nenek di belakangnya pula seperti mahu menderam apabila nama Pauh Janggi tersulam dalam perbualan.

"Ya, itulah tasik di dalam sebuah pulau yang terletak di dalam tasik yang lebih besar; di dalam pulau yang lebih besar lagi. Ada tujuh kali ulangan tasik dan pulau itu. Tempat laluan masuk bangsa-bangsa jin dari keturunan yang lebih rendah. Mana-mana yang lebih berbangsa, lebih suka mengikut pintu laluan di kayangan. Mereka juga berkongsi laluan dengan manusia."

Perempuan pengembara itu terus melukis gambar sepasang naga berwarna hijau merentas lautan merah di atas kanvasnya. Engkau memilih menjadi pemerhati dan tidak mahu perbincangan ini terhenti di sini. Selendang kasa melindungi anak tudung di kepalanya terbuai-buai di pukul angin duha di tepi pantai itu.

"Ceritalah lagi. Bagaimana manusia dalam cerita-cerita lipur lara itu boleh terbang? Bukankah itu angan-angan kita semata-mata? Cita-cita untuk terbang memang sudah lama terukir dalam jiwa mana-mana manusia. Tidak hairanlah kita jumpa cerita-cerita begini sejak dari kisah Icarus yang mahu terbang untuk sampai ke matahari," engkau berharap dapat menyumbang sedikit manfaat dalam bicara ini. Perempuan itu tersenyum sambil matanya terus menatap kanvas dan jemarinya masih membelai kanvas dengan berusnya.

"Baca sajalah kisah bangsa Melayu. Setiap kali kau bertemu dengan ungkapan 'konon pada suatu hari' – ertinya, bukanlah konon-konon atau cerita yang dibuat-buat. 'Konon' bermaksud kisah benar. Cerita itu benar-benar berlaku. Apabila kita mengalami kesukaran mencari bukti, istilah itu bermaksud dibuat-buat atau cerita rekaan.

"Bangsa Melayu memang terkenal sebagai manusia-manusia yang boleh terbang, masuk ke alam lain dengan hanya melangkah, atau solat subuh di rumah kemudian solat berjemaah di Mekah. Itu hal-hal yang menjadi kebiasaan dalam kalangan alim ulama dan orang-orang yang berilmu. Yang penting, mereka itu tahu sempadan dan menghormati sesama bangsa dan juga bangsa-bangsa lain yang turut menggunakan kaedah perjalanan yang sama. Mereka menggunakan kaedah ini bukan dengan keangkuhan tetapi penuh adab dan rendah hati."

Engkau tertunduk mengingatkan kisah ini sewaktu kau renung bungkusan yang sampai dari masa hadapan ke atas meja hari ini. Engkau masih takut untuk membuka bungkusan itu. Bimbang apakah kandungannya seperti yang engkau duga.

"Kebolehan boleh terbang dan memilih untuk hidup di kayangan atau bumi itu seperti sama ada kau mahu tinggal di bandar atau desa. Kau perlukan kain layang itu jika memilih untuk berada di kayangan. Ia suatu kelebihan. Ibarat pada zaman ini, kau ialah angkasawan yang bekerja di stesen angkasa lepas. Ada masanya kau perlu diterbangkan ke sana dan sampai masanya nanti kau perlu pulang ke bumi.

"Manusia pada asalnya lahir dengan sarung tembuni yang membungkus tembuni dan bayi. Lahir bungkus, kata orang tua-tua. Sarung tembuni ini akan diambil orang tuanya. Ada yang digunakan untuk menjadikan anaknya kebal atau yang memilih untuk dikeringkan, diawet, lalu dijadikan kain layang. Bagi yang menjaga kain layang ini baik-baik, bolehlah dia terbang mengikut gerak hatinya, sama ada ke kayangan atau pun masuk ke dunia-dunia yang lain. Syaratnya, jangan tertinggal kain layang itu. Engkau tentu biasa terdengar kisah puteri-puteri yang bersuka-sukaan bermandi-manda hingga tidak sedar kain layangnya dicuri orang."

Engkau tersenyum membaca banyak kisah dalam lipur lara yang mengangkat motif begini. Baru engkau tahu yang hal itu kisah benar dan bukannya mitos.

"Perempuan-perempuan yang memiliki kain layang ini ialah perempuan pengembara yang ada amanah tersendiri. Mendapat kain layang itu bukan sekadar rezeki dan kelebihan. Tugasnya menjadi penghubung dunia-dunia yang ada. Tapi, kau tahu bukan? Ada lelaki yang kehilangan kain layangnya, lalu cuba mencuri kain layang perempuan ini. Ada yang disorokkan. Ada yang dikoyakkan kerana lelaki yang menjumpai perempuan berkain layang akan berasa terancam dengan kelebihannya. Lelaki begitu tiada keyakinan diri lantaran kain layang sendiri entah ke mana, dan orang tuanya tidak sempat menyelamatkan sarung tembuni. Menjadi kebal pun tidak."

Engkau terdiam. Insaf seketika mengenangkan zaman ini perempuan tidak ada kain layang seperti dulu tetapi masih tidak dapat terbang. Cuma lain pula kaedahnya. Masih lagi dapat keluar mengembara.

"Perempuan-perempuan yang dicuri kain layangnya ini lalu dipaksa tinggal di bumi menjadi isteri dan penjaga rumah tangga. Dahulu, keturunan mereka mempunyai bahu yang tegap dan kaki yang kuat. Akibat tidak mampu mengembara lagi, perempuan-perempuan ini menjadi tertekan dan cepat hilang kekuatan kakinya. Kaki perempuan-perempuan inilah yang pertama sekali menjadi lemah apabila tua dan kemudiannya cepat menjadi tepok."

"Hanya perempuan yang kain layangnya disembunyikan sahaja yang jadi begini?"

Dia menggeleng-geleng. "Bukan. Itu satu daripadanya. Ada perempuan yang tidak menjaga amanah kain layangnya itu. Hilang. Ada yang tidak tahu di mana diletakkannya. Kain yang asalnya dari sarung tembuni itu boleh kecut dan hilang fungsinya. Ada perempuan yang langsung tidak percaya dengan hubungan dan kebolehannya dengan kain layang ini. Mereka yang menafikan inilah yang cepat hilang daya pada kaki dan juga jiwanya."

Tangan engkau semakin terketar-ketar saat mahu menyentuh bungkusan itu. Surat dari masa hadapan itu pun seperti tidak berani untuk kau tatap seluruhnya. Ada ketakutan yang menduga.

Engkau letakkan bungkusan dan surat itu ke dalam beg kabin. Kali ini, kedua-duanya mesti kau bawa ke tanah utara itu. Kembara yang ini sudah lama dirancang tetapi sekian lama juga engkau tangguhkan, seperti tiada panggilan yang kuat untuk ke sana.

"Apalah yang kau nak cari di sana?" tanya rakan sekerja yang terdengar kau ambil cuti rehat hujung tahun. "Sejuk beku dan penuh dengan ais. Kaku kejang kalau aku ikut kau!"

Tiada yang mahu ke bumi Iceland. Terlalu jauh. Engkau pergi pun bukan sebab pulau itu dipopularkan oleh sebuah filem Hindi, tetapi kali ini kau terasa bagai ditarik-tarik.

Freyja sudah menunggu di Perpustakaan Reykjavik untuk membawanya ke *Settlement Exhibition*, sebuah pameran arkeologi penemuan penempatan terawal Iceland pada tahun 871 selepas masehi.

"Kita datang dari tamadun yang besar dan lama. Sebab itu kita punya banyak persamaan dalam hal cerita-cerita lisan. Kami masih percaya dengan makhluk-makhluk yang tidak terlihat dengan mata kasar seperti *elf* dan *faerie* sampai ke hari ini," ujar Freyja.

Engkau tersenyum kerana orang Melayu juga punyai simbiosis dengan makhluk seperti bunian dan pari-pari. Bagi orang yang kasyaf, semua itu bukanlah sesuatu yang mengejutkan. Engkau semakin teruja dengan perbandingan yang Freyja katakan itu.

"Sungguh! Kalau tiba-tiba barang yang kami sedang gunakan, misalnya pen, hilang. Spontan saja kami mengatakan tentu ada *faerie* yang pinjam. Nanti dia akan pulangkan semula. Sah! Tidak lama selepas itu, barang hilang itu akan tiba-tiba muncul kembali."

Bersahaja Freyja bercerita dan engkau tahu dia sedang berkata benar. "Aku mencari kisah-kisah perempuan yang boleh terbang dalam budayamu, Freyja. Boleh kau ceritakan?"

Perempuan itu membetulkan duduknya di meja empat persegi itu. Restoran tempat mereka makan tengah hari semakin lama semakin sunyi seperti memberi laluan kepada seorang pencerita menukilkan kisahnya.

"kami namakan *valkyrja*, istilah moden menyebutnya sebagai *valkyrie*. Srikandi bersayap yang menunggang kuda yang bersayap juga."

"Orang Melayu memanggil kuda bersayap ini, semberani!" engkau mencelah.

"Wah, kata nama am, bukan kata nama khas. Ertinya bangsa kamu sangat biasa menggunakan perkataan itu dan menjadikan ia kata yang biasa. Tidak perlu ditulis dengan huruf besar, " tambah Freyja.

"Wanita-wanita hebat sering digambarkan boleh terbang ya? Dalam cerita-cerita lisan Melayu, wanitanya tidaklah bersayap seperti sayap burung tetapi memiliki kain layang. Setiap manusia itu ada kain layangnya sendiri. Tiada diskriminasi."

"Tentu sekali. Hanya lelaki penakut sahaja yang sibuk mahu menanggalkan sayap-sayap itu."

Kembara kali ini yang paling jauh dalam hidupmu. Namun, kau temui jawapan kerana inilah yang dinamakan perjalanan kerohanian. Tiada sekeping foto pun yang dimuat naik ke laman media sosialnya. Engkau Cuma nyatakan yang kau sudah selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Keflavik, 50 kilometer dari Bandar Reykjavik. Malam itu, di hostel penginapan yang menghadap instalasi seni rupa berbentuk sebuah kapal yang bernama Sun Voyager, karya Jón Gunnar Arnason, engkau kuatkan hati membuka sepenuhnya surat dari masa hadapan dan bungkusan dari perempuan pengembara itu.

*Bukalah peti bunian yang sudah lama tersimpan di jiwamu itu. Kembara tidak harus menjadikan kita lebih menyombong diri kerana kembara bukanlah suatu kelebihan tetapi sebuah perjalanan yang penuh amanah untuk dirimu. Belajarlah dua niat kembara: satu untuk mengembangkan syair tauhid-Nya dan kedua, untuk belajar mengamalkan sunah. Ingat, kita belum mampu mengamalkan sunah Nabi. Kita masih lagi belajar!*

Tanganmu masih lagi terketar-ketar membuka bungkusan yang datang bersama-sama surat itu. Di dalamnya sekeping kulit nipis lebar sehasta yang lut cahaya. Engkau percaya itulah yang melengkapkan perjalananmu dan bersama-sama perempuan itu kau temui kain layangmu!



# BIOGRAFI

***Ridzuan Harun***

*Ridzuan Harun, penyair berasal dari Pokok Sena, Kedah dilahirkan pada 1 Jun 1975. Berkelulusan Ijazah Sarjana Sastera dari Universiti Putra Malaysia tahun 2016. Sehingga kini telah menerbitkan lima buah kumpulan puisi persendirian, Suluk Cinta (DPB, 2008), Buku Si Darwis (ITBM, 2012), Negeri Kunang-kunang (ITBM, 2013), Menghening Sunyi (ITBM, 2017) dan Diam Adalah Kata-kata Yang Tidak Sempat Sampai Kepadamu (Studio Anai-anai, 2018); selain sebuah buku kanak-kanak, Siri Koleksi Gurindam Kanak-kanak Bertema (UP&D, 2009). Negeri Kunang-kunang telah diangkat sebagai pemenang Hadiah Utama Sayembara Menulis Novel, Cerpen dan Puisi anjuran ITBM-PENA-Berita Harian 2012 bagi kategori puisi dan kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan diterbitkan dengan judul Land of The Fireflies oleh ITBM pada 2016. Ridzuan Harun ialah mantan peserta Minggu Penulis Remaja (MPR) anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka. Terbaru, beliau ialah penerima Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2017/2018 bagi kategori puisi. Puisi-puisinya sebelum ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Thailand dan juga Tamil. Dalam karier, beliau memulakan kerjaya tahun 2002 sebagai Pegawai Kebudayaan di Akademi Seni Kebangsaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia; dan kini sebagai tenaga akademik di Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.*

## *Menghening Sunyi*

Ridzuan Harun

Senja-senja begini
mengunjungi kuburmu
terasa jauh sekali kubawa hatiku

Engkau diam
aku pun diam
keheningan merapatkan jarak

Getus bicara dan ilham masa lalumu
serasa tumbuh mekar
meredupkan zaman

Seperti kemboja dan kembang cina
menjagamu di perkuburan ini,
begitulah jua kau kusimpan dalam hatiku

Senja-senja begini di kuburmu
ingin sekali aku
menghening dalam sunyimu.

# BIOGRAFI

***Noridah Kamari***

*Noridah Kamari ialah pemiliki Unggun Creative, sebuah syarikat penerbitan bahan sastera Melayu di Singapura dan pensyarah sastera di Universiti Sains Sosial Singapura (SUSS). Beliau meraih ijazah Doktor Falsafah dalam bidang kesusasteraan Melayu dari Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 2019. Beliau memiliki ijazah sarjana sastera dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2008) dan ijazah muda sastera dari Universiti Nasional Singapura (2002). Noridah pernah meraih beberapa anugerah penulisan setempat dan karya-karya diterbitkan dalam beberapa antologi.*

## *Tidur Berjalan*

Noridah Kamari

bulan, malam yang engkau
muntahkan dari kerongkong waktu
tidak menyesatkan aku lebih dari igauan ini

tiada kejora di hamparan gelita ini
tiada bima sakti mencalit peta angkasa
tiada sahut pungguk mengintip bayangmu
tiada larik sinar tanda hadirnya ubun suria

tidak terasa tubuh ligat berdansa
di lantai fana kehidupan
bak daun terapung di sungai masa
mengalir pasti menuju muara

dengan mata ketap terkatup
menyusur tinggi gunung melewat rendah lembah
tenggelam dalam igauan panjang
tidak terlintas di benak minda
esok mungkin bukan milik diri

bulan,seperti engkau yang pinjam cahaya
mentari
aku juga meminjam kehidupan ini

bila daun itu menggeliatkan diri
untuk gugur atas goyangan takdir
kaki ini juga akan rebah terhembuslah nafas terakhir
menahan bisa seribu pedang

tatkala buluh-buluh darah
dan jentera dalam tubuh
hilang penggeraknya, kaku
tatkala airmata dan keringat
mengalir tanpa lembapnya, beku

janji itu akan menemuiku
dan mataku jelas terbuka

bahawa dalam hidup, aku hanya tidur berjalan
dan dalam mati, aku akan benar-benar celik!

bulan,kau juga akan pudar
bersama mimpi-mimpi



# BIOGRAFI

***Dr Sa'eda***

*Dr Sa'eda bertugas di Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura. Menerima ijazah Falsafah Kedoktoran dalam bidang Pengajian Melayu dari Universiti Teknologi Nanyang, 2009. Penerima Hadiah Sastera, Singapura (2003, 2005)*

*bagi sajak, dan Anugerah Persuratan (2005) bagi genre cerpen. Editor bagi beberapa penerbitan kajian sastera, Editor Bersekutu bagi Asia Pacific Journal of Education (2014-2016), dan editor penasihat untuk beberapa jurnal antarabangsa.*

## *Pustakaku Dalam Remang Remaja*

Dr Sa'eda

Senja ini aku bertemu al-Ghazali,
Aristotle & berlaksa pemikir lagi
Menyambung retorika lama yang
tidak berpenghujung
Disaksikan ribuan khazanah tentang hayat & makrifat
Lazat dan nikmat mengalahkan sungai madu & susu
Namun, malam hampir tiba Tidurku nanti entah bangun jua

Di lipatan jilid-jilid ini aku merenungi kembali teori,
pro-teori, anti-teori
Pasca-teori yang kuhelus manja
Berkat kedewasaan yang masih merangkak
Sabarlah! Bisik al-Farabi & Mannheim
Agar tidak menginjak-injak lagi seperti keegoan semalam
Yang menumpahkan zamrud pengertian
& pualam kehidupan
Di celah retak-retak padang perhitungan
fikiran kontang
Walaupun malam mendesak datang

Senja di bilik pustaka penuh dupa nan wangi
Aku & gergasi pena bebas berbicara separas mata
Tanpa belenggu hukum-hakam kaku yang
mengerdilkan fitrah jiwa
Mencari-cari puncak kebenaran
Berkat sintesis aql, roh & zat
Agar membawa ke satu titik yang tidak relatif
Entah bila bersua
Tetapi ketidakpastian adalah mangkin
pencarian & pencarian
adalah kenikmatan yang berpanjangan
Namun, malam menghimpit datang

Pustaka dalam remang remaja
Penuh kewangian gaharu dan cendana ilmu
Ingin kufana di lautan pencarian tetapi kerut ibn Khaldun,
Kealpaan racun penakatan
Dan malam pasti datang

Pustakaku di hujung remang senja
Ingin kuserap segala wangianmu dalam cembul tinta lalu
kusembahkan ke kaki bangsa

Agar harumnya sepanjang zaman kerana
malam mengetuk tiba
kerana malam mengetuk tiba

(Berita Minggu, 17 November 2002)
(Anugerah Persuratan, 2003)

# BIOGRAFI

***Muhammad Salihin***
***Bin Sulaiman Jeem***

*Muhammad Salihin Bin Sulaiman Jeem menulis cerpen, puisi, rencana, reviu buku, kritik seni halus, skrip radio dan skrip tv. Beliau pernah mendapat Honorable mentioned di SPH/NAC Golden Point Award 1995 dan tempat ketiga SPH/NAC Golden Point Award, 2003, Anugerah MAS 2008 bagi bahagian Penulis Muda dalam Persuratan. Cerpen 'Tin Kosong' karyanya telah dipilih khas untuk diaptasi kepada filem ringkas untuk (NAC) dan ditayangkan di pawagam besar (2015). Muhammad Salihin juga telah mentranskrib bahan-bahan arkib mengenai Latiff Mohidin (penulis/ pelukis Malaysia yang tersohor) untuk Muzium Seni Singapura pada 2017.*

*Penulis skrip bersama untuk drama di Tv Suria berjudul 1988..Segaris Sinar (Mendapat anugerah Drama terbaik 2010)*

*Menulis 13 episod Drama Radio 'Bisikan' untuk Radio Warna*

*Drama-drama lain untuk radio termasuk, ' Al Qisas, Jodoh Oh Jodoh, Nangka*

*Skrip editor untuk animasi 'RAKAN 3' untuk TV Suria. (2000)*

*Penulis skrip bersama untuk drama di Tv Suria Drama Kenangan Terindah (2011)*

*Menulis sekumtum Puisi khas untuk diadaptasi ke filem ringkas untuk kempen Dadah itu Haram, 2018*

*Editor untuk Penerbitan Wisma from 1999 – 2013.*

*Editor untuk buku2 for Sulaiman Jasman (Jeem)– Kembara Hidup, Jejak-jejak2 Suci 1&2, Buah Hatiku Sayang*

*Malam Puisi Islam V1.0 dan V2.0 (2008 & 2009) – Masjid Sultan*

*Bantu menganjur organised Malam Kebudayaan Islam – Madrasah Aljunied Al Islamiah (2007)*

*Bantu menganjur Malam Qasidah – Madrasah Aljunied 2013*

*Bantu menganjur Poetry & Qasidah Event "Medley of Love' untuk PERGAS 2018.*

## *Lembah Mahligai Sakti*

Muhammad Salihin Bin Sulaiman Jeem

"WARNANYA HEBAT!" Belum pernah aku menyaksikan kehebatan sapuan warna-warna itu di hadapan mataku. Warna di antara langit, awan dan bumi begitu tenteram. Di tambah pula oleh warnasari cakerawala yang telah sekian lama wujud. Ketujuh-tujuh warna bianglala juga turut mengembangkan keindahan sayapnya, lalu aku mula bergerak menyelusuri cahayanya.

Gelenggong ketimuran yang membelai menghembus dingin. Nyaman. Sang bayu pula masih asyik menghelakan nafasnya yang panjang. Kiranya terasa amat letih. Mungkin kerana sudah berzaman menjalankan tugasnya tanpa berhenti sedetik pun. Mahligai yang bakal ku tuju kini semakin hampir. Dan setiap orak langkah ku susuli dengan kekusyukkan dan ketaqwaan diri.

Dari berjuta jarak sudah ku rasakan keseronokkan mahligai itu. Keindahannya begitu spiritual. Kesejahteraan ini memang sudah lama ku idami. Penerokaan jiwa dan hasrat hati akan dicekapi. Ia sungguh menakjubkan. Dan langkah demi langkah aku atur untuk memastikan kejayaan ini.

Semua para pendeta dan ahli keluarga keraton menganggap aku kurang waras kerana mengambil keputusan untuk meninggalkan alam kayangan ku, juga alam keraton ku. Kemurkaan mereka semakin menyala-nyala sejak keputusan ku diumumkan.

Awan kumulus tersenyum dengan rela. Senyumannya melapangkan dada, lantas mendamaikan jiwa. Memang sekian lama ku dambakan ketenangan begini. Ketenangan sanubari yang selama ini ku cari. Dengan penyelusuran ku menuju bumi, maka aku berharap bertambah lagilah imanku. Aku bersyukur kerana diberi peluang dan laluan menuju ke arah keimanan. Mukjizat ini yang telah membakar semangat ku selama ini.

"Kau pasti akan mati! Kau tak akan hidup bahagia. Akulah yang paling berkuasa di keraton ini," suara takbur Sang Gusti yang selalu menggerunkan. Sang Gusti Prabu sudah tentu akan cuba menggagalkan rancanganku sekali lagi. Walaupun beliau adalah ayahanda dan kepala kerajaan di kayangan keraton ini, aku tak akan meladeni samasekali dengan perintahnya. Pemerintahan yang mementingkan darjat dan materialisme.

Pernah dulu Sang Gusti menawarkanku seorang kenya yang sungguh jelita untuk melenyapkan hasratku. Namun dengan hadiah itu sekalipun aku tidak akan mematahkan semangatku. Malahan aku sudah berwaspada kali ini untuk keluar dari alam durjana ini. Aku tidak kerasan tinggal di sini lagi. *Purbawisesa* Sang Gusti tidak akan membuat aku pasrah tanpa perjuangan.

Sang Gusti Prabu sudah pasti akan memerintahkan rombongan askar-askar terhormatnya untuk memburu dan menjadi ku wandan. Tidak kira di mana aku berada, di pelosok dunia atau di cakrawala nan jauh.

Rombongan beliau tak akan memusnahkan cita-cita ku. Aku sentiasa berpegang teguh pada falsafah Umar al-Khatab yang bermaksud: "*Jangan kecilkan cita-cita kamu, kerana cita-cita yang kecil akan menyebabkan seseorang mundur dalam gerak langkah perjalanan hidupnya menuju kejayaan.*"

Setiap kali kata-kata itu menjelma di intuisiku, ia menambahkan lagi keazaman untuk meneruskan cita-cita ku. Ia seakan mendekatkan aku kepada kejayaan.

Aku masih jelas mengingati peristiwa dua belas purnama dahulu ketika kali pertama aku cuba melarikan diri dari kerajaan ayahanda, Sang Gusti Prabu. Waktu itu aku terpaksa berpatah arah atas desakan `syaitan-syaitan' suruhannya yang berkeliaran untuk menjerat ku. Tanganku terpaksa diikat oleh rantai-rantai kejahilan mereka dan aku terpaksa gagal ketika itu.

Dari dasar godaan dan heretan askar-askar itu yang dasyat, aku terjerumus sekali lagi ke lubuk alam kehidupan kraton yang nihil. Kegagalan yang pertama itu tidak sedikit pun mematahkan semangat aku untuk merancangkan pelarian yang kedua. Maka hati dan fikiran mula bergerak melangkah ke arah mahligai ini.

Diri ini tidak perlu selamanya hidup dalam kegelapan dan kedaifan. Kegentaran dan ketakutan tidak perlu wujud terhadap Sang Gusti Prabu kerana aku kini sudah bertambah matang. Matang untuk memilih putih hitam kehidupan.

Setelah sekian lama dalam pertapaan dan dalam renungan diri, aku kini sudah menemui kekuasaan yang lebih hebat dari kerajaan kraton. Kuasa itulah yang paling agung. Kuasa yang mematikan dan yang menghidupkan. Yang menjadikan dan yang menciptakan. Lantas, ia membuat aku lebih kasmaran dengan mahligai suci ini.

Berzaman lama ku ingin melarikan diri terbang dari kayangan yang penuh kehitaman ini. Undang-undang keraton yang dipelihara oleh kesaktian ayahandaku tidak akan mem¬batalkan pengembaraan ku. Aku tidak mahu terdorong lagi ke golongan yang buta dan sesat. Kelompok yang sentiasa mencari kesesatan.

Terlalu banyak tanda-tanya berlegar-legar dalam minda kecil ku. "Kenapa kerajaan bangsawan ku yang dari sejarah susur-galurnya sama dengan makhluk yang lain mesti didewa-dewakan dan disanjung selalu? Wujud kami semua dari Ar-Rahman. Dan mati kami juga ada di tanganNya."

Akanku pastikan jejak-jejak kedaifan ku terhapus. Aku tidak mahu lagi sesat dalam kesesatan ini, dan mati dalam kematian tanpa menginsafi diri. Aku tidak mahu digelar musyrik. Terlalu lama aku hidup di dunia jahil ini. Hidup yang diisi dengan budaya kuno. Aku terlalu leka hidup di dalam keraton yang sudah tercemar.

Nur yang bersinar dari arah mahligai itu sudah mula menerangi jiwa yang kosong ini. Percikan nur itu kini melaung-laungkan nama ku untuk bersatu dengannya.

Aku rela menurunkan darjat ku menjadi manusia biasa. Aku tak perlu disanjung dan dipuja. Aku hanya perlu belajar hidup tanpa pangkat dan mahkota. Sekalipun aku miskin, namun aku tetap percaya, rohaniku akan menjadi suci dan tenteram. Aku yakin katarsis ini akan bergerak dengan lancar.

Pada firasatku, semua kejadian mahkluk adalah sama. Yang membezakan antara makhluk itu adalah ibadat dan akal fikiran masing-masing. Dan aku tidak mahu hidup berpura-pura lagi di kraton ini. Pada hakikatnya, mendewa-dewakan sesama makhluk adalah suatu perkara yang jelek. Ia sudah menjadi suatu wabak yang tidak ada penawarnya. Dan ini bukanlah perkara yang gampang untuk mengatasinya.

Para raden yang terhormat di maya kayangan ini membantah terus idealisme ku. Para canterik-canterik juga menyokong tindakan para pendeta yang keji itu. Mereka yakin, aku tidak akan bertahan lama bermastautin bersama mahluk yang bergelar manusia di bumi itu. Makhluk yang diiktiraf oleh kerajaan keraton tidak sepadan dengan kedudukan ku. Makhluk yang kononnya berbeza di antara langit dan bumi.

Oleh kerana pemikiran penghuni kraton begitu kuno, maka aku terpaksa mengasingkan diri. Dan di mahligai inilah tujuan ku. Tempat untuk aku bersujud, bersyukur dan tempat untuk aku menyelami ilmu agama yang tidak pernah ku alami selama ini.

Kalimah 'Tuhan' tidak pernah wujud dalam kamus kayangan songsang ini. Ia sengaja dihapuskan oleh para pendita keraton. Yang sentiasa diagung-agungkan ialah Sang Dewata, Sang Rawana dan Sang Gusti Prabu; yang entah apa keluarbiasaan kuasanya.

Entah sentiasa kepingin hidup bersama mahluk yang digelar manusia. Walaupun seribu macam keinginan boleh dikecapi di alam keraton, namun kedamaian dalam diri masih mati. Kemanisan dalam kayangan ini tidak semestinya ku telan, dan kepahitannya tidak mesti ku buang.

Akan ku teruskan jua kembaraku untuk menikmati kehidupan yang lebih murni. Akan ku tinggalkan segala kepahitan dan kesengsaraan hidup. Mahligai yang kuidam-idamkan akan kutururi. Jaraknya sudah semakin hampir.

Kemilauan percikan cahaya yang datangnya dari mahligai itu semakin ketara. Langit membiru dan matahari yang memancar sudah lama bersetuju dengan hakikat ku. Bianglala sudah terbentang indah antara bumi dan langit untuk memberi laluan kepada ku. Angin horison turut membantu melancarkan perjalananku.

Kembaraku sudah menembusi tujuh lapisan langit dan alam cakrawala. Dengan sekilat bunyian aku menyelusuri laluan itu menuju ke daerah baru. Daerah yang aman lagi syahdu.

Alam yang kutuju terlalu unik. Mahligai asing yang penuh dengan hingar-bingar peperangan dan penderitaan, tetapi makhluknya masih tetap bersemangat untuk bersyukur. Bersyukur kepada kematian, bersyukur kepada kemiskinan, bersyukur kepada kesejahteraan, rezki, rahmat dan hidayah.

Dalam pertapaan dahulu aku pernah terbaca kalimah suci yang bermaksud, "*Bacalah dengan nama Tuhanmu Yang Menciptakan. Menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah! Tuhanmulah yang Maha Pemurah! yang mengajar dengan kalam ...*" (surah Al-Alaq, ayat 1-4).

Sejak kedengaran ayat suci itulah, maka aku semakin terpaut dengan ajaranNya. Terpesona dengan kesempurnaan jalur-jalur kehidupannya yang menjaminkan akhirat yang cerah. Aku yakin, dengan ilmu saja perjalanan hidup ini akan lebih mudah dan bermakna.

Beberapa jarak lagi akan kutiba ke mahligai ini.

"Selamat datang Raden," sang margastua mengibas-ngibaskan sayapnya tanda menyambut kehadiran ku.

"Assalamualaikum, Raden," suara pohon-pohonan tropika yang menghijau dalam keriangan. Aku tersenyum sambil menjawab salamnya itu di dalam hati. Mereka semua amat terpesona dengan kemunculan ku. Terasa tenteram melihat riuh-riuhan kecil dari seluruh mahligai menyahut ketibaan ku.

Keharuman kasturi merebakkan lagi bauannya seolah-olah menjemput kehadiran ku. Keindahan bunga-bungaan pula semakin terpancar. Warna-warna itu seakan-seakan mewarna-warnikan kehidupan ku yang baru.

"Akan kuhiasi kehidupan mu wahai sang Raden," bunga-bunga itu mempersilakan ku masuk ke gerbang mahligai yang baru.

"Terimakasih alam. Terimakasih bianglala. Terimakasih mahligai suci ini. Terimakasih *Al-Khaliq*. Alhamdulillah. Kerana kamu semua, maka aku telah sampai di perkarangan mahligai suci ini." Berkata-kata hati ini sambil kedua-dua kaki ini memijak di bumi yang nyata sambil kedua-dua tapak tanganku menadah ke arah langit yang ceria.

*Berita Minggu, 11 Disember 1994*



SISIPAN KHUSUS LEMBARAN MASTERA

# MASTERA

## Edisi No. 59

# BIOGRAFI

***H.Mar***

***H**.MAR atau nama sebenar Dr Haji Mohd Ali bin Haji Radin dilahirkan pada 5 Ogos 1968 di Brunei. Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Kesusasteraan Melayu di Universiti Brunei Darussalam. Sebelum ini beliau telah memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan Dalam Pendidikan Bahasa dan juga Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sastera (kepujian) dari Universiti yang sama.*

*Sekarang beliau berkhidmat sebagai Pegawai Bahasa Kanan di Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam. Sebelum ini, beliau pernah menjawat beberapa jawatan dalam kerajaan antaranya, sebagai Kerani Banci di Unit Perancang Ekonomi dalam tahun 1990, dan Penolong Pegawai Istilah di Dewan Bahasa dan Pustaka dalam tahun 1993. Kemudian sebagai Pegawai Pendidikan di Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab di Mukim Lumapas, Sekolah St. George's Bandar Seri Begawan, Sekolah St. Andrew's Bandar Seri Begawan, dan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong antara tahun 1998 hingga 2016.*

*Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Universiti Brunei Darussalam dan beberapa agensi penerbitan luar negeri telah menerbitkan beberapa karya H.MAR antaranya: Antologi sajak dan cerpen Hidup Yang Mati (DBP Brunei: 1996); Buku Ilmiah Beberapa Teknik Pascamodenisme dalam Beberapa Novel Brunei (DBP Brunei: 2001); Novel Kota Kaca (DBP Brunei: 2003); Antologi drama dan cerpen Taman 'O' (DBP Brunei: 2003);[2] Kumpulan puisi Gelora (DBP Brunei: 2011); Buku Ilmiah Muslim Burmat Dan Historisisme Baru (DBP Brunei: 2018); Kumpulan cerpen Exotis (DBP Brunei: 2018); Antologi Puisi: Larian Hidup (DBP Brunei: 1999); Antologi Puisi: Pelarian Seni (DBP Brunei: 2006); Antologi Puisi: Sembah Daulat Sejambak Kasih 70 Tahun (DBP Brunei: 2016); Antologi Puisi: Cahaya Terus Bersinar (UBD Brunei: 2014); Antologi Puisi: ASEANO An Anthology of Poems from Southeast Asia (ASEAN COCI: 1995); Antologi Esei: Perjuangan Bangsa Dalam Puisi Dan Syair ASEAN (Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad: 2017); dan Antologi Puisi: GURU Tentang Sebuah Buku Dan Rahasia Ilmu (Perkumpulan Rumah Seni Ansur: 2018).*

[2] Telah pernah dipentaskan oleh Teater Artistik (pengiat teater dari Singapura) dalam Festival Teater Mastera 16-18 September 2011 di Brunei Darussalam dan juga dalam Malam Filsafati Taman & Roboh pada 30 dan 31 Mei 2013 di The Substation. 45 Armenlan Street Singapore.

## *Exotis*[1]

H.Mar
(Brunei Darussalam)

Pertemuan dengan masyarakat, segalanya merubah suatu irama nyanyi dari zaman silam. Ada gerak pembebasan yang menyilaukan pandanganku, sehingga aku mula berasa keliru terhadap sesuatu yang di luar daripada kebiasaan hidup manusia.

"Ah, jangan-jangan hal ini cuma pandangan ilmiah saja."

Aku menarik kesimpulan bahawa kesedarhanaan adalah kunci bagi keseimbangan irama kehidupan dan nyanyi kematian. Langkahku mengikut gerak irama bunyi nyaring dari berbagai arah dan sesekali menyentuh hatiku.

Perjalanan kali ini merupakan dasar penetapan bagi menyatukan kaedah alam dan kehidupan manusia yang ditangani oleh unsur gendang perang di antara hati dan fikiran dalam nyanyi keindahan.

**Pada persimpangan pertama**: Aku berhenti. Ada sesuatu yang berserakan menyapaku dalam gambaran mimpi dan tiap aliran pandanganku bersatu di antara debu-debu terpenjara terhiris oleh nafas merupakan dasar penetapan bagi menyatukan kaedah alam dan kehidupan manusia yang ditangani oleh unsur gendang perang di antara hati dan fikiran dalam nyanyi keindahan yang berguguran.

"Inilah kehebatan yang melahirkan pembebasan daripada tebusan mimpi keraguan anak-anak pada zaman silam."

Dalam mencari harapanku. Aku tersenyum dalam langkah yang agak terburu-buru dicatur oleh nyanyi hari depan yang statis. Cuma sikap agresif terhadap kebiasaan berfikir dalam irama yang bergelora dapat mengembalikan suasana bagi keseimbangan hidup untuk satu kematian.

Evolusi menjadikan aku pendiam dan perasa terhadap kesan melalui pengalaman dari ringkasan hidup dalam sejarah yang terasing.

**Pada persimpangan kedua**: Aku tertawa semahuku seakan diriku dibaluti oleh sekumpulan pelakon yang kehilangan arah tempat senarai pertunjukan drama-drama kehidupan.

"Barangkali, jika Hamlet menyaksikan sinopsis gendang perang pada zaman teknologi ini, tentunya dia akan mati dalam kesangsian."

Ketawaku berubah menjadi sebuah senyuman. Satu senyuman yang mengukir pelbagai contengan masalah yang terkurung di antara kepercayaan dan keyakinan. Aku pun sebetulnya sudah menghitung-hitung hari perpisahan yang lebih dikenali sebagai suatu kematian yang masih terbungkus dalam pencarian. Hal-hal yang mengelirukan sangat bertentangan dengan hakikat hidupku.

Sikapku yang bersahaja menjadikan aku berasa sebagai warga manusia yang hidup dalam irama kekacauan sehingga pada akhir-akhir ini sering kucari debu-debu tersembunyi dalam gambaran sejarah hidupku.

**Pada persimpangan ketiga**: Aku membaca suatu notis mistik. Pengenalan diriku pun hilang. Dan aku tidak peduli terhadap fakta yang menakutkan.

"Akibat daripada teka-teki fikiran, manusia pun silau pada gambaran sejarah. Dan pembebasannya terhadap dasar hidup yang bersifat indah cuma melahirkan daya kemunduran intelek."

Gendang perang pun berbunyi nyaring menguasai fikiran dan perasaanku.

Aku memikirkan tentang kehidupan dan kematianku. Namun aku gagal melukiskan suatu daerah kemanusiaan.

**Pada persimpangan keempat**: Aku mencari ilmu pengetahuan yang dijahit menjadi pakaian upacara kematian orang-orang pada zaman silam.

"Kebiasaannya setiap yang bersifat indah menjadi nyanyian kemegahan, sehinggakan mimpi ngeri pun dijaringnya melalui hati yang duka dalam usahanya menggambarkan kehebatannya bagi kepentingan status."

Dalam irama musim gugur kucantumkan daun-daun kering yang berserakan di atas tanah menjadi peta dunia. Aku berdiri. Kemudian kupijak-pijak dunia ciptaanku sehingga hancur. Aku terjatuh di atas tanah. Aku tersenyum. Suatu kepuasan peribadi. Dan aku pun terasing!

Aku merencanakan pengenalan diriku melalui bahagian-bahagian pembebasan di antara gerak dan kata dalam usahaku mengulangkaji kehidupan.

**Pada persimpangan kelima**: Aku mencuba menyatukan diriku dalam suasana masyarakat melalui kebiasaan yang sedarhana. Dan hatiku pun mengadakan rapat tergempar melalui sidang tertutup.

"Hidup yang statis dan terlalu berharap pada hukum takdir adalah penetapan tebusan di hati sendiri."

Irama perjalananku terhenti dalam perasaan dan gugur menjadi debu-debu nyanyian sunyi.

[1]Cerpen ini terbit dalam Majalah Bahana, Julai 1993, Bil. 152. Jilid 31.

# BIOGRAFI

***Dr Haji Ramlee Haji Tinkong***

*Menceburi bidang perguruan pada tahun 1985 dengan memperolehi Sijil Perguruan pada tahun 1988 dari Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong. Melanjutkan pelajaran peringkat sarjana muda (B.A.) pada tahun 1995. Pada tahun 1999 hingga 2000 berpeluang melanjutkan pelajaran ke South-East Asian Studies, University of Hull, United Kingdom dan memperolehi sarjana sastera. Pada tahun 2006 melanjutkan pelajaran ke peringkat doktor falsafah (Ph.D). di University of Birmingham, United Kingdom dalam bidang pengkhususan Kesusasteraan Melayu Tradisional Sastera Islam dan Kebudayaan Melayu bercorak Islam.*

*Mula berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sebagai Guru Terlatih pada 1 Jun 1988. Pernah bertugas sebagai guru dan pegawai Pelajaran, di beberapa buah sekolah Menengah antara tahun 1988–1997 sebelum menjawat jawatan sebagai Tutor, Jabatan Kesusasteraan Melayu, FASS,UBD). Setelah berjaya menamatkan pengajian M.A., pada tahun 2001, menjadi Pensyarah di Jabatan Kesusasteraan Melayu, FASS, Universiti Brunei Darussalam. Manakala pada tahun 2009, dinaikkan pangkat sebagai Pensyarah Kanan hingga sekarang.*

*Sepanjang perkhidmatan di UBD, beliau pernah menjawat beberapa jawatan seperti Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu, Timbalan Dekan dan Dekan Hal Ehwal Pelajar, UBD.*

*Berpengalaman membentang kertas kerja dan menghadiri beberapa persidangan serta seminar sastera dan budaya dalam dan luar negeri. Pernah diundang sebagai Pembimbing Bengkel Sastera Rakyat, anjuran Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, 2006, Pembentang dan Pembimbing Bengkel dalam Program Penulisan MASTERA: Puisi, di Samarinda, Kalimantan, Indonesia, 2007 dan selaku Pembentang serta Pembimbing Bengkel dalam Program Penulisan MASTERA: Esei, di Bogor, Indonesia, 2014.*

*Artikel-artikel beliau pernah diterbitkan dalam jurnal, buku-buku, majalah dan prosiding terbitan dalam dan luar negeri. Selain itu beliau juga Mentor Pidato mahasiswa/mahasiswi UBD di Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu, Piala Perdana Menteri, Malaysia sejak tahun 2009 hingga sekarang.*

# *Pantun-Pantun Brunei Yang Berorientasikan Sejarah Tanah Air*

Dr Haji Ramlee Haji Tinkong
(Brunei Darussalam)

## PENGENALAN

Sastera rakyat (*folklore literature*) atau sastera lisan (*oral tradition*) adalah dipercayai merupakan kesusasteraan yang terawal wujud dalam kebudayaan manusia. Perkara ini berlaku kemudian daripada zaman tradisi lisan. Sebelum masyarakat Melayu mengenal huruf, sastera berbentuk lisan dipercayai berkembang dengan meluas dalam dunia Melayu, lahir dalam masyarakat yang tertutup, masyarakat desa, tani dan masyarakat nelayan. Penyebarannya menggunakan medium lisan, diturunkan dan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi: nenek kepada ayah, ayah kepada anak-anaknya menerusi tradisi lisan atau pertuturan. Salah satu ciri yang amat unik dalam sastera lisan Melayu tradisional ialah hasil sasteranya merupakan kepunyaan bersama (secara kolektif). Perasaan kepunyaan ini secara tidak langsung menggambarkan kehidupan masyarakat Melayu tradisi yang tidak mementingkan sikap "keakuan" atau individualisme.

Sastera lisan ini dibahagikan kepada dua bentuk; iaitu sastera yang bercorak cerita atau kisah (naratif) yang diperturunkan secara prosa. Hasil sastera yang termasuk dalam jenis ini ialah mitos, legenda dan dongeng. Manakala dalam bentuk bukan cerita (non naratif) disampaikan dalam bentuk puisi ialah jampi, mantera, pantun, kiasan, peribahasa, bahasa berirama, teka-teki, gurindam dan sebagainya. Di antara bentuk puisi yang dinyatakan, pantun dan syair memang amat digemari dalam kalangan masyarakat Melayu berbagai peringkat umur.

Apabila kita mengatakan pantun, perkataan ini memang sudah sinonim dan sebati dengan orang Melayu. Pada zaman dahulu, pantun merupakan bentuk pengucapan atau alat komunikasi yang amat berkesan dalam menyampaikan sesuatu hajat, maksud, nasihat dan teguran dengan secara halus, rakaman cerita dan peristiwa yang berlaku. Dalam dunia serba moden, pantun yang dulunya merupakan media untuk menyampaikan maklumat atau mesej, sekarang diambil alih dengan cara yang lebih maju, moden dan canggih. Adakah dengan perubahan ini juga terdapatnya perubahan dalam jiwa Melayu untuk menggunakan pantun? Mengikut Nik Safiah Karim (2006), memang tidak dapat dinafikan pantun dalam kalangan tertentu dalam masyarakat pada masa ini, fungsi pantun masih segar dan digunakan, misalnya lagu-lagu yang dinyanyikan dalam majlis-majlis formal seperti, upacara nikah kahwin dan dalam ucapan-ucapan rasmi (Nik Safiah Karim, 2006:136).

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), pantun merupakan antara tradisi lisan yang amat popular dan diminati sehingga ke hari ini. Kajian ini melihat beberapa pewarnaan atau rakaman sejarah dijadikan sebagai keterikatan dalaman dan luaran, yang terdapat dalam pantun asli orang Brunei. Gubahan pantun yang mengambil sejarah sebagai sumber penciptaan pantun merupakan satu pancaran dan akal budi masyarakat Melayu Brunei dahulu kala. Sesuatu peristiwa yang terjadi itu haruslah diperingati malahan dijadikan iktibar.

## PANTUN DALAM KEHIDUPAN ORANG BRUNEI

Di Brunei, sebagaimana dengan negara-negara di Nusantara lainnya memang mempunyai tradisi lisannya yang tersendiri. Salah satu puisi Melayu yang terkenal atau popular dan masih diminati oleh masyarakat Brunei hingga ke hari ini ialah pantun tanpa mengira batasan umur dan kedudukan. Walaupun mereka ini tidak pandai menulis dan membaca, tetapi mereka memang pandai dan hafal pantun yang diturunkan oleh nenek moyang sehingga ke generasi pada hari ini. Ini adalah antara keistimewaan orang-orang Melayu khususnya orang Brunei, dapat mewarisi sastera lisan dengan cara hafalan, yang merupakan salah satu ciri sastera lisan.

Tidak dapat dinafikan, walaupun arus kemodenan dan ciptaan teknologi melimpah luas, melanda bagaikan ledakan ombak dan tiupan taufan, peranan pantun dan penggunaannya dalam majlis-majlis tertentu masih lagi ketara. Sebagai misalannya, rancangan berpantun ria masih lagi kedengaran di Radio Brunei, bermukun dan berdondang sempena Hari Raya Aidilfitri, acara-acara rasmi dan sebagainya. Walaupun pantun kreatif yang dicipta masa sekarang pada hemat pengkaji, meskipun tidak mengikut tatacara penciptaan puisi tradisional, sekurang-kurangnya "konsep" berpantun yang diwarisi masih lagi dikekalkan dan diminati.

Apabila kita mengkaji pantun Brunei secara mendalam, ia mempunyai jumlah patah perkataan yang sama dan tidak lari daripada hukum puisi lama seperti yang terdapat pada pantun Melayu tradisional di Nusantara. Tetapi apa yang membezakan adalah penggunaan Bahasa. Pantun Brunei menyelitkan penggunaan bahasa dan dialek Brunei seperti perkataan *rimah* (sisa), bida (buruk), *bersimbah* (bermandikan), dan sebagainya.

Di Brunei sendiri suatu ketika dulu, pantun sangat penting dalam upacara rasmi seperti istiadat pertabalan raja, pinang-meminang, perkahwinan atau malam berjaga-jaga. Begitu juga dalam melakukan aktiviti harian, waktu bekerja di sawah, mendodoikan anak dan seumpamanya. Dalam masyarakat Brunei, pantun sering didendangkan dalam lagu-lagu Melayu Brunei Asli. Salah satu lagu yang sangat popular dan masih digemari ialah *dundang*.[1]

*Dundang* ialah upacara berbalas pantun antara lelaki dan perempuan (yang sudah berumah tangga). Perempuan yang benar-benar ahli atau pakar dan mempunyai alunan suara yang baik boleh memikat para pendengar sehinggakan hadirin sayang dan "berat hati" hendak meninggalkan tempat duduk mereka. Pantun yang dijual dan hendak dibeli antara pihak lelaki dan pihak perempuan. Perlakuan sebegini akan menambah lebih suasana kemeriahan pada majlis-majlis keramaian. Dipercayai, dalam suasana malam berjaga-jaga ketika majlis perkahwinan atau sebagainya, boleh berlarutan hingga ke dinihari.

Satu hal yang menarik apabila membicarakan pantun ialah terdapatnya keindahan yang beragam. Ada beberapa aspek yang menyebabkan pantun itu indah; aspek bahasa, rima dan sebagainya. Penciptaan pantun sebagaimana yang dikatakan oleh R.O. Winstedt (1977), "*Malay pantun contain in their first couplete their reference to some well-known even or private experience of the village life*" (R.O. Windstedt, 1977:196). Penggunaan unsur alam dalam pembayang pantun merupakan suatu yang biasa kerana faktor alam merupakan sebagai "guru" kepada manusia. Alam di sini bukan hanya flora dan fauna, tetapi meliputi kejadian atau peristiwa yang berhubung kait dengan perjalanan sejarah agama, bangsa, peribadi dan negara.

Keindahan pantun akan terus menyerlah apabila pantun itu diselitkan dengan tempat-tempat bersejarah atau peristiwa yang bersifat lokal, yang sudah setentunya akan menambah "kesegaran" ingatan para pembaca tentang sejarah setempat. Sebagai contoh, Pulau Chermin, Pulau Ambuk dan Pulau Bedukang merupakan antara pulau-pulau yang terkenal dan termashyur sebagai peninggalan sejarah yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

Perkara ini jelas dalam pantun Brunei, selain menggunakan unsur alam; flora dan fauna, ada beberapa buah pulau atau tempat yang termasyhur dijadikan sebagai pembayang atau intipati dalam pantun. Ini bertujuan untuk mendedahkan kepada generasi baru akan "nilai" dan "kepentingan" tempat-tempat tersebut dalam lipatan sejarah tempatan. Selain itu, penyerapan dalam pantun adalah bertujuan untuk memperindahkan susunan kata-kata dengan menggunakan *local settings* sebagai warisan budaya dan khazanah bangsa Brunei.

Mengikut beberapa orang informan, pantun dalam masyarakat Brunei, sering didendangkan dalam lagu-lagu Melayu Brunei asli atau nyanyian rakyat (*berdundang* dan *bermukun*), seperti adai-adai, alus jua dendang, kayum, samalindang dan sebagainya. Selain itu, sisipan pantun juga diserapkan dalam jampi dan mantera atas kepercayaan kata-kata pantun yang mempunyai kuasa magis. Orang tua-tua dahulu percaya bahawa sebelum melakukan sesuatu pekerjaan, harus dimulakan dengan jampi dan mantera. Kata-kata ini dapat digolongkan sebagai bahasa berirama dalam genre mantera:

*Daun tarap susup di dinding,*
*Berbunga si pangil-pangil;*
*Bagai diarak bagai digiring,*
*Nabi Sulaiman datang memanggil.*
*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001:123)*

Sebagai rumusan mengenai pantun dalam kehidupan orang Brunei, dapatlah dikatakan, pantun memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Brunei seperti dalam adat istiadat pertabalan raja, pinang-meminang, perkahwinan dan majlis malam berjaga-jaga. Demikian juga, pantun akan didundangkan ketika melakukan aktiiviti harian, menidurkan (mendodoikan) anak dan seumpamanya. Berdasarkan kenyataan ini dapatlah kita katakan bahawa pantun digunakan oleh semua golongan masyarakat tanpa mengira pangkat, darjat dan keturunan. Setelah kita melihat bagaimana kedudukan pantun dalam masyarakat Brunei, kita berasa yakin akan peranan pantun sebagai wadah dalam mendidik, memberiga dan membentuk masyarakat yang berorientasikan kebruneian.

## TRADISI LISAN DAN SEJARAH

Tradisi lisan yang dikenali dengan oral tradition dalam bahasa Inggeris, merupakan tradisi-tradisi dalam kebudayaan satu-satu kumpulan manusia yang disebarkan dan diturunkan daripada satu generasi ke satu generasi melalui lisan atau pertuturan. Ciri-ciri budaya ini bukan sahaja terdapat dalam masyarakat yang tidak tahu membaca dan menulis, bahkan terdapat dalam masyarakat yang sudah dan memang pandai membaca dan menulis.

Mengikut Mohamad Amin Hassan (1975: 166), tradisi lisan ialah:

*"... semua keterangan lisan mengenai masa lalu yang telah diperturunkan dari seorang ke seseorang dengan cara pertuturan. Ada bebagai-bagai bentuk tradisi lisan; ada yang berbentuk prosa dan ada yang berbentuk puisi... ia meliputi suatu bidang yang luas mitos, legenda, cerita rakyat hingga ke pantun, perumpamaan, peribahasa, bidalan, perbilangan adat dan sebagainya."*

Kenyataan tersebut memberi gambaran kepada kita bahawa tradisi lisan meliputi segala yang terdapat dalam masyarakat sama ada dalam bentuk cerita mahupun bukan cerita. Tradisi lisan adalah khazanah orang Melayu yang kaya dengan ciri-ciri kebudayaan Melayu lama. Tradisi ini dapatlah dijadikan sumber yang tidak bertulis yang direka dan digubah dalam suatu bentuk yang sesuai untuk disampaikan dengan cara lisan, yang penyampaian, penyimpanan dan pengabadian tradisi ini bergantung kepada kekuatan ingatan beberapa generasi penerusnya (Mohamad Amin Hassan, 1976:166)

Di Negara Brunei Darussalam khususnya, terdapat pelbagai jenis tradisi lisan dikumpul atau didokumentasikan serta juga tidak kurangnya yang masih belum diterokai. Terdapat pelbagai bentuk dan jenis dalam tradisi lisan ini, antaranya, tradisi lisan yang bukan berbentuk naratif (cerita) seperti peribahasa, simpulan bahasa, teka-teki, syair, pantun, gurindam dan sebagainya. Manakala tradisi lisan yang berbentuk naratif pula ialah seperti asal usul kampung, cerita jenaka, pantang larang dan sebagainya.

Mengikut Ismail Hamid (1986: 7), kepentingan tradisi lisan dalam hubungannya dengan pernulisan sejarah:

*"... bagi pengkaji dan ahli sejarah, sastera lisan boleh digunakan sebagai bahan bagi mereka membuat suatu rekonstruksi sejarah ... membuat pentarikhan terhadap hasil sastera lisan itu dengan menghubungkan mitos dengan zaman pra-sejarah dan legenda dengan beberapa tahun yang lalu. Mitos dianggap sebagai peristiwa yang benar-benar berlaku oleh itu dijadikan sebagai bahan yang penting untuk mengkaji sejarah perkembangan agama manakala legenda pula dianggap sebagai gambaran tentang tokoh tertentu yang wujud dalam sejarah sesuatu bangsa seperti legenda Hang Tuah dalam kebudayaan Melayu."*

Pendapat tersebut memberi gambaran yang jelas tentang sumbangan tradisi lisan seperti pantun, boleh dijadikan sebagai bahan sumber sejarah. Memang tidak dapat dinafikan penggunaan sejarah sebagaimana yang dirakamkan dalam pantun tidak mempunyai tarikh yang tepat. Ini adalah kerana sebagaimana yang diketahui penciptaan pantun memerlukan kepadatan kalimat dan ide yang tidak memungkinkan untuk dicatat secara rinci pembentukan sejarah dalam pantun. Walau bagaimanapun, peristiwa dan cerita yang diungkapkan dalam pantun, sekurang-kurangnya dapat dijadikan sebagai platform atau langkah awal dalam membantu ahli sejarah atau para pakar sejarah untuk menyelidiki dan mengkaji sejarah tempatan secara lebih mendalam lagi.

Usaha pengumpulan tradisi lisan merupakan satu inisiatif yang perlu diberi pujian dan galakan dengan sewajarnya, kerana cerita atau peristiwa yang terungkap dalam sesuatu genre itu adalah rakaman cerita, peristiwa atau sejarah, khazanah warisan peninggalan sesuatu masyarakat. Satu persoalan yang sering timbul ialah, sejauh mana kesahihan atau kebolehpercayaan cerita tradisi lisan sebagai sumber sejarah? Di sini bukanlah tujuan asal penulis untuk membincangkan perkara ini dengan lebih mendalam, cukuplah sekadar dikatakan tradisi lisan dapat menyumbang dalam penyelidikan sejarah sesuatu bangsa dan negara.



Pantun, selain berfungsi sebagai alat hiburan, juga berperanan sebagai pencatat dan perakam sejarah kehidupan masyarakatnya. Memang diakui dengan kepadatan kata serta ruang yang terhad, tarikh yang merupakan faktor penting dalam sejarah tidak dapat dicatatkan dalam pantun sepenuhnya. Hanya beberapa peristiwa yang tercatat menerusi pantun dapat menggambarkan dan memberikan satu indikasi akan peristiwa atau cerita dalam sesebuah negeri. Cerita selanjutnya terpulanglah kepada mereka atau pihak tertentu untuk meneruskan kajian mengikut bidang, kehendak atau keperluan masing-masing.

## RAKAMAN SEJARAH DALAM PANTUN

Bahagian ini menganalisa beberapa rangkap pantun Brunei yang mencatat atau menyerapkan unsur-unsur sejarah sebagai kewajaran dalam keindahan pantun sama ada luaran dan dalamannya.

**i) Sejarah Pusat Pemerintahan Brunei**

*Berunai itu tidak berbanding,*
*Kiri kanan bukit mendinding;*
*Bisai beratur segenap tambing,*
*Inda jauh mengambil aying.*
*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001: 95)*

Pantun tersebut menggambarkan sejarah kegemilangan dan pembukaan Negara Brunei Darussalam yang dirakam dalam pantun orang Brunei. Gambaran dalam pantun tersebut adalah mengenai orang-orang Brunei yang berduyun dan beratur mengambil air. Demikian juga ada pantun yang dicipta sebagai kenang-kenangan kepada raja yang memerintah, berdasarkan pengalaman realiti dan pengetahuan penciptanya yang berhubungan dengan hal ehwal negara dan diri individu tersebut.

Pada tahun 1906, Brunei menerima *British Resident* yang dikatakan sebagai penasihat kepada sultan dalam hal ehwal pentadbiran negeri kecuali yang bersangkutan dengan adat dan agama Islam. Waktu ini juga dikatakan pemerintahan Brunei berpusat di Kampong Ayer. Seorang pelawat Eropah pernah memberi jolokan kampung air ini sebagai "*Venice of The East*". Walaupun Kampong Ayer ini meniti usia berkurun lamanya, namun keindahan dan keunikannya menarik ramai pelancong sama ada dalam dan luar negeri. Pantun berikut menggambarkan sedikit tentang keindahan Kampong Ayer yang diwarnai oleh para pedagang (padian) yang berkayuh dari rumah ke rumah untuk menjual barang-barang keperluan harian.

*Orang berkayuh silih berganti,*
*Perahu padian membawa ikan;*
*Aying mata membasahi pipi,*
*Kampung Aying diuji zaman,*
*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001:197)*

Sekarang suasana "tamu di air" ini bertahun-bertahun lamanya sudah tidak lagi dipraktikkan kerana tuntutan masa dan zaman. Nostalgia para padian ini, cuma tinggal kenangan dan ristaan sahaja bagi mereka yang pernah melihat, mengalami dan hidup pada zaman tersebut. Apabila perkara ini diceritakan kepada generasi muda sekarang ini, mereka sudah tentu tidak dapat membayangkan dan menggambarkan bagaimana keadaan pada waktu itu. Inilah kepintaran para pemantun yang cuba menyelitkan peristiwa bedagang atau corak perniagaan di Kampong Ayer yang menjadi kebanggaan dan tarikan pada ketika itu.

*Sungai Brunei ayingnya tenang,*
*Pulau Si Bungur di tengah-tengah;*
*Duhai kampungku aduhai sayang,*
*Kampung Ayingku dalam sejarah.*
*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001:243)*

Pantun ini juga memberi gambaran kepada kita, akan perubahan yang berlaku ke atas Kampong Ayer. Keindahan dan nostalgia kampung-kampung di Kampong Ayer ini suatu masa nanti mungkin akan tinggal kenangan sahaja. Ini disebabkan ramai penduduk asal Kampong Ayer sudah berpindah ke darat. Jika dulu dalam tahun 1900-an, keramaian penduduk yang mendiami Kampong Ayer memang jelas akan kepadatan penghuninya; pemandangan indah dan keriuhan bunyi teksi air menggambarkan keindahan Kampong Ayer. Namun sekarang disebabkan bencana alam dan faktor sosial, jumlah penduduk yang tinggal di Kampong Ayer kini sudah mula menampakkan perubahan dari segi kuantitinya. Keadaan ini sudah setentunya akan mengubah corak dan suasana hidup berkampung di Kampong Ayer; anak-anak damit jarang lagi bermandi-manda di bawah tangga, kanak-kanak yang membubut kikik di titian pun jarang lagi kelihatan. Inilah apa yang dikatakan pemantun tadi bahawa Kampong Ayer yang dulunya menjadi kebanggaan orang Brunei kini tinggal kenangan sahaja.

**ii) Sistem Beraja**

Negara Brunei Darussalam sudah sekian lama mengamalkan sistem beraja yang diwarisi turun-temurun. Hal ini disebutkan dalam pantun yang berbunyi:

*Si Awang membeli purun,*
*Burung punai terbang ke bawah;*
*Asalnya raja turun-temurun,*
*Brunei sudah negeri bertuah.*

Menerusi pantun tersebut menunjukkan bahawa Brunei suatu ketika dahulu, semenjak pemerintah sultan yang pertama mengamalkan corak pemerintahan beraja turun-temurun memerintah di singgahsana. Alhamdulilah rakyat rasa bersyukur kerana dapat berlindung dan bernaung di bawah payung pemerintahan beraja, berbangga kerana Brunei sebuah negara yang bertuah. Bertuah dalam erti kata kekayaan bumi "emas hitam" anugerah Ilahi, ditambah dengan kemakmuran, keamanan di bawah naungan raja yang dikasihi.

Raja atau sultan yang memerintah merupakan tunggak

negara untuk mengawasi dan menjalankan pemerintah negara yang terdiri daripada empat bahagian yang perlu ditanai: Kanun, Sara', Resam dan Adat Istiadat dengan berdasarkan istilah dan sukat-sukat Negeri Brunei (P.M. Yusuf, 1975:43). Dalam sistem pemerintahan beraja ini, terdapat social contract yang harus ditunaikan dan dipatuhi antara raja dan rakyat, iaitu "Raja untuk Rakyat, Rakyat untuk Raja". Kontrak ini mengambil maklum, rakyat menyerahkan kuasa pemerintah dan diri masing-masing di bawah naungan raja (sultan) untuk menjadi hak negara dengan berdasarkan "Raja tidak boleh zalim" dan "Rakyat tidak boleh durhaka kepada Raja" (P.M. Yusuf, 1975:43). Ketaatsetiaan rakyat kepada raja tergambar dalam sebuah pantun yang berbunyi:

*Minjam kapak minjam beliung,*
*Penutuh bamban berduri;*
*Tuanku di atas kemuncak payung,*
*Patik yang hina menjunjung duli.*

*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001:19)*

Gambaran ketaatan rakyat dalam menjunjung titah perintah raja memang tidak berbelah bahagi. Segala yang dititahkan dilaksanakan dan dipikul sedaya upaya dengan penuh tanggung jawab, khususnya dalam sama-sama menjaga keamanan dan kemakmuran negara tercinta. Selain itu, kerjasama antara raja dan rakyat dapat diketahui, menerusi beberapa buah cerita tradisi lisan, manuskrip dan hasil kesusasteraan tradisional Brunei. Sebagai contoh dalam *Salasilah Raja-Raja Brunei*, terdapatnya cerita gotong-royong semasa mengadakan majlis perkahwinan diraja.

**iii) Sejarah Kebakaran di Kampong Ayer**

*Berkayuh talangoi-langoi,*
*Membawa ikan belanak;*
*Apa sebab hangus di Tamoi,*
*Kerana berdiang orang beranak.*

*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001:91)*

Pantun tersebut menceritakan tentang sejarah kebakaran Kampung Tamoi dikatakan terjadi dalam tahun 1920-an. Mengikut cerita orang tua-tua kebakaran yang terjadi adalah ekoran akibat orang berdiang menjadi masyhur sehingga para pemantun merakamkan perisitwa ini dalam pantun. Dulu-dulunya amalan orang-orang Brunei, selepas melahirkan anak, si ibu akan menjalani proses berpantang selama 40 hari. Dalam masa berpantang inilah juga seorang ibu itu akan melalui proses penjagaan lahir dan batinnya; khususnya bediang. Akan tetapi atas kesilapan atau kelalaian si ibu mahupun pengasuh si ibu tadi menyebabkan kebakaran terjadi di Kampung Tamoi (Kampong Ayer). Peristiwa kebakaran akibat orang berdiang ini menjadi ristaan dan kenangan orang Brunei amnya dan penduduk Kampung Tamoi khasnya.

Selain kebakaran di Kampung Tamoi, sebuah lagi kebakaran yang besar juga pernah berlaku di Kampung Burung Pingai, Kampong Ayer. Pantun berikut menceritakan:

*Zaman hangus di Burung Pingai,*
*Dayang Tirahmat turun ke sungai:*
*Tubuhnya ramping rendah rambunai,*
*Kenampakan tampang sarunai.*

*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001:265)*

Mengikut cerita daripada orang tua-tua, kejadian ini berlaku di sekitar tahun 1945, sewaktu berlakunya perang dunia kedua. Akibat kebakaran dan kemusnahan ini, kebanyakan penduduk tersebut diarah serta ditempatkan untuk berpindah ke kawasan rumah perpindahan yang sekarang dikenali dengan Perpindahan Kampung Burung Pingai, Berakas.

**iv) Sejarah Asal Usul/ Kejadian Sesuatu Tempat**

Dalam beberapa versi sastera lisan Brunei seperti *Syair Awang Semaun*, Lumut Lunting dikatakan berasal dari ayam sabung raja Brunei yang bernama Mutiara. Setelah mengalahkan ayam sabung ratu Majapahit, ayam itu terbang lalu jatuh menjadi sebuah pulau yang dikenali dengan Lumut Lunting. Ratu Majapahit menyumpah ayamnya, Asmara, lalu menjadi Pilong-Pilongan. Kedua-dua tempat ini masih lagi wujud dan menjadi ristaan orang Brunei malahan tempat ini sebagai tarikan pelancong, para pelajar dan penyelidik.

*Ayam belusir kepiar-piaran,*
*Bahananya datang kainderaan;*
*Ayam ratu terbang di dalam awan,*
*Jatuh jadi Pilong-pilongan.*

*Ayam Mutiara terbang menyiring,*
*Serta menyubarang ka-tanah haing;*
*Ayam Mutiara gugur berpusing,*
*Menjadi batu si-Lumut Lunting.*

*(Matassim Haji Jibah,1980:75)*

Selain *Syair Awang Semaun*, pantun Brunei juga turut mengungkapkan perihal persabungan ayam antara Awang Senuai dengan anak Raja Bugis. Persabungan ini mempertaruhkan negeri sebagai ganjarannya pada mereka yang menang. Dalam peristiwa persabungan ini, ayam anak raja Bugis telah mengalami kekalahan. Ekoran peristiwa persabungan ini melahirkan mitos tentang kejadian kedua-dua buah pulau yang dinyatakan di atas tadi. Pantun perihal pulau ini berbunyi:

*Lumut lunting laut berambang,*
*Pasang besar tiada karam;*
*Pulau sejarah dongeng berkembang,*
*Kisah purba bersabung ayam.*

*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001:180)*

Mengikut cerita orang tua-tua Brunei,[2] pulau dan Kawasan ini tidak pernah dinaiki air sekalipun air pasang. Dipercayai seandainya pulau ini dinaiki air membawa petanda yang kurang baik seperti ada raja Brunei yang lindung (mangkat). Kenyataan ini penulis sendiri belum mendapat kepastian yang sahih, dalam erti kata cuma mendengar tetapi belum ada kesempatan melihat sendiri keadaan ini.



Selain asal usul kejadian mengenai pulau ini, dalam pantun brunei terdapat juga sebuah pantun yang menceritakan perihal anak derhaka. Mengikut tradisi lisan orang Brunei, Nakhoda Manis,[3] menceritakan perihal anak yang menderhaka kepada ibunya. Apa yang menarik, mengikut cerita orang tua, kesan daripada peristiwa ini terdapat sebuah pulau yang berbentuk seperti ajung kenaikan yang terletak di Sungai Brunei. Kisah ini dapat dikategorikan sebagai legenda pendosa. Kisah penderhakaan seorang anak kandung yang dikasihi tidak mengenang budi dan tidak mengakui ibu kandungnya sendiri. Ini tergambar dalam rangkap pantun seperti berikut:

*Ajung batu tumbuh di sungai,*
*Tidak jauh di Burung Pingai;*
*Kisahnya masyhur sebab perangai,*
*Jadi ristaan rakyat brunei.*

*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001:48)*

Pantun tersebut menceritakan perihal Pulau Ambok yang terletak di Kuala Sungai Brunei menjadi tempat penting ketika Sepanyol menyerang Brunei. Kota tersebut dijadikan kubu pertahanan Pengiran Bendahara Sakam bersama seribu orang perajurit Brunei untuk melawan Sepanyol (Jamil Al-Sufri, 1921:75). Kota tersebut akhirnya roboh disebabkan oleh suatu kejadian yang dianggap aneh "masap", iaitu suatu kepercayaan orang Brunei yang mengakibatkan bala dan malapetaka atau perbuatan "sumbang" yang melampaui batas.

*Pulau ambok kotanya roboh,*
*Serai sulasih tengah halaman;*
*Berbunyi beduk hampirkan subuh,*
*Bercerai kasih sekamalaman.*

*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001:214)*

Mengikut tradisi lisan, di pulau tersebut terdapat sebuah rumah yang besar dan lengkap dengan kotanya. Suatu hari datang seekor ambok (monyet) di pulau ini. Orang yang berada di pulau tersebut memakaikannya pakaian, songkok dan sigupan pada monyet tadi. Melihat kelakuan monyet yang lucu itu mereka semua ketawa hingga melampaui batas. Dengan tidak semena-mena turun ribut memusnahkan rumah dan kotanya sekali. Mengambil iktibar daripada kejadian itu maka tempat ini dinamai sebagai Pulau Ambok.

**v) Sejarah di Daerah Tutong**

*Bukit bendera mula dibuka,*
*Muda Hashim sekolah pertama;*
*Buktinya nyata dapat dikira,*
*Antara kaca dengan permata.*

*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001:107)*

Pantun tersebut merupakan ristaan tentang pembukaan sekolah rendah yang pertama di Daerah Tutong, iaitu Sekolah Rendah Muda Hashim. Sekolah ini mula beroperasi dan dibuka pada tahun 1932, diterajui oleh guru besarnya yang pertama, iaitu Cikgu Jaafar bin Maun. Sekolah yang terletak di Kawasan Bukit Bendera Tutong, berusia 45 tahun ini masih lagi digunakan hingga sekarang. Kira-kira 20 tahun dahulu, memandangkan kedudukannya yang strategik dan kawasan padang yang luas, sering dijadikan tempat menjunjung ziarah dan meraikan hari puja usia Kebawah Duli Yang Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bagi peringkat Daerah Tutong.

*Sejarah juga ada mencatat, peranan Daerah Tutong suatu ketika dulu sebagai jalan laluan dan penghubung kepada mereka yang berhajat untuk meneruskan perjalanan ke Daerah Belait. Kawasan yang dimaksudkan ialah hujung jalan Kampung Kuala Tutong (menggunakan perkhidamatan feri) yang menghubung ke Kampung Danau Daerah Tutong. Pantun memerihalkan tentang Kuala Tutong berbunyi:*

*Besar ombak di Kuala Tutong,*
*Memecah pantai tergulik-gulik;*
*Termashur manis bini-bini Tutong,*
*Tongkang belayar masuk berbalik.*

*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001:107)*

Mengikut seorang informan,[4] kali terakhir jalan penghubung ini digunakan ialah pada akhir tahun 1950. Selepas ini kemudahan jalan raya dibina bagi keperluan orang ramai yang berhajat hendak ke Kuala Belait meggunakan jalan lama yang ada pada masa sekarang.

Selain itu, Daerah Tutong juga terkenal dengan pulut panggangnya. Ini dapat diketahui menerusi beberapa buah lagu dan pantun yang mengabadikannya tentang peranan dan cerita mengenai Daerah Tutong. Ada beberapa buah kedai makan yang masih menyajikan pulut panggang, akan tetapi penulis kurang pasti sama ada pembekalnya masih dibekalkan oleh orang Tutong atau sebaliknya.

**vi) Sejarah Kota Minyak Seria**

*Berjalan malam ke Seria,*
*Berbandang-bandang nampak cahaya;*
*Bidadari tuan yang empunya,*
*Silalah naik ke singgahsana.*

*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001:87)*

Pantun tersebut menggambarkan keindahan wajah Seria pada waktu malam. Nama Seria bagi rakyat Brunei sudah sinonim dengan minyak, iaitu hasil utama negara ditemui.

Penemuan minyak pada tahun 1929 merubah corak hidup masyarakat Brunei dan infrasktruktur negara Brunei ketika itu sehinggalah sekarang. Penemuan minyak di kota Seria ini sudah setentunya menjadi detik bahagia dan ristaan sepanjang hayat. Kawasan inilah merupakan tapak penemuan hasil negara Brunei. Setiap penduduk dan rakyat di Negara Brunei Darussalam sudah semestinya, sampai bila-bila tidak akan lupa nama Seria apabila memperkatakan tentang minyak. Alhamdulilah dengan rezeki Allah subhanahu wa taala turunkan ini, perkembangan dan kemajuan Seria khasnya jelas

pesat membangun. Keindahannya khususnya pada waktu malam dengan bernyalanya atau pemandangan obor api di pesisiran pantai menarik pelbagai peringkat umur untuk berkunjung ke pekan ini.

**vii) Sejarah Zaman Kegemilangan dan Kesedihan Negari Brunei**

Sepanjang abad pemerintahannya Negara Brunei Darussalam pernah mengalami kisah suka dan dukanya.[5] Suatu ketika dulu Brunei menuju ke puncak kegemilangannya sehinggakan dinamakan *Golden Age of Brunei* semasa pemerintahan Sultan Bolkiah antara tahun 1485 – 1524. Pusat pemerintahan dan takluk Brunei ketika itu meliputi keseluruh kepulauan Borneo dan sebahagian daerah dan pulau besar yang dikenali sebagai Filipina.

Pada kurun ke-16 Brunei menjadi penting ekoran kejatuhan Melaka pada 1511. Pusat penyebaran Islam dan perniagaan berpindah ke Brunei di samping membekalkan bahan mentah yang menyebabkan orang Barat berlumba-lumba untuk datang ke sebelah timur.

*Orang menjarat di atas pati,*
*Abis gangsa di atas almari;*
*Orang melawat inda beranti,*
*Abis bangsa datang ke mari.*

Suatu zaman kegemilangan Brunei yang diwarnai dengan kemakmuran menarik minat para pedagang asing untuk datang berniaga di Brunei. Gambaran pelawat dari pelbagai bangsa asing yang datang dirakamkan dalam pantun berbunyi:

*Burung punai terbang ke bawah,*
*Orang menjarat di atas pati;*
*Brunei sudah negeri bertuah,*
*Pelawat datang inda beranti.*

Selain mengecapi zaman kegemilangannya, Brunei juga pernah mengalami zaman kejatuhan, kemerosotannya dan kesedihannya. Zaman kesedihan ini mengisahkan akan kemangkatan Sultan Bolkiah raja yang dikagumi dan dipuja rakyat:

*Pulau Chermin nampak muktabar,*
*Nampak jauh arap gergati;*
*Empat puluh tukang memeta gambar,*
*Gambar sudah tukang pun mati.*

*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001:215)*

Pantun di atas adalah mengisahkan mengenai pakar ukir seramai 40 orang yang mengukir makam Sultan Bolkiah yang berkesudahan dengan pembunuhan mereka beramai-ramai.

Menurut cerita lisan, makam baginda itu diukir oleh para pakar ukiran yang terkenal dan handal dari negeri Jawa. Semasa pemerintahan Sultan Bolkiah ada tercatat ketika baginda pergi ke negeri Jawa, baginda berkenan dengan ketekunan dan kemahiran orang Jawa bertanam padi juga mahir dalam bidang kesenian dan ukiran. Baginda pun membawa beberapa orang balik ke Brunei, untuk mengajar orang Brunei bercucuk tanam dan ukir-mengukir ini.

Mengikut tradisi lisan,[6] apabila kemangkatan Sultan Bolkiah diberigakan empat puluh pengukir Jawa disuruh untuk mengukir di makam Sultan Bolkiah. Setelah selesai kerja pengukiran, kesemua pekerja tadi mati dibunuh. Motif pembunuhan itu tidak diketahui dan menjadi tanda tanya orang Brunei pada ketika itu. Mengikut Professor Madya Dr Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid, adapun motif pembunuhan itu adalah sebagai menutup rahsia kemangkatan Sultan Bolkiah. Pada waktu tersebut, Majapahit dan beberapa buah negeri di bawah takluk Brunei, dan setiap tahun negeri-negeri ini menghantar ufti ke Brunei. Seandainya peristiwa kemangkatan ini diketahui, sudah tentu negeri-negeri ini tidak akan menghantar ufti lagi. Sultan Bolkiah merupakan sultan yang gagah, digalati dan dikagumi.

Selain terkenal dengan keamanan, kemakmuran, tarikan para peniaga dan pelawat untuk datang ke Brunei adalah disebabkan dengan kedudukan geografinya. Kedudukan ini juga secara tidak langsung melindungi pelabuhan Brunei daripada ancaman angin monsun oleh Tanjung Pelompong. Para pedagang yang berulang-alik dari Melaka ke Malukus akan singgah berteduh di Brunei, sementara menunggu keadaan angin reda dan cuaca yang mengizinkan untuk mereka meneruskan perjalanan. Dalam waktu yang sama, Brunei ketika itu juga menjadi pembekal bahan-bahan mentah seperti kapur barus, tanduk rusa, timah, gelang yang diperbuat daripada gading gajah, kulit kura-kura, sarang burung, rempah dan sebagainya (Jamil Al-Sufri, 1994:6), serta pelbagai aneka barang keperluan para pedagang ketika itu:

*Burung punai terbang berbaya,*
*Kana kayu tungkang-tungkang;*
*Brunei jua negeri kaya,*
*Kina Melayu pandai bedagang.*

**viii) Sejarah Adat istiadat Melayu**

Di Negara Brunei Darussalam memang terdapat pwlbagai amalan adat dalam menjalankan aktiviti seharian mereka. Adat itu masih diamalkan dan ada sebahagiannya masih dipertahankan. Berpantun dalam adat meminang dan majlis perkahwinan memang tidak lagi diamalkan pada zaman sekarang, akan tetapi amalan berpantun dalam majlis pinang-meminang ini meninggalkan sejarah dan nostalgia kepada orang-orang Brunei dahulunya.

Pantun yang berkaitan dengan adat pinang-meminang ini digunakan oleh orang-orang Brunei ketika majlis bersuruh dan menghantar berian. Antaranya berbunyi:

*Kapal balarai dari utara,*
*Sarat memuat jintan sulasih;*
*Badangan sanak bersaudara,*
*Pupu sekali bertambah kasih.*

*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001:158)*



Pantun tersebut adalah di antara contoh melahirkan hasrat seorang ibu untuk menjodohkan anaknya dengan saudara terdekat seperti sepupu sekali. Dahulu kala orang-orang Brunei suka mengamalkan (walaupun tidak semua) menjodohkan anak-anak mereka dalam kalangan saudara-mara atau keluarga terdekat. Mengikut beberapa pendapat penjodohan sebegini akan mewujudkan keakraban dalam kalangan keluarga. Juga dipercayai, seandainya terjadi perbalahan di antara suami isteri, pihak keluarga akan merasa "senang" berunding dalam menyelesaikan masalah yang timbul.

Dalam adat menghantar berian (mas kahwin) ada pantun khas yang dicipta sebagai pembuka kata dan pemanis Bahasa. Kedua-dua belah pihak akan berbalas-balas pantun (berjual beli) pantun sebagai tanda persetujuan dan penerimaan dibuat. Pihak perempuan selalunya akan menjawab pantun daripada rombongan pihak lelaki dengan tata tertib serta rendah diri dalam menyatakan kesudian dan harapan yang amat besar lagi bermakna. Penerimaan itu disambut dengan tangan terbuka sebagaimana pantun berbunyi:

*Kapal berlarai dari Sandakan,*
*Dipukul angina si dangan ribut;*
*Jika sudah tuan serahkan,*
*Dua belah tangan kami menyambut.*

*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001:156)*

**ix) Sejarah Perhubungan Antarabangsa**

Selain terkenal dengan sikap ramah-tamah dan sopan santun, orang Melayu di Alam Melayu kaya dengan hasil buminya. Keadaan ini sudah pasti menarik "orang asing" untuk melebarkan sayapnya meluaskan Kawasan perniagaan dan perdagangan. Mengikut Bzarul Bahman (2006):

*"...termaktub dalam sejarah, terdapat pelbagai bangsa, telah berebut menjajah negeri di Alam Melayu. Oleh yang demikian, negeri ini bersilih ganti dijajah oleh pelbagai bangsa seperti Portugis, Belanda, Jepun dan Inggeris. Bangsa Arab datang ke Alam Melayu untuk berdagang dan berdakwah. Bangsa Cina dan India pula datang ke Nusantara semata-mata kerana ekonomi."*

*(Bzarul Bahman, 2006:264)*

Gambaran tersebut menunjukkan bahawa kedatangan bangsa asing ke Alam Melayu adalah semata-mata untuk mengaut hasil bumi yang terdapat di negeri-negeri sebelah sini. Ini tidak terkecuali Negara Brunei Darussalam. Sejarah membuktikan beberapa kuasa asing datang dan cuba menakluki negara ini suatu ketika dulu. Ada di antara orang asing ini terus menetap setelah mereka merasakan kesenangan untuk mendapatkan rezeki dan keadaan hidup yang aman damai. Kehadiran mereka ini juga memberikan kesan dan reaksi daripada masyarakat Melayu khususnya dalam kebudayaan, adat istiadat dan perekonomian orang Melayu.

Mereka datang dengan tujuan untuk perniagaan, menyebarkan agama dan bekerja di alam sebelah ini. Kehadiran orang asing ini juga diabadikan menerusi beberapa buah pantun Brunei:

*Orang Kina berdagang batu,*
*Batu didagang berpangkat-pangkat;*
*Gajah mina bawa salamku,*
*Tampung kain suruh mengantat.*

*Orang Kina pakai terompak,*
*Memakai seperampun gadong;*
*Tuan umpama daun yang rampak,*
*Tempat kami datang berlindung.*

*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001:198)*

*Satu Kina satu Melayu,*
*Satu Keling berjual kain;*
*Kerana bunga sebabnya layu,*
*Embun menitik ke tempat lain.*

*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001:225)*

*Anak Keling membuang sampah,*
*Sampah dibuang dalam perahu;*
*Mata menjeling mulut menyumpah,*
*Dalam hati siapa tahu.*

*(Haji Hashim Haji Abd. Hamid, 2001:57)*

Menerusi contoh beberapa buah pantun tersebut menunjukkan tentang perhubungan awal orang asing seperti Cina (Kina dalam loghat Brunei), Keling/Tambi/Bengala dari India dengan negeri Brunei. Selain itu, dalam pantun Brunei juga ada diselitkan dengan beberapa buah nama tempat dan negeri seperti Jambi, Labuan, Judah, London, Mukah, Miri, Jawa, Melaka, Manila dan negeri-negeri lain. Penyebutan nama-nama ini penyelidik andaikan bahawa pemantun Brunei, selain mempunyai hubungan langsung dengan negeri ini, juga mempunyai ilmu pengetahuan geografi yang amat mendalam.

Orang asing ini sudah menjadi sebahagian daripada dunia dan warga Melayu secara amnya dan Brunei secara khususnya. Kehadiran mereka ini mewarnai kehidupan masyarakat dan sejarah dunia Melayu sejak berkurun lama. Kedatangan kaum Cina dan India ke Brunei sedikit sebanyak menggambarkan perasaan dan pandangan orang Brunei terhadap kaum ini. Corak dan gelagat kehidupan mereka diperhatikan oleh orang Brunei; ada yang lucu, mengejek dan jadi ikutan yang mereka lihat asing daripada budaya orang Brunei.

## KESIMPULAN

Pantun yang berunsur sejarah ini nampaknya mengandungi ciri-ciri karya historiografi Melayu. Ini dapat disoroti menerusi beberapa buah pantun yang mengisahkan tentang asal usul kejadian sesuatu tempat, asal usul Puteri Laila Menchanai, pembentukan Negara Brunei Darussalam,

kegemilangan dan keagungan pada zaman pemerintahan Sultan Bolkiah dan sebagainya. Pantun dengan sifat penciptaannya berdasarkan imaginasi dan fantasi, tidaklah dapat dikatakan seratus peratus sebagai sumber sejarah. Sebagai khazanah tradisi lisan, kita juga tidak dapat menolak akan peranan tradisi lisan sebagai perakam sejarah bangsa. Ini adalah kebanyakan yang terakam, diselidik, dikumpul dan didokumentasikan adalah berdasarkan temu bual serta rakaman daripada mereka yang ada dan hidup pada zaman tersebut.

Unsur sejarah yang diwarnai dalam pantun ini tidak dapat dijadikan fakta sejarah yang konkrit, kerana ada cerita dalam pantun ini cuma andaian yang disesuaikan dengan sejarah Brunei. Kebanyakan pantun yang berhubung dengan kegemilangan Negara Brunei Darussalam, dilatari semasa zaman pemerintahan Sultan Bolkiah. Ini adalah kerana pada zaman baginda, Brunei berada di kemuncak kegemilangannya.

## Rujukan


Bzarul Bahman, 2006. "Orang Asing dalam Pantun" dlm. Rogayah A. Hamid (peny.). *Pandangan Semesta Melayu-Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri (POKADDSU), 1994. "Brunei di Tengah-tengah Nusantara" dlm. Awang Haji Muhammad bin Abdul Latif dkk. (peny.). *Brunei di Tengah-tengah Nusantara Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei.* Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid (Dr), 2001. *Lanang Beladu Lanang (Pengantar & Koleksi Pantun Brunei)*. Brunei: Jabatan Kesusasteraan Melayu, FASS, Universiti Brunei Darussalam.

Haji Md. Zain bin Haji Serudin (PJLPRDSU), 1992. *Brunei Darussalam Persepsi Sejarah dan Masyarakatnya*. Brunei: Azza Publishers & Distributors, hlm. 54-59.

Ismail Hamid, 1986. *Sastera Rakyat: Suatu Warisan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Lufti Abas (peny.), 1991. *Antologi Sastera ASEAN Warisan Puisi Melayu Brunei*. Brunei: The ASEAN Committee on Culture and Information.

Matassim Haji Jibah, 1980. "Syair Awang Semaun dari Puisi ke Prosa" dlm. *Berita Muzium*. Bandar Seri Begawan: Muzium Brunei, April-September 1980.

Mohamad Amin Hassan, 1975. "Tradisi Lisan-Sejarah Lisan dalam Usaha Mengkaji Sejarah Tanah Air Kita" dlm. *Tradisi Lisan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia.

Muslim Burmat (peny.), 1992. *Antologi Sastera ASEAN-Bunga Rampai Sastera Rakyat Brunei*, Jilid 1B. Brunei: The ASEAN Committee on Culture and Information.

Nik Safiah Karim, 2006. "Keindahan Bahasa Melayu dalam Pantun", dlm. *Pandangan Semesta Melayu-Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

P.M. Yusuf, 1975. "Istiadat Diraja Brunei" dlm. *Brunei Muzium Journal*, Bil.3 Jilid 3. Bandar Seri Begawan: Muzium Brunei.

Winstedt, R.O., 1977. *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.


[1] Mengikut Profesor Madya Dr Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid (5 November 2007), *Dundang* lebih terkenal dalam masyarakat Melayu di Kampong Ayer. Dialek yang digunakan dalam bedundang adalah bahasa Brunei, orang Kampong Ayer yang terkenal dengan *belandih*. Selain itu *naindung* dan *adai-adai* juga sering dilagukan dengan pengisian pantun Brunei.

[2] Cerita daripada Allyarham Awang Haji Tuah bin Kapal kepada Penulis 11 tahun lalu, dan cerita ini juga diakui kebenarannya oleh Prof. Madya Dr Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid.

[3] Peristiwa ini lebih kurang sama dengan legenda pendosa, *Si Tanggang* di Malaysia dan *Malim Kundang* di Indonesia.

[4] Temu bual Cikgu Haji Ramlee bin Yunggal, berusia 60 tahun, seorang guru dan menetap di Kampung Penanjong pada 12 November 2007.

[5] Untuk keterangan lanjut rujuk Haji Md. Zain bin Haji Serudin (PJLPRDSU), 1992, *Brunei Darussalam Persepsi Sejarah dan Masyarakatnya*. Brunei Azza Publishers and Distributors, hlm. 54 – 59.

[6] Sila baca juga, Prof. Madya Dr Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid, 2001. *Lanang Beladu Lanang*, Jabatan Kesusasteraan Melayu, FASS, Universiti Brunei Darussalam, hlm. 39 – 40.



# BIOGRAFI

***A.Rahman Yusuf***

*A.Rahman Yusof ialah nama pena Haji Abdul Rahman bin Yusof. Pernah menjadi guru di beberapa buah sekolah di negara ini. Antaranya Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong tahun 1964 hingga 1969 dan di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Brunei tahun 1971. Selain itu, pernah berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Pengarang dan Pengarang Kanan pada tahun 1975.*

*Mula bergiat aktif dalam penulisan kreatif pada tahun 1961 dengan menghasilkan karya genre cerpen dan sajak. Sajak yang pertama "Bendera Tiga Warna" terbit dalam Suara Bakti pada tahun 1961. Manakala cerpen pertama beliau disiarkan di Radio Brunei pada tahun 1964 bertajuk "Mengharap Darah di Ikan Kering".*

*A.Rahman Yusof lebih cenderung menulis skrip drama tv dan radio. Ini dapat dilihat melalui penerbitan buku persendirian. Antaranya antologi drama kanak-kanak persendirian Dang Ayang, 1955 dan antologi drama persendirian Kiambang Bertaut 2005. Selain itu, kecenderungan A.Rahman Yusof terhadap penulisan skrip terserlah apabila beliau memenangi beberapa buah pertandingan antaranya Hadiah Pertama dalam Peraduan Menulis Skrip Drama Pentas anjuran Jawatankuasa Perayaan Sempena Perpuspaan Sultan, anjuran Majlis Belia Brunei (1968), Hadiah Kedua dalam Peraduan Menulis Skrip Drama Pentas Purba anjuran ASTERAWANI (1971) dan Hadiah Skrip Terbaik dalam pesta Drama sempena Kemerdekaan Peringkat Kebangsaan (1984).*

*Ketekunan dan kesungguhan beliau menghasilkan skrip drama telah mengangkatnya sebagai Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara, Bangkok Thailand pada tahun 1992, menerusi buku Antologi Drama Kiambang Bertaut.*

## *Seri Begawan - Bapa Kemerdekaan**

A.Rahman Yusuf
(Brunei Darussalam)

Hadirmu telah diadatkan
sebagai pejuang keramat
membela maruah bangsa
mencipta kehendak manusia.

Tiga zaman kaulalui
musim meneroka ilmu dan budi
ketika mencipta jasa dan bakti
dan masa menghimpun takwa
persiapan hari-hari akhirnya menjelma.

Suaramu menggegar buana
kata–katamu merubah warna
cintamu membakar feudalisme
hasratmu mencipta bahagia.

Seri Begawan
kini, di hati setiap insan
tegak tugu-tugu peringatan
mengenang jasa perwira
yang mencipta kemerdekaan
mengusir kuasa pajakan
mengikis sisa kemiskinan
menegakkan keadilan
mempertahankan keamanan
cuma untuk manusia bernama insan.

Tentang cerita dalaman hatimu
berdengung di setiap telinga
kisah kasih cintanya
pada rakyatnya tentang ingau hatinya
kepada marhaen yang tak bertangga
resah gelisah rasanya
kerana ana- anak gauk mencipta onar binasa
pengamal dadah, rasuah penyalahgunaan kuasa
semangatnya terus membara
langkahnya kian ligat mengembara
yang tak pernah jemu, letih, dan lupa.

Seri Begawan
ternyata tidak dapat ditundakan
oleh ancaman
tidak dapat dilumpuhkan
oleh penyakit hasad bikinan
tidak mudah diseret
oleh syaitan
tidak dapat dialpakan
oleh wajah bertopeng penuh kepuraan.

Tinta emas
merakam kehadiran
pemimpin agung zamannya
pewaris mutlak sejarah bangsa
sebagai pelita cermin wajah generasi hari muka menjadi
ristaan
penghuni dunia akhir zaman
yang bertali-tali
kekal karar berbangga
atas nama bangsa Bolkiah
yang tegak di mana-mana.

***

* Sajak ini sumber dari Astaka Khusyuk Tawaduk : Antologi Puisi Merdeka sempena Jubli Perak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2009. (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019)



# BIOGRAFI

***HJR***

*Nama sebenar Haji Jawawi bin Haji Ahmad (HJR) dilahirkan pada 24 Februari 1949 di Miri, Sarawak. Mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Anchi Miri, Sarawak (1957), Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria, Kuala Belait (1958 – 1963), Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait (1964), Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei (1965), Sekolah Menengah Melayu Pertama Bandar Brunei (1966 – 1967), Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara (1968 – 1969), Maktab Perguruan Brunei (1970 – 1972) dan Kursus Penulisan Kreatif, Fakulti Sains Sosial Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1983 – 1984).*

*Pernah betugas sebagai guru di Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait pada tahun 1973 dan Sekolah Inggeris Berakas, Brunei pada tahun 1974 hingga 1982. Jawatan terakhir beliau sebelum bersara adalah Pengarang Kanan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada tahun 1998 hingga 2004.*

*Beliau mula berkarya pada tahun 1996, dengan nama pena Jaba, R.A. Jaba, Loklok Netto, Fajar N.O. Yushadir dan HJR. Namun kini lebih dikenali dengan nama pena HJR. Terutama dalam bidang puisi, kritikan sastera dan rencana umum. Hasil tulisan beliau tersiar antaranya dalam Bahana, Mekar, Juara, Dewan Sastera, Intan, Bintang Harian, Pelita Brunei dan juga dalam Radio dan Televisyen Brunei.*

*Sehingga kini, karya beliau banyak termuat dalam Antologi Puisi bersama-sama dengan penulis lain antaranya Antologi Puisi Sembah Daulat Sejambak Kasih 70 tahun, 2016 terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. di samping itu Antologi Puisi Perseorangan beliau antaranya Kumpulan Ragam Puisi, 2010 terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.*

## *Masih Ada**

HJR
(Brunei Darussalam)

Dalam hembusan bayu
kenangan menggamit rasa
seolah ada kaki melonjak-lonjak
takut pada riak ombak
membasahi gaun birunya.

Di alun ombak itu
menggamit pasir pantai
terpaku ia berdiri
bersama kasih di dadanya
dan jari-jari lembutnya
malu menepis angin
yang lewat di kakinya.

Kenapa aku takut
pada waktu belum tentu
sehingga rasa terkapar
di waktu keindahan ini
apakah masih ada
cintanya di sini.

13 Jun 1996

***

* sajak ini terbit dalam majalah Bahana Julai 1996, Bil. 188. Jilid 31.

# BIOGRAFI

***Abdul Hadi Wiji Muthari***

*Prof. Dr Abdul Hadi Wiji Muthari atau dikenal dengan Prof. Dr Abdul Hadi WM adalah salah satu sastrawan, budayawan dan ahli filsafat Indonesia. Ia dikenal melalui karya-karyanya yang bernafaskan sufistik, penelitian-penelitiannya dalam bidang kesusasteraan Melayu Nusantara dan pandangan-pandangannya tentang Islam dan pluralisme.*

*Abdul Hadi WM lahir di Sumenep, 24 Juni 1946 dan terlahir dengan nama Abdul Hadi Wijaya. Ketika dewasa ia mengubah nama Wijaya menjadi Wiji. Ia lahir dari garis keturunan peranakan Tionghoa di wilayah Sumenep, Madura. Ayahnya, saudagar dan guru bahasa Jerman bernama K. Abu Muthar, dan ibunya adalah putri keturunan Mangkunegaran bernama RA Sumartiyah atau Martiyah. Mereka dikaruniai sepuluh orang anak dan Abdul Hadi adalah putra ketiga; tetapi kedua kakaknya dan empat adiknya yang lain meninggal dunia ketika masih kecil.*

*Anak sulung dari empat bersaudara (semua laki-laki) ini pada masa kecilnya sudah berkenalan dengan bacaan-bacaan yang berat dari pemikir-pemikir seperti Plato, Sokrates, Imam Ghazali, Rabindranath Tagore, dan Muhammad Iqbal. Sejak kecil pula ia telah mencintai puisi dan dunia tulis menulis. Penulisannya dimatangkan terutama oleh karya-karya Amir Hamzah dan Chairil Anwar. Bersama teman-temannya Zawawi Imron dan Ahmad Fudholi Zaini, Hadi mendirikan sebuah pesantren di kota kelahirannya tahun 1990 yang diberi nama "Pesantren An-Naba", yang terdiri dari masjid, asrama, dan sanggar seni tempat para santri diajari sastra, seni rupa (berikut memahat dan mematung), desain, kaligrafi, mengukir, keramik, musik, seni suara, dan drama.*

*Bebarapa karya Abdul Hadi sebagai berikut.*

1. *Laut Belum Pasang, Litera, 1971*
2. *Potret Panjang Pengunjung Pantai Sanur, Pustaka Jaya, 1975*
3. *Meditasi, Budaya Jaya, 1976 (mendapat hadiah Buku Puisi Terbaik DKJ)*
4. *Tergantung Pada Angin (1977)*
5. *Anak Laut Anak Angin, Harapan, 1983*
6. *Modin Karok, (Cerita Rakyat Madura), Balai Pustaka, 1983*
7. *Keluarga Tikus (cerita anak-anak), Balai Pustaka, 1984*
8. *Kembali ke Akar Kembali ke Sumber: Esai-esai Sastra Profetik dan Sufistik (Pustaka Firdaus, 1999)*
9. *Islam: Cakrawala Estetik dan Budaya (Pustaka Firdaus, 1999)*
10. *Tasawuf Yang Tertindas*



# *Tradisi Dan Dialektikanya Dalam Sastra*

Abdul Hadi Wiji Muthari

Panitia Munsi II meminta kami membicarakan tradisi dan dialektikanya dalam sastra. Khususnya dalam sastra Indonesia modern yang usianya telah menapak hampir satu abad setelah munculnya roman karangan Merari Siregar, novel Mas Marco dan puisi-puisi tanah air karangan Muhammad Yamin. Karangan-karangan penulis yang telah disebut ini dianggap sebagai tonggak lahirnya sastra Indonesia modern. Dikatakan modern karena menyimpang dari tradisi penulisan sastra sebelumnya. Penyimpangan itu dilakukan secara sadar demi pembaruan. Pengaruh sastra Barat menjadi salah satu ukuran bagi penyimpangan dan kebaruan. Sedangkan karangan-karangan penulis Indonesia lama, khususnya Jawa dan Melayu, dianggap sebagai karya tradisional. Menurut pandangan baru itu karya penulis Nusantara lama dipandang telah kehilangan arti dalam masyarakat baru yang sedang tumbuh.

Sebelum berbicara lebih lanjut izinkanlah saya mengupas dulu pengertian 'tradisi' dan kaitannya dengan pembicaraan tentangnya dalam sejarah sastra Indonesia. Secara umum apa yang dimaksud tradisi selalu diartikan sebagai kebiasaan-kebiasaan dan sistem kepercayaan yang diwariskan secara turun temurun di dalam suatu masyarakat dalam jangka masa yang lama. Jadi apa yang disebut tradisi ialah segala kebiasaan yang dipatuhi oleh semua anggota masyarakat tanpa pemikiran yang kritis. Misalnya apa yang disebut tradisi penulisan sastra atau puisi. Di Jawa, Bali, Sunda dan Madura orang harus mematuhi kovensi-kovensi tertentu dalam menulis puisi apkah ia harus menulis dalam bentuk tembang macapat seperti sinom, durma, maskumambang, kinanti dan pucung. Atau menulis dalam bentuk singir (syair di Jawa) dan syi`ir (Madura). Di kalangan orang Melayu terdapat bentuk penulisan puisi dengan aturan ketat seperti syair, pantun, talibun, seloka, bahasa berirama, dan lain sebagainya. Dalam kaitan ini tradisi disamakan dengan konvensi atau norma yang sifatnya menyejarah, suatu himpunan aturan atau hukum tak tertulis mengenai suatu kegiatan anggota sosial dalam masyarakat, yang di dalamnya termasuk aturan penulisan berbagai bentuk karya sastra. Dalam hubungan ini muncul istilah 'tradisionalisme' yang diturunkan dari kata 'tradisi' dan sering diartikan sebagai 'sastra lisan', karena konvensi-konvensi dan norma-norma yang harus diikuti itu lazim disampaikan secara lisan. Wikipedia misalnya mengartikan tradisi sebagai suatu kebiasaan atau kepercayaan yang hidup dalam janga masa yang lama.

Pengertian tradisi seperti itulah yang diterima oleh para pengarang Indonesia pada abad ke-20 M. Dari pengertian seperti itulah muncul pembedaan tajam antara tradisi dan modern, tradisi dan modernitas. Pembedaan itu pulalah yang mendorong Sutan Takdir Alisjahbana menerbitkan antologu Puisi Lama dan Puisi Baru pda tahun 1930an pada saat lahirnya *Poedjangga Baroe*. STA dan kawan-kawannya kemudian memberi sub-judul semboyan dari majalah yang diterbitkan Poedjangga Baroe dengan kata-kata "Pembawa Semangat Baru Dalam Kesusastraan" (C. Hooykaas 1977:45).

Cara memandang tradisi seperti itu dapat dikatakan linear. Ia meletakkan tradisi sepenuhnya sebagai bagian dari masa lalu dan oleh karena bagian dari masa lalu maka tradisi telah kehilangan eksistensi pada masa kini. Dengan munculnya sastra modern mereka berpendapat tradisi harus minggir dan tak perlu dihadirkan lagi dalam kegiatan penulisan sastra. Norma dan konvnsinya harus ditinggalkan, begitu pula cara penilaiannya. Pandangan seperti itu tentu saja tidak sepenuhnya keliru, namun subyektif. Dan kendati tidak sepenuhnya keliru, banyakkategori sastra yang penting dan relevan bagi kreativitas sastra masa kini dinafikan begitu saja. Menurut pandangan ahli hermeneutika, seperti Gadamer, karya sastra tidak lahir dari kekosongan sejarah dan penikmatan atasnya juga menghadirkan ke dalam dirinya konteks tertentu yang ada dalam sejarah. Yaitu tradisi atau tepatnya tradisi sastra. Rifaterre malah mengatakan bahwa karya seorang penyair itu merupakan jawaban terhadap karya yang telah ada sebelumnya (Pradopo 1989:57; Teuuw 1980:11). Dalam sejarah sastra dunia, juga dalam sejarah sastra kita, banyak ditemui karya lama tidak mati dan masih memberikan inspirasi kendati karya-karya baru bermunculan dengan berbagai aliran dan wawasan estetika yang melatari penciptaannya. Banyak pula karya lama tidak kehilangan arti dan relevansi dengan munculnya karya-karya baru. Bahkan tidak jarang sebuah karya lama itu lebih hidup dan relevan dibaca untuk memperoleh pengetahuan dan mendapatkan sumber ilham penciptaan karya baru.

Ambil contoh *Oedipus Rex*, sebuah tragedi Yunani Kuna karangan Sopocles. Karya itu ditulis pada abad ke-6 SM sebelum lahirnya filsafat rasional Aristoteles. Berkat pembahasan Arstoteles mengenai tragedi karya Sopocles itu terkenal ke seluruh dunia. Sampai kini tragedi itu masih dibaca dan dilakonkan di seluruh dunia, dengan tetap mematuhi pandangan Aristoteles bahwa tujuan penulisan tragedi ialah *katharsis*. Tidak hanya di Eropa, tempat di mana karya itu lahir tetapi juga di Asia drama Sopocles itu dipentaskan oleh para dramawan. Di Indonesia drama itu pernah dipentaskan misalnya oleh Rendra pada tahun 1970an. Sarjana psikoanalisa seperti Freud pun menjadikan tragedi Yunani Kuna sebagai bahan kajian psikoanalisa. Sebagai karya sastra *Oedipus Rex* didasarkan pada mitos. Kini kita dapat membuktikan fiksi bisa lebih hidup dibandingkan banyak aliran filsafat Yunani kuna yang dipandang sebagai hasil pemikiran rasional.

Bandingkan pula dengan *Bhagavad Gita*. BG dikarang pada abad ke-3 SM dalam bahasa Sanskerta, bahasa yang sudah dianggap mati. Pada mulanya ia merupakan bagian dari *Mahabharata*, tetapi kemudian dipisahkan dan tumbuh menjadi karya yang dapat dibaca dan direnungkan sebagai wacana tersendiri. Sampai sekarang kitab itu banyak dibaca begitu banyak orang di dunia, juga dibahas, dikaji dan dijadikan bahan perbincangan sastra dan filsafat. Apakah BG bukan karya tradisional? Apakah ia sudah mati sebagai bacaan dan pokok pembahasan sastra dan filsafat? Contoh lain ialah puisi-puisi Rumi yang d ditulis pada abad ke-13 dalam lingkungan tradisi sufi Persia yang melahirkan banyak penyair terkenal dan karya-karya agung.

Sering dikatakan bahwa karya seorang penyair adalah suara zamannya. Secara tersirat Rumi dalam puisinya.

*Apa yang memperlihatkan kepada kit*
*Bukti mengenai adanya dunia lain?*
*Perubahan-perubahan besar, terhapusnya masa lalu*
*Hari yang baru, malam yang baru*
*Taman yang baru dan bahaya-bahaya yang baru*
*Pada setiap masa ada pikiran baru*
*Kesenangan baru dan kekayaan baru*

*(Abdul Hadi W.M. 2013:21)*

Dalam puisinya ini Rumi menyatakan bahwa munculnya karangan-karangan baru dalam sastra adalah keniscayaan sejarah dan tradisi. Tetapi ia menghalangi kehadiran yang lama seperti kesenangan menulis puisi, dan juga tidak menghalangi hadirnya kembali kekayaan lama berupa khazanah sastra yang telah ada sebelumnya. Sebaliknya ia merupakan bukti adanya dunia lain yang bekerja di sebalik sejarah.

Sastra Indonesia (dengan tambahan kata 'modern' atau 'baru') diyakini lahir pada tahun 1920an, atau sekitar satu dua tahun sebelumnya. Ia ditandai dengan munculnya roman karangan Merari Siregar, Mas Marco, Semaun, Marah Rusli, Nur Sutan Iskandar, Abdul Muis dan lan-lain; puisi-puisi dan drama Muhammad Yamin, Rustam Effendy, Sanusi Pane, dan lain-lain (Rachmat Djoko Pradopo 1989:57-8) Ia lahir sebagai proses dialektis antara sastra daerah (baca tradisional)

dengan sastra yang telah telah mendapat pengaruh Barat (baca *modern*). Tetapi agar dapat dijadikan acuan dalam pembicaraan ini, saya ingin menambahkan bahwa secara umum apa yang disebut sastra tradisional ialah sastra lama Nusantara seperti sastra Melayu dan Jawa. Sastra tulis dalam bahasa Jawa mulai muncul pada abad ke-9 M dan berkembang terus hingga abad ke-19 M. Sejarahnya menempuh dua zaman besar yaitu zaman pengaruh Hindu dan zaman kedatangan serta pengaruh Islam. Adapun sastra Melayu yang kita kenal sekarang melalui khazanahnya yang tertulis adalah karangan-karangan yang ditulis sejak abad ke-14 – 19 M bersamaan dengan luasnya penyebaran agama Islam.

Banyak sarjana mengatakan bahwa karya sastra baru lahir sebagai respon terhadap karya sastra sebelumnya, sebab memang tidak ada karya sastra yang lahir dari kekosongan tradisi atau sejarah (Teeuw 1980:11). Setelah munculnya puisi-puisi Muhammad Yamin "Tanah Air", kemudian puisi Asmara Hadi, Rustam Effendy dan Sanusi Pane pada tahun 1920an; baru kemudian muncul puisi-puisi Amir Hamzah yang lebih segar dari segi bahasa pengucapan dan semangat, dan kemudian setelah itu muncul puisi-puisi Chairil Anwar yang melakupan lompatan lebih jauh. Sekalipun kenyataannya demikian, masih banyak sarjana meyakini bahwa sastra modern muncul sebagai pemotongan terhadap sastra lama. Mereka berpendapat demikian karena mengatrikan tradisi sebagai sesuatu yang linear dan hadir dalam waktu tertentu yang sudah berlalu. Pengertian yang linear tentang tradisi itu yang disanggah oleh T.S. Eliot. Dalam esainya "Tradition and Individual Talent" menulis bahwa tradisi bukan sesuatu yang mati dan tetap hadir dalam kehidupan masa kini kita.

Menurut dia tradisi adalah bagian dari kebudayaan yang hidup. Walau ia dibentuk di masa lalu tetapi ia masih berfungsi membentuk tradisi-tradisi berikutnya di masa kini. Tradisi memang terikat dengan sejarah dan mengandung persepsi tentang masa lalu, akan tetapi bukan sesuatu yang hilang atau sesuatu yang sepenuhnya tanpa arti dalam masa kini. Pandangan ini lahir sebagai tanggapan terhadap subyektivisme dan emosionaisme kaum romantik. Baginya tradisi selalu memberikan sesuatu yang baru, menarik perhatian, pengaruhnya vital bagi perkembangan intelektual dan sastra. Tanpa diminta atau diundang, tradisi eksis dan hadir dalam kekinian perkembangan sastra. Ia memberi pengaruh kepada gagasan-gagasan, pemikiran dan kesadaran kita. Tradisi ikut membentuk kesadaran kita tidak hanya mengenai masa silam, tetapi juga berkenaan dengan kehadiran masa kini. Masa lalu sebenarnya juga adalah kekinian kita.

Eliot melihat tradisi secara *spatial*, dalam arti bahwa tradisi yang dibentuk dalam proses panjang sejarah di masa lalu adalah juga meruang sifatnya. Ia tidak diikuti oleh kehadiran dan pergantian garis secara linear. Sebaliknya masa lalu dan masa kini berdampingan hadir dalam sebuah tradisi besar. Seperti dikatakan Edward Said dalam *Culture and Imperialism* (1993), "Penyair, menurut Eliot, benar lahir karena adanya bakat individual. Tetapi ia melakukan kegiatan kepenyairannya di dalam suatu tradisi yang tidak semata-mata ia warisi, melainkan hanya dapat dicapai dengan ikhtiar. Tradisi, lanjutnya, tidak hanya melibatkan makna sejarah, sesuatu yang tak bisa ia ditinggalkan begitu saja oleh setiap orang yang ingin terus menjadi seorang penyair. Terutama setelah usianya mencapai 25 tahun atau lebih. Makna sejarah suatu persepsi, bukan hanya tentang keberlaluan masa lampau, tetapi juga berkaitan dengan kehadiran pada masa kini. Makna sejarah mendorong manusia untuk menulis bukan bersama generasinya pada masa hidupnya, melainkan juga menulis karya dengan suatu perasaan, misalnya bahwa seluruh kesusastraan Eropa sejak Homeros dan juga bahwa di dalamnya seluruh kesusastraan dari negerinya sendiri memiliki keberadaan simultan dan membentuk tatanan simultan."

Makna sejarah yang dimaksud di sini menyangkut 'yang abadi' dan 'yang sementara' sekaligus. Kesadaran rangkap tentang 'yang abadi' dan 'yang sementara' inilah yang membuat seorang penulis menjadi tradisional. Tetapi pada saat yang sama membuat seorang penulis sadar akan tempatnya di dalam ruang waktu dan dalam kekiniannya. Tidak ada penyair, atau seniman dari cabang seni mana pun, yang menyimpan makna sejarah selengkapnya. Artinya karya seorang penyair hanya menyimpan sebagian saja dari makna sejarah. Ia hanya bisa diterangkan maknanya melalui karya-karya lain yang telah hadir sebelumnya atau yang mendahuluinya. Begitulah kebermaknaan puisi-puisi Chairil Anwar hanya dapat diterangkan dengan melihat perkembangan puisi sebelumnya, khususnya puisi-puisi Pujangga Baru seperti Amir Hamzah, Sanusi Pane, J.E. Tatengkeng, Sutan Takdir Alisyahbana dan Armyn Pane. Kebermaknaan puisi Chairil Anwar pula dapat diterangkan lebih jauh dengan melihat perkembangan puisi yang sezaman dengannya. Begitu pula untuk dapat menerangkan puisi-puisi Amir Hamzah, kita perlu membanding dengan puisi-puisi Indonesia sezaman sebelum dan setelah lahirnya Pujangga Baru pada tahun 1930an. Misalnya dengan puisi Muhammad Yamin, Asmara Hadi, Rusttam Effendy dan Sanusi Pane. Bahkan itu pun belum cukup. Untuk menyingkap arti kehadiran puisi Amir Hamzah kita juga harus melihat puisi Melayu abad ke-16 – 19 M seperti syair-syair Hamzah Fansuri dan gurindam Raja Ali Haji.

Sementara ini saya tak ingin berpanjang-panjang dengan contoh. Seorang penyair mestinya kenal akrab dengan sejarah kepenyairan di negerinya, mengenal perkembangan puisi di tanah airnya, dan tahu wawasan kepenyairan dan estetika seperti apa yang pernah berkembang dalam sejarah sastra nasional di negerinya. Yang lebih penting untuk dikemukakan di sini ialah arti Tradisi (T besar) dalam sejarah sastra Indonesia sebagai kelanjutan dari perkembangan apa yang disebut sastra Nusantara. Hanya dengan berbicara tentang sastra Nusantara, kendati secara singkat, kita mengetahui apa yang dimaksud dengan 'tradisi sastra' atau 'tradisi penulisan kreatif' dalam konteks sejarah Indonesia. Tanpa bicara kesusastraan Nusantara dan tradisi-tradisinya yang berkembang dan terbentuk dalam sejarahnya, agaknya kita mustahil memahami apa yang disebut tradisi sastra di Indonesia.

Indonesia adalah negara dan juga bangsa baru di dunia, berlainan dengan Jerman, Iran, Jepang, Inggris dan India. Negara-negara yang saya sebut terakhir ini adalah negara-negara lama yang tradisi sastranya telah lama terbentuk, dalam arti sebagai kesatuan yang melandasi melandasi seluruh tradisi sastranya di dunia modern. Tidak berarti di sana tidak ada tradisi lokal, namun tradisi sastra nasionalnya sudah hadir dan berkembang mantap. Sebagai bangsa baru Indonesia memulai tradisi nasionalnya pada awal abad ke-20 M setelah munculnya gerakan kebangsaan. Sebelum itu bangsa Indonesia telah memiliki tradisi sastra lisan dan tertulis yang terpencar di berbagai daerah. Banyak dari tradisi atau sastra daeah ini yang dituturkan secara lisan, tetapi juga tak boleh dipungkiri bahwa banyak yang dituturkan dalambentuk sastra tulis. Misalnya sastra Jawa, Sunda, Melayu, Aceh, Bali, Batak, Mandailing, Minangkabau, Bugis, Banjar, Sasak, Madura, Makassar, Palembang, Banjar, dan lain-lain. Dewasa ini kebanyakan dari kita memahami bahwa yang adalah tradisi-tradisi sastra daerah yang terpencar-pencar dan saling tidak berhubungan. Itu pandangan yang keliru dan harus dibetulkan.

Meskipun sastra daerah itu kelihatan sebagai kumpulan tradisi yang terpencar-pencar, akan tetapi di antaranya terdapat sastra daerah yang menasional dalam arti berpengaruh bagi perkembangan sejumlah sastra daerah yang lain. Dua di antaranya yang mudah kita pelajari ialah sastra Jawa dan sastra Melayu lama. Dua tradisi sastra daerah ini merupakan induk dari tradisi sastra yang berbagai-bagai di daerah-daerah yang dipengaruhinya, terutama disebabkan hubungan politik, ekonomi dan penyebaran agama besar seperti Hindu, Buddha dan Islam. Pertama, saya sebut tradisi sastra Jawa. Ia meliputi di dalamnya tradisi sastra Jawa Kuna, tradisi Jawa Baru, tradisi Bali, Sasak, Madura dan Sunda. Dan pengaruhnya pun tidak kecil di kepulauan Melayu.

Sastra Jawa mengaami dua fase penting dalam sejarahnya. Fase pertama munculnya tradisi penulisan sastra pada zaman Jawa Kuna yang dipengaruhi perkembangan agama Hindu dan Buddha. Fase kedua munculnya sastra Jawa baru setelah tersebarnya agama Islam pada abad ke-15 dan 16 M. Demikianlah dalam konteks sastra Jawa apa yang disebut tradisi sastra Jawa itu dalam dirinya telah menyerap banyak pengaruh India, Arab dan Persia. Sampai kini tradisi itu masih hidup dan dirasakan kehadirannya di Bali, Lombok, Madura dan Pasundan. Misalnya cerita pewayangan dan cerita-cerita lain yang lahir pada zaman Majapahit, Demak, dan Mataram.

Tradisi Melayu adalah tradisi kedua Nusantara yang paling luas pengaruhnya dan sangat menasional. Ia lahir dan tumbuh subur bersamaan dengan maraknya perkembangan agama Islam serta penyebaran tradisi intelektual dan estetikanya. Sastra Melayu memberi pengaruh besar kepada sastra daerah lain seperti sastra Jawa, Aceh, Sunda, Minangkabau, Palembang, Mandailing, Lampung, Madura, Banjar, Bugis, Makassar, Sasak, Betawi, dan lain sebagainya. Kaya-karya yang muncul dalam sastra daerah yang telah disebutkan ini banyak yang digubah aau disadur dari karya-karya Melayu yang sezaman, dan tidak banyak mengubah wawasan estetika dan corak penulisannya. Maka terdapat banyak kesamaan. Misalnya hikayat-hikayat yang menceritakan kehidupan para Nabi, Sahabat, Wali Sufi dan hikayat-hikayat peperangan (epik). Hikayat peperangan seperti *Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Iskandar Zulkarnaen, Hikayat Muhammad Ali Hanafiyah, Hikayat Hasan dan Husen*, dan lain-lain ditemui dalam berbagai sastra daerah seperti Jawa, Sasak, Aceh, Madura, Sunda, dan lain sebagainya. Hikayat-hikayat ini disadur bukan langsung dari hikayat Arab dan Persia, melainkan dari hikayat Melayu. Bukan hanya bahan verbal dari cerita atau narasinya yang diserap dalam sastra Melayu, akan tetapi bahkan juga wawasan estetika, filsafat hidup yang dikandung di dalamnya, dan bentuk puisi dan prosa yang dijadikan saluran dalam penyampaian pesan keruhanian dan moralnya. Banyak pengarang lama di abad-abad yang lalu di lingkungan masyarakat sastra Jawa, Sunda dan Madura mengenal dengan baik karya-karya penulis Melayu dan menyadur beberapa hikayat dan karangan-karangan bercorak tasawuf dari khazanah sastra Melayu. Mereka kenal dengan baik siapa Hamzah Fansuri, Syamsudin Sumatra'i, Bukhari al-Jauhari, dan tokoh sastra Melayu yang lain. Pada abad ke18 M pujangga Surakarta Yasadipura I misalnya telah menerjemahkan Tajussalatin karangan Bukhari al-Jauhari, pujangga Aceh abad ke-16 M. Ia juga menyadur *Hikayat Amir Hamzah* Melayu ke dalam bahasa Jawa dengan judul baru Serat Menak. Saduran Hikayat Amir Hamzah dalam bahasa Jawa ini kemudian juga disadur lagi ke dalam versi Sunda dan Madura. Risalah-risalah tasawuf Hamzah Fansuri juga disalin ke dalam bahasa Jawa dan Sunda oleh pengarang di wilayah kesultanan Banten pada abad ke-18 M. Ajaran tasawuf Hamzah Fansuri dan Syamsudin Sumatra'i, sufi Aceh abad ke-16 dn 17 M, dijadikan rujukan utama oleh Ranggawarsita dalam menulis karyanya seperti *Hidayat Jati* dan lain-lain. Interaksi pengarang Jawa, Sunda, dan Madura itu sedemikian aktifnya dengan tradisi Melayu hingga melahirkan tradisi baru yang berlainan dengan tradisi zaman Hindu yang mereka warisi. Ini menunjukkan bahwa sastra daerah tidak sepenuhnya terasing dari sastra daerah lainnya di Nusantara (Baca antara lain Th. Pigeaud 1968; V.I. Braginsky 1999).

Kini kita beralih bicara tentang sastra Indonesia mdern. Yang disebut sastra Indonesia modern adalah karya-karya pengarang Indonesia yang menggunakan bahasa Indonesia, sedangkan asal-usul bahasa Indonesia adalah bahasa Melayu.

Di satu pihak ia bisa dikatakan sebagai sastra baru, yaitu berdasarkan konteks sejarah kelahirannya pada abad ke-20. Perbedaannya dengan karya-karya Melayu sebelumnya ialah bahwa karya-karya penulis baru itu sudah dipengaruhi oleh tradisi sastra Eropa, sedangkan sastra Melayu memadukan dalam dirinya pengaruh-pengaruh India, Arab dan Persia. Tetapi dilihat dari bahasa yang digunakan sebagai sarana ekspresi, yaitu bahasa Indonesia yang tak lain adalah bahasa Melayu, maka dapat juga dikatakan bahwa sastra Indonesia modern adalah kesinambungan dari sastra Melayu atau Indonesia lama.

Dengan penggunaan kata 'baru' atau 'modern' bagi karya penulis 1920an mengesankan telah terjadi pemotongan sejarah atau tradisi. Tetapi benarkah demikian. Mari kita simak kembali puisi-puisi penyair 1920an itu dan kita bandingkan syair-syair Melayu Lama. Misalnya puisi Muhammad Yamin dalam antologi *Indonesia Tanah Tumpah Darahku*. Kita petik bait pertama:

*Duduk di pintu tanah yang permai*
*Tempat gelombang pecah berderai*
*Berbuih putih di pasir berderai*
*Tampaklah pulau di lautan hijau*
*Gunung gemunung bagus rupanya*
*Dilingkari air mulia nampaknya*
*Tumpah darahku, Indonesia lamanya*

Bahasa puisi ini masih konvensional. Yang baru adalah isinya, yaitu pengakuan bahwa tanah air penyair bukan hanya Andalas atau Sumatra melainkan Indonesia. Bandingkan pula dengan bait-bait puisi Rustam Effendi dalam "Bebasari" yang ditulis sekitar tahun 1925.

*Bukan beta bijak berperi*
*Pandai menggubah madahan syair*
*Bukan beta budak negeri*
*Musti menurut undangan mair*
*Syarat saraf saya mungkiri*
*Untai rangkaian seloka lama*
*Beta buang beta mungkiri*
*Sebab laguku menurut sukma*

Bahasa puisi Rustam Effendy masih konvensional, kendati isinya baru yaitu keinginan bebas penyair dari ikatan lama. Kalau isi dipandang ukuran untuk melihat kebaruan sebuah puisi, agaknya itu tidak. Sanusi Pane, penyair yang sezaman dengannya menulis dalam "Sajak":

*Di mana harga karangan sajak*
*Bukan dalam maksud isinya*
*Dalam bentuk, kata nan rancak*
*Dicari timbang dengan pilihnya*

Puisi Sanusi Pane jelas lebih personal dibanding puisi Yamin dan dapat dkatakan baru bukan hanya dalam semangat dan jiwa, tetapi juga dalam ungkapan puitiknya (A Teeuw 1979:19-21). Namun tidak bisa dipandang sebagai benar-benar baru dalam hal puitikanya. Puisi Indonesia sebelum Perang Dunia II mencapai puncaknya dalam karangan Amir Hamzah, penyair yang diberi julukan Raja Penyair Pujangga Baru. Amir Hmzah dapat dikatakan melakukan lompatan besar, melalui kemampuannya memadukan semangat romatik Eropa dan semangat romantik penyair sufi. Kehadiran puisi Amir Hamzah membalikkan pandangan STA yang menganggap jiwa puisi lama atau tradisi telah mati di tangan Pujangga Baru. Puisi-puisi Amir Hamzah justru menghidupkan tradisi puisi Melayu lama, khususnya puisi-puisi penyair sufi seperti Hamzah Fansuri. Ciri puisi sufi ialah adalah personal dengan citraan-citraan simbolik yang hidup. Semangatnya bisa hadir dalam situasi apa pun. Saya ambil contoh satu bait puisi "Berdiri Aku" Amir Hamzah:

*Berdiri aku di senja senyap*
*Camar melayang menepis buih*
*Melayah bakau mengurai puncak*
*Berjulang datang ubur terkembang*
*(Abdul Hadi W.M. 2001:317)*

Bandingkan dengan bait puisi Hamzah Fansuri abad ke-16 M:

*Hamzah Fansuri di dalam Mekkah*
*Mencari Tuhan di Baitil Ka`bah*
*Di Barus ke Quds terlalu payah*
*Akhirya jumpa di dalam rumah*
*(Ibid hal. 315)*

Telah dikemukakan bahwa makna sejarah dari tradisi mengandung dua aspek yaitu kesementaraan, yaitu kehadirannya dalam waktu pada masa tertentu yang telah berlalu; dan aspek keabadian, yaitu kehadirannya pada masa kini di dalam ruang kehidupan sastra. Dalam kaitannya dengan aspek kedua tradisi dapat dirasakan kehadirnnya setiap kita membicarakan sastra. Dalam kaitannya dengan aspek kesementaraannya itu sebuah puisi, dan karya sastra secara umum, dikatakan sebagai suara zamannya. Maksud pernyataan 'suara zaman' ialah bahwa puisi lahir dalam konteks sejarah tertentu. Ia menyuarakan aliran-aliran sastra dan pemikiran yang dominan pada masa seorang penyair menulis puisinya.

Dalam kaitannya dengan puisi Amir Hamzah ialah kuatnya pengaruh aliran romantik dan semangat kebangsaan. Di Indonesia aliran romantik menjiwai kreativitas Pujangga Baru, sebuah gerakan sastra 1930an yang terkenal dengan wawasan bahwa "puisi merupakan gerakan sukma yang mengalir ke indah kata". Menurut aliran romantik, puisi harus merupakan pengucapan personal. Kaum romantik pula lazim mengangkat alam sebagai sarana pengucapan jiwa penyair yang dilimpahi pengalaman akan keindahan. Semangat kepenyairan seperti itu sebenarnya juga telah melekat lama dalam tradisi kepenyairan Melayu yang dipengaruhi oleh tasawuf atau estetika sufi (Abdul Hadi W.M. 2001).

Mengenai puisi Hamzah Fansuri, aspek kesementaraan atau konteks zaman yang melahirkannya memang berbeda. Aliran sastra yang dominan pada masa hidup Hamzah Fansuri tasawuf atau sufi. Semangat kesufian itulah yang membentuk tradisi kepenyairan dalam jangka masa panjang dalam tradisi Melayu. Tetapi karya-karya terbaik dari penyair Melayu lama bukannya tak bisa diapresiasi oleh penyair masa kini dan kehilangan makna., Chairil Anwar kita yakini telah melakukan lompatan besar dalam sejarah puisi Indonesia. Pembaharuan yang dilakukan memberikan pengaruh besar terhadap perkembangan puisi Indonesia setelah proklamasi RI 1945. Tetapi beberapa puisinya masih dibayangi puisi penyair sebelumnya, khususnya Amir Hamzah. Yang paling ketara ialah saj "Doa" dan "Senja di Pelabuhan Kecil". Dua puisi ini diakui oleh beberapa kritikus seperti A Teeuw sebagai respon terhadap sajak Amr Hamzah "Doa" dan "Berdiri Aku". Bahwa beberapa puisi Chairil Anwar masih punya pertautan dengan puisi Indonesia sebelumnya, saya kutip bait pertama dari "Derai Cemara":

*Cemara menderai sampai jauh*
*Terasa hari akan menjadi malam*
*Di tingkap ada dahan merapuh*
*Dipukul angin yang terpendam*

Chairil Anwar mengambil citraan alam untuk membangun puisinya, tidak berbeda dengan Amir Hamzah. Bangunan rimanya pula tidak berbeda dengan bangunan rima puisi Amir Hamzh dan Hamzah Fansuri yang elah dikutip. Puisi Chairil Anwar mengambil citraan alam untuk membangun puisinya, tidak berbeda dengan Amir Hamzah. Bangunan rimanya pula tidak berbeda dengan bangunan rima puisi Amir Hamzh dan Hamzah Fansuri yang elah dikutip. Puisi "Derai Cemara" mengandung baik aspek kesemantaraan maupun aspek keabadian (kelanggengan) dari tradisi. Tradisi undur tetapi sekaligus hadir dalam puisi ini. Saya sudahi sampai di sini dulu perbincangan saya tentang tradisi dan dialektikanya. Kesimpulan yang dapat saya kemukakan ialah bahwa pertama apa yang disebut tradisi tidak harus semata dipahami secara linear sebagai kebiasaan-kebiasaan yang hadir hanya dalam jangka waktu tertentu. Tanpa disadari tradisi juga hadir dalam ruang masa kini kehidupan, karena seperti sejarah dalam dirinya tradisi mengandung dua aspek ialah kesementaraan dan keabadian. Banyak puisi yang tergolong bagian dari tradisi hadir di masa kini dengan makna yang segar dibanding puisi-puisi yang ditulis pada zaman kita. Seorang penyair pula tidak pernah bisa hidup atau memiliki keberadaan bermakna jika ia dipisahkan dari lingkungan tradisi bersastra pada zamannya. Penyair adalah suara zaman dan dengan demikian merupakan bagian dari suatu tradisi sastra yang hidup pada zamannya.

## Daftar Pustaka


Braginsky, Vladimir. *The Heritage of Tradisional Malay Literature*. Leiden: KITLV Press 2004.

Eliot, T.S. *Critical Essays*. London: Faber & Faber, 1932: p. 14-15.

Hadi W.M., Abdul. *Kembali ke Akar Kembali ke Sumber*. Jakarta: Pustaka Firdaus, 1999.

Hadi W. M., Abdul. *Tasawuf Yang Tertindas, Kajian Hermenutik Terhadap Karya-karya*

*Hamzah Fansuri*. Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina 2001.

Hadi W.M., Abdul. "Aceh dan Kesusastraan Melayu". Dalam Sardono W. Kusumo (ed)

*Aceh Kembali ke Masa Depan*. Jakarta: IKJ, 2005: Hal 173-276.

Hooykaas C. *Perintis Sastra* (edisi baru). Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd., 1981.

Pigeaud, Th. *Literature of Java* vol.I. Synopsis of *Javanese Lierature* 900-1900 A.D. The Hague: Martinus Nyhoff 1967.

Pradopo, Rachmat Djoko. *Beberapa* Teori Sastra, *Metode Kritik dan Penerapannya*. Jakarta: Pustaka Pelajar, Yogyakarta 1989.

Said, Edward W. *Kebudayaan dan Kekuasaan*. Terj. Rahmani Astuti. Bandung: Mizan, 1996.

Teuuw, A. *Modern Indonesian Literature I*. The Hague: Martinus Nijhoff, 1979.

Teeuw, A. *Membaca dan Menilai Sastra*. Jakarta: Gramedia, 1980.

# BIOGRAFI

## *Chairil Anwar*

*Chairil Anwar lahir di Medan, 26 Juli 1922 – meninggal di Jakarta, 28 April 1949 pada umur 26 tahun, ia dijuluki sebagai "Si Binatang Jalang" (dari karyanya yang berjudul Aku). Oleh H.B. Jassin ia dinobatkan sebagai pelopor Angkatan '45 sekaligus puisi modern Indonesia.*

*Nama Chairil mulai terkenal dalam dunia sastra setelah pemuatan puisinya yang berjudul Nisan pada tahun 1942, saat itu ia baru berusia 20 tahun Hampir semua puisi-puisi yang ia tulis merujuk pada kematian. Vitalitas puitis Chairil tidak pernah diimbangi kondisi fisiknya. Sebelum menginjak usia 27 tahun, sejumlah penyakit telah menimpanya. Chairil meninggal dalam usia muda di Rumah Sakit CBZ (sekarang Rumah Sakit Dr Cipto Mangunkusumo), Jakarta pada tanggal 28 April 1949. Penyebab kematiannya tidak diketahui pasti, menurut dugaan lebih karena penyakit TBC. Ia dimakamkan sehari kemudian di Taman Pemakaman Umum Karet Bivak, Jakarta. Selama hidupnya, Chairil telah menulis sekitar 94 karya, termasuk 70 puisi; kebanyakan tidak dipublikasikan hingga kematiannya. Puisi terakhir Chairil berjudul Cemara Menderai Sampai Jauh, ditulis pada tahun 1949, sedangkan karyanya yang paling terkenal berjudul Aku dan Krawang Bekasi. Semua tulisannya baik yang asli, modifikasi, atau yang diduga dijiplak, dikompilasi dalam tiga buku yang diterbitkan oleh Pustaka Rakyat. Kompilasi pertama berjudul Deru Campur Debu (1949), kemudian disusul oleh Kerikil Tajam Yang Terampas dan Yang Putus (1949), dan Tiga Menguak Takdir (1950, kumpulan puisi dengan Asrul Sani dan Rivai Apin).*

## *Aku Berada Kembali*

Chairil Anwar

Aku berada kembali. Banyak yang asing:
air mengalir tukar warna,kapal kapal,
elang-elang
serta mega yang tersandar pada khatulistiwa lain;
rasa laut telah berubah dan kupunya wajah
juga disinari matari lain.
Hanya
Kelengangan tinggal tetap saja.
Lebih lengang aku di kelok-kelok jalan;
lebih lengang pula ketika berada antara
yang mengharap dan yang melepas.
Telinga kiri masih terpaling
ditarik gelisah yang sebentar-sebentar
seterang
guruh
1949



# BIOGRAFI

## *Linda Christanty*

*Linda Christanty lahir di Pulau Bangka, Bangka-Belitung, 18 Maret 1970. Ia menerima sejumlah penghargaan atas karya-karyanya, baik fiksi maupun non fiksi. Beberapa tulisan dan bukunya sudah diterjemahkan dalam beberapa bahasa, sepeti bahasa Inggris, bahasa Prancis, bahasa Jepang, bahasa Thai, bahasa Arab, bahasa Jerman, dan bahasa Finlandia. Linda merupakan salah satu penerima penghargaan dari Kusala Sastra Khatulistiwa.*

*Sejak kecil sudah mengakrabi dunia sastra. Awalnya dengan menulis catatan harian, puisi, dan cerita pendek. Beranjak remaja, ia makin giat menulis. Saat berumur 19 tahun (1989), karyanya dikonsumsi publik untuk pertama kali. Saat itu ia menjadi pemenang termuda lomba cerita pendek yang diselenggarakan oleh harian umum Kompas melalui karyanya, Daun-Daun Kering. Cerpennya itu kemudian dimuat dalam Riwayat Negeri yang Haru: Cerpen Kompas Terpilih 1981-1990, yang terbit pada Juni 2006 (editor Radhar Panca Dahana).*

*Selepas menyandang gelar sarjana sastra dari Fakultas Ilmu Budaya Universitas Indonesia (FIB UI), ia bekerja di sebuah majalah komunikasi bisnis dan periklanan. Tahun 1999, ia pindah ke tabloid ekonomi dan politik. Namun hanya bertahan selama satu tahun. Selanjutnya ia memutuskan untuk bergabung dengan sebuah majalah kajian jurnalisme dan media. Di majalah itu ia bekerja sebagai redaktur selama tiga tahun (2000-2003). Setelah majalah tersebut gulung tikar pada tahun 2003, ia menjadi penulis drama radio bertema transformasi konflik untuk Common Ground Indonesia (2003-2005). Pada Oktober 2005, ia mendirikan dan memimpin kantor berita di Banda Aceh untuk memantau rekonstruksi dan rehabilitasi pascatsunami proses perdamaian di Aceh. Ia tertarik dengan gaya penulisan jurnalisme naratif untuk mengemas hasil reportasenya di lapangan. Karya-karyanya berisi persoalan politik dan kemanusiaan yang terjadi di Indonesia dan kawasan Asia Tenggara, yang terkait dengan politik global. Linda menerbitkan sejumlah buku, baik fiksi maupun non fiksi, di antaranya Kuda Terbang Maria Pinto (2004), Dari Jawa Menuju Atjeh (2009), Rahasia Selma (2010), "Jangan Tulis Kami Teroris" (2011), "Seekor Anjing Mati di Bala Murghab" (2013), dan "Seekor Burung Kecil Biru di Naha; Konflik, Tragedi, Rekonsiliasi" (2015). Ia kerap diminta mempresentasikan gagasannya dalam pertemuan-pertemuan sastra dan media yang diadakan di dalam negeri maupun di luar negeri, di antaranya Melbourne Writers Festival, Australia, Ubud Writers Festival, Ubud, The Man Hong Kong Literary Festival, Hongkong, World P.E.N Symposium, Jepang, Winternachten-Morocco P.E.N Club, Maroko, dan lain-lain.*

*Selain diterbitkan di Indonesia, karyanya juga diterbitkan di luar Indonesia. Cerpennya yang berjudul The Kersen Tree dimuat dalam Asia Literary Journal, Hongkong (2006). Karya lainnya, Tiro's People yang bercerita tentang Gerakan Aceh Merdeka setelah perjanjian Helsinski, dimuat Arena Magazine, Australia (2007), sedangkan Sultan's Stick diterbitkan kembali oleh [[Subaru, majalah sastra di Jepang (2008). Esainya "Me, Islam and Literature" diterbitkan Critical Muslim di London.[8], Buku cerita pendeknya dalam Bahasa Thai, "Sua Sib Jed Tua Khong Luta" ("Tujuh Belas Harimau Luta") terbit di Bangkok, Thailand pada 2013. Pada Mei 2015 bukunya "Jangan Tulis Kami Teroris" terbit dalam Bahasa Jerman dengan judul, "Schreib bloß nicht, dass wir Terroristen sind!" dan diluncurkan di Berlin.*

*Ia dianugerahi sejumlah penghargaan sastra nasional dan internasional. Pada tahun 1998, ia meraih penghargaan Esai Terbaik Hak Asasi Manusia untuk esainya tentang militerisme dan kekerasan di Timor Timur. Ia juga memperoleh penghargaan sastra Khatulistiwa Literary Award sebanyak dua kali, untuk buku cerita pendeknya Kuda Terbang Maria Pinto (2004) dan Rahasia Selma (2010). Selain itu, ia juga menerima Penghargaan Prosa 2010 dari Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan Nasional untuk buku esainya Dari Jawa Menuju Atjeh dan Penghargaan Prosa 2013 dari Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan Nasional untuk buku cerita pendeknya, Seekor Anjing Mati di Bala Murghab. Pada 2010, ia menerima Women and Media Award 2010 dari Radio Komunitas Suara Perempuan Aceh. Ia menjadi salah satu nominasi untuk N-Peace Award 2012 dengan kategori Role Model for Peace di kawasan Asia Pasifik. Pada 2013, ia menerima penghargaan sastra Asia Tenggara, S.E.A Write Award (Southeast Asian Writers Award) di Bangkok, Thailand.*

## *Pengelana Laut*

Linda Christanty

Pengalaman menyelamnya yang paling mengesankan berlangsung pada puncak musim kemarau, di tahun bom bunuh diri meledak di Ibu Kota untuk pertama kali. Di pulau terpencil itu, ia benar-benar terasing. Sinyal teleponnya hilang. Tidak ada televisi di penginapan dan memang tidak perlu.

Ia datang untuk menyelam, bukan untuk menonton televisi. Akibatnya, ia baru mengetahui keadaan Gemala ketika tiba di rumah. Ibunya yang menyampaikan kabar sedih itu. Teman dekatnya nyaris buta karena lewat di muka gedung sasaran bom dalam perjalanan menuju kantor. Seiring waktu penglihatan Gemala berangsur pulih, tetapi hubungan mereka merenggang. Mungkin karena hidupnya sendiri berubah. Ia makin dekat dengan laut.

Ia dan ayahnya pergi menyelam di pagi hari itu. Sebuah perahu kecil membawa mereka ke lokasi penyelaman yang berjarak sekitar tujuh menit dari pantai. Mereka melihat bangkai kapal yang telah berubah menjadi taman bawah laut. Tiba-tiba seekor ikan besar mendekat, mengagetkannya. Ayahnya mengacungkan jempol, tanda aman. Mola-mola, ikan pemakan ubur-ubur, bukanlah ancaman.

Ia ingin lebih lama hilir-mudik di kedalaman, tetapi menggunakan tabung nitrox tidak boleh lebih dari satu jam. Melewati ambang batas akan membuat penyelam menghirup terlalu banyak nitrogen hingga hilang kesadaran. Oksigen juga berbahaya jika dihirup berlebihan karena merusak sistem saraf pusat. Dua hari kemudian, ia dan ayahnya terbang ke kota-kota yang berbeda. Sesudah itu ayahnya hilang.

Sejak ayahnya hilang, selain menyelam, ia menghabiskan masa-masa liburan dengan berenang di perairan pulau-pulau kecil, mendatangi kampung-kampung pesisir dan berbicara dengan para penghuninya. Siapa tahu di antara mereka ada yang pernah melihat ayahnya. Barangkali ayahnya diselamatkan sekawanan lumba-lumba hidung botol yang cerdas dan ramah, digiring ke tepi laut, di suatu tempat. Barangkali ayahnya diselamatkan ribuan camar laut yang menerbangkan tubuhnya ke pesisir, sebagaimana nenek moyangnya dulu dikisahkan tiba di sebuah pulau.

Ketika ia menunjukkan potret ayahnya, orang-orang kampung menggeleng cepat. Mereka tidak mengenal lelaki dalam potret.

Ibu meramal ayah masih hidup, segar-bugar. Namun, ramalan bukan kepastian, katanya. Tiap selesai shalat ibu mengirim doa untuk ayah, memanggil jiwanya pulang.

Kadang-kadang, ia membayangkan apa yang terjadi pada ayahnya semata-mata perkara teknis. Tabung selamnya pecah. Ayah terpaksa berenang menuju pulau terdekat yang tidak dihuni manusia. Namun, beberapa orang yang bertemu ayahnya terakhir kali bersaksi telah melihat lelaki ini berjalan sendirian ke arah laut untuk berenang, tidak membawa peralatan selam. Seorang saksi bahkan memberi keterangan berbeda kepada polisi. Ayahnya berjalan menuju hutan di belakang penginapan. Lebih dari setengah abad lalu Jim Thompson, pensiunan tentara dan mata-mata yang beralih menjadi pengusaha sutra, mengalami nasib serupa ayahnya. Ia berjalan-jalan di sekitar penginapan, lalu hilang.

Berbeda dengan ayahnya yang selalu berurusan dengan laut, pekerjaan sehari-harinya jauh dari laut. Ia mengurus orang-orang di darat, yang gagal menanggulangi masalah sejak dalam pikiran.

Sebagian masalah mereka cukup menarik dan membuktikan kekuatan imajinasi. Namun, imajinasi punya sisi kelam, seperti dampak penggunaan nitrogen dan oksigen yang melampaui batas dalam penyelaman. Salah seorang pasiennya bercerita pernah diculik makhluk luar angkasa. Pengalaman bertemu pleiadians, spesies yang paling indah, membuat hidupnya berubah drastis. Semua manusia di muka bumi terlihat buruk rupa. Ia tertekan melihat manusia. Ia menceraikan istrinya karena merasa terteror oleh wajah dan raga perempuan bumi.

Sebagai dokter, ia harus menyembuhkan trauma pasien ini agar mampu bertahan di dunia manusia dan menghargai perempuan.

Banyak orang meragukan keberadaan makhluk di luar bumi, karena bukti-bukti fisiknya belum pernah ditemukan. Pemerintah membantah secara resmi tentang pesawat luar angkasa yang dulu jatuh di sebuah ladang tebu. Kawasan itu ditutup dengan alasan mengandung racun radioaktif. Sejumlah aktivis hak-hak asasi manusia tidak percaya. Mereka yakin orang-orang komunis telah dikubur hidup-hidup di sana.

Ilmu kedokteran memiliki keterbatasan, sedangkan pengalaman manusia menjangkau wilayah-wilayah yang amat jauh. Meski sekarang ini orang-orang yang memiliki pengalaman bertemu dengan makhluk luar angkasa sering dianggap terkena gangguan mental atau berhalusinasi, kelak cerita-cerita mereka mungkin dianggap bagian dari sejarah alam semesta serta peradaban bumi.

Dulu, ia pernah membaca sebuah buku tentang drapetomania, penyakit jiwa yang ditemukan seorang dokter di Amerika. Drapetomania hanya diderita orang-orang kulit hitam yang berkeinginan kuat untuk lepas dari perbudakan. Dokter ini mendukung perbudakan. Seratus tahun kemudian gejala penyakit ini menyebar ke benua-benua lain, bermutasi dan dinamai "nasionalisme", sejenis penyakit yang diidap orang-orang yang ingin bebas dari penjajahan. Kini drapetomania tidak lagi tercantum dalam buku panduan tentang penyakit jiwa, melainkan topik dalam buku sejarah.

Ayahnya tidak tertarik kepada ilmu jiwa, karena menyukai hal-hal yang kasatmata. Sebelum menjadi penyelamat lumba-lumba, ia bckerja di sebuah lembaga yang mendukung konservasi kota kuno di bawah laut. Ia sempat diperiksa polisi ketika dua ilmuwan menjadi korban sindikat pencuri harta karun, diserang dengan harpun. Beberapa benda purbakala dijarah dari situs itu, termasuk alat musik dari batu yang beresonansi. Setelah proyek tadi berakhir, ayahnya menekuni pekerjaan lain yang juga berisiko tinggi. Ibunya cemas, tetapi tidak melarang. Suatu hari ibu menemukan cara mengurangi ketegangan. Ibu belajar meramal dengan kartu-kartu dan akhirnya membuka praktik kecil-kecilan di rumah.

Lumba-lumba, menurut ayahnya, menyantap hewan-hewan laut beracun sehingga membantu keseimbangan dan kelestarian alam. Sebagian ahli yang kurang tertarik pada teori kera Darwin memperkirakan lumba-lumba adalah mata rantai yang hilang dari asal usul manusia, yang pada masa tertentu merupakan makhluk semiakuatik, sedangkan pasiennya percaya bahwa leluhur manusia berasal dari luar angkasa.

Sebelum hilang, ayahnya menghadiri pertemuan antar-negara yang membahas perlindungan satwa-satwa laut. Pencarian ayahnya juga masih dilakukan sekelompok pencinta mamalia laut.

Aparat keamanan setempat tidak serius melanjutkan pencarian dari titik-titik terakhir ayahnya pernah terlihat—di pantai, di pasar, di penginapan, di kedai kopi, dan di hutan, karena atasan mereka mungkin terlibat dalam jaringan operasi itu dan pengendali jaringan adalah sekelompok orang yang dapat memengaruhi kehidupan di sebuah pulau, bahkan di sebuah negeri.

Tidak lama sesudah ayahnya dinyatakan hilang, sebuah kapal patroli berisi para ilmuwan yang menjaga lumba-lumba diserang kapal pemburu lumba-lumba. Dalam waktu berdekatan, seorang wartawan digantung sampai mati dengan ikat pinggangnya sendiri oleh orang-orang bayaran, karena ia menulis tentang perdagangan lumba-lumba. Peristiwa yang paling mengenaskan terjadi bulan lalu, seorang perempuan paruh baya yang tengah berjalan-jalan dengan anjingnya ditembak di pantai. Ia memimpin gerakan yang menentang penangkapan lumba-lumba untuk sirkus sejak usia muda. Situs berita yang didanai kartel menyebutkan lumba-lumba tidak terancam punah dan populasi hewan tersebut cukup besar hingga akhir zaman.

Tahun lalu, ia kembali menyelam di lokasi yang cukup dekat dengan kapal karam, yang pernah dikunjunginya bersama ayahnya. Pemandangan dalam air begitu jernih. Perasaannya campur aduk. Senang menyaksikan kehidupan di air. Sedih mengingat masa silam. Ketika memperoleh sertifikat menyelam, ia berusia 12 tahun. Ayahnya yang bangga berkata, "Kamu terhubung dengan laut, seperti bayi terhubung dengan rahim ibu." Seperti ia terhubung dengan ayah.

Ia melihat tiga tong besar yang dulu tidak ada di situ. Permukaan tong dilas. Mustahil dibuka. Perlahan-lahan ia berenang naik untuk meninggalkan lokasi penyelaman. Jantungnya berdegup kencang. Tiada sepatah kata pun diucapkannya kepada lelaki yang mengemudikan perahu. Setiba di darat, ia bergegas menemui kepala kampung terdekat. Wajah kepala kampung pucat pasi. Dalam tong itu, katanya, kemungkinan tubuh-tubuh manusia. Di masa tentara pemerintah dan tentara pemberontak saling serang, banyak orang hilang.

Apakah ayahnya dimasukkan dalam tong dan dibuang ke laut? Sebuah operasi yang rumit. Ia pernah membaca cerita tentang orang yang diculik dan dimasukkan ke mesin penggiling daging di sebuah pabrik untuk dijadikan kornet. Sejak ayahnya hilang, ia menjauhi kornet.

Penyelaman terakhirnya berlangsung kemarin di laut yang terletak dekat kampung terpencil, di sebuah semenanjung. Massa ikan bersisik perak, bigeye jack, berenang mengitarinya saat ia menembus pusat kolom, membentuk arus seperti sungai besar yang mengalir. Di tempat-tempat lain, ikan jenis ini biasanya berenang menjauh ketika penyelam mendekat.

Para nelayan di kampung ini pernah menangkap ikan terlalu banyak sehingga membuat laut nyaris keliabisan ikan. Mereka kemudian meminta pemerintah melindungi ikan-ikan, menjadikan laut mereka sebagai cagar laut. Ayahnya pernah datang ke kampung ini untuk menyelam di lautnya, jauh sebelum masa ikan-ikan nyaris menghilang lalu berkembang biak lagi. John Steinbeck, seorang penulis Amerika, juga pernah datang bersama teman karibnya, Edward Flanders Ricketts, untuk meneliti dan menulis sebuah buku menarik, *The Log from the Sea of Cortez*. Dalam buku itu, Steinbeck mengurai sedikit tentang damiana, minuman khas setempat. Malam nanti ia akan mencoba damiana, merayakan kenangannya terhadap ayah.

Besok, ia akan berangkat ke bandara untuk terbang pulang. Namun, ia akan terus menyusuri jejak ayahnya, merasakan suasana ataupun keadaan di tempat-tempat yang pernah atau mungkin dikunjungi lelaki itu, membayangkan pengalaman-pengalamannya, yang mengubah hidup mereka.

# BIOGRAFI

***Mardi Luhung***

*Mardi Luhung lahir di Gresik, Jawa Timur, 5 Maret 1965, merupakan salah satu penerima anugerah sastra Kusala Sastra Khatulistiwa, pada tahun 2010 melalui kumpulan puisinya, BUWUN/Bawean. Namanya masuk dalam Angkatan 2000 dalam buku karya Korrie Layun Rampan. Mardi Luhung lahir dan tumbuh di Kabupaten Gresik, Jawa Timur. Sejak duduk di SMP, dia sudah menulis puisi. Dan ketika di SMA (tahun 1984), beberapa puisinya sudah dimuat di majalah remaja HAI (Jakarta). Dia menyelesaikan pendidikannya di Jurusan Sastra Indonesia, Fakultas Sastra Universitas Jember. Ia memiliki bahasa ungkap cukup unik dalam puisi-puisinya, dan kerap bersentuhan dengan sastra wacan, semacam tradisi sastra macapatan pesisiran khas Gresik, Jawa Timur. Puisinya khas suara-suara pesisir yang berbicara secara terbuka, dan langsung apa adanya dengan menyemburkan diksi maupun imaji yang cenderung dihindari oleh mainstream perpuisian di tanah air karena dianggap kasar atau jorok. Ia, dengan santai, menulis 'tukang jagal', 'kelamin yang dikerat', 'mayat gembong', dan 'kencing' serta sederet ungkapan khas lainnya dengan logikanya sendiri, yang mampu membentangkan panorama kehidupan sosial pesisir yang keras. Sebagai penyair, Mardi Luhung tak henti memperluas dirinya sampai ke tapal-batas terjauh, bahkan hingga ke yang mustahil. Puisi-puisinya banyak tersebar di berbagai media, seperti Jurnal Kebudayaan Kalam, TUK Volume II Bertandang dalam Proses, Surabaya Post, HAI, Kuntum, Tebuireng, Memorandum, Kalong, Teras, Buletin DKS Kidung DK-Jatim, dan Karya Darma. Sedangkan buku-buku yang memuat puisinya adalah Antologi Puisi Indonesia 1997 (KSI), Angkatan 2000 dalam Sastra Indonesia, Horison Sastra Indonesia Kitab Puisi (2002), Bapakku telah Pergi (BMS, 1995), dan Mimbar Penyair Abad 21 (DKJ, 1996). Buku puisinya yang telah terbit antara lain Terbelah Sudah Jantungku, Wanita yang Kencing di Semak, Ciuman Bibirku yang Kelabu, dan Buwun. Sedangkan karya drama yang telah ditulisnya adalah Tumpat (1993), Transaksi (1994), dan Dari Tanah ke Tanah (1994). Beberapa karyanya sebagai berikut*

1. *Terbelah Sudah Jantungku,*
2. *Wanita yang Kencing di Semak, Ciuman Bibirku yang Kelabu, Buwun/Bawean,*
3. *Tumpat (1993),*
4. *Transaksi (1994),*
5. *Dari Tanah ke Tanah (1994)*

# *Amsal Tidur*

Mardi Luhung

Aku mencari pantai yang hilang. Ketika cuaca sedap. Dan ketikaaku menemukan jendela di lubang-belakang-kepalaku terbuka. Dan dari lubang itu, aku berkata: "Wahai, pantai yang hilang. Pantai yang ingin aku temukan lagi."

Pantai yang ombaknya pelan. Airnya jernih. Dan pantai yang di atasnya, burung-burung hitam beterbangan. Dan di dedasarannya, ikan-ikan warna-warni berselipan. Berselipan penuh semangat. Aku merasa, di sinilah aku perenang yang riang.

Timbul-tenggelam. Menarik-melepas. Tanpa lelah. Tanpa bosan.

Dan aku tahu, memang ada tiga sahabatku yang terus mengikutiku. Mengikuti dengan berlari di atas ombak. Tiga sahabatku yang saling susul-menyusul. Tiga sahabatku yang berbeda.

Yang pertama si tubuh bening. Yang kedua si punya cangkang di punggung. Dan yang ketiga, yang mudah bermalih jadi apa saja. Dan yang sering, bermalih jadi si kucing kecil. Si kucing kecil dengan bulu-bulu tebal, halus, merah dan agak keriting.

"Jangan terlalu cepat, hei!" teriak si kucing kecil. Si tubuhbening tertawa. Si punya cangkang tersenyum. Dan aku, pun berhenti dan menoleh. Waktu itu, ada juga benda terbang yang turun pelan-pelan dari ketinggian. Suaranya seperti dengkuran.

Kami berempat menatapnya. Dan kami tahu ada yang terbuka di satu sisi benda terbang itu. Dan ada makhluk yang menyeruak. Makhluk dengan perawakan kecil abu-abu. Dengan tiga mata. Dua hidung. Tanpa mulut. Tapi, kami tahu dia ingin apa. Mau apa?

"Kami cuma bermain-main. Setelah itu pulang. Jadi maaf, tak bisa ikut denganmu," ini kataku menjawab keinginan makhluk itu. Makhluk pun mengangguk. Terus menyentuhkan telunjuknya ke keningku. Dan seketika segalanya pun jadi gelap.

Dan itu membuat jendela di lubang-belakang-kepalaku tertutup. Aku pun terlempar ke dalam lorong. Lalu muncul di atas ranjang. Di dalam sebuah ruangan. Dan terdengarlah satu suara: "Lihat, penyair itu mulai bangun dari tidurnya."

Tapi aku merasa di sekelilingku tak ada siapa-siapa. Ruangan ini pun kosong. Yang jelas, entah bagaimana, rembulan yang tinggal setengah pun berputaran di langit-langit. Aku ingin menangkapnya. Tapi kedua tanganku kaku tak bergerak.

"Lihat penyair itu mungkin ingin menulis puisi!" kembali suara itu aku dengar. Tapi apa yang dapat aku tulis? Taka da. Dan ahai, tiba-tiba rembulan yang tinggal setengah itu membuka kantung perutnya. Menghamburkan apa saja yang disimpannya:

Pohon, gunung, jalan, rumput, sepur, kantor, kebun, uang, bengkel, bedug, mistar, obeng, botol, setrika, got, televisi, sepatu, sisir, kopi, kapas, obat, pulpen, gajah, bunga, koran, biawak, madu, politik, negara, kapal, mercusuar, hujan dan panas.

Semuanya menghambur. Dan semuanya menguruk diriku. Aku Megap-megap. Ingin menolak. Tetapi tak bisa. Dan aku terjebak Di dalam urukan yang tak terkira. Antara bernapas dan tidak, serasa tenggorokkanku tersumbat.

"Lihat penyair itu ingin tidur lagi. barangkali, 3.000 tahun ke depan dan bangun. Bangun di dalam sebuah hari. Di dalam sebuah kisah, ketika segala apa yang dipunyainya menjadi kuno. Dan mestinya hidup di waktu yang berbeda."

Waktu: ketika perairan sudah jadi daratan. Dan daratan pun Sudah jadi perairan.

# BIOGRAFI

***Mana Sikana***

*MANA SIKANA atau nama sebenarnya Abdul Rahman bin Napiah menulis cerpen sejak tahun 1964. Mulanya menganut realisme kemudian menjadi pelopor cerpen absurdisme pada tahun 1975. Setelah itu, beliau beralih kepada cerpen pascamoden dengan teks intertekstual, pastic, metafiksyen dan lotta. Pernah memenangi Hadiah Karya Sastera, Sastera Islam, Sastera Universiti Kebangsaan Malaysia dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia.*

*Beliau juga menulis drama (radio, televisyen dan pentas), novel dan esei kritikan. Menghasilkan sekitar 200 skrip drama radio, 50 skrip drama televisyen dan menerbitkan 14 buah kumpulan dan antologi drama. Banyak juga menghasilkan buku kajian sastera, terutamanya dalam bidang sastera Islam dan teori sastera. Dua buah teori ciptaanya ialah taabudiyyah dan teksdealisme. Pada tahun 2004, kerajaan Perak telah menganugerahinya Sasterawan Perak.*

## *Di Negeri Pembohong*

Mana Sikana

Lelaki itu datang menyampaikan berita bahawa sahabatku akan menemuiku. Tentu sahaja berita itu menggembirakan sekali gus memeranjatkan. Sudah lama benar kami tidak berjumpa. Kukira pertemuan terakhir kami pada kira-kira setengah abad yang lalu.

Sekala-sekala aku teringat juga kepadanya. Dia, sahabat karibku semasa bersekolah dahulu. Kami sekampung. Kami sama-sama membesar. Jiwanya didewasakan oleh naluri politik, justeru ayahnya orang kuat negara. Dalam pertemuan terakhir kami, dia memberitahuku, dia akan berangkat ke Amerika untuk melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah sains politik. Selepas itu, aku tidak lagi mendengar khabar beritanya. Perkembangan ayahnya pula dapat kuikuti melalui media massa bahawa setapak lagi dia akan menjadi Perdana Menteri Negara.

Ada waktu-waktunya sahabatku ini hadir juga dalam mimpiku. Wajahnya yang bulat dengan matanya yang hitam tajam, tiba-tiba menjadi bundar dan cair menjadi air. Kemudian muncul seekor raksasa memakan lendiran itu; membuat mimpiku memecah bagai pinar cahaya dikilau mentari.

Agak aneh juga apabila dalam mimpi yang lain, sahabatku itu memberitahuku melalui raksasanya bahawa dia menonton setiap pementasan dramaku.

"Dia berjanji akan menemui saudara, tapi dia hanya hadir dalam pementasan dramamu."

Belum sempat aku bertanya apa-apa, lelaki yang menyampaikan berita itu sudah berlalu, dan ghaib di sebalik rimbunan buluh.

Aku hanya mengangguk tanda faham.

Drama apakah yang harus kupentaskan? Pertanyaan itu tindih-menindih menerpa benakku. Ketika ini belum ada sebarang lintasan idea. Bagaimanapun aku akan terus menulis metasejarah, yang berbeza dengan drama sejarah dan historisisme.

Cuma kali ini, aku ingin jajarkan dengan sejarah perjalanan sahabatku itu. Aku akan melakukan penentangan mitos, iaitu demitifikasi terhadap dunia realiti dan mencipta sebuah negara utopia. Konon-kononnya, situasi itu berlaku di sebuah negara, yang diberi nama Mukka. Penduduk asalnya ialah bangsa Mikayu dan pernah dijajah sekian lama oleh Inggeris. Untuk mengambil emas dan minyak di perut bumi Mukka, penjajah ini mengimpot masuk warga asing sebagai buruh. Hampir setengah abad anak watan berperang dengan penjajah ini untuk mendapatkan kemerdekaan. Dengan darah dan air mata, Mikayu dapat memerdekakan Mukka, dan mulalah mengatur pemerintahan sendiri. Warga asing dan para buruh itu, tidak diberikan kerakyatan, mereka boleh pulang ke negeri asal, atau tinggal di Mukka tetapi tiada pemilikan kuasa politik.

Kata demi kata membentuk skrip.

Latihan pementasan kali ini agak rumit dan banyak gangguan. Watak Roman, sekembalinya dari luar negara dengan ijazah kedoktoran sains politik, masuk ke dunia politik untuk mencari rahsia pembunuhan ayahnya. Dia selalu sahaja sakit-sakit. Juga mengalami kesukaran untuk menghafal dialog yang kusediakan dengan ayat yang panjang-panjang dan diksi yang bertaburan. Nadanya bersemangat juga keras. Aku cuba mencari pelakon pelapis, namun sukar untuk memenuhi keperluan perwatakannya.

Watak Roman menjadi tokoh pusat dalam drama itu, tetapi bukan protagonist. Tidak ada peranan yang lebih besar daripada watak yang lain, semuanya sama sahaja. Aku memegang ajaran dekonstriksi tataan Derrida dalam rekonstruksi perwatakan.

Genesisnya dimulai dengan si ayah mahukan anaknya menjadi Perdana Menteri Negara, kerana si ayah yang setapak lagi akan menjadi menteri negara itu, sudah tahu hari kematiannya. Ususnya sudah hancur dimakan oleh racun. Musuhnya memelihara pembunuhnya.

Roman akhirnya ditugaskan untuk memburu pembunuh ayahnya.

"Aku datang hendak membayar hutang sejarah!" katanya dengan suara tinggi dan penuh ancaman.

Seterusnya dia mengangguk dengan wajah serius, "Memang aku datang untuk melangsaikan dosa sejarah."

"Mana satu yang betul, hutang sejarah atau dosa sejarah?"

"Kedua-duanya betul," tegasnya dengan nyaring.

Roman memandang tajam wajah Datuk Imliah, "Aku bersedia membantu Datuk … asalkan aku dapat membayar hutang sejarah itu."

"Tapi kita berbeza parti politik."

"Seagama tidak ada yang boleh membezakan kita."

"Engkau juga harus membantu aku, Roman."

"Cita-cita Datuk Imliah untuk menjadi Perdana Menteri Negara wanita pertama di negara ini akan terlaksana. Cuma saya tidak bersetuju cara Datuk mendapatkan pertolongan dan perlindungan daripada kuasa luar."

"Itulah satu-satunya cara untuk aku memenuhi hajatku itu."

Pada masa yang sama, Datuk Akil sedang berdiri di mimbar masjid dengan kain rentang "Undilah Partai Daulat Negara". Dia menyihir makmum pada hari Jumaat itu dengan khutbah besarnya untuk mengguling kerajaan yang ada sekarang, "Berilah peluang kepada saya menjadi Perdana Menteri Negara."

Semua orang bertepuk tangan. Oleh sebab amat jarang orang bertepuk tangan di dalam masjid, pecah bunyi tepukan itu sampai ke Kutub Utara dan Kutub Selatan. Dunia dengan cepat mengetahui bahawa Presiden Partai Daulat Negara juga memasang cita-cita untuk menjadi Perdana Menteri Negara.

"Ingatlah bahawa sesungguhnya kita ialah penduduk asal negara ini. Undilah Partai Daulat Negara!"

Profesor Jakum pula seorang yang memiliki fikiran idealistik terhadap tauhid, yang terkenal dengan teori pembentukan masyarakat dengan manhaj doktrin Islam, mahu menegakkan bumi syariah agar tidak lagi diperbudak oleh perundangan keduniawian, yang percaya bahawa Islam sejak zaman awalnya bersifat progresif dan revolusioner, berlaku dekadensi dan terjadi kejumudan pemikiran bagi memberikan segala jawapan terhadap semua pertanyaan serta memiliki solusi terhadap semua persoalan.

"Undilah Profesor Jakum untuk menjadi Perdana Menteri Negara!"

* * *

Seorang pengkritik sastera tanah air datang menemu ramah perihal drama yang akan dipentaskan itu. Pada mulanya sang dramatis itu menolak kerana pengkritik ini tidak mahir tentang sastera pascamoden. Dia tidak arif dengan genre pascamoden. Metafiksyen, pastis, parodi, realisme magis, intertekstual dan pelbagai gaya skizofrenia tidak ada dalam otak krtitikannya.

Dramatis itu mengangguk, mengira-ngira, bagus juga … ya, inilah masanya untuk mempromosikan karyanya.

"Drama metasejarah ini ditulis dalam bentuk karya yang tidak lagi mementingkan kronologikal peristiwa, sebaliknya menumpukan kepada gagasan kekuasaan, dimensi politik yang juga berunsur pascakolonialistik. Dari segi pembinaan watak tidak menggunakan sistem tekstual historikal, sebaliknya menggali semula perwatakan mengikut pusat watak, seperti yang dianjurkan oleh Derrida dalam teori dekonstruksi. Teks ini cuba mentafsir dan menginterpretasikan sejarah untuk memberi makna baharu, menelusuri siratan makna ganda (*double voice*), dan makna tambahan (*extention*), serta menghargai watak atau/dan peristiwa yang bersifat sesuatu yang lain (*the other*), dengan maknanya yang tersembunyi (*unspoken meaning*). Dengan itu, teks ini akan merungkai semula sejarah dan menyusun serta menstrukturkannya semula menurut keyakinan dramatisnya."

Pengkritik itu mencatat dalam buku notanya.

Peperangan telah terjadi antara dua kuasa besar dunia. Sebabnya mudah sahaja, berebut-rebut untuk mendapatkan kuasa minyak. Sebagai pengeluar minyak, negara ini juga terpaksa terlibat dengan peperangan itu. Situasi ini menjadi katalis kepada terjadinya konflik antara Perdana Menteri Negara dan timbalannya.

"Kita tidak boleh menyokong mana-mana negara yang beperang itu. Kita jangan salurkan minyak kepada mana-

mana pihak," ujar Timbalan Perdana Menteri Negara. Terheret kepada peperangan akan menjahanamkan kehidupan rakyat.

"Hal yang demikian ini bermakna kita tidak dapat menjual minyak dan kita akan bankrap."

Pertelingkahan dua orang penjana negara itu membawa seorang ke hulu dan seorang ke hilir.

Pertentangan itu memuncak dan mengalami perjalanan yang sama seperti yang dilalui oleh Hamlet. Shakespeare membunuh ayah Hamlet, raja negara itu; dan kemudian Hamlet menyedari bahawa wujud konspirasi antara ibunya dengan bapa saudaranya. Timbalan Perdana Menteri Negara itu dibunuh, sama sunnahnya dengan peristiwa racun dalam drama Shakespeare itu. Cuma yang berbeza ialah tidak diketahui siapa pembunuhnya. Roman dipertanggungjawabkan untuk mencari pembunuh ayahnya itu.

**Roman**: Engkau seorang lepasan psikologi neurologi, tentu dapat masuk ke dalam otak tragedi itu. Engkau seorang yang mahir dalam dunia risikan … pemikir dan jauh pandangan … engkau sudah terkenal dalam gerakan pembangunan wanita di negara ini. …engkau juga mempunyai bakat dan kebolehan sebagai ahli politik.

**Mariah**: Aku tahu engkau mahu menegakkan cita-cita murni seperti yang kautulis dalam tesismu itu. Hanya itu caranya untuk mengembalikan maruah bangsa yang telah hilang. Politik, jalan terbaik memartabatkan bangsa kita.

**Roman**: Mariah, aku ingin berterus-terang, sebenarnya aku sudah mendapat pelawaan Datuk Kasim al-Huji untuk menyertai partai politiknya, Partai Kemajuan Rakyat.

**Mariah**: Bukankah Datuk Kasim itu musuh politik ayahmu?

Tentulah ada teorinya dalam ilmu sains politik untuk mewajarkan, apa-apa yang dilakukan dalam situasi sekarang. Pengarah drama itu membiarkan Roman berdiri di atas bukit tiruan dengan cahaya kuning bercampur biru dan hijau menjadi wajah suram dan pucat pada senja yang tidak berpenghujung itu.

"Kemelut politik sekarang menggugat kedudukan Mikayu dan institusi raja". Kita memerlukan orang bijaksana menangani persoalan kemelut yang tidak pernah terjadi dalam sejarah kita. Kedudukan kita dicabar, perlembagaan dipermainkan dan ketuanan kita diperlekeh. Orang lain berlumba-lumba menyalakan api dan menimba keuntungan. Salah kita juga, berapa ramaikah menteri dan mantan menteri yang dibawa ke mahkamah dan ternyata melakukan rasuah? Lagi besar rencananya, lagi mega projeknya, lagi besar penipuannya. ... Memakan harta rakyat, berbilion-bilion banyaknya. Dulu jadi menteri, rupa-rupanya sempat menjadi penyamun".

Seperti biasa orang ramai bertepuk tangan.

Roman meneruskan ucapannya, "Kuasa kita akan hilang kalau kita berterusan begini. Terpecahnya kita kepada beberapa kumpulan politik dan berlaku perebutan kuasa menyebabkan kita bakal menjadi minoriti. Golongan agama pula menjual agama untuk kepentingan dirinya sendiri. Perjuangan di hadapan kita ialah mempertahankan kebenaran dan berjuang untuk mendaulatkan bangsa dan agama kita."

Semua pemegang watak pada malam kejadian itu berkabung, kerana tersebarnya beritanya, Tun Ternama Sahran diisytiharkan meninggal dunia. Roman kehilangan aksara dan dialognya pecah di muka. Ayahnya telah dibunuh. Ayahnya mengulangi sejarah yang banyak ditempuh oleh tokoh yang bakal menggantikan pemerintah.

"Malah, presiden Amerika pernah dibunuh. Khalifah dan amirul mukminin juga pernah menerima nasib yang sama."

Namun, Roman berasa ganjil, kerana inilah pertama kalinya kejadian itu berlaku di Mukka.

Dalam sebuah majlis di luar negara, ada rakyat yang diperintahkan berpesta kerana menyambut berita kematian itu. Keadaan ini memudahkan kerja Perdana Menteri Negara menjalankan tugas kenegaraan. Tidak ada lagi orang yang mengganggu dan menunggu. Pinggan tidak pecah walaupun sekian lama telah retak.

Kekhuatiran timbul juga dibenakku. Meskipun metasejarah membenarkan aku bermain-main dengan metafiksyennya, dengan pastic untuk menggalas alasan, dan menghadirkan rekonstruksi perwatakan Derrida yang dijalurkan oleh realisme magis dan Lotta yang nipis itu, tetapi ini ialah subjek pembunuhan, sementelah di sebuah negara yang amat sensitif.

Pada malam itu, lelaki itu datang lagi. Dia membawa pesan, sahabatku itu mahu memecahkan konflik pembunuhan ayahnya melalui drama yang akan dipentaskan itu. Dan, pada malam itu juga raksasa menjelma. Anehnya, kali ini raksasa itu tidak lagi muncul dalam mimpi, tetapi ketika aku sedang memikirkan bagaimanakah susuk naratif yang harus dibina sesuai dengan jalur narasinya.

"Keadilan mesti ditegakkan!" perintahnya dengan keras.

Aku jadi terpinga-pinga. Sekujur jasadku tiba-tiba bagaikan sebuah air terjun yang menyusur ke setiap sendi dan saraf. Suaranya yang garau dan lantang itu, sudah cukup menyempitkan nafasku.

Keadaan semakin sulit.

Perebutan empat orang yang mahu menjadi Perdana Menteri Negara di Mukka itu semakin dramatik dan penuh dengan teka-teki. Raksasa itu menyatakan bahawa Perdana Menteri Negara yang berkuasa sekarang mungkin telah membunuh pembantunya. Aku terpinga-pinga. Namun aku sedar, raksasa itu hanya menyatakan sebuah kemungkinan. Aku tidak sempat melihat raksasa itu kerana bagaikan kilat raksasa itu menghilangkan cahayanya.

"Negeri Mukkamu sedang menunggu-nunggu penglibatanmu Roman. Rakyat menaruh harapan kepadamu. Di tengah-tengah kehancuran dan peperangan, tiba-tiba ada suatu harapan," bisik Mariah kepada Roman.

Pengkritik drama yang menyaksikan pratonton majlis raptai penuh malam itu menjajarkan bahawa drama itu paralel dengan drama *Waiting For Godot* oleh Samuel Beckett, yang mencitrakan dengan rasa penuh kerinduan bahawa manusia menantikan Godot datang memberikan harapan dan mengeluarkan mereka daripada seribu masalah. Saat-saat manusia kehilangan pegangan, putus harapan dan tiada berarah, Godot memberikan cahaya baharu. Drama itu menjadi ungkapan universal, dan diterima sebagai drama pascamoden pertama dunia. Begitulah kehadiran Roman, seorang yang pintar, bijaksana dan berani dengan sifat perlanggaran dan keunggulannya yang membawa harapan. Harapan kepada negara dan bangsa!

Rakyat di pedalaman yang selama ini berteduh di lereng-lereng celahan bukit dan gunung, sudah mula diberi rumah dan makanan. Tindakan itu tandanya pilihan raya sudah hampir tiba. Datuk Akil, Datuk Imliah, dan Profesor Jakum sudah benar-benar bersedia menyingkirkan Datuk Kasim al-Huji, Perdana Menteri Negara yang sudah memegang tampuk kuasa lebih daripada setengah kurun itu.

Roman memberitahu ibunya bahawa dengan segala susah payah perisikan pakar Mariah, akhirnya dia dapat mengetahui siapa pembunuh ayahnya.

"Dalam perkara begini, engkau jangan terburu-buru. Siasat dalam-dalam."

"Darah mesti dibayar dengan darah, mak."

"Adakah engkau sudah mempunyai cukup bukti, Roman. Dulu, mak cakap, jangan masuk politik, kau degil masuk politik juga. Sekarang, tengok! Apakah yang sudah terjadi? Entah-entah tersilap langkah engkau pula nanti dibunuh mereka."

Pengkritik drama itu pun sudah menyediakan sebuah berita promosi yang tersiar di kebanyakan media massa. Pereka latar pun sudah merangka segala persiapan. Lebih-lebih lagi perlu menyediakan seutas tali sebagai trans yang akan digunakan oleh penjenayah untuk adegan pembunuhan. Kemudian memasukkan racun ke dalam mulutnya, agar ironi khalayak menerima asbabul nuzulnya peristiwa itu.

"Negara akan gempar," tulis pengkritik drama itu. Poster-poster yang sudah lama dicetak dan ditampal di papan-papan kenyataan seluruh kota dan desa menegaskan tentang aspek pembunuhan itu. Siapakah yang akan dibunuh, mengapakah dia dibunuh dan siapakah pembunuhnya?

Lelaki itu sekali lagi datang menyampaikan berita yang sama bahawa sahabatku itu pasti datang menemuiku pada malam pementasan itu. Cuma kali ini dia menambah, "Sahabat anda sentiasa mengikuti jejak perkembangan pementasan itu."

Aku tersenyum dan seperti biasa aku mengangguk.

"Dia pasti datang!" ulangnya menegaskan.

Aku menunggu-nunggu saat itu kerana seluruh perhatian dan persiapan telah kucurahkan demi ketibaan detik pertemuan itu.

Tiba-tiba Mukka digemparkan dengan berita yang mengejutkan pada pagi itu. Perdana Menteri Negara, Datuk Kassim al-Huji yang akan mempertahankan kerusinya didapati telah menghembuskan nafas terakhirnya. Media massa di luar negara rata-rata bagaikan kilat membuat spekulasi yang luar biasa. Perdana Menteri yang dikatakan telah membunuh Timbalannya pada suatu masa dahulu, mati ditembak. Pembunuhan itu dilakukan oleh penembak profesional yang didatangkan dari luar negara. Dalangnya, dari dalam rumah sendiri. Tentu ada acara sulit.

Mukka berkabung dengan pemergian itu, tetapi hari itu ialah hari pilihan raya pemilihan Perdana Menteri Negara seperti yang diwartakan mengikuti peraturan Suruhanjaya Pemilih Kerajaan, dan tetap akan berlangsung.

Pementasan drama itu sudah dilewatkan hampir setengah jam, namun sahabat yang kutunggu-tunggu itu masih belum tiba. Khalayak sudah mula gelisah. Tidak sahaja khalayak di dalam dewan, juga seluruh warga di negara Mukka, kerana pementasan itu berjalan serentak dengan siaran langsung.

Sejurus kemudian, lelaki penghantar berita, yang kini sudah menjawat jawatan setiausaha sulit, memberitahu "Roman disyaki membunuh Perdana Menteri Negara."

O!

"Tetapi tidak ada bukti!"

O!

"Majlis Tertinggi Partai Kemajuan Rakyat didorong oleh kehebatan dan menghargai jasa arwah ayahnya. Oleh sebab itu, Roman diminta bertanding untuk menjadi Perdana Menteri Negara."

O!

Aku tidak boleh bertangguh lagi, dan pementasan pun dimulakan tanpa menunggu sahabatku itu. Mereka yang terbiasa dengan metasejarah, tahu bahawa ini ialah kali ke-10 genre tersebut dipentaskan. Ufuk jangkaan mereka cuba memasuki jalur-jalur pembongkaran tekstualnya untuk masuk ke gua kontekstualnya. Katarsisnya pula terbolak-balik sambil mencuba mencari maknanya. Yang lainnya berasa geram dan marah dengan kezaliman, pembunuhan dan perebutan kuasa.

Tiba-tiba dewan yang sunyi sepi dipecahkan oleh tepuk sorak berpanjangan. Tepuk sorak itu juga sambung bersambung dengan khalayak di luar dewan, justeru masanya sama dengan pengisytiharan Perdana Menteri Negara pada saluran televisyen arus perdana. Siapakah yang akan menjadi Perdana Menteri Negara yang baharu? Adakah Datuk Akil, Datuk Imliah, Profesor Jakum atau Dr Roman?

Aku faham mengapa sahabatku tidak menghadiri pementasan dramaku itu walaupun dia sudah berjanji untuk menemui aku. Begitulah keputusan pilihan raya memilih Perdana Menteri Negara itu sama detiknya sama ada di dalam drama dan di dalam negara.

"Perdana Menteriiiii Negaraaa!" bagaikan guntur serentak suara itu bergema di seluruh negara. Khalayak bertepuk tangan.

Tiba-tiba, tidak aku sangka-sangka muncul sahabatku itu, dan orang ramai terus menyebut berulang-ulang kata-kata "Perdana Menteri Negara!"

Sahabatku itu menjeling senyum kepadaku.

Roman berjabat tangan dengan Roman.

# BIOGRAFI

***Marsli N.O.***

*Ramli Selamat atau lebih dikenali sebagai Marsli N.O merupakan anak jati Terengganu yang dilahirkan pada 7 Oktober 1957. Beliau mula melibatkan diri dalam bidang penulisan pada tahun 1975 dalam pelbagai genre seperti cerpen, novel, puisi, naskhah drama pentas, resensi buku dan rencana. Sering diundang sebagai pendeklamasi puisi serta pembimbing bengkel bagi melatih anak muda berkarya.*

*Karya-karyanya pernah memenangi Hadiah Sastera Utusan Public-Bank, Hadiah Puisi Kebangsaan Esso-Gapena, Hadiah Cerpen Maybank-DBP, Hadiah Sastera Perdana Malaysia, dan Anugerah Penghargaan Hadiah Satera Iman (HASDI).*

## *Ketika Sunyi Ini [Tanah Rata]*

Marsli N.O.

Kulihat pohon-pohon
di banjaran
dan lereng bukit
digigit dingin yang berkabut
ketika gerimis yang bersatu dengan senja
meluruhkan rintiknya dan alir air
yang berkelok di antara batu-batu di selokan
kulihat berwarna keruh dan sarat
menghanyutkan humas dari tanah
yang ditarah puncaknya.

Aku tahu
ada rindu yang memberat di dalam hatiku
mengenang kau yang jauh
dan senja yang semakin menjadi teduh
memaksa aku merehatkan lenguh
di tanah puncak ini.

Bersendiri aku di kamar
menikmati sunyi inI
dan ketika kulepaskan pandangku
keluar jendela,
kulihat seekor raksasa
berdiri dengan tangan perkasanya
meranapkan bikut
dan hutan yang permai.

MARSLI N.O



# BIOGRAFI

***Rosli K Matari***

*Rosli Nik Mat merupakan seorang penulis dan penyair yang tersohor. Beliau memilih nama pena Rosli K Matari bagi menyinari dunia sastera. Selain puisi, karyanya juga dalam pelbagai genre lain seperti skrip drama pentas, esei sastera kanak-kanak.*

*Pernah memenangi pelbagai hadiah seperti Hadiah Sastera Perdana Malaysia, Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank, Hadiah Penghargaan dalam Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU)-ExxonMobil, Penghargaan Karyawan Kelantan 2013, Sayembara Penulisan ITBM-Pena-BH Ke-24, Anugerah Sastera Negeri Kelantan, Anugerah Tokoh Seni Budaya Negeri Kelantan dan lain-lain lagi.*

## *Dari Barus Ke Quds Terlalu Payah, Akhirnya Dijumpa Di Dalam Rumah -Mengenang Hamzah Fansuri*

Rosli K Matari

Rumah ini pun, sudah cukup
kalau aku sanggup
merenung jauh, dalam
hatta, ke tengah kelam.

Tuhan itu ada tetapi tidak
seperti pelita hatta, api.

Atas apa majaz,
Tamthil mustahil pelita, api
tercipta, menyala sendiri.

Lagikan indah kerrawang, bertukang.
Bahkan, rumahku ini tiada wujud sendiri akan diri.

Tidakkah bayang
Daripada cahaya, terang?
Tidakkah cahaya daripada api, bersinar?
Tidakkah api menyala daripada pelita berkobar?

Apa beza, aku dan pelita?

Wujud, zahir kerana Pencipta.

Pencipta itu Ada,
seperti mithal jika pelita padam,
kelam, tetapi aku ada.

Aku Ada dalam gelita,
walau tidak nyata ditatap mata.

Jika akulah pula semithal pelita wahai Ilahi,
kupohon kasihani.
Engkaulah Tuhan,
Janganlah Kauhembuskan.

ROSLI K.MATARI

# BIOGRAFI

*Hamed Ismail*

**Catatan Untuk Pengarang**

*Hamed Ismail merupakan mantan Penyelia Kanan Skrip TV Eaglevision, Mediacorp. Beliau masih lagi memberi khidmat selaku Penasihat Skrip Drama TV, selain menjadi seorang penulis bebas. Dalam dunia penulisan, Hamed Ismail telah menghasilkan skrip drama radio, drama pentas, dan ratusan skrip drama TV, selain menghasilkan puisi, cerpen dan esei. Kumpulan puisi beliau yang berjudul Suara Dalam (2013) telah terpilih dalam senarai pendek untuk Hadiah Sastera Singapura.*

*Beliau juga telah menghasilkan sebuah novel berjudul Bunga Tanjong yang telah memenangi Hadiah Sastera Singapura (Merit) 2018 dan Hadiah Persuratan 2017 untuk skrip drama Televisyen. Beliau juga telah memenangi beberapa Hadiah Persuratan untuk cerpen, puisi, skrip drama TV dan pentas. Hamed Ismail pernah membentangkan kertas kerja untuk SAKAT (Mastera) di Brunei, Pesta Puisi ASEAN di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dan juga beberapa ceramah di Singapura.*

## *Serigala Halimunan, Kambing Hitam Dan Sepucuk Terakol*

Hamed Ismail

Suatu subuh yang hening, tiba-tiba terdengar ledakan peluru petunang yang telah dijampi dengan ayat-ayat suci, datang dari arah bukit itu. Bila diamat-amati oleh telinga setiap haiwan yang hidup di kawasan itu, mereka sebulat suara percaya bunyi letusan itu datang dari sebuah rumah pusaka milik keluarga Kambing Kacang. Bunyi pelurunya seperti kacang jatuh ke bidai. Ia tidak terbang ke udara menyasar pihak musuh. Ia terbenam di leher, di bawah dagu pemiliknya. Ada serpihan daging dan tompokan darah merah melekat di dinding rumahnya. Lepas itu suasana kembali senyap dan sepi. Tiba-tiba, lampu di ruang tamu rumah di atas bukit itu dinyalakan. Terdengar suara tangisan seekor kambing betina dan dua ekor anak-anaknya memecah suasana sepi itu. Itulah tangisan yang pertama dan terakhir yang mampu mereka dengar dari haiwan kambing. Sejurus kemudian, masuk sebuah jeep mayat dan kereta radio car. Mayatnya segera di bawa pergi bersama sepucuk terakol yang tergolong sebagai senjata antik yang telah menjadi hiasan sekian lama untuk para tetamu yang datang berkunjung ke rumah besar itu. Keesokan harinya, berita tentang kematian seekor bapa Kambing Kacang yang berjanggut panjang ditemui mati bunuh diri di ruang tamunya. Semua haiwan-haiwan yang sangat bergantung dengan berita yang datang dari pihak pemerintah percaya dan sedih akan kematiaannya. Tapi kenapa seekor bapa Kambing Kacang, yang terkenal sebagai haiwan yang waras dan pejuang bangsa kambing itu sanggup bunuh diri? Hingga sekarang, mereka tidak menemukan jawapan yang tepat. Hanya bermacam teori konspirasi yang masih berligar-ligar. Itu pun sekejap saja. Rumah besar itu tiba-tiba menjadi sunyi untuk kesekian lamanya kerana tidak ada tetamu yang sudi datang berkunjung lagi. Lima tahun kemudian, cerita kematiannya sudah pun dilupakan. Hanya seekor kambing betina, iaitu isteri kambing jantan itu yang tahu tentang cerita sebenar.

Kalau hendak diperhitungkan asal muasal ceritanya, dia tentu tidak boleh dipersalahkan. Dia bukan pembunuh atau pencuri harta milik haiwan lain. Silapnya, dia terlalu sayangkan bangsanya. Lebih tegas lagi dia tidak mahu haiwan lain memandang bangsanya jenis yang lemah atau bodoh. Malahan, masalah utama ini tentu tidak akan terjadi kalau dia tidak tinggal bersama keluarganya di pulau yang bentuknya macam buah mangga itu. Lebih khusus lagi, dia sekeluarga tinggal di sebuah rumah di atas sebuah bukit yang dirimbuni pohon buluh. Kita panggil saja negeri kecil itu Pulau Mangga untuk memudahkan sesiapa saja yang berminat untuk mengetahui susur galur sejarahnya. Itu pun sudah berlaku beratus tahun dulu. Sekarang, ramai yang sudah tidak ingat lagi. Ini disebabkan ketua yang memerintah Pulau Mangga itu sangat bijak laksana serta licik siasahnya.

Pihak pemerintah telah lama memikirkan suatu formula bagaimana hendak menyatu-padukan penduduk Pulau Mangga yang terdiri daripada Serigala, Musang Jebat dan Kambing Kacang. Dia sendiri adalah keturunan Kambing Kacang, golongan minoriti. Itulah yang diajar dan dibasuh otak haiwan pulau itu. Sekarang, dia dan keluarganya juga percaya yang mereka memang asal keturunan Kambing Kacang. Pemerintah pulau itu adalah dari jenis Serigala. Serigala sebenarnya merupakan binatang asing yang datang dari atas angin. Tiba-tiba, beratus-ratus tongkang datang berlabuh di muara sungai berisikan haiwan Serigala itu. Mereka datang bersama jenis haiwan lain yang dipanggil Musang Jebat. Musang Jebat ini kebanyakan dijadikan gundik atau betina simpanan untuk haiwan Serigala. Dulu, pulau itu pernah menjadi sebahagian dari Tanjung Benua, negeri yang banyak didiami Kambing Kacang. Kambing yang dulu tahu mengembek, menangis dan ketawa.

Lima tahun dahulu, bila siasah yang licik itu dihidu oleh pemerintah Tanjung Benua maka Pulau Mangga pun disingkirkan dengan bermacam sumpahan. Sebagai reaksi kepada perpisahan itu, pemerintah Pulau Mangga mengisytiharkan segala perjuangan bapa kambing itu dianggap sia-sia. Harapannya yang besar dan cemerlang tentang persekolahan anak-anak kambing menjadi tidak menentu. Tahun demi tahun, anak-anak kambing terpaksa belajar di sekolah yang mengajar bahasa Serigala. Tiap-tiap tahun juga, pemerintah Pulau Mangga mengadakan berbagai kempen. Misalnya, semua jenis haiwan yang menetap di pulau itu tidak dibenarkan memelihara janggut. Mereka yang didapati degil akan ditangkap dan disuruh potong janggut mereka. Memandangkan Pulau Mangga itu hanya sebuah pulau yang kecil, pihak pemerintah tidak menggalakkan mereka yang sudah berkahwin mempunyai ramai anak. Mereka disuruh berhenti melahirkan setelah beranak dua ekor, tidak kira jantan atau betina. Tidak ada masalah bagi haiwan Serigala kerana mereka boleh mengawan dengan Musang Jebat sepuas-puasnya. Kemudian, timbul kempen baru lagi. Semua anak-anak kambing tidak dibenarkan mengembek, menangis atau ketawa. Lama kelamaan, mereka yang berasal dari jenis Kambing Kacang pun turut percaya yang mereka memang tidak tahu mengembek, menangis atau ketawa. Hanya biji mata yang besar berwana hitam kekuningan yang mampu berbahasa bermacam emosi. Itu pun bagi haiwan yang faham tentang isyarat mata yang ditunjukkan oleh kambing-kambing kacang. Akhirnya, dia pun mula dilanda kemurungan. Tidurnya menjadi tidak menentu. Baru beberapa tahun dahulu, jalan untuk pergi ke rumahnya ditumbuhi dengan banyak pokok-pokok nangka. Daun pokok nangka itu menjadi kegemaran makanannya. Sekarang, pokok-pokok nangka itu ditebang untuk dibuat jalan dan dibina rumah-rumah yang besar milik haiwan Serigala. Anehnya, rimbunan pohon buluh yang menghadang pemandangan rumah besar atas bukit itu dibiarkan hidup subur.

Ramai juga jiran-jiran Serigalanya hendak membeli rumahnya yang terletak di atas bukit itu. Waktu malam bulan purnama, atap genting rumahnya kelihatan bercahaya disinari cahaya bulan. Disiang hari, atap genting dapat menahan haba panas dari terus masuh ke dalam rumah. Rumah itu cukup selesa didiami oleh keluarga Kambing Kacang yang dihormati oleh masyarakatnya. Mereka kata, dia tidak sepatutnya tinggal di rumah besar itu. Mereka menambah lagi bahawa dia adalah seekor Kambing Kacang dan Kambing Kacang hanya sesuai tinggal di sebuah kandang papan. Tapi, dia masih dapat bertahan. Wang ringgit tidak dapat menggoyahkan imannya. Lagipun, rumah itu adalah warisan datuk moyangnya. Dia tidak mahu ikut kambing-kambing lain yang terpedaya dengan wang ringgit dan menjual harta pusaka mereka kepada Serigala. Sekarang, mereka pun dah betah tinggal di kandang papan. Oleh kerana mereka sudah tidak tahu menangis, mereka pun dikatakan menjual harta pusaka mereka dengan rela hati.

Seminggu sebelum dia dijumpai mati bunuh diri, kemurungannya menjadi semakin memuncak. Saban malam dia berjalan keluar dari rumah dan berdiri lama di laman rumahnya, memandang ke arah pohon buluh yang hidup merimbun itu. Pokok bunga raya yang ditanam oleh isterinya sudah mula berbunga. Tapi dia sudah hilang minat untuk memandang kuntum-kuntum bunga yang berwarna darah itu. Ada lebih dahsyat lagi yang mengganggu hidupnya dari warna darah. Iaitu warna maut yang menghampiri rumahnya saban malam hari. Bunga-bunga raya itu turut mengejeknya: "Warna darahmu tetap berwarna merah juga". Pada mulanya, dia tidak mahu menceritakan kepada isteri dan dua ekor anaknya tentang apa yang dia lihat di celah-celah pohon buluh yang menyeramkan itu. Dia sendiri tidak pasti kecuali kilauan cahaya yang terbias dari cahaya bulan di malam hari. Lama kelamaan, dia semakin pasti bahawa cahaya itu bukan igauannya. Ia benar-benar wujud. Ia wujud kerana ternyata ada dua lembaga yang mirip seperti kambing kacang, jenis binatangnya. Tapi, dua ekor kambing itu memakai cawat besi baja dan membawa senjata. Kilauan cahaya itu datang dari cawat besi baja itu. Pada malam yang terakhir sebelum dua ekor kambing itu menghilangkan diri, seekor daripadanya mengeluarkan bunyi yang mengerikan, memecah kesunyian malam persis seperti seekor serigala. Barulah dia percaya bahawa lembaga itu hanyalah serigala jadi-jadian. Ia sebenarnya seekor kambing kacang halimunan.

Bapak Kambing mengambil keputusan menceritakan kepada isterinya dulu. Dia kata, hidupnya kini sentiasa diintip kerana perjuangan masa lalunya. Walaupun harapannya sudah berkecai, mereka masih sangsi tentang keberadaan dirinya di Pulau Mangga yang boleh menjadi biang keladi pada segala macam siasah pemerintah untuk memakmurkan Pulau Mangga. Bibit-bibit busuk yang masih ada di kalangan Kambing Kacang mesti dihapuskan. Dan dirinya kini adalah bibih-bibit yang dituduh seperti hantu di malam hari.

"Jadi itu rupanya yang buat abang menjadi murung?" Isterinya meminta kepastiaan.

"Tidak! Lebih dari itu. Abang khuatirkan masa depan anak-anak kita dan anak-anak Kambing Kacang," dia menjawab tenang. Tapi kedua biji matanya yang hitam kekuningan itu jelas tampak kesedihan.

"Boleh saya tahu kenapa abang bersusah payah hendak memperjuangkan perkara yang sudah dilupakan itu?" Tanya isterinya lagi.

"Awak tidak nampak ke? Anak-anak kita sudah tidak tahu mengembek lagi. Mereka diajar bagaimana membunyikan gonggongan serigala walaupun mereka tidak mempunyai taring untuk menyiat daging-daging mangsa. Selama ini, gigi kita dijadikan untuk mengunyah daun-daun dan pucuk kayu. Kalau mereka makan daging, daging itu tidak akan hazam… dan….dan….kita akan diserang penyakit lalu cepat mati," suaminya bercakap dengan perlahan dan satu persatu. Kepalanya yang berbulu lebat dan berjanggut itu di angguk-anggukkan beberapa kali ke tanah. Kemudian kedua-dua biji matanya memandang ke luar halaman. Dia takut cahaya cawat besi baja itu akan muncul lagi.

Bapa Kambing Kacang itu mengambil keputusan tidak bercerita dengan kedua ekor anaknya sebab mereka memang sudah lama tidak tahu mengembek. Mereka pun sangat gemar memakan daging. Dia benci melihat anak-anaknya mengunyah daging yang sudah direbus atau digoreng. Mereka seperti tidak terganggu langsung dengan bau hanyir yang datang dari daging tersebut.

Dua malam terakhir sebelum dia ditemui mati bunuh diri, dua ekor serigla (kambing) jadi-jadian itu muncul depan pintu rumahnya. Memang sah, mereka adalah jenis kambing yang menggelar diri mereka serigala halimunan. Bapa Kambing Kacang terpaksa membenarkan dua ekor tetamunya masuk dan duduk di ruang tamu. Seekor bertemu-bual dengannya dan seekor lagi memerhatikan segala barang perhiasan yang tersimpan rapi dalam beberapa buah almari yang diperbuat dari kayu jati.

"Kau masih pelihara janggut. Kau jenis kambing yang cukup degil," tetamunya yang duduk berdepan dengannya memulakan perbualan semacam ugutan.

"Aku masih mempertahankan hak seekor Kambing Kacang. Apa gunanya kambing jantan seperti aku tidak menyimpan janggut? Di mana aku hendak tayangkan muka aku depan masyarakat kita?" Kambing jantan itu menyoal tetamunya dengan harapan tetamunya kembali sedar siapa dirinya yang sebenar.

"Semua kambing-kambing yang tinggal di Pulau Mangga hidup senang dan suka dengan Serigala. Kau hendak apa lagi? Kau ada rumah besar yang terbina atas bukit yang indah. Anak-anak kau belajar di sekolah yang ternama. Mereka tahu menggonggong seperti seekor serigala. Isteri kau sangat beruntung kalau hendak dibandingkan dengan isteri-isteri kambing yang lain. Dia amat menyayangi kau, dan aku percaya, kau juga amat menyayangi isteri kau." Jelas serigala jadi-jadian bermain teka-teki dengannya. Bapak Kambing masih menggarap apa tujuan sebenar disebalik percakapan itu.

"Aku tidak memandang itu semua sebagai kemewahan. Aku akan lebih berasa bahagia kalau anak-anak aku dan juga kambing-kambing yang lain kembali mengembek, bukan menggonggong."

"Kau masih hidup di masa lampau. Kau seekor kambing yang kecewa dan tidak dapat terima kenyataan yang Pulau Mangga sudah mempunyai pemerintah yang sah dan tidak lagi bersama Tanjung Benua. Kau tak bangga ke yang Pulau Mangga sekarang lebih maju dari Tanjung Benua? Kenapa kau tak boleh mengabsahkan sejarah?" Kini serigala halimunan itu sudah menjelaskan niat sebenarnya datang bertamu malam itu.

"Sejarah dibikin oleh haiwan-haiwan yang menang." Dia menjawab dengan suara yang kurang jelas. Tapi telinga serigala jadian itu cukup tajam.

"Kau akan susah nanti. Isteri kau akan susah dan anak-anak kau akan lari tidak mahu tinggal bersama orang tua yang tolol dan kolot seperti kau."

"Aku tidak akan berasa susah. Malah lebih aman kalau kau dua ekor tidak mengintip dan mengganggu hidup kami." Dia juga sudah tidak mahu berselindung lagi.

"Kami hanya menjalankan tugas. Satu hari, anak cucu kau tentu lebih menghargai jasa-jasa kami berdua."

"Kau berdua adalah lebih hina dari seekor anjing jalanan!"

"Awas mulut kau tu! Kau tak tahu mengembek tapi masih lancang menghina sesama haiwan."

Rakannya tiba-tiba datang dan duduk sebelah kawannya. Matanya tepat memandang tuan rumah itu. "Kau gemar menyimpan barang-barang antik, termasuk keris-keris pusaka dan terakol. Boleh aku tahu, apakah terakol itu masih boleh digunakan lagi?"

"Aku harap aku tidak menggunakannya untuk membunuh haiwan lain, dan ini termasuk kau dua ekor."

Dua ekor serigala halimunan itu berjalan keluar tapi sempat memberi amaran bahawa mereka akan datang lagi sekiranya dia masih tidak berganjak memperjuangkan bangsa Kambing Kacang yang minoriti itu.



"Sebelum kami pergi, kami nak ingatkan kau yang kami tahu tentang perkara yang boleh menjatuhkan maruah kau. Kalau kau berdegil juga, cerita kau dengan Kambing Hitam akan menjadi berita sensasi. Waktu itu, bukan saja dua ekor anak kau akan lari, isteri kau juga mungkin akan mati terperanjat." Dia tidak sempat bertanya tentang Kambing Hitam kerana dua ekor serigala halimunan itu cepat menghilang bersama angin malam.

Cerita tentang Kambing Hitam itu membuatkan dia tidak dapat tidur semalaman. Itu menambahkan kemurungannya bila peristiwa dia bersama Kambing Hitam itu mula menerawang di fikirannya. Ya… dia mula ingat lagi. Ia berlaku semasa dia begitu giat memimpin sebuah jemaah kambing-kambing kacang yang sealiran dengan perjuangannya. Mereka mahu pihak pemerintah memberikan kebenaran agar anak-anak Kambing Kacang dibenarkan belajar bahasa mengembek hingga ke peringkat tinggi. Tapi perjuangannya tidak mendapat restu sebaik saja Pulau Mangga terpisah dari Tanjung Benua. Kini dia bukan saja kecewa tapi bimbang dan takut. Dia telah membuat hubungan sulit dengan Kambing Hitam yang bertindak sebagai setiausaha sulitnya. Kambing Hitam yang dimaksudkan itu ialah seekor kambing betina yang muda dan langsing. Asal usulnya berbangsa Musang Jebat. Dia lebih gemar bertindak seperti seekor kambing kerana bulu badannya berwarna hitam kecuali di bahagian bawah ekornya yang pendek itu dan juga alat kelamin betinanya yang ditumbuhi bulu berwarna kuning keputihan.

Suatu hari, semasa semua ahli jemaah sudah pulang, setiausaha sulitnya datang terkinja-kinja menyinggul badannya. Ekor pendeknya terjungkit naik ke atas. Hidung Bapak Kambing cepat terhidu bau betina yang menggoda itu. Sebagai seekor kambing jantan yang gagah, berahi jantannya terasa dipompa. Dia terus datang menonggang Kambing Hitam itu dari belakang.

"Kenapa abang tak tidur semalaman. Abang lebih banyak berdiri di ruang tamu?" Tanya isterinya.

"Abang telah melakukan kesilapan. Semasa abang memperjuangkan jemaah kambing-kambing kacang dulu, abang telah mengawan dengan setiausa sulit abang. Kau tentu tahu, seekor kambing jantan yang gagah seperti abang boleh mengawan sebanyak sepuluh kali dalam satu hari. Tapi abang hanya mengawan dengannya sebanyak tiga kali kerana abang masih teringat yang abang mempunyai seekor isteri yang baik dan taat dengan abang." Buat pertama kali, isterinya nampak suaminya mengalirkan airmata.

"Saya gembira kerana abang berterus terang dengan saya. Saya gembira yang abang hanya mengawan dengan setiausaha sulit abang itu sebanyak tiga kali dan yang tujuh kali itu masih bersama saya."

Dia datang merapati isterinya dan menggeselkan badannya ke badan isterinya itu. Dia cuba menghidu bau betina isterinya tapi ternyata isterinya tidak bersedia. Isterinya mahu tahu lebih dari setakat mengawan. "Itu cerita lama. Tentu tidak ada sesiapa yang tahu tentang cerita silam abang yang memalukan itu?" Isterinya cuba membujuk.

"Setiausaha sulit itu sebenarnya bekerja untuk serigala halimunan. Segala maklumat perjuangan abang telah sampai kepada mereka. Setiausaha sulit abang itu benar-benar seekor Kambing Hitam."

"Jadi mereka hendak menghancurkan hidup kita?"

"Mereka hendak bunuh abang kalau abang masih hendak mengajar kambing-kambing kacang mengembek."

"Nampaknya abang tidak ada pilihan. Kita terpaksa ikutkan kemahuan mereka. Yang penting kita masih hidup bahagia di rumah pusaka ini."

"Sama ada mereka bunuh abang atau abang yang bunuh mereka."

"Jangan bang! Hubungan sulit itu tidak membahayakan nyawa abang. Saya tak mahu abang digantung sampai mati kerana membunuh serigala halimunan itu." Isterinya merayu sedih. Kini, giliran isterinya yang mengalirkan airmata. Apa yang menyukakan mereka berdua ialah sepasang suami-isteri itu mula mengembek penuh berahi dan bapa Kambing Kacang itu pun menunggang isterinya sebanyak tujuh kali.

Keesokan malamnya dua ekor serigala halimunan itu muncul dengan sinar mata yang bengis kemerah-merahan. Seekor daripada mereka mengambil terakol yang tersimpan dalam almari itu. Dia membawa beberapa biji peluru penabur yang diperbuat dari timah hitam. Dia melantakkan peluru itu ke dalam muncung terakol. Kemudian dia berikan terakol itu kepada Kambing Kacang.

"Sebaik saja kami berjalan keluar, kau harus acukan laras terakol ini ke leher kamu sendiri. Jika tidak, kami sendiri akan bunuh kau sekeluarga."

Keesokan subuh. Kambing Kacang dikatakan telah bunuh diri. Anehnya, sepucuk terakol hilang besama serigala-serigala halimunan itu.

Inilah cerita sebenar yang diceritakan oleh isteri Kambing Kacang kepada kedua-dua anaknya yang sudah besar dan berjaya. Peristwa itu berlaku pada tahun 1970an. Isterinya sudah mula diserang dementia. Maka itu dia tidak pasti tarikh yang sebenarnya. Tapi dia tidak pernah lupa mengingatkan pesanan seekor bapak kambing kepada kedua-dua ekor anaknya ialah "Biar sejauh mana kejayaan yang kau capai tapi jangan sesekali menjadi seekor Kambing Hitam."

Sekian.
(Antologi Gerimis di Kota Pelangi , ASAS 50, Singapura, 2017 )

# BIOGRAFI

***Isa Kamari***

*Isa Kamari telah menghasilkan sembilan novel Melayu dan senaskhah novel Inggeris. Novel-novel Melayunya telah diterjemah ke bahasa Inggeris, Turki, Urdu, Hindi, Arab, Bahasa Indonesia, Jawi, Thai dan Mandarin manakala dua daripada tiga kumpulan puisi dan sekumpulan eseinya mengenai puisi Melayu Singapura telah diterjemah ke bahasa Inggeris. Isa juga telah menghasilkan sekumpulan skrip teater, dua naskhah skrip drama televisyen bersiri, sekumpulan cerpen dan lirik bagi dua album lagu. Isa telah menerima S.E.A Write Award (2006), Pingat Budaya Singapura (2007), Anugerah Tun Seri Lanang (2009) dan Anugerah Sastera Mastera (2018).*

## *Keris*

Isa Kamari

Heppp!
Genggam erat hulu keyakinan
Cucuk pesi hasrat ke rebung waktu
Hias pendokok dengan ukiran jatidiri
Sepuh hati emas pada ganjar bersilang
Sambut semangat gagah pada belalai gajah
Pastikan kerewang kemas biar bergerigis
Renung tunggak semi pada pangkal niat
Tabur beras tumpah ada pamor kehidupan
Lengkapkan triwarna dengan hujan emas
Menari ikut luk hayat yang lumrah ganjil
Junjung kesetiaan bilah pada dahi
Biar tajam tikaman pada sasaran
Yakin sekali terhunus amanat terlaksana
Sarung diri dengan perhiasan adab
Bersihkan karat nista dengan kasturi
Langirkan tingkah dengan semerbak atar
Asapkan firasat dengan kemenyan siap siaga
Selitkan citra pertiwi di pinggang
Hepp!
Pantang pendekar pantang satria
Berundur sebelum bertarung
Pantang ajal sebelum disambut
Kalimah dan mantera budi
Tetap dijunjung
Tetap disanjung
Ciiss! Ayuh, maju!

(halaman 25, Mantera yang Hilang)



# BIOGRAFI

***Rasiah Halil***

*Rasiah Halil seorang penyair, penulis, penterjemah, editor dan pendidik. Diterbitkan sejak 1972, karya-karyanya mendalami isu-isu sosial dan kemanusiaan. Selain enam bukunya, tulisannya boleh ditemui dalam buku bersama dan media massa. Sejak 1983, karya-karyanya diberi beberapa hadiah termasuk Anugerah Tun Seri Lanang pada 2017. Rasiah mengikuti Program Penulisan Antarabangsa, Universiti Iowa, melalui biasiswa Fulbright pada 1995.*

*(57 perkataan)*

## *Tahun-Tahun Itu*

Rasiah Halil

50 tahun lalu Martin Luther King ditembak di Motel Lorraine, Memphis, Amerika Syarikat setelah membangkitkan soal hak sivil, asasi setelah menyuarakan hal keadilan, demokrasi sebutir peluru bagai menyingkatkan segala – & berleluasa teori domino, hipokrasi, penjajahan selari dengan budaya hippi, antiperang, tunjuk perasaan.

Siapakah yang sebenarnya terbunuh pada tahun-tahun 60-an itu John Kennedy, Malcolm X, Martin Luther King, Robert Kennedy atau sebilangan kitakah yang mereka wakili yang idealistik, luhur, berperisaikan harapan yang mahu memercupkan keadilan, kesejahteraan tanpa berpestanya pelbagai senjata di Vietnam, Asia, Timur Tengah, Afrika & ada pula dihanyuti marijuana, muzik, filem, fesyen teori-teori pencarian diri, eksperimental tika ada rumah tangga runtuh kehidupan bercelaru, hancur & kenangan tiba-tiba pecah bak buih sabun.

Kitakah yang masih teringat tahun-tahun 60-an tika ada usia dipintas, ada tiba-tiba ditamatkan insan-insan yang kita sayang & mereka berempat JFK = 46, MX = 39, MLK = 39, RFK = 43* diselubungi kesedihan, tanda tanya, tengkarah betapa jika mereka dilanjutkan usia disokongi insan-insan serupa mungkinkah dunia kita semakin sejahtera dengan berkurang atau tiadanya peperangan perluasan empayar golongan umpama Ku Klux Klan pengganasan kebencian tegar & fitnah yang tiada tara?

Betapa setelah tahun-tahun 60-an itu masih kita teringatkan keempat-empat tokoh & mereka yang cuba menghidupkan keihsanan, keadilan sebagaimana diteladankan Sang Pesuruh kerana biar sekecil kerikil, segagah gunung betapa pun perbezaan itu akan tetap wujud kemanusiaan kita lebih menyala, menyeluruh meski kezaliman menjarah bumi menggelegak pembunuhan lumrah nilai jungkar balik & dalang-dalang semakin rasuk dimabuki darah.

*JFK – John F. Kennedy [29 Mei 1917 – 22 November 1963], MX – Malcolm X/ Malik Shabazz [19 Mei 1925 – 21 Februari 1965], MLK: Martin Luther King [15 Januari 1929 – 4 April 1968] dan RFK – Robert F. Kennedy [20 November 1925 – 6 Jun 1968].

Ditulis: 5 – 8 April 2018
Bedok, Singapura
Tulisan: Rasiah Halil.

MAJLIS BAHASA